JOHOR CORPORATION

LAPORAN TAHUNAN

# 2014

# BERSAMA KITA TERAJUI MASA DEPAN

*Membina dan Membela*

ڤربادنن جوهر

Perbadanan Johor

# BISNES UTAMA/STRATEGIK

## BISNES KULIM

Diterajui Kulim (Malaysia) Berhad. Ditubuhkan pada 1933 di United Kingdom sebagai Kulim Rubber Plantations Limited. Aktiviti utama: Perladangan (kelapa sawit), Intrapreneur Ventures serta minyak dan gas (O&G). Strategi pengurusan dan pertumbuhan Kulim berpandukan pada Visi 30:30.

## BISNES KESIHATAN PAKAR

KPJ Healthcare Berhad adalah kumpulan penjagaan kesihatan dan perubatan pakar swasta terbesar di Malaysia. Ia tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sejak 1994. Menguruskan 25 hospital swasta di Malaysia; Jakarta, Indonesia (dua); Dhaka, Bangladesh (satu) selain melabur sejumlah saham di sebuah hospital swasta di Bangkok serta sebuah hospital dan pusat penjagaan warga emas di Brisbane, Australia. Didokong lebih 1,000 pakar perubatan dan 11,000 anggota pekerja.

## BISNES MAKANAN DAN PERKHIDMATAN RESTORAN

Diterajui QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd. Aktiviti utama: Bisnes makanan dan perkhidmatan restoran. Jumlah anggota pekerja: 30,000 orang. Melaksanakan rantaian nilai yang bersepadu sepenuhnya. Pemegang francais dan pengendali rangkaian restoran KFC di Malaysia, Singapura, Brunei, Kemboja dan sebahagian di India. Pemegang francais dan pengendali rangkaian Pizza Hut di Malaysia dan Singapura. Terlibat secara meluas dalam industri penternakan ayam melalui aktiviti pengeluaran makanan ayam, penghasilan baka dan pengurusan ladang kontrak ayam daging, pusat penetasan dan pemprosesan produk hiliran berasaskan ayam jenama AYAMAS, serta pelbagai perniagaan lain termasuk kilang roti, komisari, pengeluaran sos jenama Life dan syarikat pengedaran QSR Trading Sdn Bhd.

## BISNES PEMBANGUNAN HARTANAH

Diterajui Johor Land Berhad sejak 1972 melibatkan pembangunan hartanah kediaman dan komersil dengan 1,214 hektar tanah simpanan di lokasi strategik dalam Iskandar Malaysia. Projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan ialah Bandar Dato' Onn, Bandar Tiram, Taman Seroja, Taman Damansara Aliff, Bandar Baru Majidee, Larkin Central Park, Kempas, Bandar Baru Tampoi, Pasir Gudang dan Sri Gading di Batu Pahat. Melaksanakan konsep pembangunan mapan dengan menyediakan kediaman berkualiti serta kejiranan beridentiti sendiri untuk pelanggan dalam setiap perbandarannya serta menyediakan ruang serta lokasi komersil yang strategik untuk perniagaan. Menjayakan Dasar Perumahan Rakyat Johor menerusi pembinaan 8,000 unit perumahan mampu milik Johor (RMMJ) bermula dari 2013 hingga 2020.

### PELABURAN

- **DAMANSARA ASSETS SDN BHD**
  Menjalankan aktiviti pelaburan hartanah komersil dan pengurusan bangunan khususnya pusat beli-belah, bangunan pejabat, terminal pengangkutan, bazar, kompleks sukan dan resort.
- **AL-'AQAR HEALTHCARE REIT**
  REIT Islamik pertama di dunia dan REIT Islamik berkaitan kesihatan pertama di Asia.

### INDUSTRI

- **TPM TECHNOPARK SDN BHD**
  Membangunkan kawasan perindustrian dan berperanan sebagai pengurus projek Johor Corporation. Terlibat dalam perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur. Merupakan ejen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik Johor Corporation.
- **PELABUHAN TANJUNG LANGSAT**
  Pelabuhan Tanjung Langsat ("TLP") seluas 405 hektar merupakan pintu masuk dan tulang belakang kepada Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat (TLIC).

  TLP menyediakan perkhidmatan pelabuhan kepada industri yang beroperasi di TLIC dengan keluasan hampir 2,000 hektar.

## BISNES INTRAPRENEUR

Skim ini adalah pendekatan Johor Corporation dalam usaha mewujudkan budaya berbisnes terutama di kalangan anggota pekerja dan masyarakat luar yang mempunyai minat berbisnes.

# VISI

- Membina dan Membela

# MISI

- Perbadanan pelaburan negeri yang me negeri dan negara melalui entiti bisnes ya dengan mengambilkira kepentingan mas
- Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bi berdaya saing, menjana keuntungan sert
- Berperanan sebagai pemangkin kepad seterusnya menempa kejayaan untuk m pelaburan negeri.
- Menyumbang dan meningkatkan keseja bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab

# RASIONAL MUKA HADAPAN




**Bersama Kita Terajui M**

Setelah hampir 45 tahun status konglomerat, Joh beberapa bisnes utama serantau. Menginsafi ha meneruskan komitmen transformasi dan melak entiti ini terus menerajui menggerakkan inisiatif p melunaskan tanggungja

## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN



**Johor Corporation diiktiraf melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan kebangsaan mahupun antarabangsa sepanjang 2014.**

**ANUGERAH**

The BrandLaureate Awards 2014-2015

**KATEGORI**

Billion Dollar Brand

**PERNYATAAN**

- Kategori Billion Dollar Brand diperkenalkan buat julung kalinya untuk mengiktiraf jenama terulung yang mencapai perolehan melebihi RM1 bilion.
- Johor Corporation merangkul anugerah ini berdasarkan prestasi kewangan cemerlang di peringkat Kumpulan apabila mencatatkan perolehan hampir RM7 bilion dan keuntungan sebelum cukai berjumlah lebih RM1 bilion pada tahun kewangan berakhir 2013.
- The BrandLaureate Awards adalah anugerah dan pengiktirafan bertaraf antarabangsa anjuran Asia Pacific Brands Foundation (APBF) yang mengiktiraf kekukuhan jenama sesebuah konglomerat berdasarkan kepada spektrum penjenamaan yang berjaya di peringkat Kumpulan.



Mengoptimum

# POTENSI UNTUK MASA DEPAN KITA



## 1968

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) ditubuhkan.



## 1970

Memulakan operasi dengan pinjaman RM10 juta dari Kerajaan Negeri Johor.



## 1988

Pengambilalihan Kemajuan Intisari Sdn Bhd dan ditukar nama kepada Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd.



## 1991

Masjid An-Nur Kotaraya siap dibina dan merupakan masjid pertama di Malaysia dalam kompleks beli-belah.



## 2010

Johor Corporation meraikan sambutan 40 tahun penubuhannya.



## 2014

Pembukaan Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC kepada pengunjung.

Pembukaan 'Angry Birds Activity Park Johor Bahru' di KOMTAR JBCC dan yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

Penyenaraian E.A. Technique (M) Berhad di Bursa Malaysia.

# VISI

- Membina dan Membela

# MISI

- Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif dengan mengambilkira kepentingan masyarakat.
- Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.
- Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mapan dan seterusnya menempa kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.
- Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab korporat.

## RASIONAL MUKA HADAPAN




**Bersama Kita Terajui Masa Depan**

Setelah hampir 45 tahun diwujudkan dan mencapai status konglomerat, Johor Corporation kini menerajui beberapa bisnes utama dalam negara malah pasaran serantau. Menginsafi hakikat itu, Johor Corporation meneruskan komitmen untuk merealisasikan pelan transformasi dan melakukan inovasi bagi memastikan entiti ini terus menerajui masa depannya dalam bisnes, menggerakkan inisiatif pembangunan negeri serta iltizam melunaskan tanggungjawab korporat.

# CIRI-CIRI BAHARU DI DALAM LAPORAN TAHUNAN INI

Kami memberi ruang kepada pengulangan agar pembacaan anda tidak terlalu kerap terganggu. Walaubagaimanapun, kami juga telah menyediakan rujukan silang. Ikon ini memberitahu di mana anda boleh mencari maklumat yang berkaitan di dalam laporan kami.

Kod QR ini menghubungkan anda dengan maklumat yang boleh diakses menerusi telefon pintar anda, seperti layar ke maklumat lanjut mengenai topik-topik tertentu. Muat turun aplikasi dalam telefon pintar anda, imbas gambar kod pada laman yang berkaitan dan ia akan dibuka dalam pelayar (Safari, Google Chrome atau lain-lain) di telefon bimbit anda menerusi “Bakodo” atau “i-nigma” untuk iPhone, “QR Code Scanner Pro” untuk BlackBerry® dan “Barcode Scanner” untuk Android.

Laporan ini boleh diakses di laman web www.jcorp.com.my

i-nova

Ikon ini akan membantu anda mengimbas dengan pantas bidang di mana pencapaian kami adalah memuaskan dan di mana pencapaian yang kurang memuaskan supaya anda boleh menantikan penambahbaikannya dalam laporan akan datang.

Enam cara mudah untuk mengakses lebih banyak maklumat daripada Laporan Tahunan Johor Corporation 2014:

1. Lakukan carian i-Nova App daripada Apple App Store atau Google Play menggunakan telefon pintar anda.
2. Klik pada aplikasi (app) tersebut dan muat turun. (Periksa peranti anda untuk memastikan kesesuaian sebelum memuat turun).
3. Sebaik sahaja selesai muat turun, klik dan buka untuk melancarkan Augmented Reality (AR) App.
4. Klik pada butang “start” i-Nova App untuk melancarkan kamera AR.
5. Cari “AR Icon” di dalam laporan ini dan lakukan imbasan menggunakan kamera AR untuk membolehkan anda mendapatkan kandungan interaktif AR.
6. Anda boleh klik pada butang interaktif untuk mencari kandungan tambahan.

# FAKTA SEPINTAS LALU

## MAKLUMAT KORPORAT

**Jumlah Anggota Pekerja**

63,157

**Jumlah Syarikat Yang Tersenarai Di Bursa Malaysia**

4

**Jumlah Syarikat Aktif Dalam Kumpulan**

271

**Jumlah Pengarah Di Dalam Kumpulan Termasuk Wanita**

379

## PERANAN ENTITI KOMERSIL

**Jumlah Pesakit Yang Telah Dirawat**

Di Hospital KPJ Dalam & Luar Negara

2,814,530

**Jumlah Hektar Sawit Bertanam**

Dalam Dan Luar Negara

47,729

**Jumlah Rangkaian Restoran**

Dalam & Luar Negara

810 KFC | 456 Pizza Hut

**Jumlah Unit Rumah Yang Dibangunkan**

31,062

**Jumlah Dana Amanah Hartanah**

580 Juta Unit

**Jumlah Ruang Niaga Yang Diwujudkan**

(Pasar, Bazaar, Pusat Beli-Belah)

2,510,989 (kps)

## PERANAN PEMBANGUNAN

## PELAKSANAAN TANGGUNGJAWAB KORPORAT

**Bilangan Kawasan Perindustrian**

31

**Bilangan Syarikat Beroperasi**

1,214

**Jumlah Dana Disalurkan Untuk Program Tanggungjawab Korporat**

>RM100
Juta

**Jumlah Pelaburan Diterima**

RM63
Bilion

**Peluang Pekerjaan Yang Diwujudkan**

184,000

**Jumlah Masjid**

5 | 17,000
Ahli Kariah

**Jumlah Hektar Tanah Perindustrian**

5,799.6
Hektar

**Jumlah Kapal Berlabuh**
Di TLP Bagi Tempoh 2012-2014

2,179

**Jumlah Pesakit Dirawat Di Klinik & Hospital Waqaf An-Nur**

1.09
Juta Orang

**Jumlah Unit Rumah Mampu Milik Yang Telah Dibangunkan**

12,758

# KANDUNGAN




**SEKSYEN 1**
**Penyata Korporat** 6

**SEKSYEN 2**
**Mengenai Johor Corporation**

Profil dan Maklumat Korporat 14
Struktur Bisnes & Korporat 16
Lembaga Pengarah 18
Profil Lembaga Pengarah 20
Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah 22
Jemaah Lembaga Tawaran Dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding 23
Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU) 24
Jawatankuasa Teraju Korporat 26
Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) 28
Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS) 30

**SEKSYEN 3**
**Prestasi Kewangan**

Ringkasan Prestasi Kewangan 2010-2014 (JCorp) 32
Ringkasan Prestasi Kewangan 2010-2014 (Kumpulan) 33






## SEKSYEN 4
**Prospek**


| | |
|---|---|
| Laporan Ekonomi | 34 |
| Bisnes KULIM | 35 |
| Bisnes Kesihatan Pakar | 42 |
| Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran | 49 |
| Bisnes Hartanah | 50 |
| • Pembangunan Bercampur | 51 |
| - Johor Land Berhad | |
| • REIT | |
| - Damansara Assets Sdn Bhd | 55 |
| - Al-‘Aqar Healthcare REIT | 57 |
| Bisnes Intrapreneur | 59 |
| Pembangunan | 60 |
| • Rumah Mampu Milik | 62 |
| • Industri | 64 |
| - TPM Technopark Sdn Bhd | |
| - Pelabuhan Tanjung Langsat | |
| • Usahawan | 66 |
| • Modal Insan | 67 |


## SEKSYEN 5
**Tadbir Urus Korporat**


| | |
|---|---|
| Penyata Tadbir Urus Korporat | 68 |
| Laporan Jawatankuasa Audit | 72 |
| Penyata Kawalan Dalaman | 74 |
| Penyata Pengurusan Risiko | 76 |


## SEKSYEN 6
**Tanggungjawab Korporat** 78

## SEKSYEN 7


| | |
|---|---|
| Peristiwa Penting | 90 |
| Liputan Johor Corporation Dalam Media | 92 |


## SEKSYEN 8
**Penyata Kewangan** 94









# PENYATA KORPORAT



# PENYATA KORPORAT






## TERUS BERDAYA TAHAN

**Pelan Transformasi Strategik 2013-2022 telah membuahkan kesan positif dan daya ketahanan kepada Johor Corporation ("JCorp") ketika dihambat ketidaktentuan ekonomi global serta kejatuhan harga komoditi. Sebaliknya, JCorp terus bergerak lancar ke arah memperkukuhkan kehadirannya di rantau ASEAN melalui bisnes asas/ strategik - Perladangan, Kesihatan Pakar, Makanan & Perkhidmatan Restoran serta Hartanah - di mana ini membolehkan JCorp untuk bersaing dengan lebih baik dalam skala lebih besar dan dalam masa sama, mencapai status hutang sifar menjelang 2022.**

Sepanjang 2014, JCorp terus memperkukuhkan kelangsungan dan keberkesanan pelan transformasi 10 tahun itu antaranya dengan menyediakan peruntukan RM800 juta kepada bisnes asas tersebut dalam bentuk perbelanjaan modal. Pada masa sama, JCorp telah meneroka bisnes dalam industri sumber tenaga sebagai satu segmen bisnes yang berpotensi menjana aliran pendapatan baharu pada masa hadapan. Ianya sangat signifikan kepada kami dalam melaksanakan projek yang bakal memberi manfaat kepada rakyat Johor dan merealisasikan iltizam menjadi sebuah entiti yang menerajui mana-mana industri diceburi.

### PRESTASI KEWANGAN

Kumpulan JCorp mencatatkan prestasi memberangsangkan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014 dengan Keuntungan Sebelum Cukai di peringkat Kumpulan sebanyak RM627 juta serta perolehan berjumlah RM4,695 juta. Sebanyak 82 peratus perolehan disumbang oleh segmen Perladangan, Kesihatan Pakar serta Hartanah. Penyata ini menunjukkan prestasi hebat ketiga-tiga bisnes asas tersebut walaupun digugat kejatuhan komoditi dan minyak mentah selain peningkatan kos operasi dan pengurusan selaras dengan perkembangan bisnes asas yang dinyatakan.

# PENYATA KORPORAT




Bisnes Perladangan menunjukkan prestasi yang baik sepanjang 2014 walaupun harga minyak sawit merudum pada separuh kedua tahun tersebut. Harga purata minyak sawit mentah yang dicapai pada 2014 adalah RM2,370 bagi setiap tan metrik berbanding RM2,472 bagi setiap tan metrik tahun sebelumnya, kesan daripada kemerosotan harga minyak mentah, permintaan yang lebih rendah dari China dan senario global yang mencabar. Prestasi Bisnes Perladangan adalah didorong oleh peningkatan hasil Buah Tandan Segar (BTS) sebanyak 4.10 peratus dan kadar pengekstrakan minyak (OER) kepada 20.6 peratus dalam Kumpulan pada 2014.

Bisnes Kesihatan Pakar turut mencatatkan prestasi yang kukuh sepanjang 2014 dengan perolehan sebanyak 13 peratus kepada RM2.641 bilion berbanding RM2.331 bilion pada tahun sebelumnya. Ia disebabkan tiga faktor utama yang menyokong permintaan perkhidmatan penjagaan kesihatan iaitu pertambahan populasi, kadar jangka hayat yang lebih baik serta peningkatan kumpulan berpendapatan sederhana serantau termasuk di Malaysia. Sepanjang 2014, keuntungan sebelum cukai bisnes ini mencapai RM215.8 juta – bertambah 36.7 peratus berbanding RM157.7 juta pada 2013.

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran pula terus mengembangkan pasaran dan mengukuhkan mutu perkhidmatan rangkaian restoran KFC dengan menambah 54 restoran baharu (termasuk pemindahan 14 restoran) dan menaiktaraf 95 restoran sedia ada bagi merealisasikan komitmen untuk menyediakan suasana dalaman restoran yang segar dan memikat pelanggan.

Dalam bisnes pelabuhan, Pelabuhan Tanjung Langsat ("TLP") semakin berkembang pesat dan menjadi tumpuan pelabur industri minyak dan gas (O&G) didorong kemasukan pelaburan bernilai tinggi. Peningkatan kapasiti pengeluaran dicapai hasil penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan yang membolehkan TLP meningkatkan daya saing dalam bisnes pelabuhan khusus melalui sembilan dermaganya. Dijangka memulakan operasi pada Ogos 2015, dermaga 8 dan 9 bakal menjana penambahan 10 juta tan metrik atau 56 peratus kapasiti penyimpanan daripada 18 juta tan metrik kepada 28 juta tan metrik.

Mengenai pembangunan perindustrian – selain penjualan dan penjanaan perolehan daripada tanah perindustrian, JCorp melalui TPM Technopark Sdn Bhd ("TTSB") aktif dalam perancangan untuk terus membangunkan kawasan perindustrian baharu termasuk perluasan Zon 5 di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat (TLIC), kawasan perindustrian baharu dalam lingkungan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) dan perluasan Kawasan Perindustrian Sedenak.

Dalam sektor pembangunan hartanah, KOMTAR Johor Bahru City Centre (KOMTAR JBCC) memulakan operasi pada 2014 sekaligus memberi sumbangan positif terhadap perolehan Kumpulan JCorp di samping merealisasikan aspirasi kerajaan negeri untuk mentransformasi Johor Bahru menjadi sebuah metropolis bertaraf antarabangsa menjelang 2020.

# PENYATA KORPORAT

## PERSEKITARAN OPERASI

Tahun 2014 menyaksikan pertumbuhan lebih tinggi di Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU) di mana ekonomi dunia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.3 peratus berbanding 3.0 peratus pada 2013.

Keadaan kewangan yang semakin tegang dan aktiviti perkilangan yang semakin perlahan di China menyebabkan Malaysia merekodkan pertumbuhan KDNK lebih rendah iaitu 7.4 peratus berbanding 7.8 peratus pada 2013. Pertumbuhan sederhana dalam ekonomi global dan China selaku pengguna komoditi terbesar menjadikan permintaan minyak mentah serta minyak sawit berada pada tahap kurang memberangsangkan pada 2014. Hal ini bertentangan dengan jumlah bekalan yang banyak bagi kedua-dua komoditi itu sehingga membawa kepada ketidakstabilan harga minyak mentah Brent dan minyak sawit mentah.

Harga minyak mentah Brent merudum dari harga tertinggi pada 2014 iaitu USD115 setong kepada USD55 setong sekaligus harga terendah sejak Mei 2009. Harga minyak sawit turut jatuh selepas mencapai harga tertinggi sejak 18 bulan iaitu RM2,916 bagi setiap tan metrik pada Mac 2014 kepada harga terendah sejak 5½ tahun lalu iaitu RM1,914 bagi setiap tan metrik pada September 2014.

Namun di sebalik semua peristiwa ini, masih ada sinar dalam suasana kelam ekonomi. Malaysia menunjukkan pertumbuhan sederhana dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 6 peratus pada 2014 hasil perbelanjaan sektor swasta berbanding 4.7 peratus pada 2013. Sehubungan itu, JCorp terus fokus untuk mengekalkan pertumbuhan demi sumbangan yang lebih signifikan terhadap pembangunan Johor khususnya.



## PERISTIWA KORPORAT

Pada akhir 2014, Kulim (Malaysia) Berhad ("Kulim") melangkah maju ke arah mengembangkan lagi segmen O&G. Setelah memutuskan untuk melepaskan pegangan sebanyak 48.97 peratus dalam New Britain Palm Oil Ltd ("NBPOL") bernilai RM2.8 bilion, syarikat itu memperuntukkan sebahagian besar hasil jualan tersebut untuk meningkatkan dan mengembangkan lagi sayapnya dalam segmen O&G.

Selepas mencapai persetujuan dalam memorandum persefahaman dengan PT Graha Sumber Berkah ("PT GSB") pada 2013, Kulim bersama PT GSB dan PT Radiant Bukit Barisan E&P telah menandatangani Perjanjian Operasi Bersama pada 2014 untuk meneroka serta membangunkan sumber O&G di blok barat daya Bukit Barisan Sumatera Tengah. Pada masa sama, Kulim terus melabur dalam bisnes perladangan dengan mewujudkan ladang kelapa sawit di Indonesia.

Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") pula mencatatkan perkembangan signifikan menerusi pembukaan rasmi UTC Johor di Galleria@Kotaraya pada 3 Julai 2014. Pusat sehenti itu menempatkan lebih 34 agensi utama kerajaan, kemudahan awam, perkhidmatan sektor swasta dan perkhidmatan berkaitan kerajaan untuk warga Johor.

Penyenaraian E.A. Technique (M) Berhad di Bursa Malaysia pada 11 Disember 2014 juga merupakan satu lagi peristiwa korporat yang bersejarah kepada JCorp kerana ia membuktikan kecemerlangan program pembangunan syarikat intrapreneur kami dalam menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti selain kepercayaan pelanggan serta penguasaan pasaran.

Sementara itu pada November 2014, Syarikat Pengangkutan Maju Berhad ("MAJU") telah merangkul anugerah *Special Merit Operator* dalam kategori Operator Bas Terbaik pada Anugerah Simposium Pengangkutan Awam Darat 2014.

Turut bermakna, JCorp menempa satu lagi pencapaian signifikan pada 2014 apabila konglomerat ini diiktiraf sebagai jenama peneraju di rantau Asia Pasifik setelah merangkul anugerah *The BrandLaureate Award 2014-2015 – Billion Dollar Brand*. Dianjurkan oleh Asia Pacific Brands Foundation, pemenang anugerah *Billion Dollar Brand* perlu unggul pada kedudukan teratas dalam sektor operasi yang diceburi dan beroperasi di peringkat antarabangsa. Penerima anugerah ditentukan menerusi pelbagai kriteria termasuk strategi penjenamaan, budaya penjenamaan dan prestasi penjenamaan.

# PENYATA KORPORAT

## SEKURITI MAKANAN KIAN KRITIKAL

Ekoran bekalan makanan dan iklim yang tidak menentu, usaha mencari penyelesaian serta melaksana penambahbaikan terhadap sektor pertanian menjadi lebih kritikal dalam memastikan sekuriti makanan yang terjamin di Malaysia. Menginsafi hakikat ini, JCorp semakin komited membantu kerajaan untuk merealisasikan visi kemandirian negara dalam industri penternakan lembu dan ayam. Ini mendorong JCorp menubuhkan Ihsan Permata Sdn Bhd ("IPSB") pada 2012 dan KARA Holdings Sdn Bhd ("KARA") pada 2014. Menerusi KARA dan IPSB, JCorp dapat memfokuskan kepada Industri Bekalan Ternakan Halal dan rantaian nilai tambah serta bekalan lembu melalui fidlot di samping memastikan kualiti dan keselamatan produk yang dihasilkan.

Kenaikan harga makanan yang tinggi pada 2008-2009 mendorong kerajaan meningkatkan penghasilan sekuriti makanan. Ini turut merangkumi peningkatan produktiviti sektor ternakan lembu bagi mencapai sekurang-kurangnya 40 peratus kemandirian dalam bekalan lembu pedaging. Untuk itu, IPSB mensasarkan untuk meningkatkan penghasilan dan pembekalan baka lembu menerusi fidlot yang memantau operasi dan pengurusan fidlot – dikenali sebagai fasiliti penggemukan lembu yang dimiliki Jabatan Perkhidmatan Veterinar ("JPV"). Bagi mempertingkatkan rantaian nilai perkhidmatan fidlot, IPSB turut bekerjasama dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera ("TERAJU") dan JPV bagi menyediakan pembiayaan dan infrastruktur untuk peserta agropreneur.

Menerusi Skim Satelit, 10 agropreneur dari 21 ladang penternakan di Johor yang terlibat dalam skim itu telah menerima pembiayaan pada 2014. Ladang tersebut terletak dalam lingkungan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di tiga daerah iaitu Muar, Segamat dan Kota Tinggi.




Bagi meningkatkan penglibatan dan membangunkan industri penternakan lembu pedaging yang mapan, IPSB membekalkan baka kepada agropreneur terpilih. Setakat ini, enam agropreneur telah menerima sejumlah 1,008 lembu import dari Australia bagi pusingan pertama.

**JCorp semakin komited membantu kerajaan untuk merealisasikan visi kemandirian negara dalam industri penternakan lembu dan ayam**

**40 peratus**

kemandirian dalam bekalan lembu pedaging

**21 ladang**

penternakan di Johor



# PENYATA KORPORAT



## KEMAHKOTAAN DYMM SULTAN JOHOR

Kemahkotaan DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 23 Mac 2015 disambut dengan pelbagai majlis keraian. Dengan asimilasi ajaran Islam, kebudayaan Melayu dan pengaruh Barat, istiadat yang berlangsung di Istana Besar Johor Bahru itu menyaksikan Kemahkotaan Sultan Ibrahim sebagai pemerintah Johor Moden kelima sementara DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah dimahkotakan sebagai Permaisuri Johor yang merupakan kali pertama gelaran Permaisuri diperkenalkan di Johor.

Sebagai peneraju bisnes, perusahaan dan komponen jentera pembangunan di negeri ini, JCorp dan syarikat dalam Kumpulan turut menyokong penganjuran acara dan majlis keraian itu sebagai tanda menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada DYMM Sultan Johor.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Tahun 2015 menjadi detik bersejarah kepada 620 juta penduduk di seluruh negara ASEAN. Pelancaran Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada akhir 2014 menyaksikan 10 negara ahli akan mengambil langkah liberalisasi bagi membolehkan pergerakan bebas barangan dan perkhidmatan yang bakal membantu mengekalkan pertumbuhan pesat ekonomi serantau dan memberikan akses sama rata terhadap peluang dalam mewujudkan kemakmuran di kalangan warga ASEAN.

Sebagai tuan rumah ASEAN 2015, Malaysia mengetuai integrasi AEC melalui langkah-langkah liberalisasi seperti penghapusan polisi tarif dan perlindungan termasuk mengurangkan subsidi untuk mencapai aspirasi ASEAN sebagai pasaran liberal. Langkah liberalisasi itu akan membantu mengimbangi harga minyak dan membantu merangsang kepelbagaian ekonomi Malaysia di samping industri pelancongan, perkilangan dan elektronik yang kukuh.

Bank Negara Malaysia mengunjurkan ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sederhana dengan jangkaan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.4 hingga 5.5 peratus sepanjang 2015 ini berdasarkan pertumbuhan ekonomi tidak sekata di negara maju. Oleh kerana AS dijangka akan meningkatkan kadar faedah maka Ringgit turut dijangka menjadi semakin lemah.

Berikutan pendedahan kepada kadar tukaran matawang asing dan hasrat untuk menerokai pasaran melangkaui sempadan, nilai Ringgit yang lemah mampu memberi impak terhadap prestasi kewangan JCorp pada masa hadapan. Bagaimanapun, kami yakin boleh mengendalikan sebarang risiko matawang yang wujud daripada pertukaran berdasarkan Pelan Transformasi Strategik 2013-2022 JCorp yang memberikan ketahanan kewangan bagi menyerap perkembangan yang sukar. Contoh - bagi segmen hospitaliti dan pelancongan kesihatan, Ringgit yang lemah memberi kelebihan yang signifikan kepada JCorp yang telah lama kukuh dalam bisnes itu untuk memanfaatkan kepesatan industri pelancongan kesihatan negara.

Mengenai sumber tenaga pula, satu tempoh di mana harga minyak mentah yang lebih rendah dijangka berlaku sekurang-kurangnya pada separuh pertama 2015 disebabkan pengeluaran yang tinggi di negara utama pengeluar minyak. Dengan harga minyak mentah mungkin berada pada tahap stabil dalam lingkungan USD60 hingga USD70 setong, maka suasana harga rendah semasa ini dijangka membolehkan kerajaan untuk terus mengurangkan subsidi minyak dan penjimatan itu boleh disalurkan kepada sektor penting bagi pembangunan rakyat.

# PENYATA KORPORAT



## TADBIR URUS KORPORAT

JCorp komited untuk meletakkan piawaian tertinggi dalam tadbir urus korporat demi kemapanan pertumbuhan jangka panjang serta memelihara kepentingan pemegang saham dan pihak yang berkepentingan. Bagi mencapai maksud ini, JCorp telah memperluaskan tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit selari dengan penubuhan dua jabatan baharu iaitu Jabatan Pengurusan Kesinambungan Bisnes; serta Jabatan Inspektorat.

Di samping itu, tadbir urus korporat yang sedia ada telah diperkuatkan dengan penubuhan sebuah jawatankuasa baharu – Jawatankuasa Menilai Maklumat – untuk mengkaji dan menilai informasi atau aduan yang diterima, sama ada melibatkan jenayah, pelanggaran kod etika dan pelaksanaan bisnes atau sebaliknya.

Antara komitmen JCorp dalam menyokong usaha kerajaan memerangi rasuah dan amalan tidak beretika ialah dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat pada 26 November 2013. Lanjutan itu, 'Polisi Tiada Hadiah dan Keraian' telah dilaksanakan pada 21 Julai 2014. Polisi ini bertujuan menerapkan integriti dan mengelakkan konflik kepentingan bagi mana-mana pihak dalam urusan bisnes sedia ada atau yang berpotensi di antara JCorp dan syarikat dalam Kumpulan dengan pihak luar. Maklumat terperinci mengenai inisiatif tadbir urus korporat dan polisi kawalan dalaman dipaparkan pada bahagian berkaitan dalam Laporan Tahunan 2014 ini.

## MODAL INSAN

JCorp komited melahirkan modal insan berwibawa sejajar peranannya membangunkan sosio-ekonomi rakyat Johor khasnya dan Malaysia amnya memandangkan tenaga kerja terlatih dilihat sebagai antara faktor penentu apabila sesuatu bisnes memilih lokasi untuk operasinya yang bernilai tinggi.



Pada awal Februari 2015, JCorp melancarkan inisiatif dengan matlamat melahirkan akauntan bertauliah menerusi *Johor Corporation Chartered Accountancy Programme* (JCAP) yang melibatkan peruntukan berjumlah RM7.2 juta.

Menerusi program ini, semua peserta dapat memperolehi kelayakan Perakaunan Bertauliah sekaligus menyumbang kepada kumpulan modal insan berkelayakan tinggi dan profesional yang diperlukan untuk menyumbang kepada pencapaian dinamik negara, industri dan firma perakaunan itu sendiri.

Dalam perkembangan serupa, JCorp memperuntukkan RM16 juta sebagai biasiswa kepada 100 pelajar yang kurang berkemampuan setiap tahun menerusi *Johor Corporation Education Sponsorship Programme* (JESP) untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda khususnya dalam bidang ekonomi, kejuruteraan, undang-undang dan perakaunan.

## TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Sebagai sebuah konglomerat, JCorp menginsafi tanggungjawab utamanya adalah untuk memberi sumbangan terhadap negeri Johor dan rakyat melalui program tanggungjawab korporat (CR) yang komprehensif hasil pertumbuhan bisnes yang baik.

Dalam menzahirkan komitmen terhadap program CR, JCorp memperuntukkan lebih RM100 juta melalui pelbagai program kemanusiaan dan sumbangan sepanjang 2014.

# PENYATA KORPORAT

Antara CR JCorp ialah menerusi program kemasyarakatan seperti Jalinan Ukhuwah An-Nur yang menghubungkan anggota pekerja JCorp dengan masyarakat setempat melalui aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.

JCorp juga yakin berada di atas landasan yang tepat untuk terus menyokong aspirasi kerajaan negeri membina lebih banyak rumah mampu milik untuk rakyatnya. Sepanjang 2014, JCorp menerusi anak syarikatnya, Johor Land Berhad menyiapkan sebahagian daripada 8,000 unit yang dijanjikan.

Bagi memperkasa budaya dan membentuk sahsiah, JCorp mengambil inisiatif menaja penerbitan 10,000 naskhah akhbar Mingguan Utusan Melayu Jawi selama 54 minggu untuk diedarkan kepada semua sekolah menengah dan kaunter awam di Johor dengan matlamat memastikan legasi tulisan Jawi mampu bertahan merentas generasi masa hadapan.

## SEKALUNG BUDI

Sejak 2013 lalu, JCorp bekerja keras untuk mentransformasikan entiti ini menjadi sebuah perbadanan yang disegani. Pencapaian pada 2014 tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan Kerajaan Johor, Kerajaan Malaysia dan semua pemegang kepentingan kami yang berkaitan. JCorp amat menghargai semua pemegang saham senaraian awam dan institusi yang membuat pelaburan dalam syarikat tersenarai dalam Kumpulan dan telah menyatakan atau memberikan sokongan terhadap semua pelan korporat dan transaksi bisnes sepanjang 2014.

Penghargaan dan terima kasih di atas segala sumbangan yang tidak ternilai selain panduan, kebijaksanaan serta kepakaran seluruh Ahli Lembaga Pengarah yang berjaya meletakkan entiti ini di atas landasan kukuh dalam meneruskan operasi bisnes, melaksanakan peranan serta memberikan perkhidmatan berkualiti dan mempertingkatkan rantaian nilai dan sinergi bisnes demi semua pemegang kepentingan mahupun masyarakat amnya sepanjang 2014.

JCorp juga berjaya mengekalkan rekod cemerlang dalam aspek diversiti gender di kalangan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan atasan dengan perwakilan 25 peratus wanita di peringkat pengurusan atasan dan 33 peratus di peringkat Lembaga Pengarah, lebih tinggi daripada kadar purata di peringkat nasional.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Obet Bin Tawil dan Yang Berbahagia Datuk Mohd Hashim Bin Abdullah yang masing-masing bersara sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 9 April 2014 dan 7 Julai 2014. Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami mengucapkan terima kasih kepada dua tokoh ini di atas sumbangan yang amat berharga terhadap pertumbuhan entiti ini saban tahun.

Begitu juga, JCorp mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Ismail Bin Karim, yang dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Johor yang baharu. Pada masa sama, JCorp turut merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Binti Yusoff, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah yang baharu pada 15 April 2015.

## PENGHARGAAN

Penyertaan lebih 63,000 anggota pekerja Kumpulan JCorp dalam semua proses operasi dan pengurusan membolehkan entiti ini bertapak kukuh di sebalik persekitaran yang mencabar dan sengit.

Anggota pekerja Kumpulan JCorp juga telah berupaya mengendalikan operasi sedia ada dan pada masa sama menjayakan satu transformasi besar dari segi organisasi mahupun individu bagi menghasilkan kejayaan ini. Tidak dilupakan juga perhargaan ditujukan khas kepada anggota pekerja kami sama ada barisan pengurusan mahupun sokongan di atas segala komitmen, dedikasi serta kesetiaan yang diberikan sehingga berjaya meletakkan Kumpulan JCorp di atas persada kejayaan yang terus membanggakan.

Ketika berjaya mendepani pelbagai cabaran yang dihadapi, JCorp sentiasa sedar mengenai kepentingan untuk terus menambahbaik dan melakukan inovasi dalam usaha membina bisnes berkualiti yang bakal memberi manfaat kepada rakyat Johor.



**DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**
Pengerusi
Johor Corporation



**DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

16 April 2015

# PROFIL & MAKLUMAT KORPORAT

**Pejabat Berdaftar**
**JOHOR CORPORATION**
Level 11, Menara KOMTAR,
Johor Bahru City Centre,
80000 Johor Bahru,
Johor, Malaysia.
Telefon : +607-219 2692
Faks : +607-223 3175
ISO Faks : +607-224 2692
Emel : pdnjohor@jcorp.com.my

**Pejabat**
**JOHOR CORPORATION**
CAWANGAN
KUALA LUMPUR
Level 11, Menara JCorp
No 249 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur,
Malaysia.
Telefon : 03-27872692
Faks : 03-27872700

**Juruaudit**
**Ernst & Young**
Suite 11.2, Level 11
Menara Pelangi
80400 Johor Bahru
Johor.

**Bank Utama**
MAYBANK
Lot M1-22
106-108 City Square
Jalan Wong Ah Fook
80000 Johor Bahru
Johor.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.jcorp.com.my




* Pembangunan KOMTAR JBCC mengikut ilustrasi artis.

# PROFIL & MAKLUMAT KORPORAT



**Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun melalui Enakmen Perbadanan Johor Bil. 4, Tahun 1968 (Pindaan No. 5, Tahun 1995).**

Sebagai sebuah konglomerat negeri, Johor Corporation melalui syarikat dalam Kumpulan menceburi bisnes utama merangkumi sektor:
- KULIM - Kulim (Malaysia) Berhad.
- Kesihatan Pakar (Prisihatin) - KPJ Healthcare Berhad.
- Makanan & Perkhidmatan Restoran - QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd.
- Pembangunan Hartanah - Johor Land Berhad, Damansara Assets Sdn Bhd, TPM Technopark Sdn Bhd & Tanjung Langsat Port Sdn Bhd.
- Bisnes Intrapreneur.
- Hospitaliti.

Johor Corporation menjadi peneraju pasaran tempatan dalam beberapa bisnes utama dan telah mengembangkan operasi ke seberang laut.

Bisnes KULIM memiliki operasi dan kepentingan bisnes di:
- Malaysia : 51,160 hektar
- Indonesia : 40,645 hektar

Bisnes Kesihatan Pakar yang diterajui melalui KPJ Healthcare Berhad di dalam negara, telah dikembangkan sehingga ke:
- Jakarta, Indonesia
- Brisbane, Australia
- Bangkok, Thailand
- Dhaka, Bangladesh

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran pula melebar dari Malaysia ke:
- Singapura
- Brunei
- Kemboja (Phnom Penh)
- India (Mumbai, Pune, Nashik & Aurangabad)

Bilangan Syarikat Tersenarai di Bursa Malaysia:
4 syarikat

Kulim (Malaysia) Berhad (23370-V) KPJ HEALTHCARE BERHAD

AL-'AQAR HEALTHCARE REIT E.A. Technique

Jumlah Syarikat: 364
Bilangan Syarikat Aktif Dalam Kumpulan: 271

Jumlah Anggota Pekerja: Seramai 63,157 orang

# STRUKTUR BISNES & KORPORAT



# STRUKTUR BISNES & KORPORAT

## BISNES UTAMA

- 54.96% Kulim (Malaysia) Berhad
- 48.97% New Britain Palm Oil Ltd
  - * Pelupusan Ekuiti Telah Dimuktamadkan pada 26 Februari 2015
- 100% Sindora Berhad
  - 50.60% E.A. Technique (M) Berhad
- 100% EPA Management Sdn Bhd
- 100% Mahamurni Plantations Sdn Bhd
- 54.21% Asia Economic Development Fund Limited
  - 38% Asia Logistics Council Sdn Bhd

## PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI

- 88.18% Johor Land Berhad
  - 100% Advance Development Sdn Bhd
  - 100% Bandar Baru Majidee Development Sdn Bhd
- 100% Tanjung Langsat Port Sdn Bhd
- 100% TPM Technopark Sdn Bhd
- 100% Damansara Assets Sdn Bhd
  - 100% Damansara Reit Managers Sdn Bhd
  - 100% Bukit Damansara Development Sdn Bhd

## TANGGUNGJAWAB KORPORAT

- Waqaf An-Nur Corporation Berhad
  - 75% Tiram Travel Sdn Bhd
  - 75% Capaian Aspirasi Sdn Bhd

* Sehingga 31 Disember 2014




1. **YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**
   Menteri Besar Johor
   Pengerusi Johor Corporation

2. **YBHG TAN SRI DR ALI BIN HAMSA**
   Ketua Setiausaha Negara
   Timbalan Pengerusi
   Johor Corporation

3. **YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
   Presiden & Ketua Eksekutif
   Johor Corporation

4. **YB DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM**
   Setiausaha Kerajaan Johor
   Pengerusi Jemaah Lembaga
   Tawaran Dan Jemaah Lembaga
   Pelantikan Perunding

5. **YB DATO' ISHAK BIN SAHARI**
   Penasihat Undang-Undang
   Negeri Johor

6. **YB DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM**
   Pegawai Kewangan Negeri Johor

7. **YB TUAN HAJI MD JAIS BIN HAJI SARDAY**
   Pengerusi Jawatankuasa
   Pendidikan, Penerangan,
   Pembangunan Usahawan &
   Koperasi Negeri Johor

8. **YBHG DATO' SITI ZAUYAH BINTI MD DESA**
   Pengarah
   Belanjawan Negara,
   Kementerian Kewangan

Untuk maklumat lanjut,
sila layari
www.jcorp.com.my




# LEMBAGA PENGARAH

































9. **YBHG DATO' HAFSAH BINTI HASHIM**
Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corporation Malaysia

10. **YBHG DATUK SERI DR RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF**
Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

11. **YBHG ENCIK IZADDEEN BIN DAUD**
Pengerusi Jawatankuasa Audit
Lembaga Pengarah
Johor Corporation

12. **ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**
Setiausaha
Johor Corporation

# PROFIL
# LEMBAGA PENGARAH

1. **YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**
**Pengerusi Johor Corporation**

Berumur 57 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan sebagai Menteri Besar Johor mulai 14 Mei 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya.

2. **YBHG TAN SRI DR ALI BIN HAMSA**
**Timbalan Pengerusi Johor Corporation**

Berumur 60 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009 mewakili Kerajaan Persekutuan. Mulai 1 November 2011 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada 1986, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 1980. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.




Sila layari muka surat 18 dan 19 untuk Lembaga Pengarah

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.jcorp.com.my

3. **YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
**Ahli Lembaga Pengarah**

Berumur 51 tahun. Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Pengarah Johor Corporation mulai 1 Disember 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari Universiti Wollongong, New South Wales, Australia pada 1987. Sebelum ini, beliau telah menjalankan tugas selaku Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi Johor Corporation mulai 1 Ogos 2006 sebelum dilantik selaku Naib Presiden Kanan Kewangan dan Khidmat Korporat pada 1 Januari 2010 serta sebagai Pemangku Presiden & Ketua Eksekutif mulai 29 Julai 2010.

4. **YB DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM**
**Ahli Lembaga Pengarah**

Berumur 60 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Johor mulai 10 April 2014. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1981.

5. **YB DATO' ISHAK BIN SAHARI**
**Ahli Lembaga Pengarah**

Berumur 53 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor mulai 1 Januari 2014. Beliau berkelulusan Ijazah Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1986.

6. **YB DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM**
**Ahli Lembaga Pengarah**

Berumur 60 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan Pegawai Kewangan Negeri Johor mulai 28 Jun 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979.

# PROFIL LEMBAGA PENGARAH

### 7. YB TUAN HAJI MD JAIS BIN HAJI SARDAY
**Ahli Lembaga Pengarah**

Berumur 48 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor.

### 8. YBHG DATO' SITI ZAUYAH BINTI MD DESA
**Ahli Lembaga Pengarah**

Berumur 56 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 11 Mac 2013. Beliau berkelulusan Sarjana Perbankan Antarabangsa dari University of Manchester, United Kingdom, Sarjana Muda Sains Ukur Bahan (Kepujian) dari University of Reading, United Kingdom dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbir Awam Negara (INTAN). Beliau kini merupakan Pengarah Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.

### 9. YBHG DATO' HAFSAH BINTI HASHIM
**Ahli Lembaga Pengarah**

Berumur 58 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Disember 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Universiti Sains Malaysia dan Sarjana Pentadbiran Bisnes dari Aston University, United Kingdom. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corporation Malaysia.

### 10. YBHG DATUK SERI DR RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF
**Ahli Lembaga Pengarah**

Berumur 58 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 15 April 2015.

Sebelum ini iaitu mulai 1 Februari 2009, beliau merupakan Pengarah Johor Corporation yang juga mewakili Kerajaan Persekutuan yang dilantik ketika menyandang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem Dan Kawalan), Kementerian Kewangan sehingga 18 Oktober 2011 iaitu sebelum beliau berpindah ke Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau dilantik semula sebagai Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2011 hingga 31 Oktober 2013.

Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Australian National University, Ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan USA, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Kemanusiaan (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Beliau kini merupakan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

### 11. YBHG ENCIK IZADDEEN BIN DAUD
**Ahli Lembaga Pengarah**

Berumur 47 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perakaunan dan Undang-Undang (Kepujian) dari De Monfort University, Leicester, United Kingdom pada 1991. Beliau kini merupakan Pengarah Universiti Utara Malaysia dan Pengerusi, Jawatankuasa Pelaburan UUM. Beliau juga adalah Pengarah Iskandar Investment Berhad, Permodalan Darul Takzim dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor.

### 12. ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR
**Setiausaha Johor Corporation**

Berumur 48 tahun. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 19 Julai 2013. Beliau merupakan setiausaha syarikat bertauliah dan berkelulusan Institute of Chartered Secretaries and Administrators (UK). Beliau merupakan Ahli Bersekutu Persatuan Institut Setiausaha-Setiausaha dan Pentadbir-Pentadbir Berkanun Malaysia. Beliau kini merupakan Pengurus Besar, Jabatan Hal Ehwal Syarikat.

## JAWATANKUASA AUDIT
# LEMBAGA PENGARAH






**PENGERUSI**

1. **YBHG ENCIK IZADDEEN BIN DAUD**
   Pengarah Bebas

**AHLI-AHLI**

2. **YBHG TAN SRI DATUK DR HADENAN BIN A. JALIL**
   Ahli Bebas

3. **YB DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM**
   Ahli Bebas

4. **PUAN HAJAH ZAINAH BINTI MUSTAFA**
   Ahli Bebas

**SETIAUSAHA**

5. **ENCIK ONN BIN ISMAIL**
   Naib Presiden
   Pematuhan & Pengurusan Risiko

# JEMAAH LEMBAGA TAWARAN DAN JEMAAH LEMBAGA PELANTIKAN PERUNDING






**PENGERUSI**

1. **YB DATO' HAJI ISMAL BIN KARIM**
   Setiausaha Kerajaan Johor

**AHLI-AHLI**

2. **YB DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM**
   Pegawai Kewangan Negeri Johor

3. **YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
   Presiden & Ketua Eksekutif

4. **TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**
   Naib Presiden Kanan /
   Ketua Pegawai Operasi

**SETIAUSAHA**

5. **ENCIK ABD RAHIM BIN MUSTAFA**
   Pengurus Kanan
   Jabatan Khidmat Hartanah

## JAWATANKUASA
# PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN (TERAJU)






**PENGERUSI**

1. **YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
   Presiden & Ketua Eksekutif
   Johor Corporation

**AHLI-AHLI**

2. **TUAN HAJI AHAMAD BIN MOHAMAD**
   Pengarah Urusan
   Kulim (Malaysia) Berhad

3. **TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**
   Naib Presiden Kanan /
   Ketua Pegawai Operasi
   Johor Corporation

4. **ENCIK ROZAINI BIN MOHD SANI**
   Naib Presiden / Ketua Pegawai Kewangan
   Johor Corporation

5. **TUAN HAJI AMINUDIN BIN DAWAM**
   Naib Presiden
   Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes
   Johor Corporation

# JAWATANKUASA PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN (TERAJU)



**6. ENCIK WAN AZMAN BIN ISMAIL**
Naib Presiden
Divisyen *'Special Administration'*
Johor Corporation

**7. ENCIK ONN BIN ISMAIL**
Naib Presiden
Divisyen Pematuhan & Pengurusan Risiko
Johor Corporation

**8. TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN**
Pengarah Eksekutif
Tanjung Langsat Port Sdn Bhd &
Kulim (Malaysia) Berhad

**9. TUAN HAJI LUKMAN BIN HAJI ABU BAKAR**
Pengarah Urusan
Johor Land Berhad

**10. YBHG DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR**
Pengarah Urusan
KPJ Healthcare Berhad

**11. ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI**
Pengarah Eksekutif
QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd

**12. PUAN HAJAH AZIZAH BINTI AHMAD**
Pengurus Besar
Akademi Johor Corporation

**SETIAUSAHA BERSAMA**

**13. ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**
Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Syarikat
Johor Corporation

**14. ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**
Pengurus
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

# JAWATANKUASA
# TERAJU KORPORAT






**PENGERUSI**

1. **TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**
   Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi
   Johor Corporation

**AHLI-AHLI**

2. **ENCIK ROZAINI BIN MOHD SANI**
   Naib Presiden / Ketua Pegawai Kewangan
   Johor Corporation

3. **TUAN HAJI AMINUDIN BIN DAWAM**
   Naib Presiden
   Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes
   Johor Corporation

4. **ENCIK WAN AZMAN BIN ISMAIL**
   Naib Presiden
   Divisyen *'Special Administration'*
   Johor Corporation

5. **ENCIK MOHD SAHIR BIN RAHMAT**
   Naib Presiden (1)
   Perkhidmatan Korporat
   KPJ Healthcare Berhad

6. **TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL SAMAD**
   Pengarah Urusan
   TPM Technopark Sdn Bhd

# JAWATANKUASA TERAJU KORPORAT



7. **TUAN HAJI MOHD RAZIF BIN AB. RAHIM**
Pengurus Besar Kanan
Johor Land Berhad

8. **TUAN HAJI YUSAINI BIN SIDEK**
Pengarah Eksekutif
Damansara Assets Sdn Bhd
& Pengarah Urusan
Damansara REIT Managers Sdn Bhd

9. **ENCIK AZLI BIN MOHAMED**
Ketua Pegawai Kewangan
Kulim (Malaysia) Berhad

10. **ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**
Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Syarikat
Johor Corporation

11. **PUAN WAN SU BINTI ALI**
Pengurus Besar
Jabatan Undang-Undang
Johor Corporation

12. **PUAN RABIATUL ADAWIAH BINTI ADNAN**
Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Hartanah
Johor Corporation

13. **PUAN HAJAH NORISHAH BINTI MOHD SETH**
Pengurus Besar
Bisnes & Pelaburan
Waqaf An-Nur Corporation Berhad

14. **TUAN HAJI BUKHARI BIN ABDUL RAHMAN**
Pengurus Besar
Jabatan Pembangunan Bisnes
Johor Corporation

15. **ENCIK MOHD BAHRIN BIN BAKRI**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Kewangan & Perakaunan
Johor Corporation

**SETIAUSAHA BERSAMA**

16. **ENCIK JAMALLUDIN BIN KALAM**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Syarikat
Johor Corporation

17. **PUAN RASHIDAH BINTI MD DAUD**
Eksekutif
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

# JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)








**PENGERUSI**

1. **TUAN HAJI AMINUDIN BIN DAWAM**
   Naib Presiden
   Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes
   Johor Corporation

**TIMBALAN PENGERUSI**

2. **PUAN HAJAH AZIZAH BINTI AHMAD**
   Pengurus Besar
   Akademi Johor Corporation

**AHLI-AHLI**

3. **ENCIK MD FAIZAL BIN ABDULLAH**
   Pengurus Besar
   Jabatan Korporat Strategi & Kewangan Korporat
   Johor Corporation

4. **TUAN HAJI ROSDI BIN YAACUB**
   Pengurus Besar
   TPM Technopark Sdn Bhd

5. **TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABD RAHMAN**
   Pengurus Besar
   Jabatan Pentadbiran
   Johor Corporation

6. **ENCIK MD ZIN BIN MD YASIN**
   Pengurus Besar
   Damansara Assets Sdn Bhd

# JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)



**7. ENCIK JAMALLUDIN BIN KALAM**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Syarikat
Johor Corporation

**8. CIK NARIMAH BINTI ABDULLAH**
Timbalan Pengurus Besar /
Pembantu Khas kepada
Naib Presiden Kanan /
Ketua Pegawai Operasi
Johor Corporation

**9. PUAN ROZITA BINTI TURUT**
Pengurus Kanan
Jabatan Pembangunan Modal Insan
Johor Corporation

**10. ENCIK ABD RAHIM BIN MUSTAFA**
Pengurus Kanan
Jabatan Khidmat Hartanah
Johor Corporation

**11. ENCIK MOHD KAMAL BIN AHMAD**
Pengurus Kanan
Jabatan Perhubungan & Komunikasi Korporat
Johor Corporation

**12. PUAN HAJAH ROHANA BINTI MD TAHIR**
Pengurus Kanan
Jabatan Pembangunan Bisnes
Johor Corporation

**13. TUAN HAJI MOHD HANIZAM BIN ABDUL AZIZ**
Pengurus Kanan
Jabatan Bisnes Amal

**14. ENCIK MOHD TAUFIK BIN HAJI ESA**
Pengurus
Jabatan Kewangan & Perakaunan
Johor Corporation

**15. PUAN HAJAH ANDEK NOOR HUDAYAH BINTI BACHOK**
Timbalan Pengurus
Jabatan Undang-Undang
Johor Corporation

**SETIAUSAHA**

**16. ENCIK MUHAMMAD ASHRAF BIN MOHD YUNUS**
Eksekutif
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

# JAWATANKUASA PENGAWASAN PELABURAN (JAWS)








**PENGERUSI**

1. **ENCIK WAN AZMAN BIN ISMAIL**
   Naib Presiden
   Divisyen '*Special Administration*'
   Johor Corporation

**AHLI-AHLI**

2. **TUAN HAJI AMINUDIN BIN DAWAM**
   Naib Presiden
   Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes
   Johor Corporation

3. **YBHG DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR**
   Pengarah Urusan
   KPJ Healthcare Berhad

4. **TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL SAMAD**
   Pengarah Urusan
   TPM Technopark Sdn Bhd

5. **TUAN HAJI BUKHARI BIN ABDUL RAHMAN**
   Pengurus Besar
   Jabatan Pembangunan Bisnes

# JAWATANKUASA PENGAWASAN PELABURAN (JAWS)









6. **ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**
   Pengurus Besar
   Jabatan Hal Ehwal Syarikat
   Johor Corporation

7. **PUAN RABIATUL ADAWIAH BINTI ADNAN**
   Pengurus Besar
   Jabatan Khidmat Hartanah
   Johor Corporation

8. **ENCIK AZMAN BIN TAMBI CHIK**
   Pengurus Besar
   Jabatan Perhubungan & Komunikasi Korporat
   Johor Corporation

9. **ENCIK MD FAIZAL BIN ABDULLAH**
   Pengurus Besar
   Jabatan Korporat Strategi & Kewangan Korporat
   Johor Corporation

10. **ENCIK MOHD BAHRIN BIN BAKRI**
    Timbalan Pengurus Besar
    Jabatan Kewangan & Perakaunan
    Johor Corporation

11. **TUAN HAJI MAT SALLEH BIN HASSAN**
    Pengerusi
    JCorp Intrapreneur (M) Berhad

12. **PUAN HAJAH ANDEK NOOR HUDAYAH BINTI BACHOK**
    Timbalan Pengurus
    Jabatan Undang-Undang
    Johor Corporation

**SETIAUSAHA**

13. **ENCIK MUHAMMAD ASHRAF BIN MOHD YUNUS**
    Eksekutif
    Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif
    Johor Corporation

# 2010-2014 RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN (JCORP)

**PEROLEHAN**
RM (JUTA)

| | |
|---|---|
| '14 | 204 |
| '13 | 531 |
| '12 | 348 |
| '11 | 474 |
| '10 | 388 |

**KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI**
RM (JUTA)

| | |
|---|---|
| '14 | 160 |
| '13 | 145 |
| '12 | 167 |
| '11 | 114 |
| '10 | 118 |

**KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI**
RM (JUTA)

| | |
|---|---|
| '14 | 196 |
| '13 | 129 |
| '12 | 203 |
| '11 | 137 |
| '10 | 119 |

**JUMLAH ASET**
RM (JUTA)

| | |
|---|---|
| '14 | 6,915 |
| '13 | 6,271 |
| '12 | 5,604 |
| '11 | 5,806 |
| '10 | 5,173 |

**JUMLAH LIABILITI**
RM (JUTA)

| | |
|---|---|
| '14 | 5,399 |
| '13 | 4,949 |
| '12 | 4,408 |
| '11 | 4,802 |
| '10 | 4,303 |

**JUMLAH EKUITI**
RM (JUTA)

| | |
|---|---|
| '14 | 1,516 |
| '13 | 1,322 |
| '12 | 1,196 |
| '11 | 1,004 |
| '10 | 870 |

## 2010-2014
# RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN
## (KUMPULAN)

* 2013 - Dinyatakan Semula


















# LAPORAN EKONOMI

## BAGI 2014, EKONOMI MALAYSIA BERKEMBANG 6 PERATUS DALAM PERSEKITARAN EKONOMI GLOBAL YANG AMAT MENCABAR DAN DIPENGARUHI OLEH NEGARA MAJU.

Walaupun terdapat pemulihan di Amerika Syarikat (AS), namun China selaku pengguna terbesar komoditi dunia telah menunjukkan tanda-tanda kelembapan ekonomi. Sebagai sebuah negara dipacu permintaan dalaman, Malaysia berupaya mencatatkan peningkatan KDNK dalam tahun kajian. Ekonomi tempatan terus mencatatkan kadar inflasi yang sederhana sejajar dengan kemerosotan harga minyak mentah dari paras tertinggi pada Julai 2008 iaitu USD140 ke paras USD50 setong. Ini ekoran kehambaran permintaan dari Kesatuan Eropah yang masih belum pulih dari krisis hutang 2009 dan kelemahan pertumbuhan di Jepun setelah negara itu terjerumus ke kancah kegawatan.

Selain kemerosotan permintaan terhadap minyak mentah yang mendorong paras harga yang rendah, kelembapan situasi luaran menjejaskan permintaan terhadap komoditi lain seperti minyak sawit mentah. Sehubungan itu, harga minyak sawit mentah kekal hambar sepanjang 2014. Malaysia dilihat agak terancam sebagai negara pengeluar minyak mentah dan pengeluar kedua terbesar minyak sawit mentah di dunia. Perolehan minyak yang lebih rendah dalam tabungan negara dan penurunan eksport komoditi dan lain-lain menambahkan kebimbangan terhadap pertumbuhan Malaysia lebih-lebih lagi kedudukan fiskalnya. Ini memberikan tekanan kepada nilai Ringgit berdasarkan aliran keluar dana asing yang tinggi sehingga memperlihatkan kejatuhan nilai Ringgit pada paras RM3.50 bagi setiap USD1.

### PROSPEK EKONOMI

Pergerakan pertumbuhan global akan terus dipengaruhi prestasi ekonomi dunia yang tidak sekata terutama di kalangan negara maju. Dalam jangka masa terdekat, kesukaran situasi luaran diikuti permintaan terhadap eksport negara yang lebih rendah mungkin terus melemahkan prospek pertumbuhan ekonomi tempatan. Oleh itu, ekonomi Malaysia 2015 dijangka mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan dalam lingkungan 4.5 hingga 5.5 peratus seperti diunjurkan kerajaan. Kesinambungan kejatuhan harga minyak mentah juga akan terus menyebabkan aliran keluar dana yang tinggi diburukkan lagi dengan tarikan pulangan yang lebih baik apabila AS meningkatkan kadar faedahnya. Ini akan mengakibatkan matawang tempatan terus lemah. Oleh itu, kemampuan negara bertahan dalam kepincangan global dan kestabilan harga minyak mentah di paras yang memuaskan adalah dilihat agak kritikal dalam tempoh terdekat ini.

Bagaimanapun, peralihan Malaysia memperluaskan pendapatan dan mengurangkan kebergantungan kepada perolehan minyak melalui pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada April 2015 seharusnya dipuji dan tepat pada masanya. GST bertindak sebagai tambahan perolehan dan sumber pendapatan yang stabil dari perkembangan asas pencukaian yang memudahkan usaha kerajaan mencapai pertumbuhan yang wajar dan mengurangkan defisit fiskal. Situasi ekonomi juga kurang terdedah kepada sebarang kemerosotan. Selain itu, pengurangan penggunaan disebabkan GST ditampung oleh paras harga petrol yang rendah dan dijangka menambah lebih dana dalam simpanan pengguna.

Menjelang akhir 2015, di bawah Rangka Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 10 negara ahli termasuk Malaysia dijangka melaksanakan lebih banyak liberalisasi terhadap perdagangan barangan dan perkhidmatan. Sementara ia akan membawa kepada rantau ASEAN bersepadu sepenuhnya ke dalam rantaian nilai gobal, ia juga akan menyaksikan Malaysia mengurangkan perlindungan dan subsidi untuk industrinya. Namun memandangkan manfaat yang bakal dinikmati oleh negara AEC dan dengan adanya kepelbagaian industri, ekonomi tempatan dapat dibantu dalam menangani sebarang ancaman kewangan untuk terus berdaya saing.

Sehubungan itu, kepelbagaian aktiviti Johor Corporation ("JCorp") memberinya kelebihan dalam persekitaran bisnes yang kompetitif. Lebih-lebih lagi, penglibatan Kumpulan dalam bidang industri yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi membolehkan JCorp bertahan dalam situasi ekonomi yang sukar. Keupayaan JCorp menangani kesan kepincangan ekonomi yang lalu juga membuktikan kekuatan dan keutuhannya. Jangkaan nilai Ringgit yang rendah memberikan kesan positif dalam perolehan eksportnya sekaligus meredakan permasalahan mengenai kelemahan harga minyak sawit mentah. Kelemahan nilai Ringgit turut mendorong lebih permintaan kepada bisnes hospitaliti terutama pelancongan kesihatan di kalangan pesakit dari negara luar yang memerlukan perkhidmatan terbaik dan kos yang lebih rendah.

Kemerosotan harga minyak mentah juga menjadikan usaha kerajaan menurunkan paras subsidi berbilion Ringgit yang membebankan setiap tahun menjadi lebih mudah. Peningkatan tabungan hasil daripada penghapusan subsidi juga boleh diagihkan secara efektif terhadap sektor yang dianggap penting kepada ekonomi, terutama membangunkan sosio-ekonomi termasuk pembangunan perumahan mampu milik. Oleh itu, Kumpulan JCorp berupaya mengukuhkan penglibatan dalam pelan pembangunan melalui pendedahan dalam bisnes hartanah. Permintaan hartanah yang stabil terutamanya di Johor dan sokongan kuat kerajaan negeri melalui pemberian insentif terhadap pembelian hartanah mampu milik memastikan aktiviti JCorp yang berterusan dalam bisnes hartanah. Tambahan lagi, kedudukan Johor sebagai destinasi pelaburan utama di Malaysia dengan pelaburan yang besar diperuntukkan kepada sektor minyak dan gas di Pengerang memberi Kumpulan JCorp kelebihan yang tinggi. Pendedahannya yang ketara di daerah tersebut dan kawasan sekitarnya serta dalam industri berkaitan membolehkan Kumpulan JCorp berkembang sejajar dengan pembangunan kawasan pertumbuhan utama yang berpotensi tinggi.

# BISNES KULIM

## SATU ENERGI BAHARU

**Meskipun berhadapan persekitaran operasi yang mencabar, Kulim (Malaysia) Berhad ("Kulim") menunjukkan prestasi yang sangat positif bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014. Kumpulan Kulim mencatat pendapatan sebanyak RM1.09 bilion dan Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM95.5 juta, walaupun berhadapan pasaran komoditi yang tidak stabil dan harga produk minyak sawit yang merosot. Dari segi pulangan kepada pemegang saham, satu dividen interim dibayar pada 29 Disember 2014 berjumlah RM126.11 juta atau 9.5 sen sesaham.**



Dari segi operasi, Kulim kekal fokus dan berdisiplin dalam meningkatkan bisnes. Kemajuan yang baik dalam segmen teras Kulim - Perladangan, telah berjaya dicapai melalui penambahbaikan dalam pengurusan kos, peningkatan produktiviti dan kecekapan, di samping mematuhi prinsip kemapanan. Segmen Intrapreneur Ventures (IV) Kulim terus menunjukkan prestasi yang baik selaras dengan jangkaan, dan mengesahkan keputusan strategik untuk pengembangan bisnes Kumpulan ke dalam sektor minyak dan gas (O&G). Tahun 2014 penuh peristiwa di peringkat korporat, dengan beberapa perkembangan penting sebagai pencetus dan pemangkin energi baharu bagi mengangkat prestasi dalam menghadapi dinamik pasaran yang pesat berubah serta persekitaran yang lebih berdaya saing.

## PERKEMBANGAN KORPORAT

### Kembali ke dalam Bisnes Perladangan di Indonesia

Tahun 2014 merupakan tahun penting di peringkat korporat apabila Kulim telah menetapkan strategi yang tepat untuk pertumbuhan baharu. Ia dimulakan dengan pembelian sebanyak 74 peratus kepentingan ekuiti dalam PT Wisesa Inspirasi Nusantara ("PT WIN") dengan pertimbangan pembelian sebanyak USD42.86 juta yang dimuktamadkan pada 14 Februari 2014, bagi mengambilalih sebanyak 40,645 hektar tanah kelapa sawit di Indonesia. Pengambilalihan ini adalah kunci untuk mempelbagaikan kedudukan geografi dan mengembangkan segmen perladangan Kulim, terutama selepas pelupusan New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL") yang dimuktamadkan pada 26 Februari 2015.

Sila layari www.kulim.com.my atau imbas QR code di sebelah kiri untuk maklumat lanjut mengenai Kulim.

# BISNES KULIM

## PEROLEHAN RM1.09 bilion



### Pengukuhan Bisnes Logistik Digital Global

Pada 2 Mei 2014, Kulim melaksanakan penukaran Sekuriti Pinjaman Kumulatif Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus (ICCULS) dalam Asia Economic Development Fund Limited ("AEDFL") pada nilai nominal sebanyak USD15 juta termasuk faedah yang dimodalkan. Melalui penukaran ini, Kulim menguasai 54.21 peratus kepentingan ekuiti dalam AEDFL - sebuah syarikat yang memiliki kepentingan dalam bisnes logistik digital global. Ia akan berfungsi sebagai landasan bagi Kumpulan Kulim untuk mengambil bahagian dalam aktiviti bisnes baharu yang unik dengan 'kelebihan sebagai penggerak awal' dalam pembangunan dan pelaksanaan penyelesaian global ke arah peningkatan perdagangan sejagat.

### Pemelbagaian Dalam Sektor O&G

Konsisten dengan pelan bisnes jangka panjang Kumpulan Kulim untuk mempelbagaikan aktiviti bisnesnya, syarikat subsidiari milik penuh Kulim, Kulim Energy Nusantara Sdn Bhd ("KENSB"), memeterai Perjanjian Operasi Bersama (JOA) dengan PT Graha Sumber Berkah ("PT GSB") dan PT Radiant Bukit Barisan E&P ("PT RBB") pada 23 Oktober 2014 bagi mengambil bahagian dalam penerokaan dan pembangunan O&G di Blok South West Bukit Barisan (SWBB) di Sumatera Tengah, Indonesia.

Kemudian, pada 10 Disember 2014, KENSB menandatangani Perjanjian Penjualan & Langganan Saham Bersyarat (CSSPA) dengan PT Citra Sarana Energi ("PT CSE") dan pemegang saham sedia ada, PT Wisesa Inspirasi Sumatera ("PT WIS") dan PT Inti Energi Sejahtera ("PT IES") untuk mengambilalih 60 peratus pegangan dalam PT CSE dengan nilaian sebanyak USD133.55 juta. Langkah ini bertujuan mengukuhkan kepentingan Kulim di peringkat pegangan saham dan dijangka membolehkan Kulim meluaskan penglibatannya dalam sektor O&G di Indonesia, terutama aktiviti huluan penerokaan, pembangunan dan pengeluaran.

## MEREALISASIKAN NILAI

### Pelupusan Nexsol

Di samping mengembangkan portfolio aset dan bisnes, Kulim turut mengambil langkah melupuskan secara selektif aset berprestasi rendah dan tidak lagi selaras dengan visi strategik Kumpulan, dan dalam masa sama dapat merealisasikan nilai yang saksama daripada penjualan aset tersebut. Oleh itu, Kumpulan Kulim pada 3 Disember 2014, melupuskan keseluruhan 100 peratus kepentingan ekuitinya dalam Nexsol (Malaysia) Sdn Bhd ("Nexsol") kepada PGEO Group Sdn Bhd ("PGEO Group") dengan pertimbangan tunai sebanyak RM27 juta. PGEO Group juga akan membeli tanah pegangan pajak seluas 12 hektar iaitu kawasan kilang Nexsol dengan harga RM23 juta sebagai sebahagian daripada perjanjian tersebut. Ia kini menunggu kelulusan pihak berkuasa tanah tempatan dan dijangka disempurnakan pada pertengahan 2015. Pelupusan kedua-dua aset itu akan membolehkan Kulim merealisasikan nilai daripada pelaburan dan fasiliti dalam Nexsol yang mana tidak lagi beroperasi ketika itu. Perolehan daripada jualan tersebut akan digunakan sebagai modal kerja Kulim.

# BISNES KULIM



## Jumlah keluasan sawit bertanam

**55,950** hektar

**(JCorp dan Kulim)**

## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Laporan Tahunan Kulim 2013 telah memenangi Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan (NACRA) bagi Kategori Perladangan & Perlombongan (Papan Utama) untuk tahun ketujuh berturut-turut. Dalam usaha Kulim menyampaikan maklumat menyeluruh dan strategik kepada pemegang kepentingannya, Kulim telah menerapkan beberapa prinsip dan konsep utama Rangka Kerja Laporan Bersepadu (*Integrated Reporting Framework* atau IRF) daripada International Integrated Reporting Council (IIRC) dalam Laporan Tahunan 2014.

Ia merupakan Laporan Tahunan Bersepadu Kulim yang pertama. Perjalanan Kulim dalam menghasilkan Laporan Bersepadu masih jauh dan Kulim masih di peringkat permulaan, menjadikan 2014 sebagai asas permulaan. Matlamat Kulim adalah untuk menerbitkan laporan yang memenuhi prinsip rangka kerja IIRC secara menyeluruh dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Laporan Kemapanan Kulim 2012/2013 pula disenarai pendek bagi Anugerah Laporan Kemapanan Malaysia ACCA (ACCA MaSRA) 2014 untuk tahun keenam. Anugerah ACCA MaSRA memberi pengiktirafan kepada syarikat yang melaporkan maklumat kemapanan, alam sekitar dan sosial secara menyeluruh.

Kulim juga berada pada kedudukan ke-49 di kalangan 50 syarikat yang disenaraipendek bagi Anugerah Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN anjuran Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG). Anugerah ini bertujuan mengetengahkan Syarikat Tersenarai Awam di Malaysia dengan amalan tadbir urus korporat yang baik menggunakan Metodologi Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN.

Dari segi kepimpinan, Pengarah Urusan Kulim, Ahamad Mohamad dinobatkan sebagai antara pemenang dalam ‘*Top Outstanding Leaders in Asia*’ anjuran Asia Corporate Excellence and Sustainability Awards 2014 (ACES Awards 2014). Anugerah itu adalah pengiktirafan kepada individu yang mempunyai kualiti kepimpinan tinggi dalam menerajui sesebuah syarikat.

### Pelupusan NBPOL

Pada 2014, Kulim mengumumkan cadangan pelupusan keseluruhan kepentingan dalam NBPOL kepada Sime Darby Plantation Sdn Bhd (“SDP”) dengan jumlah pertimbangan pelupusan sebanyak RM2.75 bilion. Pelupusan itu merupakan satu peluang yang tepat pada masanya bagi Kulim merealisasikan pelaburannya dalam NBPOL pada premium yang menarik, dengan keuntungan jualan kira-kira RM1.29 bilion dicatat apabila pelupusan dimuktamadkan. Sebahagian perolehan akan digunakan untuk mengurangkan jumlah pembiayaan Kumpulan dan mengukuhkan modal kerja bagi menyokong bisnes perladangan teras dan usaha niaga lain di Malaysia dan di luar negara. Di dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) pada 3 Disember 2014, pemegang saham telah memberikan mandat kepada Kulim untuk melaksanakan pelupusan NBPOL. Penjualan itu telah diselesaikan pada 26 Februari 2015. Bahagian pertama dividen khas daripada pelupusan NBPOL sebanyak kira-kira RM500 juta telah diagihkan kepada pemegang saham Kulim yang layak pada 23 Mac 2015.

### Penyenaraian E.A. Technique (M) Berhad

Dalam segmen IV, pencapaian paling signifikan adalah penyenaraian E.A. Technique (M) Berhad (“EATech”) di Papan Utama Bursa Malaysia pada 11 Disember 2014. Pelaksanaan Tawaran Awam Awal (IPO) ini membolehkan EATech mengumpul dana daripada pasaran modal bagi membiayai rancangan pengembangan syarikat. Penyenaraian turut memberi peluang kepada pelabur untuk mengambil bahagian secara langsung dalam ekuiti dan pertumbuhan berterusan EATech.

# BISNES KULIM



## SOROTAN SEGMEN

### Perladangan

Pada 31 Disember 2014, Kulim masih lagi dalam proses pelupusan NBPOL yang kemudian disempurnakan pada 26 Februari 2015. Oleh yang demikian, tinjauan operasi untuk perladangan di Papua New Guinea (PNG) dan Kepulauan Solomon (SI) masih dikekalkan untuk laporan tahunan kali ini.

Kulim dianggap sebagai sebuah syarikat peneraju dalam industri sawit terutama dari segi pencapaian hasil. Pada 2014, Bahagian Perladangan (termasuk operasi JCorp dan NBPOL) menghasilkan Buah Tandan Segar (BTS) sebanyak 2.66 juta tan – meningkat 9.6 peratus berbanding tahun sebelumnya sebanyak 2.43 juta tan. Operasi di PNG merupakan penyumbang terbesar kepada pengeluaran BTS iaitu sebanyak 1.55 juta tan (58.4 peratus) diikuti Malaysia (36.4 peratus) dan SI (5.2 peratus).

## PERLADANGAN DI MALAYSIA

Pada 2014, Malaysia (Kulim dan JCorp) mengeluarkan 969,235 tan BTS iaitu kenaikan 4.10 peratus berbanding 931,055 tan dicatatkan pada 2013. Sehubungan itu, Bahagian Perladangan juga telah mencapai peningkatan 1.04 peratus dalam hasil sehektar iaitu 22.12 tan daripada 21.60 tan pada tahun sebelumnya. Pencapaian BTS Bahagian Perladangan adalah lebih tinggi berbanding hasil purata yang dicapai oleh industri sawit di Johor dan Semenanjung masing-masing sebanyak 19.50 tan dan 18.23 tan.

Bahagian Perladangan sangat komited dalam meningkatkan profil usia pokok sawit. Pada 2014, seluas 2,275 hektar ditanam semula dengan klon baharu yang berpenghasilan tinggi. Penanaman semula dilaksanakan secara berperingkat untuk memaksimumkan potensi tanaman sebelum proses penebangan dilakukan. Hasil inisiatif penanaman semula ini, purata usia pokok sawit Bahagian Perladangan adalah pada paras 11.17 tahun.

Amalan Pertanian dan Pengilangan Baik telah digunapakai di semua peringkat operasi ladang bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Ia merangkumi keseluruhan peringkat aktiviti bermula daripada penyediaan tapak semaian, penanaman dan penyelenggaraan, penuaian BTS, pengangkutan dan pemprosesan BTS di kilang.

Bahagian Perladangan juga mengambil langkah proaktif dalam penghasilan BTS melalui program mekanisasi dan automatis bagi tujuan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja terutama dalam proses penuaian dan pemindahan BTS. Penambahan terbaharu untuk program mekanisasi adalah penggunaan *Bin System* bagi memuatkan BTS dengan lebih cepat dan cekap. Selain itu, ia dilihat sebagai satu langkah menangani kenaikan kos saban tahun berikutan penyemakan semula perjanjian gaji antara Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perladangan (NUPW).

Pada 2014, empat kilang dalam Bahagian Perladangan di Malaysia menghasilkan 257,881 tan Minyak Sawit Mentah (MSM) iaitu peningkatan 1.2 peratus berbanding tahun sebelumnya, walaupun terdapat penurunan sebanyak 0.56 peratus dalam BTS yang diproses dari ladang Bahagian dan pembekal luar. Pengeluaran Isirong Sawit (PK) adalah sebanyak 69,681 tan, penurunan 1.71 peratus berbanding 2013.

Bahagian Perladangan mencatatkan peningkatan dalam Kadar Perahan Minyak (OER) iaitu sebanyak 20.58 peratus berbanding 20.22 peratus pada 2013. Bagaimanapun, Kadar Perahan Isirong (KER) merosot sedikit daripada 5.63 peratus kepada 5.56 peratus dalam tempoh sama. Namun begitu, pencapaian OER Bahagian adalah lebih tinggi daripada purata industri iaitu sebanyak 20.19 peratus bagi Semenanjung. KER Bahagian bagaimanapun setanding purata industri.

# BISNES KULIM

## PERLADANGAN DI PNG DAN SI

Pada 2014, sebanyak 2,331,756 tan BTS diproses, peningkatan 11.8 peratus daripada 2,085,670 tan diproses pada tahun sebelumnya. Kadar OER Kumpulan NBPOL bagi 2014 adalah 22.35 peratus berbanding 22.15 peratus dicatatkan pada 2013. Jumlah pengeluaran minyak adalah 574,124 tan (2013: 507,856 tan), merangkumi 521,204 tan MSM dan 52,920 tan Minyak Isirong Sawit (2013: masing-masing 462,060 tan dan 45,796 tan).

Kumpulan NBPOL pada 2014 telah menyempurnakan 1,183 hektar penanaman baharu (dengan tambahan 1,479 hektar yang sedang disediakan) dan 2,743 hektar penanaman semula. Harga MSM diniagakan pada 2014 adalah di antara USD675 dan USD935 satu tan, bermula dengan USD785 satu tan pada awal tahun, meningkat kepada USD935 satu tan dan mencecah kira-kira USD700 satu tan pada akhir tahun. Harga dagangan semasa adalah kira-kira USD700 satu tan.




**74** peratus

dalam PT WIN

**40,645**

hektar

ladang kelapa sawit baharu di Kalimantan Tengah

## PERLADANGAN DI INDONESIA

Kulim komited untuk mengembangkan operasi perladangannya berpandukan kepada Prosedur Penanaman Baharu (NPP) oleh RSPO. Dengan pengambilalihan sebanyak 74 peratus dalam PT WIN, ini membuka ruang kepada Kulim dan PT GSB membangunkan 40,645 hektar ladang kelapa sawit baharu di Kalimantan Tengah, Indonesia. Oleh yang demikian, Kulim memulakan program penghubungan dengan pihak berkepentingan seawal Jun 2013 merangkumi kaji selidik untuk menentukan tahap Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) di kawasan terlibat dan penghubungan dengan masyarakat tempatan bagi menerangkan dan mendapatkan persetujuan mereka untuk meneruskan rancangan pembangunan Kumpulan Kulim.

Pada Julai 2014, semua dokumen berkaitan dikemukakan kepada TUV Rheinland Indonesia, jururunding terkemuka bagi pensijilan RSPO. Pada September 2014, laporan juru audit daripada TUV Rheinland disiapkan dan kemudian dipaparkan di laman sesawang RSPO bagi tujuan Notifikasi Awam.

Pada 2014, Kulim menubuhkan sebuah pejabat di Muara Teweh, ibu kota Daerah Kalimantan Tengah untuk mengendalikan hal ehwal pentadbiran, kewangan dan perhubungan awam. Kulim juga sedang berada di peringkat akhir dalam mendapatkan permit-permit yang diperlukan untuk menukar hutan seluas 7,133 hektar (Hutan Produksi Konversi atau HPK) untuk penanaman kelapa sawit (Areal Penggunaan Lain atau APL). Kelulusan akhir dijangka diperoleh daripada Kementerian Kehutanan Indonesia menjelang Jun 2015.

## BAHAGIAN IV

Bisnes IV Kulim adalah medan mencungkil anggota pekerja yang memiliki bakat keusahawanan. Kulim sentiasa meninjau peluang bisnes baharu yang berpotensi dipupuk dan dikembangkan. Usaha Kulim menunjukkan hasil terutama melalui EATech dengan penyenaraiannya di Papan Utama Bursa Malaysia pada 11 Disember 2014.

Kumpulan Kulim juga mempunyai bisnes yang tidak mencapai prestasi disasarkan. Bisnes itu sebahagiannya dikecilkan atau distruktur semula. Setengah operasi disalurkan kepada khidmat luar manakala yang kurang berprestasi atau tidak lagi selaras dengan objektif bisnes Kulim, dilupuskan. Pada 2014, Kulim mengambilalih sebuah syarikat baharu, menghentikan operasi dua syarikat manakala dua lagi telah disalurkan untuk khidmat luar.

# BISNES KULIM

## TINJAUAN DAN PROSPEK

Kumpulan Kulim dan IV menghadapi saat yang sangat mencabar pada tahun-tahun akan datang. Penurunan harga minyak yang mendadak sejak pertengahan 2014 akan menyokong aktiviti global dan membantu mengimbangi sebahagian daripada halangan dalam pertumbuhan ekonomi pengimport minyak. Namun, ia dijangka menjejaskan prospek pertumbuhan bagi negara pengeksport minyak. Pada Januari 2015, Kerajaan Malaysia meneliti semula unjuran pertumbuhan ekonomi untuk tahun itu dengan berlatarbelakangkan cabaran defisit fiskal ini.

Kumpulan Kulim penuh yakin akan kemampuan untuk melaksanakan pelan strategi dan meningkatkan pencapaian Kulim ke peringkat seterusnya serta pada masa sama memberi sepenuh komitmen terhadap piawaian tertinggi dari segi integriti, etika dan tadbir urus.

### Komponen Utama

Menjelang 2020, sektor minyak sawit Malaysia disasarkan akan meningkatkan jumlah Pendapatan Negara Kasar daripada RM125 bilion kepada RM178 bilion dan mewujudkan 41,600 peluang pekerjaan baharu. Pembangunan berperingkat dalam industri minyak sawit telah mewujudkan fokus melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP), di mana industri itu dikenalpasti sebagai satu daripada pemacu teras ekonomi atau Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) untuk memacu Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

### Memanfaatkan Pertumbuhan Baharu

Pelupusan NBPOL membolehkan Kumpulan Kulim merealisasikan pelaburannya dalam syarikat tersebut pada premium yang menarik dan anggaran keuntungan sebanyak RM1.56 bilion. Pelupusan ini selaras dengan strategi Kulim iaitu menilai portfolio pelaburan secara berterusan dan merealisasikan nilai dalam pelaburan ini untuk manfaat pemegang saham.

Selain pulangan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen, pelupusan NBPOL akan mengurangkan hutang Kumpulan Kulim daripada 0.40 kali kepada kira-kira 0.21 kali. Ini bakal memberi keanjalan dari segi aliran tunai dan kewangan kepada Kumpulan Kulim untuk terus meninjau peluang pengambilalihan tanah perladangan dan meneroka lain-lain peluang bisnes berdaya maju. Selain itu, Kulim mempunyai rekod prestasi yang baik dalam mengenalpasti aset atau bisnes baharu yang berpotensi untuk diambilalih dan dikembangkan bagi mengekalkan pertumbuhan serta keuntungan Kumpulan Kulim.

Selaras dengan strategi bisnes Kulim yang seimbang, pelaburan dalam SWBB Production Sharing Contract (PSC) adalah langkah pertama Kulim untuk melebarkan sayap dalam aktiviti O&G di Indonesia. Usaha ini berpotensi menyumbang kepada pendapatan masa depan Kulim dan meningkatkan nilai pemegang kepentingan secara positif dalam jangka masa panjang. Jika tiada halangan luar jangkaan, manfaat daripada bisnes O&G dijangka dilihat pada 2016.



Dari segi perkembangan segmen perladangan di Indonesia, lebih kurang 500 hektar tanah di bawah PT Sumber Sawit Rejo ("PT SSR") disediakan untuk program penanaman baharu beserta 80 hektar untuk pembinaan tapak semaian kelapa sawit. Tuaian pertama daripada ladang di Indonesia dijangkakan pada 2017-2018. Sementara itu, proses sosialisasi dengan kampung berdekatan masih dilaksanakan di ketiga-tiga kawasan di bawah PT SSR, PT Harapan Barito Sejahtera ("PT HBS") dan PT Wahana Semesta Kharisma ("PT WSK").

# BISNES KULIM



## Aktiviti Hiliran

Aktiviti hiliran yang boleh dibangunkan bersama aktiviti pengilangan kelapa sawit Kulim ialah loji biogas dari Kumbahan Kilang Kelapa Sawit (POME) yang kini menjadi tumpuan Kumpulan Kulim. Loji biogas pertama Kumpulan Kulim di Kilang Minyak Sawit Sedenak telah memulakan operasi pada 8 April 2014, manakala loji biogas lain yang dalam proses pembinaan terletak di Kilang Kelapa Sawit Pasir Panjang dan Kilang Kelapa Sawit Sindora. Selain daripada potensi tambahan nilai yang bakal dimanfaatkan sebagai aktiviti hiliran, projek ini juga merupakan sebahagian daripada usaha kemapanan Kulim ke arah mengaplikasikan tenaga boleh diperbaharui atau tenaga hijau dalam sektor kelapa sawit.

## Pensijilan SPO

Kejayaan dan pencapaian Kulim dalam mengekalkan Pensijilan Minyak Sawit Mapan (SPO) dilihat bakal meningkatkan lagi reputasi Kulim secara global mengenai kesedaran serta keprihatinan sosial dan persekitaran, di samping membantu Kulim untuk menjadi antara yang terawal dalam rantaian bekalan global. Di samping itu, premium kemapanan turut mampu menjadi penyumbang penting kepada margin Kumpulan Kulim.

## Pertumbuhan Dalam Bidang Berpotensi – Pembangunan Hartanah

Didorong projek mega Kerajaan Malaysia, termasuk Iskandar Malaysia serta Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) PETRONAS di Pengerang, ia merupakan satu potensi yang amat besar untuk pembangunan hartanah memandangkan lokasi projek itu yang berhampiran beberapa ladang Kulim iaitu Ladang REM (2,576 hektar), Ladang Sungai Papan (3,022 hektar) dan Ladang Siang (3,452 hektar).

Rancangan Bisnes dan Strategi dirangka dan fokus utama Kulim pada 2015 ialah memanfaatkan pertumbuhan pada empat tunggak utama seperti berikut:

1. Sentiasa menerokai dan menilai peluang bisnes dalam bidang baharu yang berpotensi untuk mencapai aliran pendapatan berganda.
2. Mengukuhkan kekuatan kewangan secara berterusan dan menambahbaik operasi Kumpulan.
3. Memantapkan usaha mencapai kecekapan kos dan memaksimumkan margin, di samping meningkatkan produktiviti dengan mematuhi prinsip kemapanan.
4. Menekankan budaya berprestasi tinggi dalam Kumpulan Kulim.

Walaupun berada dalam persekitaran bisnes yang tidak menentu, Kumpulan Kulim mengekalkan kedudukan yang baik untuk merebut peluang dalam pertumbuhan baharu. Kumpulan Kulim masih berhati-hati dengan ekonomi global masa kini namun yakin pendekatan bisnes dan pelaburan Kulim akan mendorong kepada penambahan nilai untuk pemegang kepentingan Kulim.



## BISNES

# KESIHATAN PAKAR

**Sejak pembukaan hospital yang pertama di Johor Bahru pada 1981, KPJ Healthcare Berhad ("KPJ") – penyedia perkhidmatan kesihatan pakar terkemuka di Malaysia - terus mengekalkan rekod dan prestasi yang memberangsangkan. Sejajar dengan misi KPJ untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan pakar yang berkualiti, tahun 2014 menyaksikan KPJ menaiktaraf hospital yang sedia ada iaitu KPJ Johor, KPJ Seremban, KPJ Selangor, KPJ Sabah, KPJ Puteri dan Sentosa Medical Centre. Selain itu, KPJ telah memperkenalkan beberapa perkhidmatan dan teknologi baharu bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan secara keseluruhan.**

Tahun 2014 turut menyaksikan pelancaran hospital baharu Kumpulan KPJ. Pelancaran KPJ Klang pada Februari 2014 telah disempurnakan oleh DYMM Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, mewakili DYMM Sultan Selangor. Hospital lapan tingkat bernilai RM120 juta dengan kapasiti 220 katil itu menawarkan pelbagai kepakaran perubatan bertaraf antarabangsa, dengan lebih 30 pakar perubatan pelbagai disiplin, disokong oleh profesional perubatan terlatih.

Sementara itu, KPJ Pasir Gudang – hospital pakar keempat yang didirikan oleh KPJ di negeri Johor - telah menganjurkan dua acara besar pada 2014. Majlis pertama adalah penganjuran Kem Kesihatan Masyarakat di Kampung Senibong yang dirasmikan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor pada Januari 2014. Kem Kesihatan Masyarakat ini bertujuan bagi memupuk kesedaran orang ramai mengenai kepentingan penjagaan kesihatan. Program ini telah berjaya membawa penglibatan penduduk untuk turut sama menjayakan aktiviti yang meliputi klinik pesakit luar, ceramah kesihatan, kempen derma darah, saringan kesihatan, gotong-royong serta pertandingan mewarna kanak-kanak. Seterusnya, majlis pembukaan rasmi hospital juga telah disempurnakan oleh YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin pada Ogos 2014. Hospital lapan tingkat bernilai RM73 juta itu turut menyediakan sebanyak 130 katil, empat bilik bedah, Unit Rawatan Rapi serta lain-lain kemudahan canggih dan selesa.

Ogos 2014 turut menyaksikan KPJ melancarkan sebuah lagi hospital baharu iaitu KPJ Rawang di Selangor. Beroperasi sejak Mac 2014, hospital ini mencipta sejarah sebagai hospital pertama dibina di kawasan yang semakin pesat membangun di kawasan utara Selangor. Ia mempunyai kapasiti sebanyak 160 katil serta dilengkapi pelbagai kemudahan dan kepakaran untuk memenuhi keperluan masyarakat Rawang dan kawasan sekitarnya.

KPJ Bandar Maharani di Muar merupakan hospital kelima KPJ di Johor. Ia dibina bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat di daerah ini serta kawasan sekitar utara Johor serta dari negeri jiran, Melaka. Hospital ini memulakan operasi pada Jun 2014 dan menawarkan perkhidmatan perubatan, pembedahan, 15 klinik, dua bilik bedah, tiga bilik bersalin, Unit Rawatan Rapi dengan tujuh katil termasuk sebuah bilik isolasi serta Unit Kemalangan & Kecemasan yang beroperasi 24 jam. Hospital tersebut mempunyai 120 katil, serta perkhidmatan pesakit luar dan juga dalam seperti perubatan, pediatrik, sakit puan dan perbidanan, pakar bedah telinga, hidung dan tekak, surgeri, urologi dan ortopedik. Hospital ini juga bakal menyediakan Wad Diraja dan Wad Premier.

Mengorak langkah ke hadapan, KPJ akan terus berkembang dan menubuhkan hospital di kawasan lain termasuk KPJ Pahang dan KPJ Perlis yang kedua-duanya dijangka dibuka pada 2015.

KPJ Pahang akan membuka pintu kepada pelanggan pada suku keempat 2015. Terletak di pusat komersil baharu Tanjung Lumpur, hospital itu bakal mempunyai kapasiti hampir 200 katil. KPJ Pahang adalah usahasama di antara Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd (sebuah anak syarikat milik penuh KPJ) ("KPJSB") dengan PASDEC Corporation Sdn Bhd (sebuah anak syarikat PASDEC Holdings Berhad) untuk memberikan perkhidmatan kepada 600,000 penduduk Kuantan dan kawasan sekitarnya. Hospital tersebut akan dilengkapi kemudahan terkini termasuk mesin pengimbas *1.5 Tesla Magnetic Resonance Imaging (MRI)* dan *64-slice Computer Tomography Scanner*.

Sementara itu, KPJ Perlis dijangka mula beroperasi pada suku keempat 2015. Terletak di Kangar, ianya merupakan hospital swasta pertama di Perlis. Hospital ini adalah usahasama di antara KPJSB dan Yayasan Islam Perlis. Mempunyai kapasiti 90 katil, hospital tersebut akan dilengkapi kemudahan terikini termasuk *16-slice Computer Tomography (CT Scanner), General X-Ray, Ultrasound, Mobile C-Arm, Mobile X-Ray, CR System* dan *Mammography*.

## BISNES
# KESIHATAN PAKAR




Pada 2014, KPJ telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) membangunkan KPJ Damansara II, berhampiran kawasan komersil Mutiara Damansara, Selangor. Hospital ini dijadualkan mula dibina pada 2016 dan akan siap pada 2018.

### Kehadiran Antarabangsa

KPJ turut kerjasama dengan Sheikh Mujibur Rahman Memorial Trust bagi mengurus dan mengendalikan Sheikh Fazilatunnessa Mujib Memorial Specialized Hospital dan Kolej Kejururawatan di Dhaka, Bangladesh. Mempunyai tenaga 53 anggota pekerja pada awal pembukaannya, hospital ini mula menyediakan perkhidmatan pesakit luar pada 14 April 2014. Perkhidmatan pesakit dalam wad pula telah dibuka pada 18 Oktober 2014 dengan kemudahan 100 katil. KPJ akan terus meninjau peluang untuk diterokai termasuk menawarkan rundingan dan kepakaran pengurusan hospital di negara Asia dan Timur Tengah.

Hospital KPJ di Indonesia pula menunjukkan prestasi positif berbanding tahun sebelumnya dengan pengurangan kerugian sebanyak 65 peratus. Secara purata, margin untung kasar meningkat daripada 36.1 peratus kepada 41.3 peratus pada 2014, manakala margin kerugian berkurangan sebanyak 65.4 peratus. Kenaikan ini didorong antara lain oleh strategi pemulihan yang dilaksanakan KPJ.

Kehadiran KPJ di Thailand adalah melalui pelaburan 23.4 peratus dalam bentuk pemilikan ekuiti Hospital Vejthani di Bangkok. Hospital dengan 193 katil itu terkenal dengan rawatan ortopedik. Tahun 2014 menyaksikan hasil keuntungan bersih hospital ini mencapai RM10.4 juta. Namun begitu, jumlah ini adalah pengurangan sebanyak 24.6 peratus daripada RM13.8 juta yang direkodkan pada 2013, di mana sebahagiannya berpunca daripada kecelaruan politik di negara itu.

Jeta Gardens (sebuah anak syarikat KPJ) merupakan sebuah pusat penjagaan warga tua di Australia. Ia berjaya mencatatkan kenaikan sebanyak 5 peratus dalam perolehannya dengan jumlah RM29.5 juta pada 2014 iaitu peningkatan sebanyak RM1.5 juta berbanding dengan tahun sebelumnya.

### Kelebihan KPJ – Segmen Sokongan Industri Kesihatan

Selain penjagaan kesihatan berasaskan hospital, KPJ kini mengorak langkah dengan menceburi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkaitan. Pendekatan holistik untuk perniagaan KPJ memberikan lebih daya saing dan menyumbang kepada kemapanan jangka panjang Kumpulan KPJ. Strategi ini juga mencerminkan inovasi KPJ dan kapasitinya memenuhi keperluan yang semakin luas dalam pasaran hari ini.

# BISNES
# KESIHATAN PAKAR

Pada Ogos 2014, perkhidmatan KPJ Senior Living Care (Nursing Home) mula beroperasi. Terletak di Tawakkal Health Centre (THC) yang baharu diubahsuai dan dinaiktaraf, ia menyediakan persekitaran selesa untuk pesakit warga emas yang berada di bawah penjagaan. Kelebihan utama THC ialah petugas residennya mendapat penjagaan dan pengawasan kesihatan 24 jam oleh jururawat dan petugas terlatih dan juga lawatan berkala pakar perubatan. Residen boleh memilih untuk tinggal sama ada untuk jangka masa pendek atau panjang mengikut keperluan mereka. KPJ Senior Living Care menyediakan penjagaan berkualiti untuk semua pelanggan tanpa mengira kaum, status sosial dan agama.

Sementara itu pada Oktober 2014, Pusat Pakar Mata KPJ Centre for Sight (CFS) dilancarkan di THC, bertujuan memantapkan perkhidmatan hospital. CFS kini beroperasi sebagai pusat pakar penjagaan mata yang menawarkan perkhidmatan pakar pesakit luar dan kemudahan jagaan harian optalmologi. Selain pasaran tempatan, pusat tersebut turut menyediakan pemeriksaan mata untuk warga asing termasuk bagi keluarga MM2H yang tinggal di negara ini.

### Pertambahan Jumlah Pesakit

Hospital KPJ menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada pesakit tempatan dan antarabangsa. Pada 2014, hospital KPJ memberikan perkhidmatan kepada lebih 2.8 juta pesakit berbanding 2.7 juta tahun sebelumnya. Jumlah pesakit luar mencatatkan peningkatan sehingga 2.6 peratus iaitu 2,533,882 orang berbanding 2,469,543 orang tahun sebelumnya.

Seiring peningkatan jumlah katil bagi Kumpulan KPJ sepanjang 2014, Kumpulan KPJ mencatatkan sejumlah 280,648 pesakit yang dimasukkan ke wad sekaligus menunjukkan peningkatan 8.2 peratus berbanding 259,488 pesakit bagi tempoh sama pada 2013.



### Peningkatan Prestasi Kewangan 2014

Kumpulan KPJ mencatatkan perolehan sebanyak RM2.64 bilion pada 31 Disember 2014 iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus berbanding RM2.33 bilion pada tahun sebelumnya. KPJ juga mencapai jumlah keuntungan sebelum cukai sebanyak RM215.8 juta berbanding RM157.7 juta pada 2013, peningkatan sebanyak 36.7 peratus.

### Teknologi Inovatif KPJ

Tahun yang sama, KPJ menjadi organisasi penjagaan kesihatan swasta pertama dalam ASEAN yang melabur dalam infrastruktur '*cloud*' swasta. Kumpulan KPJ membelanjakan RM17 juta dalam tempoh tiga tahun dan bakal menyaksikan sistem yang akan menghubungkan data pesakit di seluruh rangkaian hospitalnya yang semakin berkembang di seluruh negara.

### Kolej Universiti KPJ (KPJUC)

Pada 2014, KPJUC menawarkan 35 program bermula dari program asasi hingga program peringkat PhD di ketiga-tiga kampusnya. Ini mencatatkan penambahan sembilan program baharu dengan seramai 1,952 pelajar yang mendaftar pada 2014. Antara program baharu ditawarkan ialah Sarjana Radiologi dan Sarjana Pediatrik yang memulakan pengambilan pada Jun 2014. Lain-lain program termasuk Sarjana Muda Sains Kejururawatan (Kepujian), Ijazah Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian), Sijil Penjagaan Kesihatan Orang Tua, Juruteknik Dialisis dan Penjagaan Obstetrik.

Selain program akademik, KPJUC turut mengukuhkan lagi program Penyelidikan dan Pembangunannya (R&D) dengan tumpuan kepada pelajar sarjana dan PhD. KPJUC juga akan meneruskan usaha dengan institusi-institusi antarabangsa melalui kerjasama dalam R&D, penerbitan dan penyeliaan di peringkat lebih tinggi. Sebanyak 14 projek penyelidikan secara berterusan dan baharu sedang dijalankan oleh anggota pekerja KPJUC.

## BISNES
# KESIHATAN PAKAR

**MALAYSIA BOOK OF RECORDS TELAH MENGIKTIRAF KPJ SEBAGAI RANGKAIAN PENYEDIA PERKHIDMATAN PERUBATAN SWASTA TERBESAR DI MALAYSIA**

### Pengurusan Anggota Pekerja
Sehingga Disember 2014, Kumpulan KPJ mempunyai 11,626 anggota pekerja. Seramai 10,583 atau 91 peratus bertugas di hospital manakala baki 1,043 (9 peratus) berkhidmat di Ibu Pejabat Korporat dan anak syarikat. Daripada jumlah itu, 26 peratus adalah pengurus wanita. Ini membuktikan KPJ mendokong aspirasi dan dasar kerajaan untuk mempunyai 30 peratus wanita memegang jawatan penggubal dasar bagi sektor korporat yang disasarkan menjelang 2016.

Strategi Pengurusan Anggota Pekerja di KPJ bertujuan memaksimumkan potensi anggota pekerjanya melalui pembelajaran dan pembangunan, memperluaskan pengalaman, memupuk penglibatan anggota pekerja dan meningkatkan keseimbangan kehidupan dengan kerjaya, yang boleh menyumbang ke arah peningkatkan kecekapan mereka secara menyeluruh. Ini adalah hasil pelaksanaan strategi KPJ yang menjana kecemerlangan antaranya, dianugerahkan Anugerah HR Asia - Syarikat Terbaik Untuk Bekerja 2014.

Pada 2014, tiga program kepimpinan penting dianjurkan sebagai sebahagian daripada Pelan Penggantian organisasi. Peserta program ini dipilih khas dari kalangan peringkat pengurusan bagi peringkat Kumpulan dan hospital. Selain itu, KPJ menganjurkan Program Pembangunan Eksekutif untuk kali ketiga bersama Program Kepimpinan AMG-KPJ.

### Keselamatan Pesakit dan Akreditasi
Sebanyak 15 hospital KPJ telah diiktiraf dan menerima status akreditasi oleh Malaysian Society for Quality of Health (“MSQH”) dan empat lagi oleh Joint Commission International (JCI). Dua hospital yang menerima status akreditasi daripada MSQH pada awal 2014 ialah Sentosa Medical Centre dan Kuantan Specialist Hospital.

### Penghargaan dan Pengiktirafan
KPJ telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan sepanjang 2014. Pada Februari 2014, KPJ menerima Anugerah Kecemerlangan IAIR Dalam Ekonomi Global, iaitu Syarikat Terbaik Untuk Kepimpinan Kesihatan Swasta Di Malaysia.



Pada April 2014 pula, penghormatan khas diberikan oleh Malaysia Book of Records yang mengiktiraf KPJ sebagai Rangkaian Penyedia Perkhidmatan Perubatan Swasta Terbesar di Malaysia. KPJ terus diiktiraf oleh Business Media International sebagai ‘Syarikat Terbaik Asia Untuk Bekerja bagi Anugerah Asia 2014’.

### Tanggungjawab Korporat
Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) adalah satu inisiatif KPJ dalam melunaskan tanggungjawab korporat dengan menyediakan pemeriksaan dan rawatan kesihatan kepada masyarakat kurang berkemampuan. Terdapat 20 KWAN di seluruh Malaysia. Sejak ditubuhkan sehingga Disember 2014, rangkaian klinik ini merawat 1,048,797 pesakit Bumiputera dan 78,729 orang (8 peratus) pesakit bukan Bumiputera. MSQH baru-baru ini telah memberi akreditasi kepada lima KWAN hasil aspirasi berterusan dalam perkhidmatan berkualiti yang mengekalkan nilai-nilai teras KPJ iaitu keselamatan, budi bahasa, integriti, profesionalisme dan penambahbaikan berterusan.

Seramai 136 pesakit menjalani rawatan menggunakan 54 mesin dialisis yang disediakan Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang pada 2014.

Pada 10 Oktober 2014, KPJ telah menandatangani Memorandum Kerjasama dengan Yayasan OrphanCare, di bawah naungan DYMM Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom. Ini menyaksikan hospital KPJ bekerjasama dengan OrphanCare untuk menyediakan kediaman selamat untuk bayi melalui program *The Baby Hatch*.

## BISNES
# MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN




**Jumlah pendapatan bagi tahun ini meningkat kepada RM3,911.4 juta, peningkatan sebanyak 1.5 peratus daripada RM3,852.2 juta yang dicapai pada 2013.**

**Pada 2014, pendapatan daripada semua restoran dalam Kumpulan meningkat 1.8 peratus kepada RM3,234.1 juta. Pendapatan (termasuk jualan antara syarikat) dalam segmen Operasi Ayam Bersepadu Kumpulan meningkat kepada RM1,594.5 juta, peningkatan sebanyak 0.8 peratus berbanding 2013.**

## MAKANAN & RESTORAN

Pada 2014, jumlah keseluruhan kedai yang beroperasi di bawah Segmen Makanan dan Restoran terus mencapai pertumbuhan yang pesat. Jumlah kedai yang beroperasi di bawah jenama Pizza Hut dan KFC telah meningkat sebanyak 6.1 peratus kepada 1,172 unit daripada 1,105 pada 2013.

Pizza Hut dan Pizza Hut Delivery mencapai pertumbuhan sebanyak 7.5 peratus kepada 417 unit, manakala KFC sebanyak 5.3 peratus kepada 755 unit.

Syarikat beroperasi di lima negara Asia iaitu Malaysia, Singapura, Brunei, Kemboja dan India.

Walaupun jumlah pendapatan adalah lebih tinggi di Bahagian Makanan & Restoran sebanyak 1.8 peratus kepada RM3,234.1 juta pada 2014, keuntungan sebelum cukai telah merosot sebanyak 36.9. peratus kepada RM185.6 juta berbanding RM294.0 juta pada tahun sebelumnya.

## KFC

### KFC Malaysia

Pada 2014, jumlah hasil KFC Malaysia meningkat kepada RM1,965.1 juta, 1.5 peratus kenaikan daripada RM1,935.5 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya.

## BISNES
# MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN



Bagi merealisasikan komitmennya untuk menyediakan suasana dalaman restoran yang segar dan memikat pelanggan, Kumpulan telah mengubahsuai sebanyak 95 restoran pada tahun ini. Selain itu, KFC menjalankan proses penambahbaikan dan ubahsuai sebanyak 19 restoran yang terlibat dalam banjir baru-baru ini.

Pembukaan 39 restoran baharu (termasuk pemindahan 13 restoran) dan 11 penutupan telah meluaskan lagi liputan rangkaiannya dan KFC juga berhasrat untuk memenuhi keperluan golongan pelanggan yang menjalani kehidupan yang sibuk dengan lebih baik menerusi penambahan bilangan restoran yang menawarkan perkhidmatan pandu lalu.

Tahun 2014 juga telah menyaksikan kejayaan besar buat KFC apabila diiktiraf Pemegang Francais Tahun 2013 (*Franchisee of the Year 2013*). Pengiktirafan oleh Yum! Brands, Inc. itu adalah berdasarkan prestasi dan pelaksanaan yang konsisten oleh KFC Malaysia selama ini. KFC Malaysia juga menerima dua lagi anugerah iaitu Anugerah Kecemerlangan Pembangunan (*Development Excellence*) atas segala usaha dan ketabahannya dalam memacu pertumbuhan yang pesat di samping membina jenama KFC yang menarik melalui program pembangunan yang dijalankan dan juga anugerah Kecemerlangan Pemasaran (*Marketing Excellence*) bagi kecemerlangan yang telah dipamerkan dalam pemasaran sepanjang 2013 merangkumi ketiga-tiga tunggak pemasaran Yum! Brands, Inc. iaitu Nilai, Inovasi dan Teras (*Value, Innovation and Core*).

Dengan jumlah keseluruhan 605 restoran, 504 di Semenanjung Malaysia dan 101 di Sabah dan Sarawak – Kumpulan sekali lagi mengekalkan kedudukannya sebagai rangkaian restoran terbesar di Malaysia. Pada 2015, sebanyak 34 restoran baharu dirancang untuk dibuka.

### KFC Singapura
KFC Singapura meneruskan usaha untuk memberi lebih banyak pilihan kepada pelanggan dari segi citarasa dan penjimatan. Dalam mengharungi cabaran urusniaga, KFC Singapura telah mencapai kejayaan melalui kempen jualan *Rice Bucket $4*, kempen *L.O.V.E* (*Loads of Value Everyday*), *Celebration Combo $4.90* dan kempen KFC *a.m. Brekkie Burger $2* bagi mempertingkatkan jualan, dan juga inovasi-inovasi produk seperti *Zinger Double Down* dengan pemain bolasepak terkenal Ronaldo serta *Black Pepper Crunch* bagi menarik pelanggan. KFC Singapura juga telah menghasilkan sesuatu yang lain dari yang lain dengan memperkenalkan *Froyo KFC* dan Kopi KFC.

KFC Singapura mengakhiri 2014 dengan sejumlah 85 restoran, di mana terdapat sebanyak lapan pembukaan baharu, satu pemindahan dan empat penutupan.

Jualan telah meningkat dari 2013, iaitu sebanyak 0.5 peratus kepada SGD171.9 juta, iaitu kenaikan sebanyak SGD0.9 juta.

### KFC Brunei
Tiada penambahan restoran oleh KFC Brunei pada 2014. Oleh itu, jumlah restoran kekal sebanyak 16 buah. Jumlah hasil jualan menurun sebanyak 0.4 peratus kepada RM31.1 juta iaitu penurunan sebanyak RM0.1 juta. Rancangan pengembangan untuk 2015 termasuk penambahan dua restoran baharu.

### KFC Kemboja
KFC Kemboja telah mencatat penjualan sebanyak RM14.0 juta pada 2014, satu peningkatan besar dari 2013 sebanyak 12 peratus berbanding hasil jualan 2013 iaitu RM12.5 juta. Penurunan harga kos makanan telah membantu dalam peningkatan margin kasarnya pada 8.5 peratus. Dua restoran baharu telah dibina iaitu KFC AEON Mall yang dibuka pada Jun, dan KFC Boueng Keng Kong (BKK) yang dibuka pada Disember. KFC Kemboja mengakhiri 2014 dengan sejumlah 11 restoran.

### KFC India
Pada tahun kelima operasinya, KFC India melaporkan peningkatan kutipan hasil jualan sebanyak RM46.9 juta, peningkatan sebanyak RM40.8 juta berbanding hasil jualan pada 2013. KFC India kini memiliki 38 restoran, di mana lima restoran telah dibuka, sebuah dipindahkan manakala dua restoran ditutup pada 2014.

(** Penukaran matawang asing RM0.0551:INR 1 telah digunakan)

# BISNES
# MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

## PIZZA HUT

### Pizza Hut Malaysia

Hasil jualan Pizza Hut Malaysia mengalami sedikit penurunan sebanyak 1.9 peratus dengan jumlah RM484.4 juta pada 2014 berbanding RM494.0 juta tahun sebelumnya. Bagaimanapun, untuk 2015, Pizza Hut berpotensi besar untuk meraih keuntungan melalui pelbagai promosi baharu serta menarik yang dirancang.

Pada 2014, Pizza Hut melancarkan lapan promosi utama dengan produk baharu yang dilancarkan selari dengan musim perayaan. Pada Ogos, Pizza Hut Malaysia mempertingkatkan komitmen sebagai restoran piza pilihan utama menerusi penghasilan *Pan Pizza* baharu dengan rasa dan mutu lebih hebat, selain kepuasan yang dijamin. *Pan Pizza* baharu ini disediakan dengan bahan segar terbaik dan berkualiti dengan jaminan Pizza Hut untuk menggantikan piza baharu sehingga pelanggan berpuas hati.

Pizza Hut Malaysia turut menerima Anugerah Kecemerlangan Pembangunan (*Development Excellence Award*) daripada Yum! Brands Inc. hasil kerja keras dan inisiatifnya untuk meningkatkan pertumbuhan khidmat penghantaran Pizza Hut, menerusi pembukaan 40 cawangan pada 2013, berbanding 35 pada 2012. Pizza Hut terus memacu penembusan pasaran dengan menyediakan kemudahan kepada pelanggan dan memastikan Pizza Hut kekal sebagai jenama pilihan untuk segmen penghantaran piza.

Pizza Hut Malaysia mengakhiri 2014 dengan 355 restoran. Sebanyak 30 restoran baharu dibuka, lapan ditutup manakala 28 restoran menjalani proses peningkatan imej. Daripada 30 restoran pada 2014, sebanyak 19 restoran menawarkan khidmat penghantaran. Bagi 2015, Pizza Hut merancang membuka 28 lagi restoran termasuk 16 restoran yang menawarkan khidmat makan di restoran, 10 menawarkan khidmat penghantaran, dan dua menjadi Pizza Hut Express.



### Pizza Hut Singapura

Dengan trend pengguna masa kini yang lebih gemar makan di luar dan memesan makanan melalui perkhidmatan penghantaran, Pizza Hut telah mencapai kejayaan yang membanggakan melalui peningkatan dari pelancaran strategik produk seperti *Hand Stretched Thin Crust*, *Signature Series Pizzas* dan *Cheesy 7 Pockets Pizza* pada 2014. Pertumbuhan bagi segmen penghantaran meningkat didorong promosi *Big Box* dan *Double Box*, manakala konsep baharu Pizza Hut Express telah diperkenalkan bagi menguasai segmen pelanggan '*on-the-go*'.

Pendapatan meningkat sebanyak 6 peratus melebihi 2013 kepada SGD92.4 juta iaitu peningkatan sebanyak SGD5.4 juta. Pizza Hut Singapura telah mengakhiri 2014 dengan 62 restoran, di mana terdapat penambahan sembilan restoran baharu dan penutupan dua restoran.

## OPERASI AYAM BERSEPADU

Tahun 2014 menyaksikan satu lagi tahun pertumbuhan bagi Operasi Ayam Bersepadu. Kutipan hasil termasuk jualan antara syarikat meningkat sebanyak 0.8 peratus berbanding 2013 kepada RM1,594.5 juta.

Kilang pemprosesan Ayamas Food Corporation Sdn Bhd ("AFCSB") menyumbang kepada peningkatan ini, iaitu sebanyak 2.1 peratus berbanding 2013. Rangkaian restoran KFC dan Pizza Hut terus berkembang sekaligus melonjakkan angka-angka jualan dalaman.

### QSR Trading Sdn Bhd

QSR Trading Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai KFC Marketing Sdn Bhd) telah ditubuhkan pada 2001 beroperasi sebagai satu saluran jualan, pemasaran dan perdagangan bagi QSR Brands, baik di pasaran tempatan mahupun di peringkat antarabangsa.

Dengan matlamat untuk menjadi pengedar utama jenama halal yang berkualiti tinggi, anak syarikat ini telah mencapai prestasi yang baik pada 2014 dengan jualan meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada RM338.6 juta.

## BISNES
# MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN




Di samping jenama tersendiri seperti Ayamas, Life, Amy, Zippie, dan Bakers' Street; QSR Trading turut menjadi pengedar untuk jenama antarabangsa seperti Simplot, Divella, Kewpie, Lactima, Belle dan Leggo's. QSR Trading juga menjadi pembekal daging ayam halal kepada restoran KFC dan Pizza Hut seluruh Malaysia.

### Feedmill

Hasil bagi kilang makanan ternakan pada 2014 adalah RM 219 juta. Pengeluaran daging dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan Kumpulan terhadap daging ayam sekaligus meningkatkan pengeluaran makanan ternakan kepada 134,000 tan metrik. Anggaran keperluan daging ayam bagi 2015 dianggarkan terus meningkat dan jumlah makanan juga dijangka berkembang.

### Ladang Ternakan & Pusat Penetasan

Ladang-ladang ternakan menghasilkan telur yang dihantar ke pusat penetasan untuk proses penetasan anak ayam '*Day-Old-Chicks*' (DOC). Pada 2014, bahagian ini telah menghasilkan 51 juta DOCs berbanding 48 juta pada 2013, peningkatan sebanyak 6.3 peratus .

## OPERASI SAMPINGAN

### Pembuatan Sos

Region Food Industries Sdn Bhd (RFI), pengeluar sos di bawah jenama '*Life*' bagi Kumpulan dan juga untuk pasaran luar melaporkan pertumbuhan jualan sebanyak 3 peratus daripada RM118 juta kepada RM122 juta pada 2014.

Dengan nilai jualan berjumlah RM108.1 juta, jualan dalaman menyumbang 88.5 peratus daripada hasil jualan. Sementara itu, jualan domestik luaran sebanyak RM0.2 juta dan jualan eksport sebanyak RM13.8 juta telah menyumbang sebanyak 0.2 peratus dan 11.3 peratus daripada jumlah pendapatan masing-masing.

### Bakeri & Komisari

Pada 2014, bahagian bakeri telah mencatatkan jualan berjumlah RM40.3 juta dengan peningkatan sebanyak 9.1 peratus dalam pengeluaran roti ban untuk KFC. Bahagian Komisari menjana jualan sebanyak RM3.4 juta (nilai bersih jualan dalaman).

### Tepak Marketing

Tepak Marketing Sdn Bhd ("Tepak"), anak syarikat milik penuh QSR Brands menghasil, memasar dan menjual minuman mahupun minuman berkhasiat untuk pasaran tempatan dan eksport. Pendapatan Tepak bagi 2014 adalah RM30.3 juta iaitu peningkatan sebanyak 14.6 peratus berbanding 2013.

### KFCH International College

Sejak penubuhannya pada 2011, KFCH International College kini telah mempunyai dua kampus, di mana kampus induk terletak di Johor Bahru, manakala kampus cawangan terletak di Puchong. Pada 2014, kolej ini telah mencapai pendapatan berjumlah RM9.78 juta melalui program-program diplomanya, dan sebanyak RM0.11 juta dari kursus jangka pendek, serta RM0.12 juta hasil jualan di *coffee house*.

Sehingga Disember 2014, KFCH International College yang menerima jumlah kemasukan sebanyak 1,261 pada 2013 telah mencatat sebanyak 1,101 kemasukan pada 2014. Seramai 384 pelajar menamatkan pengajian dengan keputusan cemerlang pada November 2014. Visi bagi KFCH International College adalah menjadi sebuah institusi pengajian Malaysia yang unggul dan bertaraf perdana, selain menjadi peneraju untuk menyediakan kursus-kursus yang berkualiti dalam pengajian tinggi.

KFCH juga telah memperoleh akreditasi penuh daripada agensi kelayakan Malaysia (MQA) bagi semua kursus-kursus diploma di kedua-dua kampusnya kecuali dua program iaitu Diploma Pengurusan Hotel dan Diploma Pengurusan Perniagaan di mana kampus Johor Bahru masih lagi di bawah akreditasi bersyarat. Walaupun begitu, kedua-dua program ini terus berusaha mendapatkan akreditasi sepenuhnya.

Selari dengan misinya untuk memberi lebih penekanan kepada program pengajian tinggi bertaraf sijil dan diploma, dua program tambahan iaitu Diploma Sains & Teknologi Makanan serta Diploma Pengurusan Halal Toyyibban & Keselamatan Makanan telahpun diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dan kedua-dua kursus ini akan memberi peluang kerjaya kepada mereka yang mahu berkecimpung dalam bidang sains makanan dan juga Halalan Toyyiban.

# BISNES HARTANAH

## PEMBANGUNAN BERCAMPUR

**Johor Land Berhad ("JLand") menerajui Bahagian Pembangunan Hartanah Johor Corporation khususnya dalam membina kediaman, memperkaya kehidupan dan mengekalkan komuniti yang berkembang di Johor sejak lebih empat dekad lalu. Kejayaan JLand membangun dan mengekalkan rekod pencapaian yang kukuh serta cemerlang terutama dalam membina komuniti terbukti dengan pembangunan kediaman perjiranan di Perbandaran Pasir Gudang dan terkini adalah di Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.**



**Aset Ketara Bersih**

RM **1.015** BILION

2014 berbanding

RM **924** JUTA

tahun sebelumnya



# BISNES HARTANAH



## JOHOR LAND BERHAD

Kelebihan JLand ialah memiliki simpanan tanah kira-kira 1,214 hektar di lokasi strategik iaitu di tengah-tengah Iskandar Malaysia dan tanah pembangunan ini mempunyai potensi besar apabila siap dibangunkan dalam tempoh 10-15 tahun akan datang. Kepesatan pembangunan di Iskandar Malaysia adalah dengan adanya hab mega serta pusat pembangunan industri perkhidmatan termasuk sektor perubatan, kewangan dan rekreasi menjadikan Johor Bahru sebuah metropolis bertaraf dunia. Ini secara tidak langsung akan merangsang pasaran hartanah di Johor terutama permintaan untuk hartanah kediaman.

Untuk itu, JLand akan terus memperolehi manfaat kesan limpahan positif ini dengan mengekalkan jenama JLand dalam mewujudkan konsep pembangunan yang inovatif dan menyediakan kediaman berkualiti dalam kejiranan harmoni kepada pelanggan di perbandaran yang dibina.

## PRESTASI KEWANGAN

JLand terus mencatatkan prestasi memberangsangkan pada 2014 berbanding tahun sebelumnya dengan merekodkan perolehan berjumlah RM413 juta berbanding RM316 juta pada 2013 sekaligus mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM117 juta berbanding RM108 juta pada 2013.

Prestasi JLand dijangka bertambah baik pada 2015. Ini mengambilkira projek yang akan dapat disiapkan selain projek terbaharu yang akan dilancarkan walaupun keadaan pasaran hartanah dijangka lebih mencabar pada masa akan datang.

Kualiti lembaran imbangan JLand pada asasnya kekal teguh dengan aset ketara bersih meningkat kepada RM1.015 bilion pada 2014 berbanding RM924 juta tahun sebelumnya.

## BISNES
# HARTANAH




## TINJAUAN OPERASI

### Bandar Dato' Onn

JLand kini berkembang menjadi peneraju terunggul bisnes hartanah di Johor. Strategi syarikat dalam menawarkan produk yang inovatif dan menarik terus memberi kelebihan. Bandar Dato' Onn adalah antara projek seumpamanya yang ditawarkan. Merangkumi 612.69 hektar tanah pegangan bebas, pembangunan utama itu boleh dihubungi dengan mudah melalui persimpangan bertingkat dari Lebuhraya Utara-Selatan dan hanya 12 kilometer dari Pusat Bandaraya Johor Bahru. Ia dirancang sebagai sebuah bandar serba lengkap dan menjadi tumpuan bagi lebih 90,000 penduduk yang akan menjadikannya kediaman pilihan. Perbandaran ini dijadualkan siap dalam tempoh 10-15 tahun. Ia turut menyediakan lebih kurang 17,200 hartanah kediaman dan komersil dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM8 bilion.

Kecemerlangan rekabentuk, perancangan dan pembangunan Bandar Dato' Onn mendapat pengiktirafan apabila JLand menerima Anugerah Rekabentuk Perancangan (*Design Planning Award*) pada Majlis Persidangan Antarabangsa Johor Bahru Ke Arah Bandaraya Dunia (*International Conference JB Towards World City*) pada 29 April 2014.

Pengiktirafan ini memperlihatkan keupayaan Bandar Dato' Onn sebagai antara komponen penting yang menjadikan Johor Bahru sebuah metropolis dunia menjelang 2020 selain sebuah perbandaran paling indah serta moden untuk didiami di selatan Semenanjung.

Bandar Dato' Onn juga terus diiktiraf menerusi anugerah *Malaysia Landscape Architecture Award* 2013 dalam kategori *Landscape Analysis And Study Award* menerusi projek kajian iaitu '*Central Park : A Sustainable Township Park For Bandar Dato' Onn, Johor*' yang diterima sempena Majlis Penyampaian Anugerah pada 30 April 2014.

Pada Julai 2014, JLand melancarkan 74 unit kediaman teres 2 tingkat di Mutiara Heights, Taman Bukit Mutiara, Bandar Dato' Onn dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM43 juta. Pada September 2014, JLand turut melancarkan 26 unit kedai pejabat 3 tingkat di Perjiranan 15 Bandar Dato' Onn dengan GDV RM42 juta. Penglibatan JLand dalam pembangunan kediaman eksklusif di Bandar Dato' Onn dimulakan dengan pelancaran 32 unit banglo di B'Onn Hill Villas, Perjiranan 2 dengan GDV bernilai RM111 juta.

Sehingga kini, Bandar Dato' Onn menyiapkan 1,367 unit kediaman dan komersil manakala 663 unit lagi dijangka disiapkan pada 2015. Kerja-kerja pembangunan di Bandar Dato' Onn berjalan mengikut jadual dan JLand menjangkakan minat yang kukuh daripada pembeli terhadap penawaran produk yang inovatif.

# BISNES HARTANAH

### Bandar Tiram

Bandar Tiram adalah satu lagi mercu tanda hartanah JLand yang pesat dibangunkan dan menjadi pilihan pembeli yang inginkan gaya hidup moden dan mendamaikan. Pembangunan di tapak seluas 485.62 hektar itu (Bandar Tiram Fasa 1–5) merangkumi lebih 11,000 unit kediaman dan komersil. Keseluruhan projek itu mempunyai GDV bernilai RM2.6 bilion.

Bandar Tiram dibangunkan dalam beberapa fasa di mana fasa pertama perbandaran ini akan merangkumi pembangunan bercampur melibatkan 1,600 unit kediaman dan komersil dengan GDV berjumlah RM440 juta. Perancangan pembangunan dan rekabentuk rumah yang dibina oleh JLand adalah fokus utama JLand dalam memberikan kehidupan berkualiti lagi praktikal, berfungsi dan mampu dimiliki. Keseluruhan Bandar Tiram dijangka siap menjelang 2020 dan bakal mengubah Ulu Tiram menjadi kawasan Perbandaran Baharu Moden.

Pada 2014, sebanyak 167 unit rumah kediaman di Bandar Tiram disiapkan dan diserahkan kepada pembeli. Sehingga 2014, sejumlah 535 unit kediaman dan komersil di Bandar Tiram 1 dilancarkan dengan GDV berjumlah RM200 juta. Persimpangan bertingkat Bandar Tiram juga disiapkan pada 2014. Ia memudahkan akses kepada penduduk untuk terus ke Bandaraya Johor Bahru atau Kota Tinggi serta pelbagai destinasi lain melalui Lebuhraya Senai-Desaru.

### Taman Bukit Dahlia

Taman Bukit Dahlia dibangunkan di atas tanah seluas 168.75 hektar di Pasir Gudang - satu daripada koridor pertumbuhan Johor. Pembangunan bercampur itu akan menempatkan lebih 3,800 unit rumah teres dan berkembar, banglo serta kompleks komersil. Taman Bukit Dahlia mempunyai pelbagai kemudahan awam seperti Taman Bandar Pasir Gudang, sekolah, politeknik, balai polis, Hospital Pakar KPJ, bank, pasar raya besar, trek lumba dan stadium sukan. Projek ini dijangka menjana GDV berjumlah RM990 juta. Pada 2014, sebanyak 66 unit kediaman jenis banglo dan berkembar disiapkan dan diserahkan kepada pembeli.

### Taman Damansara Aliff

Taman Damansara Aliff dibangunkan di atas tapak 90.29 hektar merangkumi plot komersil, kedai pejabat, apartmen dan unit kediaman yang dimajukan oleh Damansara Realty (Johor) Sdn Bhd iaitu anak syarikat Damansara Realty Berhad ("DBhd"). Taman perumahan itu boleh dihubungi terus melalui Lebuhraya Perling-Pasir Gudang dan Jalan Tampoi. Melalui kerjasama strategik dengan DBhd, JLand telah menyiapkan 121 unit rumah teres dua tingkat jenis Aliff Puteri 2. Pada masa sama, JLand dan DBhd telah membina sejumlah 42 unit kedai pejabat yang dijangka siap pada 2015. Pada Disember 2014, JLand telah melancarkan 87 unit rumah teres dua tingkat jenis Aliff Puteri 3 dengan GDV berjumlah RM67 juta.





**11,000**
**unit kediaman dan komersil di Bandar Tiram. Keseluruhan projek itu mempunyai GDV bernilai**
**RM2.6**
**BILION**

# BISNES HARTANAH

## The Twin Residences, Tampoi

The Twin Residences adalah apartmen berkembar yang terletak bersebelahan Lebuhraya Perling-Pasir Gudang. Ia antara projek pembangunan yang sedang dibina JLand melibatkan 320 unit apartmen 14 tingkat dan dibina untuk keselesaan maksimum dengan panorama menarik serta mewujudkan kediaman selamat, selesa dan tenang untuk penghuninya. Projek ini dijangka siap pada 2015 dan keseluruhan projek ini akan menjana GDV berjumlah RM126.3 juta.







# BISNES HARTANAH



## PELABURAN

### DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") merupakan syarikat anak milik penuh Johor Corporation ("JCorp") yang menjalankan aktiviti pembangunan dan pengurusan hartanah komersil khususnya kompleks beli-belah dan bangunan pejabat. Sehingga kini, DASB menguruskan 250,000 meter persegi ruang boleh sewa yang terletak di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Bangunan–bangunan yang dimiliki dan diuruskan oleh DASB adalah terdiri daripada pusat beli-belah KOMTAR JBCC, Galleria@Kotaraya, Pasaraya Komuniti @mart Kempas dan Pusat Perniagaan Taman Dahlia, manakala menara pejabat pula meliputi Menara KOMTAR, VSQ Tower 1 dan bangunan KFCH International College.

Selain itu, DASB menguruskan bangunan milik Kumpulan JCorp iaitu Menara JCorp, Menara 238, Menara Ansar, Jeti Tanjung Leman, Tanjung Leman Beach Resort, Larkin Sentral serta Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang milik Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

**Pembukaan KOMTAR JBCC**

Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC mempunyai 168 ruang niaga yang menempatkan pelbagai jenama antarabangsa dan tempatan, Medan Selera yang dinamakan Selera Pindang, Souk yang menempatkan bazaar tempatan, penyewa utama iaitu Metrojaya dan taman tema aktiviti keluarga Angry Birds Activity Park Johor Bahru.

Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC telah dibuka kepada umum pada 18 Julai 2014 di mana sebanyak 23 penyewa telah membuka operasi perniagaan seperti Pandora, Ice Watch, Tissot, Brands Outlet, Puma, Clarks, Adidas, Vincci dan sebagainya.

Pada 21 Julai 2014, YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Besar Johor telah membuat lawatan kerja sempena pembukaan Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC ini.

Pada akhir 2014, sebanyak 86 penyewa telah membuka operasi perniagaan di Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC dengan kadar kependudukan 50 peratus dan dijangka mencapai kadar kependudukan sepenuhnya pada pertengahan 2015.

**Pembukaan Angry Birds Activity Park Johor Bahru**

DASB telah membina taman tema aktiviti keluarga Angry Birds Activity Park Johor Bahru seluas 2,150 meter persegi di KOMTAR JBCC dan yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

Pelancaran promosi untuk memperkenalkan Angry Birds Activity Park Johor Bahru kepada pihak media telah disempurnakan oleh YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif JCorp pada 26 Oktober 2014 di KOMTAR JBCC.

Pada 31 Oktober 2014, taman tema aktiviti keluarga Angry Birds Activity Park Johor Bahru di Pusat Beli-Belah KOMTAR JBCC telah dibuka kepada umum. Sehingga akhir 2014, taman tema aktiviti keluarga tersebut telah dikunjungi oleh 32,500 pengunjung di mana 85 peratus daripadanya adalah warga tempatan dan 15 peratus pelancong luar negara khususnya dari Singapura.

# BISNES HARTANAH

### Pembukaan UTC Johor di Galleria@Kotaraya

Pada 3 Julai 2014, UTC Johor di Galleria@Kotaraya telah dibuka kepada umum. UTC Johor melibatkan ruang boleh sewa seluas 7,248 meter persegi di tingkat 2, 3 dan 4 di Galleria@Kotaraya.

Pembukaan operasi UTC Johor di Galleria@Kotaraya ini melibatkan lebih daripada 34 agensi yang terdiri daripada Agensi Kerajaan Persekutuan, Agensi Kerajaan Negeri, Agensi Swasta dan Agensi Bukan Kerajaan.

Agensi yang terlibat adalah seperti Jabatan Imigresen, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Lembaga Tabung Haji, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Pendaftaran Negara, Agensi Kerajaan Negeri (MBJB, MPJBT, PTG, JAJ, MAIJ, SUK Perumahan & YPJ), Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air Johor, Telekom Malaysia, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Jabatan Pengangkutan Jalan, *Y-Centre* (Jabatan Belia dan Sukan) dan sebagainya.

Di samping itu, UTC Johor di Galleria@Kotaraya juga menyediakan kemudahan balai polis, bilik mesyuarat, jambatan penghubung Galleria@Kotaraya ke Menara Ansar, kemudahan sukan seperti futsal dan aktiviti lasak serta tempat letak kereta di Jalan Duke bagi memudahkan pengunjung di Galleria@Kotaraya.

Dengan pembukaan UTC Johor di Galleria@Kotaraya ini, jumlah pengunjung bulanan telah mencecah 200,000 orang dan menambah pendapatan peniaga di Galleria@Kotaraya. Sehingga akhir 2014, kadar kependudukan di Galleria@Kotaraya mencapai 87 peratus, di mana UTC Johor telah menyumbang sebanyak 40 peratus daripada keseluruhan jumlah kependudukan di Galleria@Kotaraya ini.

### Naiktaraf Larkin Sentral

Bagi meningkatkan keselesaan orang ramai yang berkunjung ke Larkin Sentral di samping memastikan Larkin Sentral sentiasa berada di tahap kompetitif, tiga kerja naiktaraf utama telah dilaksanakan pada 2014 iaitu menaiktaraf tandas awam, mewujudkan Perkhidmatan Teksi Berpusat dan menaiktaraf lot bazaar perniagaan di Bangunan Pasar.

Kerja-kerja menaiktaraf 61 unit tandas awam di Larkin Sentral telah siap pada pertengahan 2014 dengan melibatkan kos sebanyak RM1 juta.

Selain itu, bagi mengatasi masalah kesesakan di Hentian Teksi Larkin Sentral, pihak pengurusan telah mewujudkan Perkhidmatan Teksi Berpusat yang mula beroperasi pada 1 November 2014 dengan kos sebanyak RM1 juta.

Di samping itu, bagi memastikan penyewa terus berdaya saing, keseluruhan 114 lot perniagaan bazaar di Bangunan Pasar dinaiktaraf dalam dua peringkat. Fasa pertama naiktaraf bazaar melibatkan 74 lot perniagaan telah disiapkan pada Oktober 2014 dengan kos sebanyak RM1.7 juta. Fasa kedua dijangka siap pada pertengahan 2015. Kos keseluruhan naiktaraf bazaar ini dijangka berjumlah RM2.7 juta.

### Polis Bantuan Johor Corporation

Bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan bangunan yang diuruskan oleh DASB khususnya di pusat beli-belah, DASB telah menubuhkan Polis Bantuan Johor Corporation pada 24 Februari 2014 dengan perjawatan seramai 166 orang.

Penyerahan sijil kelulusan oleh Datuk Wira Ayub Yaakob, Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah PDRM Bukit Aman kepada YB Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif JCorp telah disempurnakan pada 3 Jun 2014 di Kompleks Mutiara Johor Land bersempena Simposium Polis Bantuan SeMalaysia 2014.

Pengambilan pertama seramai 12 anggota yang berpengalaman dan telah lulus kursus asas dilaksanakan pada 10 Jun 2014 manakala seramai 29 pelatih telah dihantar menjalani Kursus Asas Polis Bantuan di PULAPOL Bukit Sentosa, Rawang dan tamat dengan jayanya pada 11 Oktober 2014.

### Pembukaan Pejabat Korporat DASB Kuala Lumpur di VSQ Tower 1

Pejabat Korporat DASB di Kuala Lumpur telah berpindah dari Pusat Bandar Damansara ke bangunan baharu miliknya iaitu VSQ Tower 1, Petaling Jaya pada 16 Jun 2014. Pejabat baharu setinggi 19 tingkat ini mempunyai keluasan 15,995 meter persegi dan dilengkapi dengan hampir 1,000 tempat letak kereta.

VSQ Tower 1 menempatkan bukan sahaja Pejabat Korporat DASB di Kuala Lumpur tetapi juga pejabat Damansara REIT Managers Sdn Bhd, Premier Revenue Sdn Bhd dan juga bakal menempatkan pejabat QSR Brands sebagai penyewa utama bermula pertengahan 2015.

### Pengurusan Menara 238

DASB telah diberi kepercayaan untuk menguruskan bangunan baharu milik KPJ Healthcare Berhad setinggi 36 tingkat iaitu Menara 238 bermula April 2014. Menara 238 mempunyai keluasan 45,613 meter persegi dan dilengkapi dengan hampir 900 tempat letak kereta, kolam renang di bumbung dan juga kafe. Penyewa utama menara pejabat ini adalah Polis Diraja Malaysia selain menempatkan Ibu Pejabat KPJ Healthcare Berhad.

# BISNES HARTANAH

### Penjualan Hartanah kepada Al-Salām REIT

Pada 15 September 2014, DASB telah memajukan permohonan kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi penjualan empat hartanahnya bernilai RM625.2 juta yang terdiri daripada KOMTAR JBCC, Menara KOMTAR, Pasaraya Komuniti @mart Kempas dan Bangunan KFCH International College Bandar Dato' Onn kepada Al-Salām REIT. Pihak Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan permohonan tersebut pada 18 Februari 2015 dan dijangka disenaraikan di Bursa Malaysia pada suku ketiga 2015.

### Kedudukan Kewangan Syarikat 2014

Pendapatan Kumpulan DASB sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM36.67 juta berbanding tempoh sama pada 2013 sebanyak RM81.02 juta. Sebahagian besar daripada penurunan pendapatan 2014 adalah disebabkan oleh penjualan Kedai Pejabat Kempas Town Centre yang telah selesai pada 2013 menyebabkan pengurangan pendapatan DASB sebanyak RM29 juta dan juga penjualan Pusat Bandar Damansara pada akhir 2013 yang menyebabkan pengurangan pendapatan anak syarikat DASB, Bukit Damansara Development Sdn Bhd ("BDDSB") sebanyak RM14.7 juta.

Bagaimanapun, Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan DASB sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM104.7 juta berbanding bagi tempoh sama pada 2013 sebanyak RM5.3 juta. Peningkatan dalam Keuntungan Sebelum Cukai tersebut khususnya disumbangkan oleh keuntungan ke atas penjualan tanah komersil di Jalan Storey dan Terminal Bas Sentral Kotaraya berjumlah RM82.5 juta.

## AL-'AQAR HEALTHCARE REIT

### PENGENALAN

Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar") didaftarkan di Papan Utama Bursa Malaysia sejak Ogos 2006. Ia merekodkan banyak peristiwa penting, antaranya penyenaraian REIT Islam pertama di dunia; REIT kesihatan Islam pertama di Asia; serta menjadi penunjuk aras bagi pembangunan REIT Islam di Malaysia dan rantau ini. Pada 31 Disember 2014, saiz aset Al-'Aqar ialah RM1.5 bilion dengan modal pasaran RM961 juta.

Al-'Aqar disokong KPJ Healthcare Berhad ("KPJ") selaku penyedia penjagaan kesihatan swasta terkemuka di Malaysia dan berada dalam kalangan 100 syarikat awam terbesar di Bursa Malaysia. Al-'Aqar diuruskan Damansara REIT Managers Sdn Bhd ("DRMSB") atau "Pengurus", anak syarikat milik penuh Johor Corporation. Al-'Aqar ditubuhkan dengan portfolio awal enam aset dan berkembang kepada 25 aset terdiri daripada 21 hospital dan empat hartanah berkaitan kesihatan pakar di seluruh Malaysia selain Indonesia dan Australia.

**Saiz Aset**

**RM1.5 BILION**

dengan modal pasaran

**RM961 JUTA**



Objektif pelaburan utama Al-'Aqar adalah untuk menyediakan pemegang unit dengan pengagihan setiap unit stabil dengan potensi pertumbuhan mapan jangka panjang dan nilai aset bersih (NAV) seunit.

## TINJAUAN OPERASI

### TINJAUAN KEWANGAN

Al-'Aqar mencatatkan pendapatan kasar RM108.6 juta pada 2014 berbanding RM107.4 juta pada 2013 iaitu peningkatan 1.1 peratus. Nilai aset bersih meningkat 1.1 peratus daripada RM101.3 juta pada 2013 kepada RM102.4 juta pada 2014. Pendapatan bersih yang dihasilkan bagi dana meningkat 8.7 peratus kepada RM59.6 juta pada 2014 dari RM54.8 juta pada tahun sebelumnya. Prestasi yang bertambah baik ini disumbang terutama oleh kenaikan pendapatan sewa tahunan.

Keuntungan bagi tahun kewangan 2014 adalah RM71.3 juta terdiri daripada keuntungan nyata sebanyak RM59.9 juta dan keuntungan tidak nyata RM11.4 juta. Keuntungan nyata 2014 ialah RM59.9 juta sekaligus menunjukkan peningkatan 11.6 peratus berbanding RM53.6 juta pada 2013. Ini disumbangkan penjimatan kos kewangan daripada inisiatif pengurusan modal. Hasil nilaian saksama 2014 adalah lebih rendah iaitu RM11.4 juta berbanding RM19.7 juta pada 2013.

Nisbah Perbelanjaan Pengurusan Dana (NPP) sebanyak 0.50 peratus (2013: 0.26 peratus) adalah antara yang terendah dalam industri M-REIT. Jumlah pendapatan yang boleh diagihkan bagi 2014 ialah RM59.9 juta atau 11.6 peratus lebih tinggi daripada 2013 sebanyak RM53.6 juta. Hasil pengagihan merosot sedikit daripada 5.90 peratus kepada 5.54 peratus sejajar kenaikan harga pasaran daripada RM1.33 pada 2013 kepada RM1.38 pada 2014. NAV seunit ialah RM1.19, peningkatan 1.7 peratus daripada 2013 disebabkan penilaian semula aset.

# BISNES HARTANAH

## TINJAUAN HARTANAH

### Inisiatif Peningkatan Aset

Pada 2014, Al-'Aqar mengambil inisiatif peningkatan aset yang terdiri daripada penggantian menyeluruh air sejuk pendingin (*water-cooled chiller*), menara penyejuk (*cooling tower*), pengubah (*transformer*), lif, penggera kebakaran dan mengecat semula bangunan. Sebahagian daripada penggantian dan kerja mengecat semula masih dijalankan pada 2015.

### Profil Tempoh Pajakan

Peratusan hartanah yang akan tamat tempoh pajakan adalah pada tahap terkawal. Al-'Aqar mempunyai profil tempoh pajakan seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

| Tahun Kewangan | Bilangan Hartanah | Jumlah Hartanah (%) |
|---|---|---|
| 2015 | 16 | 64.0 peratus |
| 2016 | 3 | 12.0 peratus |
| 2017 | 6 | 24.0 peratus |

Terma penyewaan adalah penyewaan tiga tahun dengan pilihan untuk pembaharuan selama tempoh tiga tahun. Walaupun kebanyakan aset akan diperbaharui tempohnya pada 2015, Pengurus tidak meramalkan sebarang masalah dalam bayaran pajakan disebabkan struktur sewa sedia ada akan kekal berdasarkan terma pajakan sehingga kadar sewa baharu dipersetujui Al-'Aqar dan KPJ.

## INISIATIF PENGURUSAN MODAL

Pengurus akan terus komited menguruskan modal Al-'Aqar bagi memastikan ia terus beroperasi di samping memaksimumkan pulangan kepada pihak berkepentingan dengan mengoptimumkan keseimbangan hutang dan ekuiti. Penerbitan RM655 juta Sukuk 5 Tahun di bawah Terbitan 1 oleh Al-'Aqar Capital Sdn Bhd telah dilaksanakan dalam tahun kewangan 2013. RAM Ratings mengesahkan taraf AAA/Stabil dan AA2/Stabil untuk Sukuk Ijarah Kelas A RM272 juta dan Kelas B RM55 juta, berdasarkan bayaran pajakan stabil dari KPJ, ciri-ciri struktur urusniaga dan liputan pembayaran hutang serta pinjaman-untuk-nilai nisbah sepadan penarafan masing-masing. Sumber utama dana Al-'Aqar Capital Sdn Bhd bagi memenuhi obligasinya di bawah Terbitan 1 adalah pendapatan sewa dari Al-'Aqar, yang seterusnya bergantung kepada bayaran pajakan daripada pengendali hospital. Pengurus menjangka KPJ dapat memenuhi obligasi pajakan tanpa kesukaran, manakala pegangan kepentingan KPJ dalam Al-'Aqar dan kepentingan strategik hospital untuk operasi KPJ menyediakan insentif kukuh bagi memastikan prestasi berterusan untuk urusniaga tersebut.

## PROSPEK AL-'AQAR

Berikutan penurunan harga minyak mentah, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka menguncup pada kadar yang stabil dan perlahan. Dengan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dijangka kekal stabil, situasi ini akan menguntungkan REIT, memandangkan kadar hasil yang mantap dan kos faedah atas pinjaman yang stabil.

Bagaimanapun, pengambilalihan pada masa depan dijangka lebih mencabar sejajar pelaksanaan GST pada 1 April 2015 apabila semua pembelian aset komersil akan tertakluk kepada 6 peratus GST yang mungkin mengakibatkan pulangan aset menjadi kurang menarik. Pada masa sama, langkah penyejukan yang diambil kerajaan terhadap industri hartanah yang diperkenalkan pada 2013 juga berjaya mengawal pasaran hartanah yang semakin meningkat dan pakar industri masih belum melihat hala tuju yang jelas dalam pasaran hartanah tempatan pada 2015. Memandangkan prospek pasaran hartanah yang semakin mencabar, pulangan hasil yang lebih rendah dijangka dialami M-REIT yang mempunyai aset komersil dan pejabat. Namun, Al-'Aqar yang kurang bergantung kepada kitaran pasaran hartanah mampu bertahan dengan tekanan unjuran ekonomi yang suram.

Industri kesihatan pakar akan dipacu oleh demografi domestik yang menggalakkan seperti populasi penduduk yang semakin mewah, peningkatan kesedaran kesihatan dan usia populasi yang semakin meningkat. Prospek kelihatan sihat memandangkan KPJ terus aktif mengambilalih dan membangunkan hospitalnya. Pengambilalihan pembangunan baharu di Kolej Universiti KPJ, Nilai yang diumumkan pada Oktober 2014 dijangka siap pada separuh pertama 2015. Pengambilalihan ini akan menambah RM77.8 juta lagi kepada portfolio Al-'Aqar yang sentiasa berkembang.

Walaupun mengecapi kejayaan, Pengurus komited menggandakan usaha mengembangkan lagi industri penjagaan kesihatan yang semakin meningkat. Pengurus sedang menilai beberapa cadangan perniagaan yang menawarkan aset berkaitan penjagaan kesihatan. Pengambilalihan aset pihak ketiga diharapk membolehkan Al-'Aqar menjadi kurang bergantung kepada KPJ sekaligus meluaskan pendapatan asas pada masa depan.

# BISNES INTRAPRENEUR

**Johor Corporation ("JCorp") sebagai sebuah agensi pembangunan ekonomi Johor diberi peranan penting melaksana dan memperkukuhkan program pembangunan usahawan di negeri ini. Penglibatan JCorp tidak hanya terhad kepada memberi sokongan terhadap pembangunan individu sebagai usahawan malah membuka peluang bisnes di bawah Rumpun Enterprais JCorp.**










JCorp juga mengambil peranan mempertingkatkan keupayaan dari aspek penyediaan kemahiran dan pengetahuan pengurusan selain menyediakan premis dan infrastruktur bisnes yang bersesuaian bagi kejayaan pembangunan usahawan secara holistik.

Sehingga 31 Disember 2014, terdapat 40 syarikat diletakkan di bawah Skim Intrapreneur JCorp. Perolehan dicatatkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM558.8 juta. Manakala prestasi keuntungan sebelum cukai bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 menunjukkan penurunan kepada RM22.82 juta berikutan penyenaraian syarikat E.A. Technique (M) Berhad di Bursa Malaysia pada 11 November 2014.

Bilangan syarikat intrapreneur yang mencatatkan keuntungan sebelum cukai melebihi RM1 juta adalah sebanyak sembilan syarikat. Pada masa sama, pemantauan bisnes secara berterusan dilakukan JCorp khususnya melalui syarikat induk masing-masing terhadap semua syarikat intrapreneur sejajar dengan sinergi bisnes yang dijalankan antara syarikat induk dengan syarikat intrapreneur di bawahnya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, sebanyak 22 syarikat intrapreneur berada di bawah Kulim (Malaysia) Berhad; KPJ Healthcare Berhad (tiga); QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd (dahulunya QSR Brands Bhd) (tiga); Waqaf An-Nur Corporation Berhad (dua); dan 10 syarikat di bawah pemantauan langsung JCorp.

# PEMBANGUNAN

## RUMAH MAMPU MILIK

### Pembangunan Rumah Kos Rendah dan Mampu Milik Johor

Sebagai warga korporat bertanggungjawab, JLand menzahirkan kesediaan untuk terus membantu kerajaan negeri dalam menjayakan Dasar Perumahan Rakyat Johor. Ini terbukti dengan termeterai Memorandum Perjanjian (MoA) Pembangunan Perumahan Kos Rendah dan Mampu Milik antara Johor Corporation dengan Kerajaan Negeri Johor pada September 2013.

Melalui MoA itu, JLand akan melaksanakan pembinaan 8,000 unit perumahan kos rendah dan rumah mampu milik Johor (RMMJ) di tapak seluas 68.79 hektar di beberapa lokasi utama di Bandar Dato' Onn, Ulu Tiram, Larkin, Kempas dan Majidee. Pembangunan secara berperingkat itu dijadualkan siap sepenuhnya pada 2020.

Bagi merealisasikan matlamat itu, JLand akan melaksanakan pembangunan Fasa 1 melibatkan pembinaan 3,634 unit rumah kos rendah dan mampu milik secara berperingkat. Ia dijangka siap pada 2017. Projek pertama yang dibangunkan adalah di Taman Seroja, Tampoi melibatkan 304 unit rumah kos rendah merangkumi enam blok rumah pangsa (empat blok rumah pangsa RM35,000 seunit, satu blok rumah pangsa RM50,000 seunit dan satu blok rumah pangsa RM80,000 seunit). Projek ini dijangka siap pada awal 2015. Pembangunan perumahan rakyat itu dibina di tapak seluas 2.99 hektar dengan kos pembangunan RM34 juta.

Pada September 2014, Majlis Pecah Tanah Rumah Mampu Milik di Bandar Dato' Onn disempurnakan YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor. Projek pembangunan rakyat itu meliputi pembinaan 1,016 unit rumah mampu milik melibatkan beberapa fasa. Fasa 1 dan 2 masing-masing berjumlah 508 unit iaitu Perumahan Komuniti Johor Jenis B. Pelaksanaan kerja-kerja penyediaan tapak bagi 508 unit Fasa 1 menggunakan teknologi '*Industrialised Building System*' (IBS) telah bermula pada Februari 2014. Ia meliputi pembangunan di tapak seluas 6.53 hektar dan kerja pembinaan Perumahan Komuniti Johor Jenis B ini dijangka siap awal 2017.






Projek perumahan rakyat lain akan dilancarkan di Bandar Tiram Fasa 1 melibatkan 630 unit; Bandar Tiram Fasa 3 (450); Bandar Baru Majidee (400) ; Kempas (360) dan Larkin (340). Pelbagai kemudahan asas seperti tadika, surau, dewan serbaguna, gerai, tempat letak kereta, pejabat pengurusan, taman permainan dan kawasan lapang turut dirancang untuk dibina bagi memenuhi keperluan komuniti perumahan tersebut.

JLand sebagai sebuah syarikat dalam Kumpulan JCorp berperanan sebagai agen pembangunan negeri yang berpengalaman dalam membina projek hartanah berimpak tinggi tanpa melupakan komitmen dan tanggungjawab untuk terus membantu kerajaan negeri melaksanakan agenda menyediakan projek perumahan rakyat dan kediaman yang mampu dimiliki rakyat Johor.

# PEMBANGUNAN




| Bil | Projek | Jumlah Unit Tahun (2013-2020) | Jumlah Unit Dalam Tempoh 5 Tahun (2013-2017) | Tempoh Projek | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Mula | Siap |
| 1 | Taman Seroja, Tampoi | 304 | 304 | 2012 | 2015 |
| 2 | Bandar Tiram Fasa 1 | 630 | 630 | 2014 | 2019 |
| 3 | Bandar Dato' Onn | 4,606 | 1,150 | 2014 | 2020 |
| 4 | Bandar Tiram Fasa 3 | 1,360 | 450 | 2015 | 2020 |
| 5 | Bandar Baru Majidee | 400 | 400 | 2015 | 2018 |
| 6 | Kempas | 360 | 360 | 2015 | 2018 |
| 7 | Larkin Central Park | 340 | 340 | 2015 | 2018 |
| | **Jumlah** | **8,000** | **3,634** | | |

# PEMBANGUNAN





**TPM Technopark Sdn Bhd ("TTSB") adalah syarikat anak milik penuh Johor Corporation ("JCorp") yang terlibat dalam perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur serta ejen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik JCorp.**

**Pada 2014, TTSB menjual 113 hektar tanah industri milik JCorp bernilai RM289 juta sekaligus menyaksikan peningkatan 10 peratus berbanding 2013.**

## INDUSTRI

### TPM TECHNOPARK SDN BHD

#### Pencapaian Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, perolehan TTSB serta syarikat dalam Kumpulan susut kepada RM44.02 juta berbanding RM138.11 juta pada 2013. Penyusutan perolehan sebanyak 68 peratus disebabkan pindaan terhadap transaksi '*Development Rights Agreement*' (DRA) bagi Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat pada Ogos 2014.

Dari segi operasi syarikat, keuntungan sebelum cukai berjumlah RM17.43 juta mencatatkan peningkatan 28 peratus berbanding RM13.6 juta pada 2013. Sejajar dengan peningkatan keuntungan itu, TTSB dan syarikat dalam Kumpulannya mencatat keuntungan selepas cukai berjumlah RM11.6 juta.

#### Program Pemasaran

TTSB sentiasa fokus dalam misi menarik pelaburan dari luar negara sekaligus memperkenalkan Johor sebagai lokasi pilihan pelabur di Malaysia. Sepanjang 2014, TTSB giat menyertai misi pelaburan anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia ("MIDA") ke luar negara antaranya Singapura, China, Australia, Jerman dan Sepanyol.

Pada 3 November 2014, TTSB menganjurkan majlis minum petang bersama pelabur bertujuan memberi penghargaan kepada mereka yang menyumbang kepada pembangunan industri di Johor; di samping memberi peluang serta kesempatan kedua-dua pihak untuk berinteraksi dan beramah mesra.

# PEMBANGUNAN

### Pengurusan Projek

Mendokong peranan selaku pengurus projek, TTSB turut menguruskan beberapa projek Kumpulan JCorp yang dianggarkan bernilai RM262 juta. Antara projek itu ialah pembangunan Kem Askar Timbalan Setia Negeri di Jalan Tasek Utara, Johor Bahru; pembinaan pusat penyelidikan dan pembangunan di Kota Tinggi; serta pembinaan kilang biomas dan tangki simpanan minyak di Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) Tanjung Langsat.

TTSB juga menjadi pengurus projek Pejabat Pembangunan Negeri Johor (“SDO”). Sepanjang 2014, TTSB menguruskan 14 projek pembinaan masjid dan dewan raya di beberapa daerah di Johor bernilai RM22 juta serta sembilan projek dalam perancangan bernilai RM15 juta.

Sehingga 31 Disember 2014, TTSB telah menyiapkan 32 projek bernilai RM340 juta dan sumbangan terbesar adalah melalui projek menaiktaraf KOMTAR JBCC di samping penyempurnaan beberapa projek SDO.

### Pembinaan Premium Corporate Premises

TTSB merancang mempelbagaikan program sumber pendapatan merangkumi projek yang mampu memberi kelangsungan kepada perniagaan terasnya. Antaranya ialah pembinaan Premium Corporate Premises yang menawarkan 14 unit kilang siap bina di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang Zon 12B yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung April 2015.

### Pembangunan Taman Perindustrian Sedenak

Kawasan seluas 283 hektar di Taman Perindustrian Sedenak dikenalpasti untuk dijadikan pusat pembangunan pangkalan data seperti diumumkan Kerajaan Malaysia. Ini secara tidak langsung memperkenalkan Johor sebagai pusat pangkalan data kedua di Malaysia.

Cadangan tersebut telah dimuktamadkan melalui perjanjian ‘*Customised Incentive Condition of Offer*’ (CIC) di antara Kerajaan Malaysia dan bakal pelabur pada 12 Mac 2015.

### Unjuran Masa Hadapan

Bagi prospek 2015, selain penjualan tanah serta kutipan jualan tanah industri, TTSB melalui JCorp turut giat merancang untuk terus membangunkan kawasan industri baharu antaranya di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat Zon 5, pembangunan Sungai Lebam, kawasan perindustrian Pengerang serta Transformasi Kota Tinggi.



**TTSB**
menyiapkan
**32**
**projek bernilai RM340 JUTA**

Sumbangan terbesar adalah melalui projek menaiktaraf KOMTAR JBCC di samping penyempurnaan beberapa projek SDO

# PEMBANGUNAN

**Kemerosotan mendadak harga minyak dunia mencetuskan persekitaran operasi yang tidak menentu bagi industri minyak dan gas (O&G). Harga minyak mencatatkan penurunan pada paras terendah USD115 setong pada Jun 2014 kepada USD55 setong pada Disember 2014 mendorong kepada satu lagi pusingan kemelesetan ekonomi global.**



## PELABUHAN TANJUNG LANGSAT

Krisis ini secara tidak langsung memberi kesan kepada Pelabuhan Tanjung Langsat ("TLP") terutama pada separuh kedua tahun 2014 kerana aktiviti pemerdagangan minyak daripada pelabur merupakan aktiviti utama di TLP. Penurunan konsisten harga minyak dunia ini sekaligus memberi impak kepada aktiviti perdagangan minyak yang mana ia bergantung terus kepada harga minyak dunia dalam mengekalkan operasi yang lebih berdaya maju.

TLP mencatatkan peningkatan 25 peratus dalam pengendalian kargo cecair pada enam bulan pertama 2014 berbanding tempoh sama pada 2013. Bagaimanapun, rentetan krisis harga minyak, jumlah kargo cecair di TLP merosot sebanyak 18 peratus pada separuh kedua tahun 2014. Walaupun senario menunjukkan turun naik harga minyak pada 2014, kargo cecair masih mencatatkan peningkatan 0.5 peratus dalam jumlah dagangan bagi 2014 hasil daripada minyak bahan api, petrol dan minyak makan (*edible oil*).

Dalam tempoh sama, pengendalian kargo kering mengalami penurunan sebanyak 22 peratus. Kargo tradisional seperti bijih besi juga mengalami penurunan harga komoditi walaupun masih menunjukkan prestasi yang baik sebelum 2013. Bagaimanapun, pertambahan lebih banyak kilang yang akan dibangunkan di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat (TLIC) pada masa akan datang dilihat positif dan merupakan petanda baik dengan unjuran bilangan kargo kering yang lebih tinggi pada tahun akan datang. Jumlah kargo dicatatkan pada 2014 adalah 11.61 juta tan dengan sedikit peningkatan berbanding pada 2013 sebanyak 11.60 juta tan.

Terletak di antara laluan perkapalan paling sibuk di dunia dan berdekatan pusat perdagangan antarabangsa Singapura memberi kelebihan kepada TLP dan menjadikan terminal ini dalam kedudukan yang baik sebagai penyedia perkhidmatan O&G serantau.

### Transformasi Perniagaan

Pencapaian ini adalah kesan langsung daripada transformasi perniagaan yang dilaksanakan TLP dalam memastikan peningkatan keberkesanan operasi selari dengan aktiviti penambahbaikan kemudahan jeti kargo cecair dan kargo kering yang memberi faedah secara langsung kepada TLP yang juga telah berjaya menjadi sebuah pelabuhan khusus untuk memenuhi tuntutan industri O&G semasa.

### Kemudahan Penuhi Permintaan

TLP membuat pelaburan yang besar untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dari segi peningkatan infrastruktur dan kemudahan bagi membolehkan pelabuhan itu berdaya saing dalam memenuhi pertumbuhan permintaan.

# PEMBANGUNAN

Tambahan Dermaga 8 dan 9 akan memastikan TLP terus mencatatkan pertumbuhan dua angka dan bakal menarik lebih ramai pelabur untuk membuat pelaburan strategik di TLP. Apabila operasi sepenuhnya dilaksanakan pada Ogos 2015, dua dermaga baharu itu akan menambah kapasiti penyimpanan tambahan 10 juta meter padu atau peningkatan sebanyak 56 peratus dalam pengendalian kapasiti kargo cecair 18-28 juta tan metrik. Selain itu, ia turut memberi kelebihan kepada pengguna pelabuhan semasa seperti Trafigura, Shell, Petco, Dialog, MISC dan PUMA selain membuka peluang kepada pelabur baharu. Jumlah panjang dermaga TLP hujung selatan (Dermaga 9) sehingga hujung utara (Dermaga 8) adalah sepanjang 2.069 kilometer menjadikannya antara jeti cecair terpanjang di Malaysia.

Jumlah kargo kering mencatatkan kurang 5 peratus daripada jumlah per tan kargo TLP dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini. Per tan kargo yang rendah adalah dijangka memandangkan hanya 40 peratus daripada komitmen pelaburan di TLIC sedang dalam pembinaan atau peringkat operasi. Bagaimanapun, dengan penubuhan Langsat OSC Sdn Bhd ("LOSC") dan Langsat Marine Terminal Sdn Bhd ("LMT") yang bakal beroperasi pada Julai dan Oktober 2015 akan datang, TLP menjangkakan menerima lebih banyak kargo pukal. Kerja mengeruk bagi meningkatkan kedalaman air di jeti kargo kering kepada 11 meter telah disiapkan pada Julai 2014. Sehingga kini, dua dermaga kargo kering di TLP sepanjang 450 meter ini boleh menampung kapal sehingga 40,000 dwt.

### Pengguna Baharu

TLP terus mendapat permintaan pelabur untuk menubuhkan operasi mereka di kawasan pelabuhan. Untuk memperkukuhkan kedudukan, TLP meluaskan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia ("MIDA"), Pusat Pelaburan Negeri Johor ("JSIC"), IRDA serta Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor ("JPDC").

Musim Mustika, anak syarikat Musim Mas Group adalah antara pengeluar minyak makan terbesar dari Indonesia yang menubuhkan aktiviti bersepadu di TLIC. Dirasmikan pada September 2014, Musim Mustika berupaya menyumbang purata hampir 25,000 tan produk setiap bulan.

Puma Energy, sebuah syarikat bersekutu Trafigura Beeher BV pula membangunkan aktiviti dan kemudahan di TLP untuk mengembangkan operasi bitumennya. Kilang itu mula beroperasi pada Jun 2014.

### Regional Marine Supply Base & Logistic Hub

'*Regional Marine Supply Base*' (RMSB) sedang dibangunkan secara usahasama di antara JCorp bersama Oilfields Supply Centre Ltd ("OSC"). Pembangunan Fasa 1 yang merangkumi pembinaan 17 unit kilang pengeluaran melibatkan pelaburan RM106 juta dijangka siap pada Mei 2015. Projek itu telah memperolehi beberapa penyewa syarikat O&G multinasional sejajar dengan matlamatnya untuk menyediakan perkhidmatan sokongan kepada penerokaan dan pengeluaran aktiviti O&G serantau.

Gudang dan hab logistik sedang dibangunkan oleh LMT yang juga merupakan anak syarikat milik penuh JCorp. Ia menyediakan Gudang Berlesen Awam dan *Open Yards* bersama *Bonded Land*. Pembangunan hab itu kini berjalan lancar dan akan mula beroperasi pada Oktober 2015.

### Fabrikasi Luar Pesisir dan Hab Maritim

Matlamat TLP adalah menjadi sebuah pelabuhan bersepadu yang menyediakan peluang perniagaan yang pelbagai terutama untuk perniagaan O&G. Pada masa kini, TLP mempunyai jeti kargo cecair dan jeti kargo kering, terminal penyimpanan bahan cecair, tanah perindustrian dan RMSB.

Terdapat banyak permintaan untuk menubuhkan kemudahan fabrikasi luar pesisir di TLP. Bagaimanapun, faktor ruang yang terhad menyukarkan TLP untuk memenuhi kehendak pelabur. Atas pertimbangan faktor kepentingan aktiviti ini, JCorp kini membangunkan 171.99 hektar tanah yang terletak bersebelahan kawasan pelabuhan sebagai pusat fabrikasi luar pesisir baharu dan hab maritim. Projek ini akan dapat menampung aktiviti fabrikasi, pembinaan kapal, pembaikan kapal serta pengeluaran dan pengedaran produk peralatan maritim.

### Prospek Masa Hadapan

Terdapat peluang yang boleh dimanfaatkan TLP dalam krisis yang berlaku. Harga minyak mentah yang rendah telah menggalakkan syarikat penapis dan pedagang minyak mengumpul stok atas jangkaan harga minyak akan meningkat pada masa hadapan sekaligus melonjakkan permintaan terhadap terminal penyimpanan. Ringgit yang lemah juga memberi peluang pelabur asing menubuhkan operasi mereka di Malaysia pada kos lebih rendah.

Krisis semasa dijangka berakhir tidak lama lagi. Bagaimanapun harga minyak dijangka tidak akan kembali ke paras yang begitu tinggi seperti sebelum ini kerana masih terdapat tanda-tanda seperti bekalan minyak yang berlebihan. Dengan statusnya sebagai antara lokasi peneraju industri O&G di rantau ini maka TLP sedia memainkan peranan lebih penting sebaik sahaja tamat krisis minyak ini.

# PEMBANGUNAN



**Pembiayaan kepada usahawan adalah melalui kerjasama Permodalan Usahawan Nasional Berhad ("PUNB") yang bersetuju membiayai sehingga**



**90 peratus**



## USAHAWAN

Selaras dengan aspirasi kerajaan, Johor Corporation ("JCorp") berusaha menambah bilangan usahawan melalui satu lagi syarikat anaknya, KARA Holdings Sdn Bhd dengan menawarkan peluang perniagaan melalui Skim Perlesenan Korporat bagi outlet Kedai Ayamas di seluruh negara.

Pada Disember 2014, enam outlet dijadikan perintis kepada Skim Perlesenan Korporat ini yang mana pembiayaan kepada usahawan adalah melalui kerjasama Permodalan Usahawan Nasional Berhad ("PUNB") yang bersetuju membiayai sehingga 90 peratus daripada modal diperlukan melalui Skim Pembiayaan Usahawan Bumiputera.

Penawaran Skim Perlesenan Korporat ini adalah inisiatif di bawah kendalian Ayamas Shoppe Sdn Bhd dengan kerjasama PUNB dan disokong Unit Peneraju Agenda Bumiputera ("TERAJU").

Menerusi Skim Perlesenan Korporat bagi outlet Kedai Ayamas ini, Ayamas Shoppe Sdn Bhd akan menawarkan peluang kepada usahawan yang berminat mengendalikan Kedai Ayamas.

Penyenaraian E.A. Technique (M) Berhad di Papan Utama Bursa Malaysia pada 11 Disember 2014 pula merupakan satu lagi bukti kejayaan Syarikat Intrapreneur JCorp yang memiliki kualiti dan jati diri untuk terus berkembang serta maju ke hadapan.

Pada November 2014, Syarikat Pengangkutan MAJU Berhad ("MAJU") memenangi anugerah *Special Merit Operator* bagi Kategori Pengendali Terbaik Bas Henti-Henti pada majlis *Land Public Transportation Symposium Award 2014*.

Pencapaian ini adalah antara rekod dan bukti bahawa JCorp sangat komited dalam melaksanakan program pembangunan usahawan bukan sahaja di Johor malah sehingga ke peringkat antarabangsa.

# PEMBANGUNAN

## MODAL INSAN

Johor Corporation ("JCorp") menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang 2014 bertujuan mewujudkan suasana kerja yang kondusif seterusnya melahirkan anggota pekerja cemerlang dan berinovasi tinggi.

Antara aktiviti yang diperkenalkan sejak 1985 ialah Perhimpunan Dialog dan Amanat (PEDOMAN). Majlis itu diteruskan hingga hari ini dan dianjurkan dua kali setahun; masing-masing pada Januari dan Julai. Majlis PEDOMAN Johor Corporation 2014 melibatkan anggota pekerja diadakan pada 8 Januari 2014 manakala PEDOMAN Eksekutif diadakan pada 3 Julai 2014.

Selain PEDOMAN, peluang semua anggota pekerja mengemuka dan membincangkan isu melibatkan tugas, operasi serta penambahbaikan secara langsung dengan Presiden & Ketua Eksekutif JCorp adalah terbuka melalui Sesi Bersama Presiden. Sesi ini turut menzahirkan keterbukaan pihak pengurusan dalam menerima pandangan dan cadangan anggota pekerja.

Bagi tujuan mengenalpasti tahap kepuasan anggota pekerja dan aspek yang menyumbang kepada ketidakpuasan hati anggota pekerja, JCorp melaksanakan satu kajian menyeluruh melalui soal selidik secara atas talian (*online*). Seramai 308 anggota pekerja (91 peratus) terlibat dengan soal selidik itu.

Sebagai organisasi yang mementingkan budaya keilmuan, JCorp menganjurkan beberapa siri program sepanjang 2014 bertujuan meningkatkan pengetahuan anggota pekerja. Antaranya, Program Mukmin Profesional bertujuan melahirkan anggota pekerja berketrampilan dan berintregriti ke arah menjadi pemangkin budaya kerja lebih produktif serta menjadi penggerak agama dan bangsa. Program ini melibatkan semua kategori anggota pekerja termasuk kumpulan pengurusan atasan.



Pelancaran pada 2015, JCorp melancarkan Johor Corporation Chartered Accountancy Programme (JCAP) bertujuan melahirkan lebih ramai Akauntan Bertauliah di Johor. Program ini adalah kerjasama strategik JCorp dengan firma perakaunan utama tempatan seperti Ernst & Young, PwC, KPMG, Delloittes dan BDO. Beberapa calon terbaik pula ditempatkan di Flemmings Chartered Accountants, United Kingdom. Semua peserta program ini dilatih untuk memperolehi satu daripada kelulusan berikut: ICAEW, ACCA, CIMA atau MICPA/ICANZ. Mereka sebelum itu melalui tiga peringkat penilaian yang ketat iaitu penilaian dalam talian, penilaian kajian kes serta temuduga. Program ini juga terbuka kepada anak anggota pekerja JCorp dan Kumplan yang berkelayakan.

JCorp juga terus menggalakkan aktiviti peningkatan budaya kualiti dan inovasi melalui program Innovative & Creative Circle (ICC), Cross Functional Team (XFT) serta Cadangan dan Idea Ke Arah Kecemerlangan (CEMPAKA) sejak 1995. Kemuncak program ini adalah penganjuran Hari Mekar yang menggabungkan penyertaan syarikat dalam Kumpulan JCorp sebagai platform perkongsian idea dan aktiviti kualiti di antara syarikat dalam Kumpulan. Hari Mekar 2013 dianjurkan pada 15 & 16 Januari 2014 oleh Kulim (Malaysia) Berhad dengan tema '*Transformation Through Quality*'.

Pada Hari Mekar Ke-18 itu juga buat pertama kalinya JCorp memperkenalkan Kategori Persekitaran Berkualiti (QE/5S) bertujuan menggalakkan penyertaan dan mengiktiraf pelaksanaan amalan QE/5S di jabatan dan syarikat dalam Kumpulan. Secara keseluruhannya sepanjang 2014, terdapat peningkatan yang memberangsangkan dari segi pencapaian dalam aspek kualiti yang boleh dilihat melalui penerimaan pelbagai pengiktirafan dan pensijilan dalam Kumpulan JCorp.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

**Adalah menjadi dasar Johor Corporation ("JCorp") untuk memastikan segala perjalanan operasinya mematuhi tadbir urus korporat yang baik. Perubahan persekitaran bisnes serta cara ia dijalankan menjadi faktor utama di dalam pembentukan tadbir urus korporat sesebuah organisasi. Sehubungan itu, JCorp sebagai sebuah perbadanan pelaburan Kerajaan Negeri Johor, perlu mematuhi undang-undang dan peraturan seperti Enakmen Perbadanan Johor No. 4 Tahun 1968 (Pindaan Enakmen No. 5 Tahun 1995), Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96).**

### Penyata Tadbir Urus Korporat

JCorp sentiasa menjalankan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam semua aktiviti dan urusniaga bisnes syarikat dalam Kumpulan melalui Ahli Lembaga Pengarah, sistem pentadbiran syarikat dan juga semua jawatankuasa tadbir urusnya. Kami berbangga dengan piawaian tadbir urus korporat dan reputasi yang telah dibina dan percaya semua ini adalah penting bagi membina jenama yang kukuh serta mempertahankan nilai pihak-pihak berkepentingan. JCorp juga mengamati piawaian yang tinggi mengenai amalan korporat yang selari dengan prinsip-prinsip dan garis panduan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (yang bersesuaian).

Kami telah meletakkan struktur tadbir urus korporat dengan sistem kawalan dalaman yang jelas, garis pelaporan dan tanggungjawab serta prosedur-prosedur yang mudah difahami. Berikut adalah gambaran amalan tadbir urus korporat Kumpulan seperti yang dinyatakan.

## LEMBAGA PENGARAH

### Komposisi

Lembaga Pengarah JCorp dianggotai oleh 11 ahli yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, tiga wakil daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor, tiga wakil daripada Kerajaan Persekutuan, dua Pengarah Bebas dan juga Presiden & Ketua Eksekutif JCorp. Semua mereka kecuali Presiden & Ketua Eksekutif, merupakan Pengarah Bukan Eksekutif.

### Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan prestasi JCorp dengan cara menetapkan hala tuju dan objektif, memastikan kecukupan serta ketelusan strategi-strategi, prestasi kewangan, isu-isu bisnes dan juga sistem kawalan dalaman JCorp.

Seperti yang termaktub dalam Enakmen, Pengerusi mempunyai peranan yang berbeza dengan Presiden & Ketua Eksekutif. Presiden & Ketua Eksekutif bertanggungjawab mengawal aliran maklumat antara pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan bagi memastikan ianya berkualiti dan terkini.

Sebaliknya, Pengerusi yang bukan di kalangan pengurusan pula bertanggungjawab bagi memastikan Lembaga Pengarah berfungsi seperti mana yang diharapkan. Beliau juga memastikan Lembaga Pengarah dan juga pengurusan berbincang secara membina mengenai pelbagai perkara terutama berkaitan isu-isu strategik dan proses perancangan bisnes.

### Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat bagi menganalisis prestasi JCorp dan menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu dasar dan strategik bisnes di dalam JCorp dan syarikat-syarikat dalam Kumpulan. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa dan akan, atas permintaan bertulis daripada tidak kurang lima Ahli Lembaga Pengarah, memanggil mesyuarat khas dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permintaan tersebut. Sepanjang 2014, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak empat kali.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT



### Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi memastikan kelancaran operasi serta memudahkan membuat keputusan, dan pada masa sama memastikan kawalan-kawalan yang bersesuaian, Lembaga Pengarah turut disokong oleh tiga jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Audit, Jemaah Lembaga Tawaran Dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding serta Jawatankuasa Projek Khas. Fungsi pengurusan pula dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU) dan pelbagai jawatankuasa tadbir urus lain.

### Capaian kepada Maklumat

Pengurusan sentiasa menyalurkan maklumat yang mencukupi dan terkini kepada Lembaga Pengarah bagi memudahkan mereka membuat keputusan. Pengurusan juga menyediakan laporan prestasi operasi dan kewangan Kumpulan secara berterusan.

## SISTEM PENTADBIRAN SYARIKAT

Semua fungsi kesetiausahaan dalam syarikat-syarikat milik JCorp diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Syarikat - penyedia perkhidmatan kesetiausahaan korporat bagi syarikat dalam Kumpulan. Fungsi jabatan ini disokong oleh setiausaha yang berkelayakan dan ia bertanggungjawab untuk memastikan semua syarikat dalam Kumpulan mematuhi segala keperluan berkanun di bawah Akta Syarikat 1965 serta Keperluan Penyenaraian di Bursa Malaysia dan juga Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti, mana-mana yang bersesuaian. Ia juga bertanggungjawab untuk memastikan ahli Lembaga Pengarah mematuhi polisi yang digariskan dan seterusnya mencapai objektif syarikat. Pelantikan setiausaha syarikat dimajukan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk kelulusan.

Di samping itu, Jabatan Hal Ehwal Syarikat juga bertanggungjawab untuk mentadbir pelantikan pengarah syarikat setiap tahun serta memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti lulus semua peperiksaan wajib, berkhidmat sekurang-kurangnya selama lima tahun dan sebagainya.

## JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TADBIR URUS

JCorp sentiasa mendokong struktur dan sistem membuat keputusan berasaskan prinsip dan amalan Syura. Pejabat Korporat pula memainkan peranan penting bagi memastikan semua keputusan diluluskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan.

- **Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kumpulan (TERAJU)**
  Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif dan dianggotai oleh 11 ahli. Peranannya termasuk membincang dan memutuskan isu-isu strategik JCorp dan juga syarikat dalam Kumpulan.
- **Jawatankuasa Teraju Korporat**
  Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi dan dianggotai oleh 14 ahli. Peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa ini termasuk mengesahkan keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan sebagainya.
- **Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)**
  Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden (Divisyen Hartanah & Pembangunan Bisnes) dan dianggotai oleh 14 ahli di kalangan pengurusan JCorp. Jawatankuasa ini membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi serta kewangan dan memajukan cadangan-cadangan yang signifikan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk pertimbangan dan kelulusan lanjut.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- **Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)**
  Dipengerusikan oleh Naib Presiden (*Special Administration*), jawatankuasa ini membincangkan semua cadangan projek serta pelaburan baharu. Ia dianggotai oleh 11 ahli yang dilantik dari kalangan pengurusan kanan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

Di samping empat jawatankuasa utama seperti yang dinyatakan, terdapat lebih daripada 40 jawatankuasa tadbir urus yang mempunyai fungsi dan terma rujukan masing-masing dalam memantau operasi Kumpulan. Antara jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Jawatankuasa Perancangan Strategik, Jawatankuasa Penilaian Prestasi, Jawatankuasa Kemudi Korporat, Jawatankuasa Laporan Suku Tahunan, Jawatankuasa Induk Kewangan serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

## TADBIR URUS KORPORAT DALAM ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JCORP

Terdapat empat entiti dalam Kumpulan JCorp tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Al-'Aqar Healthcare REIT dan E.A. Technique (M) Berhad. Sebagai entiti yang tersenarai, syarikat ini perlu melaksanakan tadbir urus korporat yang baik serta sentiasa mematuhi pelbagai terma dan syarat yang dikeluarkan oleh bursa saham di mana saham mereka didaftar dan disenaraikan. Setiap syarikat tersenarai ini juga mempunyai Ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa audit masing-masing.



## KETELUSAN

### Ketelusan dalam menjalankan bisnes

JCorp dan syarikat dalam Kumpulan komited dalam membantu usaha kerajaan membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa di peringkat organisasi dan individu di samping membudayakan integriti dalam menjalankan bisnes. Sebagai buktinya, Ikrar Integriti Korporat telah ditandatangani oleh Presiden & Ketua Eksekutif JCorp pada 26 November 2013 dan diikuti oleh syarikat-syarikat dalam Kumpulan pada 8 Januari 2014.

Rentetan daripada itu, JCorp dan syarikat dalam Kumpulan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan program integriti tidak berakhir begitu sahaja. Antara polisi yang dilaksanakan di JCorp dan syarikat dalam Kumpulan adalah Polisi Tiada Hadiah dan Keraian yang diperkenalkan pada 21 Julai 2014. Di antara tujuan polisi ini adalah:

- Untuk mewujudkan budaya tidak menerima apa-apa hadiah atau keraian sebelum, semasa atau selepas menunaikan tanggungjawab daripada mereka yang ada urusan rasmi dengan anggota pekerja.
- Untuk mengelakkan anggota pekerja berada dalam keadaan serba salah semasa membuat sesuatu keputusan atau mengelak daripada berlakunya konflik kepentingan.
- Untuk mengelakkan tohmahan dari mana-mana pihak bahawa hadiah atau keraian yang diterima adalah rasuah yang boleh menjejaskan nama baik dan reputasi JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

### Ketelusan dalam proses membuat keputusan

Beberapa contoh pelaksanaan konsep ketelusan termasuk pembangunan infrastruktur maklumat dalam bentuk intranet dan pengurusan pengetahuan. Pengurusan pengetahuan merupakan satu kaedah di mana anggota pekerja berpeluang memberikan pelbagai maklumat menerusi percambahan cadangan dan idea. Melalui Skim Cempaka dan Konvensyen Kualiti, mereka yang menyumbangkan idea-idea bernas dan inovatif yang boleh dilaksanakan akan mendapat pengiktirafan atau ganjaran daripada pihak pengurusan. Selain itu, JCorp juga telah mewujudkan saluran komunikasi untuk penyampaian maklumat menerusi Borang Perakuan Peradaban yang diharapkan dapat digunakan oleh anggota pekerja untuk menyalurkan maklumat terus kepada Presiden & Ketua Eksekutif jika mereka mempunyai sebarang maklumat mengenai salahlaku atau penyelewengan di kalangan anggota pekerja.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### Ketelusan terhadap rakan niaga

Bagi menggalakkan ketelusan kepada semua rakan niaga, JCorp turut memanjangkan Borang Perakuan Peradaban ini kepada kontraktor dan pembekal.

Di samping itu, dalam usaha memperkukuhkan mekanisme pengaduan sedia ada, JCorp turut melaksanakan Polisi '*Whistleblowing*'.

Polisi '*Whistleblowing*' ini bertujuan memudahkan anggota pekerja JCorp, kontraktor, pembekal, ejen atau mana-mana pihak luar untuk membuat pendedahan berkaitan apa-apa kelakuan tidak wajar dalam pengetahuan mereka. Polisi ini juga bertujuan memberi perlindungan ke atas identiti pemberi maklumat yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar seperti di bawah Seksyen 6 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Sebarang aduan yang diterima akan dibawa kepada Jawatankuasa Menilai Maklumat untuk tindakan selanjutnya.

### Ketelusan dalam penilaian prestasi anggota pekerja

Setiap anggota pekerja dinilai berdasarkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) individu yang telah dipersetujui pada awal tahun. Jabatan Pembangunan Modal Insan bersama setiap Ketua Jabatan yang terbabit akan membentangkan keputusan penilaian tersebut kepada Jawatankuasa Penilaian Prestasi.

JCorp juga menerima pakai sistem Penilaian Timbal Balik di mana Eksekutif Kanan ke atas akan dinilai oleh anggota pekerja bawahan dan juga rakan sekerja.

## AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, Lembaga Pengarah menekankan ketepatan pembentangan supaya penilaian secara seimbang dapat dibuat berhubung dengan kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Audit pula mengkaji laporan penyata kewangan tahunan bagi memastikan polisi-polisi perakaunan yang bersesuaian digunakan secara konsisten dan disokong dengan pertimbangan serta anggaran yang munasabah; dan semua piawaian perakaunan yang diterima pakai telah dipatuhi.

### Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman yang menyatakan gambaran umum mengenai kawalan dalaman adalah seperti yang dinyatakan pada muka surat 74 dan 75.

### Perhubungan dengan Juruaudit

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit sentiasa memelihara hubungan yang telus dan wajar dengan juruaudit dalaman dan luaran. Peranan Jawatankuasa Audit dalam berhubung dengan juruaudit–juruaudit ini digambarkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit sebagaimana di muka surat 72 dan 73.



# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

**Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh YBhg Encik Izaddeen Daud, Pengarah Bebas. Ahli jawatankuasa lain pula terdiri daripada YBhg Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil dan YBhg Puan Zainah Mustafa, masing-masing merupakan Ahli Lembaga Pengarah bebas syarikat-syarikat tersenarai luar dan dalam Kumpulan JCorp. Mulai 17 Mac 2015, seorang Ahli Lembaga Pengarah iaitu YB Dato' Marsan Kassim turut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Audit yang baharu.**

### Komposisi

YBhg Tan Sri Datuk Dr Hadenan merupakan bekas Ketua Audit Negara, manakala YBhg Puan Zainah Mustafa pula merupakan ahli felo Association of Chartered Certified Accountant ("ACCA") United Kingdom.

## KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pada 2014, jawatankuasa telah mengadakan empat kali mesyuarat sebagaimana berikut:

| | TARIKH MESYUARAT | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 23 Jan | 5 Mac | 10 Jul | 24 Nov |
| Encik Izaddeen Daud | √ | √ | √ | √ |
| Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil | √ | - | √ | √ |
| Puan Zainah Mustafa | √ | √ | √ | √ |
| Dato' Marsan Kassim (dilantik mulai 17 Mac 2015) | - | - | - | - |

## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan Jawatankuasa Audit ini termasuk:

### Kawalan Dalaman

- Menimbang keberkesanan kawalan dalaman syarikat ke atas laporan kewangan termasuk kawalan dan keselamatan teknologi maklumat;
- Memahami skop pemeriksaan juruaudit dalaman dan luaran ke atas kawalan dalaman bagi perkara-perkara berikut:
  - √ Kebolehpercayaan dan ketepatan laporan kewangan;
  - √ Keberkesanan dan kecekapan operasi;
  - √ Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan;
  - √ Perlindungan harta-harta syarikat.

### Audit Dalaman

- Meneliti laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Kumpulan JCorp (IAC);
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber-sumber audit dalaman yang membolehkannya untuk melaksanakan pengauditan;
- Menimbang penemuan audit yang penting daripada siasatan dalaman dan maklumbalas pengurusan;
- Jika perlu, mengadakan pertemuan berasingan dengan Ketua Eksekutif Audit untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ianya perlu dibincangkan secara tertutup.

### Audit Luaran

- Mengadakan pertemuan berasingan dengan juruaudit luaran untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ianya perlu dibincangkan secara tertutup;
- Meneliti laporan juruaudit luar dan juga ulasan pengurusan;
- Meneliti pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang kemusykilan berkaitan perletakan jawatan ataupun pemecatan juruaudit sebelum membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah;
- Berbincang dengan juruaudit luar sebelum kerja-kerja audit dijalankan; jenis dan skop audit serta memastikan wujudnya penyelarasan jika lebih daripada satu firma audit terlibat dalam pengauditan.

### Penyata Kewangan

- Meneliti laporan kewangan tahunan JCorp dengan tumpuan diberikan khususnya ke atas:
  - √ Perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
  - √ Pelarasan penting hasil semakan audit;
  - √ Andaian operasi yang berterusan; dan
  - √ Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

### Pengurusan Risiko

- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan membincangkan sebarang risiko atau pendedahan penting serta menilai tindakan-tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

### Pengurusan Kesinambungan Bisnes

- Memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik kesinambungan bisnes JCorp yang memberi tumpuan kepada tanggungjawab korporat dan inovasi iaitu:
  - √ Perumusan rangka kerja tanggungjawab korporat dan inovasi JCorp;
  - √ Mengenalpasti tiga bidang ekonomi baharu serta mencadangkan tiga produk/perkhidmatan berinovatif yang boleh diceburi oleh JCorp;
  - √ Pengukuhan ilmu berhubung tanggungjawab korporat dan inovasi di kalangan warga JCorp; dan
  - √ Penzahiran pelaksanaan inisiatif-inisiatif kesinambungan bisnes.
- Meneliti dan menilai keberhasilan pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik kesinambungan bisnes JCorp.
- Memberi cadangan dan idea-idea bernilai tambah ke arah memantapkan agenda pengurusan bisnes JCorp.

### Inspektorat

- Membincangkan penemuan-penemuan hasil daripada pengawasan dan penilaian ke atas aktiviti-aktiviti serta projek-projek yang dibangunkan oleh JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

### Pelan Perancangan Strategik

- Menyemak dan meneliti pelan perancangan strategik JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

### Litigasi Material

- Membincangkan isu-isu litigasi yang memberikan impak yang besar serta mengganggu kelangsungan bisnes JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

### Tanggungjawab Lain

- Menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan terma rujukan serta tugas-tugas lain seperti yang diminta dan ditakrifkan oleh Lembaga Pengarah.



## RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

- Meneliti laporan mesyuarat IAC yang diadakan pada 23 Jun dan 11 November 2014;
- Meneliti dan meluluskan Perancangan Audit Dalaman Tahunan;
- Membincangkan masalah-masalah dan juga perkara-perkara yang timbul semasa audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya secara tertutup;
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber juruaudit luaran, dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- Meneliti keputusan audit akhir tahun oleh juruaudit luar serta membincangkan penemuan dan perkara-perkara lain yang menjadi perhatian mereka;
- Meneliti laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diadakan pada 6 Julai dan 10 November 2014.

# PENYATA KAWALAN DALAMAN

**Tanggungjawab Jawatankuasa Audit merangkumi tugas-tugas yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman Kumpulan JCorp (IAC), Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan juga Jawatankuasa Audit di syarikat-syarikat tersenarai yang terbabit.**

**Jawatankuasa Audit juga meneliti keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan dari aspek risiko utama perniagaan dan juga kewangan yang memberi kesan terhadap operasi. Berdasarkan laporan juruaudit dalaman, Jawatankuasa Audit berpuashati bahawa wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi dalam Kumpulan.**



## CIRI-CIRI UTAMA SISTEM KAWALAN

### Rangka Kerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan perancangan, mengenalpasti risiko dan memastikan wujudnya langkah-langkah kawalan yang sesuai. Ini dicapai melalui struktur organisasi yang jelas menyatakan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangka Kerja Kawalan Dalaman *The Committee of the Sponsoring Organisation of the Treadway Commission* (COSO) dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, perwakilan kuasa dan tahap bidang kuasanya, operasi hartanah dan pengurusan sumber manusia.

# PENYATA KAWALAN DALAMAN

### Pelaporan Kewangan

Belanjawan terperinci disediakan oleh setiap syarikat dan disemak oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum Belanjawan Yang Disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Hasil atau keputusan KPI dan operasi disediakan dan dipantau dengan membandingkannya dengan belanjawan yang telah dibuat.

### Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan Kumpulan memastikan entiti di bawah kawalan mereka beroperasi berdasarkan garis panduan yang direka untuk mencapai kecekapan operasi dan keberkesanan perkhidmatan yang optimum, dan keputusan kewangan seperti yang dirancangkan. Kawalan yang khusus juga dibuat bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemah serta melindungi aset-aset daripada kerugian fizikal, dan menginsurankannya pada tahap yang wajar.

### Penilaian Pelaburan

Kumpulan telah menyediakan prosedur yang jelas berhubung kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal lain. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan dalam belanjawan tahunan. Kelulusan ke atas perbelanjaan modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua cadangan pelaburan yang utama adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Panel dan juga Jawatankuasa JAWS sebelum dibentangkan dalam mesyuarat TERAJU dan Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

### Memantau Kawalan

Keberkesanan sistem kawalan dalaman kewangan dan prosedur operasinya dipantau oleh pengurusan dan diaudit oleh Jabatan Pematuhan & Audit Dalaman Kumpulan (GCIA). GCIA menggunapakai perancangan audit berasaskan risiko - satu pendekatan di mana juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi (sama ada bermanfaat atau sebaliknya) ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop pengauditannya juga termasuk ke atas risiko itu sendiri dan kaedah di mana risiko tersebut ditadbir, diurus serta dikawal. GCIA kemudian melaporkan segala kelemahan kawalan dalaman kepada IAC atau Jawatankuasa Audit dan memantau pelaksanaan cadangan bagi tujuan penambahbaikan.

## AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman dijalankan oleh GCIA dengan dibantu oleh jabatan audit dalaman syarikat tersenarai masing-masing. GCIA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun melalui rundingan dengan pihak pengurusan (tetapi bebas daripadanya) dan perancangan tersebut dibentangkan kepada IAC atau Jawatankuasa Audit untuk kelulusan.

JCorp juga merupakan ahli korporat dalam Institut Juruaudit Dalaman Malaysia ("IIAM"). Secara tidak langsung, GCIA juga mematuhi Piawaian Audit Dalaman Profesional Antarabangsa dan telah menerima pakai piawaian ini semasa melaksanakan pengauditan. Piawaian tersebut meliputi keperluan-keperluan seperti kebebasan, kecekapan profesional, skop kerja, pelaksanaan kerja audit dan juga pengurusan aktiviti audit dalaman.

Bagi memastikan aktiviti audit dalaman dijalankan oleh juruaudit profesional yang cekap serta memastikan pengetahunan teknikal mereka sentiasa relevan dan terkini, GCIA juga menyediakan peluang-peluang latihan dan pembangunan yang bersesuaian kepada anggota pekerjanya, termasuk program Juruaudit Dalaman Bertauliah. Terdapat seramai sembilan juruaudit bertauliah yang sedang berkhidmat dalam Kumpulan pada masa kini.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO

**Johor Corporation ("JCorp") komited dalam membina dan memupuk budaya kerja berasaskan tadbir urus korporat yang baik dalam organisasinya. Satu-satunya keperluan tadbir urus yang baik adalah bagi memastikan semua isu berkaitan risiko dipertimbangkan, diuruskan dan dipantau dalam aktiviti-aktiviti JCorp dan Kumpulan. Fungsi pengurusan risiko JCorp adalah untuk memberikan sumbangan kukuh terhadap pencapaian objektif korporat JCorp dan Kumpulan serta membantu hala tuju strategiknya.**

**Ini membolehkan JCorp dan Kumpulan memanfaatkan kesempatan ke atas peluang-peluang dalam meningkatkan pelaburan, prestasi dan perkhidmatan, sekaligus memastikan setiap keputusan yang diambil adalah berdasarkan analisis yang realistik dan praktikal dengan mengambilkira risiko serta impaknya.**



Mengurus kesinambungan bisnes juga adalah sebahagian daripada pengurusan risiko yang ditekankan oleh JCorp dan Kumpulan untuk memastikan kewujudan kesinambungan dalam proses bisnes utama untuk mencapai matlamat JCorp dan Kumpulan.

JCorp dan Kumpulan bertanggungjawab mengurus profil risiko dengan kerap, sistematik dan teliti pada peringkat strategik, kewangan dan operasi. Ini dilakukan dengan menentukan pengurusan risiko diambilkira dalam rangka kerja dan mengenalpasti cara-cara untuk memperbaikinya. Dengan cara ini, JCorp dan Kumpulan bukan sahaja mengurangkan risiko malah meningkatkan peluang-peluang pelaburan.

### Objektif Pengurusan Risiko

- Mengenalpasti serta menguruskan risiko sedia ada dan risiko baharu secara terancang dan tersusun dengan halangan dan kos yang minimum (pendekatan ini penting terutama bagi JCorp yang memberi tumpuan terhadap segala perubahan dan peluang ke atas polisi dan wawasan kerajaan terhadap sektor korporat);

- Memupuk budaya kesedaran risiko yang menggalakkan semua anggota pekerja mengenalpasti risiko dan mengambil peluang serta bertindak balas terhadapnya secara berkesan;

- Boleh diangggap oleh kerajaan negeri dan Persekutuan sebagai peneraju di kalangan agensi kerajaan melalui amalan terbaik pengurusan risiko dan pematuhan terhadap undang-undang.

### Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

RMC telah ditubuhkan pada 2008 bertujuan mengenalpasti, mengurus serta memantau risiko-risiko yang dihadapi oleh JCorp dan Kumpulan. Tanggungjawab utama RMC adalah untuk membantu Ahli Lembaga Pengarah dalam mengenalpasti dan menguruskan risiko-risiko utama JCorp.

Bagi tahun pelaporan berakhir 31 Disember 2014, dua mesyuarat telah diadakan iaitu pada Julai dan November 2014.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO

### Tugas dan Tanggungjawab RMC

- Untuk menyelia prosedur dan amalan dalam mengenalpasti, menilai, mengurus dan memantau pendedahan risiko JCorp dan Kumpulan.
- Untuk memberi pandangan kepada pihak pengurusan dari semasa ke semasa berhubung jenis-jenis sumber dan kawalan dalaman yang diperlukan bagi menguruskan risiko yang dihadapi.
- Untuk melaporkan kepada Ahli Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa berhubung isu-isu yang berkaitan dengan risiko JCorp dan Kumpulan.
- Untuk mengenalpasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh unit bisnes bagi setiap divisyen dalam JCorp dan Kumpulan dengan cara yang sistematik.
- Untuk menilai potensi peluang dan risiko.
- Untuk membangun dan melaksanakan strategi pengurusan risiko yang khusus dan menentukan tanggungjawab bagi setiap pelan dan tindakan untuk menguruskan risiko utama dalam unit bisnes.
- Meninjau secara dwi-bulanan trend risiko status pelan tindakan dan laporan terkini untuk dimaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah.

### Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan

Skop rangka kerja pengurusan risiko adalah menyeluruh. Rangka kerja ini diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan (JPRK). Jabatan ini bertanggungjawab ke atas polisi dan rangka kerja dengan mendapatkan input daripada mereka yang terbabit.

Tugas dan tanggungjawab JPRK adalah sebagaimana berikut:

- Menguruskan proses mengenalpasti dan memantau risiko JCorp dan Kumpulan.
- Menyelenggara daftar risiko.
- Bertanggungjawab membangunkan, melaksanakan dan menyebarluaskan rangka kerja pengurusan risiko dan pematuhan.
- Membangunkan sistem/alat bagi membantu komuniti JCorp melaksanakan amalan terbaik berhubung risiko dan pematuhan.
- Memperuntukkan peluang latihan yang mencukupi kepada semua anggota pekerja bagi memupuk budaya risiko di dalam JCorp dan Kumpulan.
- Menerbit dan mengedarkan maklumat berhubung pengurusan risiko dan pematuhan bagi makluman anggota pekerja.

Pada masa ini, JCorp dan Kumpulan menggunakan sistem berasaskan web secara atas talian yang dikenali sebagai *JCorp Risk Information System* (KRIS). Sistem ini telah dibangunkan pada 2009 bagi memudahkan proses mengemaskini daftar risiko. Risiko tersebut akan sentiasa diteliti dari semasa ke semasa di peringkat syarikat masing-masing. Seterusnya risiko ini akan disusun, dibahas dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah JCorp.

### Jenis-Jenis Risiko

JCorp telah mengklasifikasikan risiko kepada enam jenis sebagaimana berikut:

- Risiko Strategik
- Risiko Kewangan
- Risiko Perundangan
- Risiko Operasi
- Risiko Projek
- Risiko Bencana

### Prosedur

JCorp mempunyai lima kaedah utama merawat risiko secara efektif sebagaimana berikut:

1. Menerima risiko dan membuat keputusan untuk tidak mengambil sebarang tindakan;
2. Menerima risiko tetapi mengambil beberapa tindakan untuk mengurangkan atau meminimumkan kebarangkalian atau impak;
3. Memindahkan risiko kepada individu atau organisasi yang lain, sebagai contoh, mendapatkan khidmat luar;
4. Menginsurankan risiko berkenaan;
5. Mengelakkan risiko dengan tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang menyebabkan berlakunya risiko tersebut.

Bagaimana JCorp memutuskan untuk mengurus sesuatu risiko adalah berdasarkan penilaian risiko yang sistematik di mana jadual kebarangkalian dan kesan (atau impak) diaplikasikan ke atas setiap risiko. JCorp telah mengenalpasti kebarangkalian dan impak ke atas risiko berkaitan sebagaimana yang telah digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan. Di samping menilai jadual kebarangkalian dan kesan, keberkesanan kawalan dalaman juga perlu dipertimbangkan dalam mengenalpasti tahap risiko sedia ada dalam tempoh 12 bulan.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT




**Tanggungjawab Korporat (CR) adalah teras ketiga falsafah bisnes Johor Corporation ("JCorp") yang melibatkan pihak berkepentingan termasuk anggota pekerja, pihak berkuasa kawal selia, pelanggan serta komuniti.**

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

**Tanggungjawab Korporat Johor Corporation**

Teras ini bertujuan antara lain membantu memperbaiki kehidupan golongan memerlukan menerusi pelbagai bentuk bantuan dan sokongan kepada organisasi bukan kerajaan (NGO), badan amal, institusi kebajikan serta masyarakat.









Tanggungjawab Korporat Kumpulan JCorp dilaksanakan oleh Jabatan Bisnes Amal yang bertindak sebagai badan penyelaras dan pemantauan terhadap persatuan serta NGO yang tidak berorientasikan keuntungan dikenali sebagai Organisasi Bisnes Amal (OBA). Organisasi ini menyumbang ke arah pembangunan ummah melalui aspek kebajikan, kesihatan, sukan dan keusahawanan sosial.

Sehingga 2014, terdapat 21 OBA bernaung di bawah Jabatan Bisnes Amal merangkumi kategori Pembangunan Sosial dan Kebajikan Awam; Pembangunan Usahawan; Sukan dan Rekreasi; serta Kebajikan Anggota Pekerja.

## PROJEK TUISYEN

Projek Tuisyen JCorp dilaksanakan dengan mensasarkan murid sekolah rendah luar bandar yang terpilih. Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Pada 2014, sebanyak 20 sekolah terpilih telah mengikuti program ini. Projek Tuisyen yang diperkenalkan pada 2012 telah memberi manfaat kepada lebih 1,000 murid. Ia dianjurkan dengan sokongan syarikat dalam Kumpulan JCorp iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Johor Land Berhad dan QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd.

Matlamat projek ini adalah untuk meningkatkan penguasaan murid terlibat terhadap mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Ia juga mensasarkan peningkatan pencapaian akademik sekolah berprestasi sederhana dan merapatkan jurang pencapaian antara murid di sekolah bandar dengan luar bandar.

Hasil program ini menjadikan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah sekolah terlibat pada 2014 meningkat berbanding tahun sebelumnya. Seramai 37 murid meraih keputusan 5A, manakala 28 murid mendapat 4A 1B, keputusan 4A 1C (tujuh) dan 42 lagi mencatat keputusan 3A 2B. Sebagai perbandingan, pada 2013 menyaksikan 26 murid mendapat 5A, 4A 1B (36 murid), 4A 1C (tujuh) manakala 31 lagi mencapai 3A 2B.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

## WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD

Waqaf An-Nur Corporation Berhad ("WANCorp") merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan ditubuhkan untuk mengurus aset dan saham syarikat dalam Kumpulan JCorp yang diwaqafkan. Selain menjadi 'Nazir Khas', WANCorp berperanan sebagai '*Maukuf Alaihi*' saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat yang diwaqafkan secara keseluruhan. WANCorp juga melaksanakan tanggungjawab korporat bagi pihak JCorp melalui program seperti Hospital Waqaf An-Nur dan rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN), Waqaf Dana Niaga, Briged Waqaf, Pusat Waqaf Komuniti dan sumbangan kepada masyarakat melalui pengagihan sumbangan kebajikan am.

## WAQAF DANA NIAGA

Waqaf Dana Niaga adalah inisiatif bantuan kewangan tanpa faedah (*Al-Qardhul Hasan*) kepada individu yang mahu memulakan bisnes atau usahawan kecil yang mahu mengembangkan bisnes sedia ada. Dana ini bertujuan meningkatkan syiar Islam melalui bisnes dan menggerakkan ekonomi umat Islam serta memberi manfaat kepada semua usahawan Muslim yang memerlukan.

Program ini telah dilaksanakan bermula 2007 dan setakat ini, 292 peserta telah menerima bantuan berjumlah RM526,800. Antara perniagaan yang diusahakan peserta ialah menjual makanan dan minuman, kedai jahit, kedai runcit, produk kecantikan, kimpalan dan bengkel membaiki kenderaan.

## PROJEK TUISYEN

**lebih**

1,000 murid



## SUMBANGAN KEBAJIKAN AM

Sumbangan kebajikan WANCorp memberi manfaat kepada masyarakat terbanyak dan organisasi. Contohnya - kebajikan pesakit, mengimarahkan masjid, persatuan kebajikan dan anak yatim/fakir miskin serta lain-lain pelaksanaan program tanggungjawab korporat. Sumbangan juga diberi untuk membantu insan memerlukan, usahawan serta program meningkatkan usaha dakwah dan syiar Islam.

JCorp menjadikan 'Jalinan Ukhuwah An-Nur' sebagai slogan untuk program tanggungjawab korporat JCorp secara tersusun dan berkesan. Ia juga merupakan satu anjakan ke arah strategi gerak kerja serta tumpuan lebih kemas. Di samping itu, unsur kasih sayang, keprihatinan dan penghayatan adalah elemen terpenting program ini berbanding sumbangan material.

## RANGKAIAN MASJID AN-NUR

JCorp melalui WANCorp menguruskan lima Masjid An-Nur. Tiga masjid terletak di kompleks perniagaan iaitu Masjid An-Nur Larkin Sentral, Masjid An-Nur Pasir Gudang dan Masjid An-Nur Kotaraya. Dua masjid kariah ialah Masjid An-Nur Bandar Pasir Gudang dan Masjid An-Nur Taman Cendana.

Imam (Eksekutif Agama) dan bilal (Pembantu Eksekutif) terdiri daripada anggota pekerja yang mempunyai kelebihan serta pengkhususan dalam bidang berkaitan pembacaan Al-Quran dan pengajian Islam. Di samping bertugas sepenuh masa di masjid, mereka memberi sokongan kepada JCorp serta anak syarikat dalam memberikan pandangan dan nasihat dari sudut agama dalam bisnes atau program yang dijalankan, memimpin bacaan doa pada majlis rasmi, menziarahi kematian berkaitan anggota pekerja, selain memimpin majlis keagamaan di peringkat pejabat seperti solat hajat dan tazkirah serta mengetuai bacaan yasin serta tahlil.

Antara program mingguan di Masjid An-Nur ialah kuliah Maghrib, Majlis Yasin & Tahlil, sambutan hari penting dalam Islam dan program Tafaqquh An-Nur. Program Tafaqquh An-Nur yang dikendalikan sepenuhnya oleh imam Masjid An-Nur meliputi Majlis Bacaan Zikir Asma' Ul-Husna & Ratib Al-Attas serta Tafsir Al-Quran.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Beberapa Program Latihan dan Dakwah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran anggota pekerja masjid. Program ini secara rasminya bermula 10 Jun 2014 dan diadakan setiap Rabu dan Khamis. Pengisian program ini ialah usrah, pengucapan awam, kelas tarannum dan kelas tajwid.

Seminar Pemantapan Pengurusan Masjid juga dianjurkan pada 2014 bagi memperkasa pengurusan masjid di kalangan anggota pekerja masjid dan ahli jawatankuasa masing-masing.

Rangkaian Masjid An-Nur juga menganjurkan program aqiqah dan korban serta sambutan awal Muharram 1436H. Sementara itu, Masjid An-Nur Bandar Dato' Onn iaitu masjid keenam dalam Rangkaian Masjid An-Nur sedang dibina dan dijangka memulakan operasi menjelang pertengahan 2015.

## HOSPITAL DAN KLINIK WAQAF AN-NUR




JCorp menerusi WANCorp dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan sokongan KPJ Healthcare Berhad membina dan menguruskan 19 Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) dan sebuah Hospital Waqaf An-Nur (HWAN) di Pasir Gudang berteraskan kebajikan dengan mengadaptasikan konsep waqaf.

Matlamat utama penubuhan klinik dan hospital itu adalah untuk memberi kemudahan rawatan kesihatan dan dialisis kepada masyarakat khususnya golongan kurang berkemampuan tanpa mengira bangsa dan agama. Konsep ini amat berbeza daripada penubuhan klinik swasta lain walaupun pada dasarnya aspek operasi dan perkhidmatan yang diberikan adalah sama. Walaupun kebanyakan KWAN ditubuhkan di kawasan masjid namun ia bukan eksklusif untuk masyarakat Islam.

Selain Johor, KWAN dibuka di Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Sarawak dan Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Agama Islam negeri berkenaan. Terdapat tiga klinik baharu dalam pembinaan iaitu di Masjid Al-Ismaili di Pasir Pekan, Tumpat, Kelantan; Masjid Bandar Baru Sultan Suleiman di Pelabuhan Klang (Selangor) serta Masjid Jamek Rembau, Negeri Sembilan (klinik ini dibina bagi menggantikan premis sedia ada yang beroperasi dalam kontena). Ia adalah inisiatif memperluaskan lagi peranan KWAN di seluruh negara dan semua klinik itu dijangka beroperasi pada 2015.



Pada Ogos 2014, Klinik Waqaf An-Nur Kotaraya yang ditutup sementara sejak 2011 disebabkan kerja-kerja pengubahsuaian Kompleks Plaza Kotaraya (kini Galleria@Kotaraya) telah dibuka semula.

Sehingga Disember 2014, Rangkaian Klinik Waqaf telah memberi manfaat kepada 1,057,154 pesakit, iaitu peningkatkan 10 peratus berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah itu, 8 peratus atau 79,312 pesakit adalah bukan Islam.

HWAN dan rangkaian KWAN menyediakan rawatan kesihatan pada caj nominal sebanyak RM5 termasuk ubat-ubatan. Premis itu turut menawarkan rawatan dialisis dengan harga subsidi kepada pesakit memerlukan yang turut menerima bantuan Baitulmal, PERKESO dan pelbagai agensi kebajikan lain yang membolehkan mereka menerima rawatan secara percuma.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT




## BRIGED WAQAF

Briged Waqaf turut mengharumkan nama JCorp apabila muncul Johan Perbarisan Sempena Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-57 Peringkat Negeri Johor 2014 di Stadium Mini Kulaijaya. Pasukan JCorp menjadi johan perbarisan untuk Kategori Badan Berkanun.

Briged Waqaf menganjurkan aktiviti bantuan bencana di daerah Segamat pada Ogos 2014 apabila berlaku bencana ribut di sana. Tinjauan dilakukan kepada mangsa ribut dan bantuan segera RM1,700 disumbang kepada enam mangsa.

Briged Waqaf menganjurkan program gotong-royong membersihkan Surau Al-Falah Kampung Belukar Durian, Sedili Kecil, Kota Tinggi diikuti program sama di Surau Al-Mawaddah, Kampung Padang Lerek 2, Ledang sebelum melaksanakan program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) DUN Layang-Layang. Seterusnya, briged itu menganjurkan gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan dan Masjid Kampung Tanjung Langsat di Pasir Gudang.

Bagi meningkatkan kemahiran ahlinya, Briged Waqaf mengadakan beberapa kursus dan latihan lanjutan seperti Kursus Sukarelawan Pencari & Penyelamat Tahap 1 melibatkan 40 ahli dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. Selain itu, 18 ahli lain telah menjalani Kursus Pengendalian Radio Amatur.

Kejadian banjir besar yang melanda Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak pada hujung 2014 dan awal 2015 turut menggamit keprihatinan JCorp serta syarikat dalam Kumpulan dalam membantu meringankan beban mangsa yang terjejas. Justeru, Briged Waqaf mengambil peranan melaksanakan penghantaran barangan makanan dan keperluan lain kepada mangsa dari kalangan anggota pekerja dalam Kumpulan yang terlibat seperti KPJ Kuantan, KPJ Perdana Specialist Hospital dan restoran KFC.

Briged Waqaf juga terpanggil untuk menyertai misi bantuan pasca banjir melibatkan kerja pembersihan sekolah di Dabong dan Kuala Krai.

## PUSAT WAQAF KOMUNITI

JCorp melalui WANCorp melaksanakan inisiatif yang dinamakan program Pusat Jahitan Waqaf Komuniti (PJWK) di Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang. Premis dan pembiayaan peralatan disediakan WANCorp.Dengan 16 peserta dari kalangan ibu tunggal, pusat kini giat menerima tempahan termasuk menjahit baju kurung, baju kurung moden, jubah, baju Melayu dan langsir. Sokongan bantuan khidmat nasihat dan bimbingan turut diberi melalui seorang ketua yang dipilih untuk membuat pemasaran, pentadbiran dan pengurusan kewangan. Melalui projek ini, diharapkan pesertanya mampu menjana pendapatan sendiri melalui bidang keusahawanan berasaskan kemahiran.

Di pusat yang sama turut diwujudkan '*Kids*' *Corner*' untuk anak peserta menyiapkan kerja sekolah, membaca buku dan berehat sementara menantikan sesi pembelajaran sama ada sekolah agama atau sekolah kebangsaan.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Hasil daripada kejayaan PJWK pertama, WANCorp mengembangkan program ini dengan menubuhkan PJWK kedua pada Disember 2014 di Taman Bukit Tiram, Ulu Tiram yang menempatkan lapan peserta (termasuk seorang OKU) dan seorang tenaga pengajar.

Bermula Januari 2015, pusat jahitan itu bersedia menerima tempahan pukal daripada pelbagai pihak. Ianya lebih menumpukan kepada tempahan jahitan lebih rumit seperti pakaian pengantin, baju korporat, langsir sekolah dan tempahan pukal.

## TABUNG TIJARAH RAMADHAN-YAYASAN JOHOR CORPORATION

Program Tijarah Ramadan memberi peluang kepada syarikat sama ada dalam Kumpulan JCorp mahupun syarikat luar dan orang ramai untuk beramal. Ini kerana, di samping kejayaan bisnes dan keuntungan yang dikecapi oleh organisasi, adalah menjadi tanggungjawab serta amanah mereka untuk membantu rakyat Malaysia yang memerlukan.

Sejak dilancarkan pada 2005 sehingga Disember 2014, sejumlah RM2,905,956 telah dikumpulkan menerusi Tabung Tijarah Ramadhan hasil sumbangan badan korporat, SMS orang awam, deposit tunai dan cek dari seluruh Malaysia selain Singapura dan Brunei. Bagi tempoh Januari-Disember 2014 sahaja Tabung Tijarah Ramadhan telah menerima sumbangan sebanyak RM351,115 daripada syarikat dalam Kumpulan dan orang awam.

Daripada jumlah tersebut, Tabung Tijarah Ramadhan telah menyalurkan sebanyak RM2,843,085 kepada golongan yang memerlukan dari seluruh negara. Bagi tempoh Januari-Disember 2014 sahaja sebanyak RM347,796 telah disumbangkan oleh Tabung Tijarah Ramadhan bagi tujuan tersebut.



## BRIGED WAQAF



**18 anggota**

menjalani
Kursus Pengendalian Radio Amatur

Sempena sesi persekolahan 2015, Tabung Tijarah Ramadhan dan WANCorp turut menyumbang kepada murid sekolah dalam negeri Johor menerusi sumbangan alat tulis, beg sekolah dan wang persekolahan. Tabung Tijarah Ramadhan juga telah menyumbang sebanyak 1,000 unit beg sekolah kepada Jabatan Pendidikan Johor untuk diagihkan kepada pelajar yang memerlukan.

Seramai 14,217 penerima dari seluruh negara termasuk badan-badan yang memerlukan telah menerima manfaat daripada Tabung Tijarah Ramadhan.



# TANGGUNGJAWAB KORPORAT



## MUTIARA JOHOR CORPORATION

Mutiara Johor Corporation yang dipengerusikan oleh Ydh Datin Noor Laila Yahaya adalah sebuah persatuan wanita yang dianggotai oleh anggota pekerja wanita dan isteri anggota pekerja lelaki Johor Corporation ("JCorp"). OBA ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memelihara kebajikan ahli-ahlinya serta mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat melalui aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Bersempena peristiwa Israk & Mikraj, Mutiara Johor Corporation telah menganjurkan sebuah konsert kerohanian yang dinamakan Konsert Mikraj Cinta. Konsert ini berlangsung pada 29 Mei 2014 bersamaan 29 Rejab 1435H bertempat di Stadium Tertutup MBJB, Johor Bahru. Objektif utama penganjuran konsert ini adalah untuk mengumpul dana bagi Tabung Mutiara Johor Corporation dan disalurkan kepada golongan yang memerlukan seperti anak yatim, ibu tunggal, rumah kebajikan, sumbangan Ramadan dan sebagainya.

Ahli Mutiara turut melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti berbentuk keagamaan, sosial, pendidikan, kebajikan dan sukan yang dianjurkan oleh Mutiara Johor Corporation. Antaranya seperti ziarah ke rumah anak yatim, ziarah keluarga ahli yang sakit, majlis solat hajat, senaman Zumba dan Zumbarobik, bacaan yasin dan majlis berbuka puasa serta lawatan.

## PKP INDUK & PKP PERBADANAN JOHOR

Persatuan Keluarga Johor Corporation (PKP Induk) merupakan badan yang memainkan peranan penting dalam menyatupadu dan menyelaraskan semua persatuan anggota pekerja syarikat dalam Kumpulan JCorp.

Karnival Sukan Tertutup Johor Corporation 2014 adalah antara aktiviti yang dijalankan oleh PKP Induk. Pelbagai acara dipertandingkan seperti karom, badminton, futsal, *paintball* dan bola jaring. Selain itu, PKP Induk amat aktif dalam penyelarasan penyertaan sukan di peringkat luaran termasuk yang dianjurkan oleh GEMAPUTRA, ADFIM dan Persatuan Badan Berkanun.

Persatuan Rekreasi Keluarga Perbadanan Johor (PKP Perbadanan Johor) pula merupakan persatuan anggota pekerja di peringkat ibu pejabat. Kedua-dua persatuan ini bergiat aktif menganjurkan aktiviti sesama ahli terutama dalam aktiviti sukan dan riadah. Antara aktiviti PKP Perbadanan Johor adalah menganjurkan ibadah qurban melalui potongan gaji, sumbangan kepada anak-anak ahli yang cemerlang, agihan bubur lambuk, sambutan hari raya dan pelbagai kuiz dan motivasi secara dalam talian. Selain itu, PKP Perbadanan Johor mengadakan kutipan derma kepada ahli yang kehilangan keluarga terdekat.





# TANGGUNGJAWAB KORPORAT




## PROGRAM KEUSAHAWANAN BISTARI

JCorp sentiasa menggalakkan generasi muda agar bergiat aktif menjalankan aktiviti keusahawanan sebagai alternatif menjana pendapatan sekaligus menjamin masa depan yang cerah.

Penglibatan JCorp dalam program keusahawanan bermula sejak 1992 dengan pelancaran program Tunas BISTARI - program keusahawanan kepada pelajar sekolah menengah seluruh Johor dan kemudian diikuti program Siswa BISTARI, program keusahawanan untuk siswa di Institusi Pengajian Tinggi pada 2004. Setelah menjayakan kedua-dua program tersebut, JCorp meneruskan program keusahawanan kepada murid sekolah rendah di Negeri Johor dengan pelancaran Program Didik BISTARI pada 2005. Program ini turut mendapat sokongan Jabatan Pendidikan Johor.

Bagi 2014, sebanyak 70 sekolah menengah dan 100 sekolah rendah telah terlibat di dalam program Tunas BISTARI dan Didik BISTARI. Ianya melibatkan seramai 1,000 murid sekolah rendah dan 1,050 pelajar sekolah menengah.

Program Tunas BISTARI telah mendapat sokongan padu dari seluruh warga yang terlibat malahan permintaan untuk menyertai program ini juga semakin meningkat.Sehingga 2014, seramai 19,675 pelajar dan 174 sekolah terlibat dalam program ini. Bagi Program Didik BISTARI pula, sebanyak 127 sekolah rendah telah mengikuti program ini dengan penglibatan seramai 8,410 murid.

Syarikat Skomas The Great dari SMK Kota Masai, Pasir Gudang dan Syarikat TFnet dari Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru masing-masing telah menerima Anugerah Khas Juri. Anugerah ini diberikan atas pencapaian cemerlang syarikat memperolehi nilai jualan melebihi nilai RM100,000 dalam tempoh Februari hingga Oktober 2014.

Program ini turut mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan melalui penganjuran Konvensyen Nasional Program Tunas Niaga (Program Usahawan Muda) oleh semua PKEN seluruh Malaysia. Syarikat Dynamic Square Sdn Bhd dari SMK Taman Daya 2, Johor Bahru muncul Johan bagi kategori Perkhidmatan Terbaik di Konvensyen Nasional Program Tunas Niaga 2014 yang berlangsung di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Program BISTARI dilihat berjaya menepati sasarannya apabila sehingga kini telah berjaya melahirkan lebih 100 usahawan yang terlibat dalam pelbagai jenis perniagaan.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Penerapan aspek keusahawanan JCorp tidak terhad kepada pelajar sekolah, bahkan ianya turut dikembangkan ke Institusi Pengajian Tinggi melalui program Siswa BISTARI. Sejak dilancarkan sehingga kini, sebanyak 26 syarikat Siswa BISTARI berjaya ditubuhkan di UiTM Segamat, UiTM Shah Alam dan Politeknik Merlimau. Program Siswa BISTARI juga telah melibatkan mentor-mentor di kalangan eksekutif JCorp dan usahawan sebagai penasihat kepada peserta.

Sebagai kesinambungan kepada program keusahawanan yang telah dilaksanakan, JCorp mengorak langkah dengan membangunkan permainan bisnes CATUR BISTARI. Permainan itu dilihat sebagai medium bagi memperkenalkan bisnes dalam bentuk yang lebih ringan dan boleh dimainkan oleh semua peringkat umur. Ianya bukan hanya bertujuan untuk hiburan dan bersantai semata-mata, malah mempunyai matlamat sampingan yang bernilai tinggi.

Permainan CATUR BISTARI turut memberi pendedahan kepada ilmu dan bisnes, mempunyai ciri-ciri percaturan, membentuk ketajaman akal dan keupayaan bertindak dengan kebijaksanaan yang tinggi untuk mencapai kemenangan serta kejayaan. Lebih menarik lagi, permainan CATUR BISTARI ini merupakan satu bentuk permainan yang mendidik nilai-nilai murni kepada pemainnya. Secara tidak langsung, ia juga dapat menyemai sifat keusahawanan bercirikan Islam kepada semua.



Sejak dilancarkan pada 2008 hingga kini, lebih daripada 100,000 yang terdiri daripada pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, agensi, NGO, usahawan dan masyarakat telah terlibat dalam program simulasi dan pertandingan yang diadakan. Antara pertandingan yang diadakan secara tahunan adalah Cabaran CATUR BISTARI Institusi Pengajian Tinggi Malaysia Peringkat Kebangsaan, Cabaran CATUR BISTARI Peringkat Akhir Sekolah Menengah & Rendah Negeri Johor dan Cabaran CATUR BISTARI KFC Peringkat Kebangsaan. Cabaran CATUR BISTARI ini juga mendapat sokongan daripada Waqaf An-Nur Corporation Berhad dan syarikat dalam Kumpulan JCorp.

Bagi meneruskan kesinambungan program BISTARI yang bersifat menggalakkan kemahiran keusahawanan, JCorp melancarkan penubuhan Alumni BISTARI sebagai wadah menyatukan bekas peserta yang telah bersama dan terlibat di dalam program BISTARI. Di samping itu, Alumni BISTARI merupakan penanda aras untuk menilai keberkesanan dan pencapaian pelaksanaan program-program BISTARI. Pertubuhan ini telah didaftarkan pada 27 Januari 2014.

Alumni BISTARI merupakan sebuah persatuan yang menggabungkan peserta yang pernah mengikuti program keusahawanan BISTARI Johor Corporation iaitu Tunas BISTARI, Didik BISTARI, Siswa BISTARI dan CATUR BISTARI.

Objektif penubuhan Alumni BISTARI adalah untuk mengumpul dan menjejak kejayaan serta pencapaian oleh peserta program BISTARI. Sehingga kini, seramai 1,450 alumni telah berjaya dikumpulkan di Fanpage Alumni BISTARI.

CILIK BISTARI merupakan produk papan permainan kedua yang dihasilkan oleh JCorp lanjutan daripada permainan CATUR BISTARI yang telah berada di pasaran.Pengeluaran CILIK BISTARI ini dijangkakan dapat menarik perhatian kumpulan sasaran yang berumur di antara 8 hingga 14 tahun.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Permainan ini dibangunkan untuk menyemai pengetahuan asas keusahawanan dengan pendekatan yang lebih menyeronokkan, sesuai dimainkan bersama anak-anak dengan bimbingan ibubapa dan juga seluruh ahli keluarga. Permainan ini juga masih lagi mengekalkan tiga laluan utama dan ditambah dengan dua laluan kecil dikenali sebagai Jejak 1 dan Jejak 2 yang menggambarkan alam persekolahan.

## PERSATUAN PELAYARAN JOHOR DAN PERSATUAN PELAYARAN MALAYSIA

JCorp turut mempelopori bidang sukan pelayaran dengan penglibatannya di dalam Persatuan Pelayaran Johor (PPNJ) dan Persatuan Pelayaran Malaysia. Kedua-dua persatuan ini diterajui YB Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim selaku Presiden. Kedua-dua OBA ini bergiat aktif di dalam menggalakkan dan membangunkan sukan Perahu Layar di peringkat antarabangsa. Atlet-atlet perahu layar kini telah mencapai kejayaan memberangsangkan di peringkat antarabangsa. Malah mereka mampu bersaing dengan atlet-atlet dari negeri lain yang telah lama terlibat dalam sukan perahu layar di negara ini.

Kejohanan Perahu Layar KFC-FELDA Terbuka Johor 2014 diadakan di Pantai Tanjung Leman, Mersing bermula 17-20 Oktober 2014. Acara ini semakin mendapat perhatian di kalangan peminat sukan perahu layar negara dan menggamit ramai pelancong datang ke lokasi penganjurannya. Secara tidak langsung, acara ini telah mempromosikan Tanjung Leman sebagai pusat peranginan, destinasi pelancongan dan pusat sukan air di Negeri Johor. Penganjurannya juga selari dengan matlamat utama PPNJ untuk membangun dan memperkenalkan sukan perahu layar kepada anak muda negara khususnya mendekatkan anak Felda dengan sukan ini.

Sebanyak 15 pasukan telah terlibat dalam *Johor Open Regatta* 2014 ini, dan sejumlah 155 peserta dari setiap pasukan dan acara telah mendaftarkan diri.

Dalam Sukan Malaysia XVII yang berlangsung pada 27 Mei – 3 Jun 2014, PPNJ telah berjaya membuahkan hasil yang boleh dibanggakan apabila seramai enam atlet Johor telah memperoleh gangsa bagi kategori yang disertai.

Persatuan ini turut berbangga kerana Nuraisyah Jamil, pelayar kelahiran Johor telah berjaya mengharumkan nama negara dengan meraih pingat gangsa di Sukan Asia 2014 dan Sukan SEA 2014 dalam kategori '*International 420 Women*'.

## PERSATUAN MENEMBAK CLAY TARGET JOHOR

Persatuan Menembak Clay Target Johor (JCTSA) telah ditubuhkan pada 1997 dan merupakan persatuan yang bergerak di bawah naungan Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia (NSAM).

Objektif utama penubuhan persatuan ini adalah untuk menaikkan lagi tahap sukan menembak di peringkat negeri dan seterusnya kebangsaan. Ia bergiat cergas terutama dalam mempopularkan acara menembak *clay target* di samping menjadi landasan mencungkil bakat baharu dalam arena sukan menembak di mana peluang diberikan untuk beraksi di peringkat negeri dan kebangsaan. Persatuan ini juga bermatlamat untuk menyumbang kepada sektor pelancongan sukan di peringkat Malaysia amnya dan Negeri Johor khasnya.

Persatuan ini menganjurkan klinik menembak bulanan yang diadakan pada Ahad minggu pertama setiap bulan. Ahli menggunakan kesempatan ini untuk mempelajari cara yang selamat dan betul dalam mengendali dan menggunakan senjata api.

**Persatuan Menembak Clay Target Johor (JCTSA) telah ditubuhkan pada 1997 dan merupakan persatuan yang bergerak di bawah naungan Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia (NSAM).**

1997

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Selain acara Clay Target, persatuan turut menyediakan platform bagi latihan dan pertandingan menembak praktikal atau IPSC (*International Practical Shooting Confederation*). Lapang sasar persatuan telah dipilih sebagai lapang sasar rasmi pertandingan menembak IPSC Level IV Australasia 2010 yang lalu.

Lapang sasar sedia ada menawarkan 24 ruang latihan yang lengkap dengan papan sasaran dan bahan latihan untuk kegunaan ahli.

Setiap tahun persatuan ini tidak ketinggalan menganjurkan Pertandingan Menembak Piala Sultan Iskandar (kini dikenali sebagai Iskandar Shoot), dengan kerjasama Persatuan dan Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ). Pertandingan ini turut mendapat sokongan kerajaan negeri apabila ianya turut termasuk dalam Kalendar Pelancongan Negeri Johor.

Pada 2014, seramai lebih 200 penembak mengambil bahagian yang terdiri daripada pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kelab Menembak Penerbangan Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, Hong Kong dan Sri Lanka.

JCTSA akan terus memastikan pencapaian objektif penubuhannya melalui penyediaan kemudahan latihan yang lebih baik dan komprehensif serta penganjuran lebih banyak pertandingan bertaraf antarabangsa.

## KELAB MOTOR JOHOR

Kelab Motor Johor merupakan antara kelab gabungan Persatuan Automobil Malaysia ("AAM") yang aktif dalam pembangunan sukan bermotor. Pelbagai pertandingan dianjurkan oleh Kelab Motor Johor seperti *Johor Clubman Race, Johor Sprint Challenge,* Lumba Pecut Malam Minggu (*Saturday Nite Sprint)* yang diadakan secara mingguan dan Kejohanan Petronas AAM Malaysian Cub Prix. Segala aktiviti permotoran anjuran kelab ini diadakan di Litar Johor Pasir Gudang.

Pertandingan *Johor Clubman Series* merupakan acara paling popular di kalangan pendatang baharu dan ahli kelab, manakala Lumba Pecut Malam Minggu pula amat popular di kalangan anak muda kerana memberi ruang kepada mereka untuk berlumba dalam keadaan yang terkawal dan selamat.

Kelab Motor Johor juga mendapat kepercayaan AAM untuk menganjurkan Kejohanan Motorcross AAM Malaysia 2014 yang diadakan di Litar Motorcross Bandar Dato Onn, Johor Bahru. Kejohanan ini turut mendapat sokongan Johor Land Berhad dari segi penajaan kewangan dan venue pertandingan.

Pelbagai aktiviti diusahakan oleh Kelab Motor Johor bertujuan menarik lebih ramai peminat sukan permotoran dan sukan ekstrim di Negeri Johor. Ia juga merupakan platform kepada remaja yang berminat dengan sukan permotoran untuk mempamerkan kehebatan masing-masing secara sihat.

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT




## KULIM WILDLIFE DEFENDERS (KWD)

JCorp terlibat dalam usaha pemuliharaan hidupan liar dan alam sekitar khususnya di Johor. Melalui inisiatif Kulim (Malaysia) Berhad ("Kulim"), Kulim Wildlife Defenders (KWD) ditubuhkan dan dirasmikan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor pada Jun 2009.

KWD berperanan membantu Johor Wildlife Conservation Project (JWCP) sejak 2009 dengan mengadakan aktiviti rondaan dan sekatan jalan raya bersama Kerajaan Negeri Johor, Perbadanan Taman Negara Johor, Jabatan Perhilitan Johor, Jabatan Perhutanan Johor, Polis Diraja Malaysia, Kulim, Wildlife Conservation Society (WCS), Panthera serta US Fish & Wildlife. Ia bertujuan mengawal flora dan fauna di sepanjang sempadan hutan Negeri Johor daripada sebarang ancaman pencerobohan dan pemburuan haram.

JCorp dan Kulim juga terlibat dalam menganjurkan program *Raja Zarith Sofiah Wildlife Defenders Challenge 2013*. Ia melibatkan penyertaan 160 pelajar dan 40 guru dari 10 sekolah rendah, 10 sekolah menengah dan 10 institusi pengajian tinggi di Johor.

Pada 4 Jun 2014, majlis penutup dan pengumuman pemenang program ini dilangsungkan di Galleria@Kotaraya, Johor Bahru. Pemenangnya ialah murid Sekolah Kebangsaan Bandar Pontian, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gading, Batu Pahat dan pasukan Tora Malaysianis dari Universiti Teknologi Malaysia dalam kategori masing-masing.

## KESIMPULAN

Sebagai organisasi korporat yang bertanggungjawab, kami percaya bahawa dengan penglibatan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan termasuk seluruh anggota pekerja dalam pembangunan masyarakat dan sosial melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan merupakan satu peranan penting serta komitmen yang dilakukan dengan sepenuh hati dan amanah.

Kumpulan JCorp juga percaya pertumbuhan yang lestari dapat dijayakan dengan adanya pelaksanaan tanggungjawab korporat. Selain itu, segala daya usaha yang dilaksanakan mampu menjana daya saing bisnes khususnya kepada syarikat dalam Kumpulan. Tumpuan khusus juga diberikan kepada penerapan nilai-nilai murni dan strategi bisnes berdasarkan kepada keperluan sosial dan ekonomi kepada semua pihak berkepentingan. Seterusnya kami berharap setiap inisiatif tersebut akan menerapkan dasar-dasar dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan beretika dalam segala perkara yang dilakukan.

Sesungguhnya pelaksanaan tanggungjawab korporat membantu JCorp bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan bagi membentuk pembangunan dan pertumbuhan yang mapan.

Kesimpulannya, pelaksanaan tanggungjawab korporat telah mempertingkatkan reputasi JCorp di mana ianya dari satu segi dapat menarik, mengekal dan memotivasikan anggota pekerja yang berkualiti. Manakala dari perspektif yang lain, reputasi yang baik telah memperlihatkan JCorp sebagai suatu jenama yang dihormati yang berupaya melahirkan anggota pekerja yang lebih beretika dalam organisasi perniagaan.

Dalam perjuangan JCorp, kekuatan ekonomi adalah antara agenda utamanya. Namun perjuangan itu harus lebih murni dengan nilai-nilai prihatin dan sumbangan ikhlas kepada masyarakat yang wujud dalam pelbagai bentuk. Sumbangan berharga tidak semestinya berbentuk wang ringgit mahupun peruntukan tetapi juga melibatkan keprihatinan yang tulen kepada masyarakat.

# PERISTIWA PENTING

## JANUARI




**MAJLIS PEDOMAN JOHOR CORPORATION 2014.**



**HARI MEKAR JOHOR CORPORATION 2013.**



**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JOHOR CORPORATION DENGAN PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD & LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA DENGAN YPJ HOLDINGS SDN BHD.**

## APRIL



**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENAJAAN OLEH KFC (PENINSULAR MALAYSIA) SDN BHD, PENYAMPAIAN INSENTIF SUKAN SEA MYANMAR 2013 DAN PELANCARAN BELIA BELAYAR & LIGA LAYAR MALAYSIA.**

## MEI



**KONSERT MIKRAJ CINTA ANJURAN MUTIARA JOHOR CORPORATION.**

## JUN



**MAJLIS KONVOKESYEN PUSPATRI.**

# PERISTIWA PENTING

## FEBRUARI



**KEJOHANAN PERAHU LAYAR *11TH KFC-NSC LANGKAWI INTERNATIONAL REGATTA PERDANA 2014.***




**MAJLIS PERASMIAN HOSPITAL PAKAR KPJ KLANG.**



## DISEMBER



**MAJLIS PERASMIAN KPJ PASIR GUDANG SPECIALIST HOSPITAL.**



**MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENYERTAAN PENGURUS OUTLET KEDAI AYAMAS DALAM SKIM PERLESENAN KORPORAT.**




**MAJLIS PELANCARAN PENGAGIHAN DANA *WORLD HUNGER RELIEF DISTRIBUTION PROGRAMME*.**

# LIPUTAN JCORP DALAM MEDIA

BERITA

## Hulur dana kemanusiaan berterusan



## JCorp hulur RM500,000

## JCorp laksana Projek Ladang Satelit





## Niaga

Wujud pusat rawatan pakar pertama untuk sejuta penduduk di Rawang

## JCorp bina hospital RM130 juta



The Star 18/04/2014

NEWS 9

## JCorp sets aside RM800mil capex

Move to boost plantation, healthcare, property segments






## JCorp profit doubles to RM1.4bil

Group exceeds RM1bil mark for first time

We are confident of maintaining such growth momentum from existing and new businesses.



## JCorp contributed RM78.98mil to Johor govt over 25 yea[rs]

BH



## Tanah bekas Kem Tebrau diambil alih

- *JCorp dapat sokongan kerajaan negeri buat persiapan, selesai isu setinggan*

## JCorp untung RM1.37 bilion

**JOHOR BAHRU** – Johor Corporation (JCorp) yakin akan mengalami pertumbuhan berterusan bersandarkan kejayaannya mencatat keuntungan sebelum cukai mencecah RM1.37 bilion tahun lalu.

Menteri Besar, Datuk Mohamed Khaled Nordin berkata, syarikat itu dijangka akan terus memperkukuhkan perniagaan teras sedia ada dalam sektor perladangan, kesihatan dan hartanah serta sedia mewujudkan aliran pendapatan baharu.

Menurutnya, Pelan Transformasi Strategik 2012-2022 menggariskan beberapa inisiatif bagi memastikan kesinambungan entiti perniagaan teras, di samping mengimbangi peranan kumpulan dalam melaksanakan pem-



Mohamed Khaled menyemak laporan tahunan JCorp 2013 sambil diperhatikan Ismail (kiri) dan Kamaruzzaman.

bagi mengoptimumkan operasi jangka panjang.

"JCorp akan terus komited dalam menjayakan Pelan Transformasi Strategik yang akan mengukuhkan kedudukan pelbagai bisnes kami di rantau Asean dan menjadi ke arah mencapai bebas hutang menjelang 2022," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Laporan Tahunan

pencapaian mencatatkan RM1 bilion keuntungan sebelum cukai tahun lalu berlandaskan unjuran pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

Menurutnya, transformasi berterusan itu membuka potensi yang signifikan yang mana kumpulan telah merasionalisasikan aset serta meningkatkan

# LIPUTAN JCORP DALAM MEDIA














# PENYATA KEWANGAN

| | |
|---|---|
| 95 | Sijil Ketua Audit Negara |
| 97 | Laporan Para Pengarah |
| 100 | Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (Akaun Kumpulan) |
| 101 | Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation |
| 102 | Penyata Pendapatan Komprehensif |
| 104 | Penyata Kedudukan Kewangan |
| 106 | Penyata Perubahan Ekuiti |
| 109 | Penyata Aliran Tunai |
| 112 | Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan |
| 228 | Senarai Syarikat-Syarikat Anak, Syarikat-Syarikat Bersekutu dan Syarikat-Syarikat Usahasama |

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**PERBADANAN JOHOR**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna

pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain**

Selaras dengan keperluan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995), saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 30(i), Enakmen tersebut;

ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Perbadanan Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah selaras dengan peruntukan Enakmen tersebut; dan

iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
10 APRIL 2015

# LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

## KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968), (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah, dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terutamanya terdiri daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prisihatin), pembangunan dan pengurusan hartanah, “intrapreneur ventures”, restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

| | Kumpulan RM Juta | Johor Corporation RM Juta |
|---|---|---|
| Keuntungan daripada operasi berterusan, selepas cukai | 529 | 196 |
| Keuntungan daripada operasi dihentikan, selepas cukai | 247 | - |
| Keuntungan bersih selepas cukai | 776 | 196 |
| Keuntungan dikaitkan kepada: | | |
| Johor Corporation | 430 | 196 |
| Kepentingan bukan kawalan | 346 | - |
| | 776 | 196 |

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

# LAPORAN PARA PENGARAH

## LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lalu dan pada tarikh laporan ini adalah:

| | |
|---|---|
| YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin | (Pengerusi) |
| YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa | (Timbalan Pengerusi) |
| YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim | (Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan) |
| YB Dato' Haji Ismail Bin Karim | (Dilantik pada 10 April 2014) |
| YB Dato' Ishak Bin Sahari | |
| YB Dato' Haji Marsan Bin Kassim | |
| YBhg Dato' Hafsah Binti Hashim | |
| YBhg Dato' Siti Zauyah Binti Md Desa | |
| YB Tuan Haji Md Jais Bin Haji Sarday | |
| YBhg Encik Izaddeen Bin Daud | |
| YB Dato' Haji Obet Bin Tawil | (Bersara pada 9 April 2014) |
| YBhg Datuk Seri Mohd Hashim Bin Abdullah | (Bersara pada 7 Julai 2014) |

## MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

(a) Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentukan bahawa:

(i) tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan

(ii) untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan di dalam urusan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada satu amaun yang dijangka boleh diperolehi.

(b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:

(i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau

(ii) yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau

(iii) yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.

(c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

# LAPORAN PARA PENGARAH

### MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

(i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau

(ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

(e) Pada pendapat para Pengarah:

(i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan

(ii) kecuali sebagaimana yang didedahkan dalam penyata kewangan, dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



**DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**
**Pengerusi**



**DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
**Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan**

Johor Bahru

17 Mac 2015

# PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH JOHOR CORPORATION (AKAUN KUMPULAN)

Kami, Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin dan Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:

**DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**
**Pengerusi**

**DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
**Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan**

Johor Bahru

17 Mac 2015

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
# KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN JOHOR CORPORATION

Saya, Zulkifli Bin Ibrahim, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Johor Bahru pada 17 MAC 2015

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No. J 204
MOHDZAR BIN KHALID
P.L.P., P.I.S.,
MALAYSIA

Pesuruhjaya sumpah

No. 89, Jalan Trus,
80000 Johor Bahru

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| | Nota | Kumpulan 2014 | Kumpulan 2013 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2014 | Johor Corporation 2013 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Operasi berterusan** | | | | | |
| Hasil | 4 | 4,695 | 4,735 | 204 | 531 |
| Kos jualan | | (3,277) | (3,062) | (49) | (120) |
| Keuntungan kasar | | 1,418 | 1,673 | 155 | 411 |
| **Lain-lain item pendapatan** | | | | | |
| Lain-lain pendapatan | 5 | 809 | 1,166 | 238 | 379 |
| **Lain-lain item perbelanjaan** | | | | | |
| Perbelanjaan pengedaran | | (43) | (67) | (10) | (6) |
| Perbelanjaan pentadbiran | | (976) | (959) | (60) | (72) |
| Kos kewangan | 7 | (370) | (401) | (126) | (201) |
| Lain-lain perbelanjaan | 6 | (208) | (123) | (37) | (366) |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai | | 24 | 31 | - | - |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama, bersih selepas cukai | | (27) | 4 | - | - |
| **Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan** | **8** | **627** | **1,324** | **160** | **145** |
| Perbelanjaan cukai | 11 | (98) | (182) | 36 | (16) |
| **Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai** | | **529** | **1,142** | **196** | **129** |
| **Operasi yang dihentikan** | | | | | |
| Keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai | 12 | 247 | 17 | - | - |
| **Keuntungan bersih selepas cukai** | | **776** | **1,159** | **196** | **129** |

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| | Nota | Kumpulan 2014 | Kumpulan 2013 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2014 | Johor Corporation 2013 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif, diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:** | | | | | |
| Kerugian bersih atas aliran tunai lindung nilai | | (10) | - | - | - |
| Kerugian bersih atas aset kewangan sedia untuk dijual | | (1) | (2) | - | - |
| Pertukaran matawang asing dari operasi asing | | 97 | (265) | - | - |
| **Lain-lain pendapatan komprehensif, tidak diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:** | | | | | |
| Lebihan bersih daripada penilaian semula daripada harta, loji dan kelengkapan | | 3 | - | - | - |
| **Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif tahun semasa, bersih selepas cukai** | | **89** | **(267)** | **-** | **-** |
| **Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa** | | **865** | **892** | **196** | **129** |
| **Keuntungan dikaitkan kepada:** | | | | | |
| Johor Corporation | | 430 | 808 | 196 | 129 |
| Kepentingan bukan kawalan | | 346 | 351 | - | - |
| | | 776 | 1,159 | 196 | 129 |
| **Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:** | | | | | |
| Johor Corporation | | 447 | 738 | 196 | 129 |
| Kepentingan bukan kawalan | | 418 | 154 | - | - |
| | | ***865*** | ***892*** | ***196*** | ***129*** |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

## PADA 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| | Nota | Kumpulan 2014 | Kumpulan 2013 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2014 | Johor Corporation 2013 |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET** | | | | | |
| **Aset bukan semasa** | | | | | |
| Harta, loji dan kelengkapan | 14 | 6,044 | 8,631 | 671 | 520 |
| Pembangunan hartanah | 24(a) | 50 | 164 | 26 | 26 |
| Hartanah pelaburan | 15 | 4,045 | 3,554 | 1,177 | 1,108 |
| Aset tidak zahir | 16 | 351 | 408 | - | - |
| Hak-hak guna tanah | 17 | 126 | 154 | - | - |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak | 18 | - | - | 3,769 | 3,443 |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu | 19 | 268 | 285 | 36 | 36 |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat usahasama | 20 | 1,246 | 1,272 | - | - |
| Aset cukai tertunda | 22 | 160 | 97 | 108 | 59 |
| Lain-lain pelaburan | 13 | 57 | 66 | 4 | 4 |
| | | 12,347 | 14,631 | 5,791 | 5,196 |
| **Aset semasa** | | | | | |
| Pembangunan hartanah | 24(b) | 785 | 877 | 430 | 436 |
| Inventori | 25 | 174 | 804 | 72 | 80 |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain | 23 | 991 | 1,065 | 354 | 302 |
| Lain-lain aset semasa | 26 | 47 | 76 | 7 | 17 |
| Lain-lain pelaburan | 13 | 146 | 64 | 42 | 48 |
| Cukai boleh diperolehi kembali | | - | 5 | 71 | 75 |
| Derivatif instrumen kewangan | 28 | 2 | 16 | - | - |
| Baki tunai dan bank | 29 | 1,091 | 1,105 | 85 | 91 |
| | | 3,236 | 4,012 | 1,061 | 1,049 |
| Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual | 21 | 4,859 | 6 | 63 | 26 |
| | | 8,095 | 4,018 | 1,124 | 1,075 |
| **Jumlah aset** | | **20,442** | **18,649** | **6,915** | **6,271** |

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

## PADA 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| | Nota | Kumpulan 2014 | Kumpulan 2013 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2014 | Johor Corporation 2013 |
|---|---|---|---|---|---|
| **EKUITI DAN LIABILITI** | | | | | |
| **Liabiliti semasa** | | | | | |
| Cukai perlu dibayar | | 40 | 54 | - | - |
| Pembiayaan dan pinjaman | 31 | 2,246 | 1,634 | 62 | 61 |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain | 32 | 1,960 | 1,931 | 1,620 | 1,220 |
| | | 4,246 | 3,619 | 1,682 | 1,281 |
| Liabiliti langsung berkaitan dengan pelupusan kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual | 21 | 2,085 | - | - | - |
| | | 6,331 | 3,619 | 1,682 | 1,281 |
| **Jumlah aset bersih semasa/(liabiliti)** | | **1,764** | **399** | **(558)** | **(206)** |
| **Liabiliti bukan semasa** | | | | | |
| Lain-lain pemiutang | 32 | - | - | 453 | 424 |
| Lain-lain liabiliti jangka panjang | 30 | 415 | 400 | 290 | 267 |
| Liabiliti cukai tertunda | 22 | 263 | 977 | - | - |
| Pembiayaan dan pinjaman | 31 | 5,951 | 6,930 | 2,974 | 2,977 |
| | | 6,629 | 8,307 | 3,717 | 3,668 |
| **Jumlah liabiliti** | | **12,960** | **11,926** | **5,399** | **4,949** |
| **Jumlah aset bersih** | | **7,482** | **6,723** | **1,516** | **1,322** |
| **Ekuiti** | | | | | |
| Rizab modal | 33(a) | 1,064 | 1,056 | 55 | 55 |
| Rizab turun naik matawang | 33(b) | (91) | (145) | - | - |
| Rizab pelarasan nilai saksama | 33(c) | 51 | 51 | - | - |
| Rizab urusniaga ekuiti | 33(d) | (56) | (56) | - | - |
| Rizab hasil | 33(e) | 1,972 | 1,598 | 1,461 | 1,267 |
| | | 2,940 | 2,504 | 1,516 | 1,322 |
| Kepentingan bukan kawalan | | 4,542 | 4,219 | - | - |
| **Jumlah ekuiti** | | **7,482** | **6,723** | **1,516** | **1,322** |
| **Jumlah ekuiti dan liabiliti** | | **20,442** | **18,649** | **6,915** | **6,271** |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| 2013<br>Kumpulan | Rizab modal | Rizab turun naik matawang | Rizab pelarasan nilai saksama | Rizab urusniaga ekuiti | Rizab hasil | Jumlah | Kepentingan bukan kawalan | Jumlah ekuiti |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Baki awal pada 1 Januari 2013** | **1,046** | **(74)** | **53** | **(56)** | **787** | **1,756** | **5,927** | **7,683** |
| Keuntungan bersih selepas cukai | - | - | - | - | 808 | 808 | 351 | 1,159 |
| **Lain-lain pendapatan komprehensif** | | | | | | | | |
| Pertukaran matawang asing bagi operasi asing | - | (67) | - | - | - | (67) | (198) | (265) |
| Kerugian bersih aset kewangan sedia untuk dijual | - | - | (2) | - | - | (2) | - | (2) |
| (Kerugian)/keuntungan bersih aliran tunai lindung nilai | (1) | - | - | - | - | (1) | 1 | - |
| Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa | (1) | (67) | (2) | - | - | (70) | (197) | (267) |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa | (1) | (67) | (2) | - | 808 | 738 | 154 | 892 |
| Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti | - | - | - | - | - | - | (614) | (614) |
| Pelupusan syarikat-syarikat anak | 8 | (4) | - | - | - | 4 | (1,307) | (1,303) |
| Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak | 4 | - | - | - | 21 | 25 | 46 | 71 |
| Pengambilalihan syarikat-syarikat anak baru | - | - | - | - | - | - | 5 | 5 |
| Tambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak | - | - | - | - | (16) | (16) | 6 | (10) |
| Terbitan saham oleh syarikat anak kepada kepentingan bukan kawalan | - | - | - | - | - | - | 2 | 2 |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri | - | - | - | - | (3) | (3) | - | (3) |
| Penebusan balik saham keutamaan | (1) | - | - | - | 1 | - | - | - |
| | 11 | (4) | - | - | 3 | 10 | (1,862) | (1,852) |
| **Baki akhir pada 31 Disember 2013** | **1,056** | **(145)** | **51** | **(56)** | **1,598** | **2,504** | **4,219** | **6,723** |

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| 2014<br>Kumpulan | Rizab modal | Rizab turun naik matawang | Rizab pelarasan nilai saksama | Rizab urusniaga ekuiti | Rizab hasil | Jumlah | Kepentingan bukan kawalan | Jumlah ekuiti |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Baki awal pada 1 Januari 2014** | **1,056** | **(145)** | **51** | **(56)** | **1,598** | **2,504** | **4,219** | **6,723** |
| Keuntungan bersih selepas cukai | - | - | - | - | 430 | 430 | 346 | 776 |
| **Lain-lain pendapatan komprehensif** | | | | | | | | |
| Lebihan penilaian semula harta, loji dan kelengkapan | 3 | - | - | - | - | 3 | - | 3 |
| Pertukaran matawang asing bagi operasi asing | - | 19 | - | - | - | 19 | 78 | 97 |
| (Kerugian)/keuntungan bersih aset kewangan sedia untuk dijual | - | - | - | - | (2) | (2) | 1 | (1) |
| Kerugian bersih aliran tunai lindung nilai | (3) | - | - | - | - | (3) | (7) | (10) |
| Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa | - | 19 | - | - | (2) | 17 | 72 | 89 |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa | - | 19 | - | - | 428 | 447 | 418 | 865 |
| Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti | - | - | - | - | - | - | (160) | (160) |
| Pelupusan syarikat-syarikat anak | (7) | 32 | - | - | (13) | 12 | (4) | 8 |
| Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak | (6) | 3 | - | - | (22) | (25) | (12) | (37) |
| Pengambilalihan syarikat-syarikat anak baru | (5) | - | - | - | (5) | (10) | 130 | 120 |
| Tambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak | 26 | - | - | - | (12) | 14 | (49) | (35) |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri | - | - | - | - | (2) | (2) | - | (2) |
| | 8 | 35 | - | - | (54) | (11) | (95) | (106) |
| **Baki akhir pada 31 Disember 2014** | **1,064** | **(91)** | **51** | **(56)** | **1,972** | **2,940** | **4,542** | **7,482** |

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| Johor Corporation | Rizab modal | Rizab hasil | Jumlah ekuiti |
|---|---|---|---|
| **Baki awal pada 1 Januari 2013** | **55** | **1,141** | **1,196** |
| Jumlah pendapatan komprehensif | - | 129 | 129 |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri | - | (3) | (3) |
| **Baki akhir pada 31 Disember 2013 dan baki awal pada 1 Januari 2014** | **55** | **1,267** | **1,322** |
| Jumlah pendapatan komprehensif | - | 196 | 196 |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri | - | (2) | (2) |
| **Baki akhir pada 31 Disember 2014** | **55** | **1,461** | **1,516** |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 Dinyatakan semula | 2014 | 2013 |
| **KEGIATAN OPERASI** | | | | |
| Keuntungan sebelum cukai: | | | | |
| Operasi berterusan | 627 | 1,324 | 160 | 145 |
| Operasi dihentikan | 383 | 51 | - | - |
| Pelarasan-pelarasan: | | | | |
| Harta, loji dan kelengkapan: | | | | |
| Keuntungan bersih atas pelupusan | (10) | (73) | - | (73) |
| Hapuskira | 5 | 1 | - | - |
| Susutnilai | 501 | 435 | 10 | 8 |
| Hartanah pelaburan: | | | | |
| Perubahan dalam nilai saksama | (186) | (463) | (83) | (268) |
| Keuntungan bersih atas pelupusan | (104) | - | (23) | (13) |
| Hak-hak guna tanah: | | | | |
| Pelunasan | 1 | - | - | - |
| Pengukuran semula baki kepentingan yang timbul daripada anggapan sebagai pelupusan ke atas syarikat anak | - | (331) | - | - |
| (Keuntungan)/kerugian atas pelupusan: | | | | |
| Syarikat-syarikat anak | (106) | (80) | (4) | (15) |
| Lain-lain pelaburan | 6 | (3) | 9 | (1) |
| Operasi yang dihentikan | (1) | - | - | - |
| Pembelian rendah atas pengambilan syarikat anak | (26) | - | - | - |
| Perbelanjaan pembangunan: | | | | |
| Peruntukan bagi penghausan nilai | - | - | 1 | - |
| Pelaburan: | | | | |
| Perubahan dalam nilai saksama | (62) | (1) | (34) | 8 |
| Peruntukan bagi penghausan nilai, bersih | 19 | - | 20 | 90 |
| Aset tidak ketara: | | | | |
| Pelunasan | 7 | 1 | - | - |
| Pendapatan dividen | (3) | (2) | (131) | (145) |
| Geran diterima daripada kerajaan | (5) | (6) | - | - |
| Kerugian pertukaran matawang asing tidak direalisasi | 53 | - | - | - |
| Muhibah dihapuskira | - | 22 | - | - |
| Pelunasan geran kerajaan | (3) | (7) | - | - |
| Peruntukan/(pembalikan) rosotnilai penghutang, bersih | 28 | 36 | (15) | 226 |
| Perbelanjaan faedah | 370 | 401 | 126 | 201 |
| Pendapatan faedah | (65) | (47) | (50) | (17) |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama | 3 | (35) | - | - |
| **Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja** | **1,432** | **1,223** | **(14)** | **146** |

# PENYATA ALIRAN TUNAI

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| | **Kumpulan** | | **Johor Corporation** | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014** | **2013 Dinyatakan semula** | **2014** | **2013** |
| Perubahan dalam modal kerja | | | | |
| Deposit bank tidak dianggap sebagai kesetaraan tunai | 26 | 23 | 6 | (9) |
| Inventori | 130 | 38 | 10 | (38) |
| Kos pembangunan hartanah | 101 | (345) | 6 | (150) |
| Penghutang | 44 | 62 | 22 | (453) |
| Pemiutang | 383 | 96 | 49 | 321 |
| Syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama | 36 | 1 | - | - |
| **Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan operasi** | 2,152 | 1,098 | 79 | (183) |
| Pulangan cukai | 36 | 56 | 3 | - |
| Cukai dibayar | (276) | (327) | (13) | - |
| Dividen diterima | 3 | - | 112 | 754 |
| Faedah diterima | 65 | 47 | 4 | 4 |
| **Tunai bersih dijana daripada kegiatan operasi** | **1,980** | **874** | **185** | **575** |
| **KEGIATAN PELABURAN** | | | | |
| Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam: | | | | |
| Syarikat-syarikat anak | 79 | 80 | 50 | 22 |
| Pelaburan jangka pendek | 46 | 52 | 33 | 44 |
| Syarikat bersekutu | - | 19 | - | - |
| Syarikat usahasama | - | (1,238) | - | - |
| Perbelanjaan pembangunan | (1) | - | (1) | - |
| Harta, loji dan kelengkapan: | | | | |
| Perolehan daripada pelupusan | 49 | 403 | - | 74 |
| Pembelian | (915) | (1,075) | (24) | (45) |
| Hartanah pelaburan: | | | | |
| Perolehan daripada pelupusan | 351 | 834 | 53 | 25 |
| Pembelian | (563) | (282) | (39) | - |
| Aset tidak ketara: | | | | |
| Tambahan | (47) | (17) | - | - |
| Hak-hak guna tanah: | | | | |
| Pembelian | - | (88) | - | - |
| Pengambilalihan syarikat-syarikat anak | (241) | - | - | - |
| Pembelian: | | | | |
| Kepentingan separa dalam syarikat-syarikat anak | - | - | (163) | (618) |
| Kepentingan separa dalam syarikat-syarikat bersekutu | - | - | - | (12) |
| Lain-lain pelaburan | - | (5) | - | (16) |
| Tunai bersih masuk atas pelupusan kumpulan diklasifikasi sebagai pegangan untuk dijual | 28 | - | - | - |
| Tunai bersih masuk atas pelupusan syarikat-syarikat anak | 35 | 886 | - | - |
| **Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan** | **(1,179)** | **(431)** | **(91)** | **(526)** |

# PENYATA ALIRAN TUNAI

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

| | Kumpulan 2014 | Kumpulan 2013 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2014 | Johor Corporation 2013 |
|---|---|---|---|---|
| **KEGIATAN PEMBIAYAAN** | | | | |
| Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang | 1,320 | 3,053 | - | - |
| Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang | (1,681) | (2,439) | (4) | (3) |
| Kewajipan pembayaran balik sewa beli | - | (11) | - | - |
| Geran kerajaan diterima | 13 | 39 | 8 | 33 |
| Faedah dibayar | (370) | (401) | (96) | (109) |
| Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan | (160) | (614) | - | - |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri | (2) | (3) | (2) | (3) |
| **Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan** | **(880)** | **(376)** | **(94)** | **(82)** |
| (Pengurangan)/penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | (79) | 67 | - | (33) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari | 936 | 857 | 66 | 99 |
| Kesan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesetaraan tunai | 97 | 12 | - | - |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember** | **954** | **936** | **66** | **66** |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI** | | | | |
| Baki tunai dan bank | 579 | 731 | 39 | 3 |
| Simpanan tetap | 512 | 374 | 46 | 88 |
| | 1,091 | 1,105 | 85 | 91 |
| Simpanan tetap tertakluk kepada sekatan/dicagarkan | (21) | (47) | (19) | (25) |
| Overdraf bank | (116) | (122) | - | - |
| | **954** | **936** | **66** | **66** |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968), (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 11, Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru, Johor
Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 meliputi Johor Corporation dan syarikat-syarikat anaknya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usahasama.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan hartanah dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatin), pembangunan dan pengurusan hartanah, "intrapreneur ventures", restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

### 2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai pindaan dan FRS baru yang merupakan satu syarat mandatori bagi tempoh-tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014 sebagaimana yang dinyatakan sepenuhnya dalam Nota 2.2.

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke juta terdekat (RM juta) melainkan dinyatakan selainnya.

### 2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan

Polisi-polisi perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lepas kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2014, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai pindaan dan FRS baru dan Interpretasi IC yang diwajibkan bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2014:

| Perihal | Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas |
|---|---|
| Pindaan FRS 132: Pengimbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan | 1 Januari 2014 |
| Pindaan FRS 10, FRS 12 dan FRS 127: Entiti Pelaburan | 1 Januari 2014 |
| Pindaan FRS 136: Pendedahan Amaun Boleh Pulih untuk Aset Bukan Kewangan | 1 Januari 2014 |
| Pindaan FRS 139: Novasi Derivatif dan Penyambungan Perakaunan Lindung Nilai | 1 Januari 2014 |
| Interpretasi IC 21 Levi | 1 Januari 2014 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

#### 2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

Sifat dan kesan dari FRS dan IC Interpretasi baru dan dipinda adalah seperti berikut:

**Pindaan kepada FRS 132: Pengimbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan**

Pindaan ini menjelaskan pengertian “kini mempunyai hak sah untuk menguatkuasa pengimbangan” dan “realisasi dan penyelesaian serentak“. Pindaan ini telah digunakan secara retrospektif. Pindaan ini tidak memberi kesan ke atas Kumpulan, kerana tiada satu pun entiti dalam Kumpulan mempunyai apa-apa pengaturan pengimbangan.

**Pindaan kepada FRS 10, FRS 12 dan FRS 127: Entiti Pelaburan**

Pindaan ini memberikan pengecualian kepada keperluan penyatuan bagi entiti yang memenuhi definisi sebuah entiti pelaburan di bawah FRS 10 Penyata Kewangan Disatukan dan mesti digunakan secara retrospektif, tertakluk kepada pelepasan peralihan tertentu. Pengecualian kepada penyatuan memerlukan entiti pelaburan mengambil kira syarikat-syarikat anak pada nilai saksama menerusi untung atau rugi. Pindaan-pindaan ini tidak mempunyai kesan yang material ke atas Kumpulan.

**Pindaan kepada FRS 136: Pendedahan Amaun Boleh Pulih untuk Aset Bukan Kewangan**

Pindaan kepada FRS 136 menggugurkan keperluan untuk mendedahkan jumlah yang boleh diperolehi semula daripada unit penjanaan tunai (UPT) dimana muhibah atau lain-lain aset tidak ketara dengan hayat berguna yang tidak terbatas telah diperuntukkan apabila terdapat sebarang kemerosotan atau pembalikan penurunan nilai UPT berkaitan. Di samping itu, pindaan memperkenalkan keperluan pendedahan tambahan apabila jumlah yang boleh diperolehi semula diukur pada nilai saksama ditolak kos pelupusan. Pendedahan baru termasuk hierarki nilai saksama, andaian utama dan teknik penilaian yang digunakan adalah sejajar dengan pendedahan yang diperlukan oleh FRS 13 Pengukuran Nilai Saksama. Penggunaan pindaan ini tidak memberi sebarang impak material ke atas pendedahan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

**Pindaan kepada FRS 139: Novasi Derivatif dan Penyambungan Perakaunan Lindung Nilai**

Pindaan ini memberikan pelepasan daripada keperluan untuk tidak menyambung perakaunan lindung nilai apabila derivatif ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai dinovasikan haknya di bawah keadaan tertentu. Pindaan tersebut juga menjelaskan bahawa apa-apa perubahan kepada nilai saksama derivatif yang ditetapkan sebagai instrumen perlindungan nilai yang timbul dari novasi harus diletakkan di dalam penilaian dan ukuran keberkesanan lindung nilai. Aplikasi retrospektif adalah diperlukan. Pindaan ini tidak mempunyai kesan ke atas Kumpulan kerana Kumpulan tidak mempunyai sebarang derivatif yang tertakluk kepada novasi.

**Interpretasi IC 21 Levi**

IC 21 mentakrifkan levi dan menjelaskan bahawa peristiwa mewajibkan yang menimbulkan liabiliti adalah aktiviti yang mencetuskan pembayaran levi, seperti yang dikenal pasti oleh undang-undang. Untuk levi yang dicetuskan apabila mencapai had minimum, IC 21 menjelaskan bahawa tiada liabiliti perlu diiktiraf sebelum ambang minimum yang ditetapkan dicapai. Aplikasi retrospektif adalah diperlukan. Penggunaan IC 21 tidak memberi kesan material terhadap pendedahan atau ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan dan Johor Corporation belum menerima pakai piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa. Kumpulan dan Johor Corporation bercadang untuk menggunapakai piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuatkuasa.

| Perihal | Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas |
|---|---|
| Pindaan FRS 119: Pelan Manfaat Ditentukan : Caruman Pekerja | 1 Julai 2014 |
| Penambahbaikan Tahunan FRS Kitaran 2010 – 2012 | 1 Julai 2014 |
| Penambahbaikan Tahunan FRS Kitaran 2011 – 2013 | 1 Julai 2014 |
| Penambahbaikan Tahunan FRS Kitaran 2012 – 2014 | 1 Januari 2016 |
| Pindaan FRS 116 dan FRS 138: Penjelasan Kaedah Boleh Diterima untuk Susutnilai dan Pelunasan | 1 Januari 2016 |
| Pindaan FRS 10 dan FRS 128: Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Bersekutu atau Usahasama | 1 Januari 2016 |
| Pindaan FRS 11: Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Pengendalian Bersama | 1 Januari 2016 |
| Pindaan FRS 127: Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan | 1 Januari 2016 |
| Pindaan FRS 101: Pendedahan Inisiatif | 1 Januari 2016 |
| Pindaan FRS 10, FRS 12 and FRS 128: Entiti Pelaburan: Mengguna Pakai Pengecualian Penyatuan | 1 Januari 2016 |
| FRS 14 Peraturan Akaun Penundaan | 1 Januari 2016 |
| FRS 9 Instrumen Kewangan | 1 Januari 2018 |

**Pindaan FRS 119: Pelan Manfaat Ditentukan : Caruman Pekerja**

Pindaan kepada FRS 119 menjelaskan bagaimana sesuatu entiti harus mengambil kira caruman yang telah dibuat oleh pekerja atau pihak ketiga untuk menentukan pelan manfaat, berdasarkan sama ada caruman tersebut adalah bergantung kepada bilangan tahun perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja. Untuk caruman yang tidak bergantung kepada bilangan tahun perkhidmatan, sesuatu entiti dibenarkan untuk mengiktiraf caruman seperti pengurangan kos perkhidmatan dalam tempoh di mana perkhidmatan diberikan, dan bukannya daripada pengagihan caruman kepada tempoh perkhidmatan. Untuk caruman yang bergantung kepada bilangan tahun perkhidmatan, entiti dikehendaki mengaitkan caruman tersebut dengan tempoh perkhidmatan pekerja.

Para pengarah Johor Corporation menjangkakan bahawa penggunaan pakai pindaan ini tidak akan memberikan kesan yang material kepada penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

**Pindaan FRS 116 dan FRS 138: Penjelasan Kaedah Boleh Diterima untuk Susutnilai dan Pelunasan**

Pindaan ini menjelaskan hasil yang mencerminkan corak manfaat ekonomi yang dijana daripada operasi perniagaan (di mana aset itu adalah sebahagiannya) berbanding manfaat ekonomi yang digunakan melalui penggunaan aset. Kesannya, kaedah berasaskan hasil tidak boleh digunakan untuk susutnilai terhadap hartanah, loji, dan kelengkapan dan hanya boleh digunakan dalam keadaan yang terhad untuk melunaskan aset tidak ketara.

Pindaan ini berkuatkuasa secara prospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan menerima pakai awal dibenarkan. Pindaan ini adalah dijangkakan tidak akan memberikan kesan kepada penyata kewangan Kumpulan kerana Kumpulan tidak menggunakan kaedah berasaskan pendapatan untuk susutnilai aset bukan semasa.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

**Pindaan FRS 10 dan FRS 128: Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Bersekutu atau Usahasama**

Pindaan ini menjelaskan bahawa:

- Untung atau rugi daripada urus niaga yang melibatkan aset yang bukan terdiri dalam perniagaan antara pelabur dan bersekutu atau usahasama akan diiktiraf dalam penyata kewangan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu atau usahasama; dan
- Untung atau rugi daripada urus niaga yang melibatkan penjualan atau sumbangan kepada syarikat bersekutu dalam usahasama aset yang membentuk perniagaan akan diiktiraf sepenuhnya.

Pindaan ini digunakan secara prospektif untuk penjualan atau sumbangan aset yang berlaku dalam tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016. Mengguna pakai awal dibenarkan.

**Pindaan FRS 11 Pengaturan Bersama: Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Pengendalian Bersama**

Pindaan FRS 11 memerlukan pengendali bersama yang memperoleh kepentingan dalam pengendalian bersama yang membentuk perniagaan untuk menggunakan FRS 3 Prinsip Kombinasi Perniagaan yang berkaitan untuk perakaunan kombinasi. Pindaan tersebut juga menjelaskan bahawa suatu kepentingan yang dipegang sebelum ini dalam pengendalian bersama tidak diukur semula daripada pengambilalihan kepentingan tambahan dalam pengendalian bersama yang sama manakala kawalan bersama dikekalkan. Selain itu, skop pengecualian telah ditambah kepada FRS 11 untuk menentukan bahawa pindaan ini tidak terpakai apabila pihak-pihak berkongsi kawalan bersama, termasuk entiti pelaporan, yang di bawah kawalan sepunya dari pihak pengawal muktamat yang sama.

Pindaan ini diaplikasikan secara prospektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Para pengarah Johor Corporation berpendapat bahawa penggunaan pakai pindaan ini tidak akan memberikan kesan yang material kepada penyata kewangan Kumpulan.

**Pindaan FRS 127: Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan**

Pindaan akan membenarkan entiti untuk menggunakan kaedah ekuiti untuk mengambil kira pelaburan dalam syarikat anak, usahasama dan syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan mereka. Entiti yang telah menggunapakai FRS dan memilih untuk menggunakan kaedah ekuiti dalam penyata kewangan berasingan perlu membuat perubahan secara retrospektif. Untuk penerima pakai kali pertama FRS yang memilih kaedah ekuiti dalam penyata kewangan berasingan, perlu menggunapakai kaedah ini dari tarikh peralihan kepada FRS. Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan penerimaan pakai awal dibenarkan. Pindaan ini tidak akan memberikan kesan kepada penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

**Pindaan FRS 101: Pendedahan Inisiatif**

Pindaan FRS 101 termasuk peningkatan tumpuan fokus dalam lima bidang:

(i) Kematanan;

(ii) Tanpa pengagregatan dan subjumlah;

(iii) Struktur nota;

(iv) Pendedahan polisi perakaunan; dan

(v) Pembentangan item dalam pendapatan komprehensif lain yang timbul daripada ekuiti pelaburan yang diambilkira.

Para pengarah Johor Corporation menjangkakan bahawa mengguna pakai pindaan ini tidak akan memberikan kesan yang material kepada penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

**Pindaan FRS 10, FRS 12 dan FRS 128: Entiti Pelaburan: Mengguna Pakai Pengecualian Penyatuan**

Pindaan ini menjelaskan bahawa pengecualian daripada membentangkan penyata kewangan disatukan terpakai bagi entiti induk syarikat anak yang merupakan sebuah entiti pelaburan, apabila entiti pelaburan mengukur semua syarikat-syarikat anaknya pada nilai saksama. Pindaan selanjutnya menjelaskan bahawa hanya syarikat anak yang sendirinya bukan entiti pelaburan dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada entiti pelaburan akan disatukan. Di samping itu, pindaan juga memperuntukkan bahawa jika suatu entiti yang bukan dianggap sebagai entiti pelaburan mempunyai kepentingan dalam syarikat bersekutu atau usahasama yang merupakan entiti pelaburan, entiti itu boleh, apabila mengguna pakai kaedah ekuiti ini, mengekalkan pengukuran nilai saksama yang diguna pakai oleh entiti pelaburan syarikat bersekutu atau usahasama untuk kepentingan pelaburan entiti syarikat bersekutu atau usahasama dalam syarikat-syarikat anaknya.

Pindaan ini adalah untuk digunakan secara retrospektif dan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016, dengan menerima pakai awal dibenarkan. Pindaan ini tidak akan memberi sebarang kesan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

**FRS 14 Peraturan Akaun Penundaan**

FRS 14 merupakan piawaian pilihan yang membenarkan entiti di mana aktivitinya adalah tertakluk kepada kadar peraturan, untuk terus menggunakan sebahagian besar daripada asas-asas perakaunan yang sedia ada bagi peraturan baki akaun penundaan apabila menerima pakai FRS pertama kali. Entiti yang menerima pakai FRS 14 hendaklah membentangkan peraturan akaun penundaan sebagai item berasingan di dalam penyata kedudukan kewangan dan membentangkan perubahan semasa dalam baki akaun sebagai item berasingan dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain. Piawaian ini memerlukan pendedahan kepada jenis, dan risiko yang berkaitan dengan kadar peraturan entiti dan kesan kadar peraturan ke atas penyata kewangannya. Memandangkan Kumpulan masih menggunakan FRS sedia ada, piawaian ini tidak akan digunapakai.

**FRS 9 Instrumen Kewangan**

Dalam bulan November 2014, MASB telah mengeluarkan versi akhir FRS 9 Instrumen Kewangan yang menggambarkan semua fasa projek instrumen kewangan dan menggantikan FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran dan semua versi terdahulu FRS 9. Piawaian ini memperkenalkan keperluan baru bagi klasifikasi dan pengukuran, rosotnilai dan perakaunan lindung nilai. FRS 9 berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018, dengan menerima pakai awal dibenarkan.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

**Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("Rangka Kerja MFRS")**

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") telah mengeluarkan rangka kerja perakaunan baru yang telah diluluskan, iaitu Rangka Kerja MFRS Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

Rangka Kerja MFRS digunapakai oleh semua Entiti Lain daripada Entiti Persendirian bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, dengan pengecualian entiti yang berada dalam skop MFRS 141 Pertanian ("MFRS 141") dan IC Interpretasi 15 Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah ("IC 15"), termasuk induk, pelabur besar dan pengusaha (di sini dipanggil 'Entiti Peralihan').

Entiti Peralihan akan dibenarkan untuk menangguhkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru dan boleh memilih untuk menggunapakai Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") sebagai rangka kerja pelaporan kewangan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017.

Kumpulan termasuk dalam definisi skop Entiti Peralihan, sehubungan itu perlu untuk menyediakan penyata kewangan yang menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam penyata kewangan MFRS yang pertama untuk tahun berakhir 31 Disember 2017. Dalam membentangkan penyata kewangan MFRSnya yang pertama, Kumpulan akan diperlukan untuk menyatakan semula penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang menggambarkan pemakaian Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasan yang diperlukan pada peralihan akan dibuat, secara retrospektif, terhadap baki awal keuntungan terkumpul.

Kumpulan belum lagi selesai melakukan penilaiannya terhadap kesan kewangan bagi perbezaan antara Piawaian Pelaporan Kewangan dan piawaian perakaunan di bawah Rangka Kerja MFRS. Sehubungan itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 mungkin berbeza jika disediakan di bawah Rangka Kerja MFRS.

### 2.4 Asas-asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Johor Corporation dan syarikat-syarikat anaknya pada tarikh laporan. Penyata kewangan syarikat-syarikat anak yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk urusniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Johor Corporation ini mengawal satu pelaburan hanya jika dan jika Johor Corporation mempunyai semua yang berikut:

(i) Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu hak yang ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);

(ii) Pendedahan, atau hak, untuk pulangan pemboleh ubah daripada pelaburan dengan penerima pelaburan; dan

(iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.4 Asas-asas penyatuan (sambungan)

Apabila Johor Corporation mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi penerima pelaburan, Johor Corporation menganggap yang berikut dalam menilai sama ada atau tidak hak mengundi Kumpulan dalam penerima pelaburan yang mencukupi untuk memberikan kuasanya ke atas penerima pelaburan:

(i) Saiz pegangan hak mengundi Johor Corporation berbanding dengan saiz dan penyebaran pegangan pemegang undi lain;

(ii) Potensi hak mengundi yang dipegang oleh Johor Corporation, pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;

(iii) Hak yang timbul daripada pengaturan berkontrak yang lain; dan

(iv) Mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Johor Corporation telah, atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan yang berkaitan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak mengundi di mesyuarat pemegang saham sebelumnya.

Syarikat-syarikat anak disatukan apabila Johor Corporation mempunyai kawalan ke atas syarikat anak dan berhenti apabila Johor Corporation kehilangan kawalan syarikat anak itu. Semua baki antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusniaga antara kumpulan tidak direalisasi dihapuskan sepenuhnya.

Kerugian dalam syarikat anak diagihkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun ianya menghasilkan baki defisit.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam syarikat-syarikat anak yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan ke atas Johor Corporation diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam syarikat anak. Perbezaan yang terhasil diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemilik Johor Corporation.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas sebuah syarikat anak, keuntungan atau kerugian yang dikira sebagai perbezaan di antara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang faedah tertangguh dan (ii) nilai dibawa sebelum ini bagi aset dan liabiliti syarikat anak dan mana-mana kepentingan bukan kawalan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan terkumpul syarikat anak atau kerugian yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian atau jika berkenaan, akan dipindahkan ke rizab hasil. Nilai saksama bagi mana-mana pelaburan terkumpul dalam bekas syarikat anak tersebut pada tarikh kawalan hilang dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal pelaburan.

**Kombinasi perniagaan**

Pengambilalihan syarikat-syarikat anak diambilkira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan diukur sebagai agregat pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih dikira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kumpulan memilih asas secara transaksi demi transaksi untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar daripada aset bersih yang boleh dikenal pasti. Kos urusniaga yang dibelanjakan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran.

Sebarang pertimbangan kontingen yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya ke atas pertimbangan kontingen adalah dalam nilai saksama yang disifatkan sebagai suatu aset atau liabiliti, akan diiktiraf menurut FRS 139 sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Jika pertimbangan kontingen diklasifikasikan sebagai ekuiti, ia tidak akan dikaji semula. Penyelesaian berikutnya diambil kira di dalam ekuiti. Dalam keadaan di mana pertimbangan kontingen tidak termasuk dalam skop FRS 139, ia diukur mengikut FRS yang sesuai.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

**2.4 Asas-asas penyatuan (sambungan)**

**Kombinasi perniagaan (sambungan)**

Apabila Kumpulan mengambil alih perniagaan, Kumpulan menilai aset dan liabiliti kewangan yang diandaikan mengikut pengelasan dan kedudukan mengikut terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan yang berkaitan pada tarikh pengambilalihan. Ini termasuk pemisahan derivatif tersembunyi dalam kontrak hos oleh syarikat yang diambilalih.

Jika dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang sebelum ini dipegang dalam syarikat yang diambilalih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

Muhibah pada mulanya diukur pada kos, yang merupakan lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf ke atas aset bersih dan liabiliti yang boleh dikenalpasti bagi kepentingan bukan kawalan. Jika pertimbangan ini adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat anak yang diambil alih, perbezaannya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Dasar perakaunan untuk muhibah dinyatakan di Nota 2.9 (a).

**2.5 Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan**

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam syarikat-syarikat anak yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada pemilik syarikat, dan dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif yang disatukan dan dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti dikaitkan kepada pemilik Johor Corporation.

Perubahan dalam pemilikan kepentingan Johor Corporation dalam syarikat anak yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, jumlah dibawa kepentingan kawalan dan bukan-kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam syarikat anak. Sebarang perbezaan antara jumlah yang mana kepentingan bukan-kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan kepada syarikat induk.

**2.6 Mata wang asing**

**(a) Mata wang fungsian dan mata wang pembentangan**

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi (“mata wang fungsian”). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang fungsian Johor Corporation.

**(b) Urusniaga mata wang asing**

Urusniaga dalam mata wang asing adalah diukur dalam mata wang fungsian Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak masing-masing dan direkod pada pengiktirafan awal dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang berhampiran dengan kadar yang digunakan pada tarikh urusniaga tersebut. Liabiliti dan aset monetari yang didenominasi dalam mata wang asing adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh laporan. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga awal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing diukur pada nilai saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item-item monetari atau atas pertukaran item-item monetari pada tarikh laporan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item monetari yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi-operasi asing, yang diiktiraf pada awalnya dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan terkumpul sebagai rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing tersebut diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan di atas pelupusan operasi luar negara tersebut.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.6 Mata wang asing (sambungan)

**(b) Urusniaga mata wang asing (sambungan)**

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran item-item bukan monetari dibawa pada nilai saksama adalah diambilkira didalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan perbezaan yang timbul di atas pertukaran item-item bukan monetari di mana untung atau rugi diiktiraf terus di dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item bukan monetari tersebut adalah juga diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti.

**(c) Operasi luar negara**

Aset dan liabiliti operasi luar negara ditukar ke dalam RM pada kadar pertukaran pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Perbezaan tukaran yang timbul daripada pertukaran adalah diambilkira terus sebagai lain-lain pendapatan komprehensif.

Selepas pelupusan sebuah operasi luar negara, jumlah terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab pertukaran mata wang asing berkaitan dengan operasi luar negara tersebut diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara adalah dianggap sebagai aset dan liabiliti operasi luar negara tersebut dan direkodkan mengikut mata wang fungsian bagi operasi luar negara tersebut dan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

### 2.7 Harta, loji dan kelengkapan

Semua item harta, loji dan kelengkapan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu harta, loji dan kelengkapan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Tanah milik bebas dan tanah pajakan perladangan Kumpulan belum pernah dinilaikan sejak dinilaikan kali terakhir pada tahun 1997. Para Pengarah tidak menggunapakai polisi menilai semula secara berkala bagi aset-aset tersebut dan tiada penilaian semula direkodkan. Sepertimana dibenarkan di bawah peruntukan peralihan IAS16 (Dipinda) Harta, Loji dan Kelengkapan, aset-aset tersebut adalah dinyatakan pada penilaian ditolak susut nilai terkumpul.

Semua perbelanjaan berhubung kepada pembangunan ladang minyak sawit (ladang belum matang) akan diklasifikasikan di bawah perbelanjaan pembangunan ladang. Kos tersebut akan dilunaskan apabila ladang tersebut matang. Tarikh matang bagi perbelanjaan pembangunan ladang adalah masa di mana kawasan baru ditanam menghasilkan 8.60 tan buah tandan segar sehektar setahun atau 48 bulan daripada tarikh tanaman, yang mana lebih dahulu. Perbelanjaan overhed ladang dibahagikan kepada hasil dan perbelanjaan pembangunan ladang pada kadar pembahagian kawasan matang kepada tidak matang.

Selepas pengiktirafan, harta, loji dan kelengkapan diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan kelengkapan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu, dan susut nilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan utama dijalankan, kosnya diiktiraf dalam nilai bawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

**2.7 Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)**

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna yang dijangkakan bagi aset-aset tersebut seperti mana berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah pajakan | 15 – 904 tahun |
| Penambahbaikan dan pengubahsuaian hartanah pegangan pajak | 10 tahun |
| Perbelanjaan pembangunan ladang | 17 – 20 tahun dari tahun matang |
| Bangunan | 4 – 50 tahun |
| Kapal, loji dan jentera | 3 – 25 tahun |
| Restoran dan kelengkapan pejabat | 5 – 15 tahun |
| Lekapan dan kelengkapan | 2 – 20 tahun |
| Kenderaan bermotor | 3 – 5 tahun |

Kerja modal dalam pelaksanaan termasuk di dalam loji dan kelengkapan adalah tidak disusutnilai memandangkan aset-aset tersebut belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan dipertimbangkan bagi kerosotan apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Sisa nilai, jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

**2.8 Hartanah pelaburan**

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urusniaga bagi hartanah yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf yang sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi hartanah pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun dimana ianya timbul.

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartanah pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatan penggunaan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatan penggunaan atau pelupusan.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada hartanah pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada hartanah pelaburan kepada hartanah didiami-pemilik, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta didiami-pemilik kepada hartanah pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan kelengkapan yang dibentangkan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.9 Aset-aset tidak zahir

#### (a) Muhibah

Muhibah pada awalnya diukur pada kos. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian penurunan nilai terkumpul. Bagi tujuan menguji penurunan nilai, muhibah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh pemerolehan, kepada setiap satu unit menjana tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit menjana tunai kepada muhibah yang telah diperuntukkan diuji untuk rosot nilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit yang menjana tunai tersebut mungkin dirosot nilai, dengan membandingkan nilai bawa bagi unit yang menjana tunai tersebut, termasuk muhibah yang diperuntukkan, dengan jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut. Bagi situasi dimana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada nilai bawa, kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi muhibah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

#### (b) Aset-aset tidak zahir lain

Aset-aset tidak zahir diperolehi berasingan pada awalnya diukur pada kos pada. Kos aset-aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset-aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Aset-aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi rosot nilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan diturun nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset-aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset-aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan diuji untuk rosot nilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin dirosot nilai sama ada secara individu atau pada tahap unit yang menjana tunai. Aset-aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif.

Untung atau rugi yang timbul daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai bawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

### 2.10 Hak-hak guna tanah

Hak-hak guna tanah pada awalnya diukur pada kos. Menyusuli pengiktirafan awal, hak-hak guna tanah diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Hak-hak guna tanah dilunas menurut terma-terma pajakan.

### 2.11 Penurunan nilai aset-aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosot nilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosot nilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.11 Penurunan nilai-nilai aset bukan kewangan (sambungan)

Amaun boleh pulih daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk mana terdapat aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan Unit Penjanaan Tunai ("UPT").

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi amaun boleh pulih, aset tersebut dikurangkan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawa bagi sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosot nilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawa aset tersebut ditingkatkan kepada amaun boleh pulih. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susut nilai, tidak mempunyai kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosot nilai atas muhibah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

### 2.12 Syarikat-syarikat anak

Syarikat anak adalah sebuah entiti di mana Kumpulan memiliki semua yang berikut:

(i) Kuasa ke atas penerima pelaburan tersebut (hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);

(ii) Pendedahan, atau hak, untuk pulangan yang berubah-ubah daripada pelaburannya dalam penerima pelaburan tersebut; dan

(iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa atas pelaburan untuk mempengaruhi pulangannya.

Dalam penyata kewangan Johor Corporation yang berasingan, pelaburan dalam syarikat-syarikat anak diambilkira pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

### 2.13 Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam kewangan dan keputusan dasar operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar.

Usahasama adalah pengaturan bersama dimana pihak-pihak yang tersebut dalam pengaturan bersama mempunyai hak kawalan bersama ke atas aset bersih. Kawalan bersama adalah persetujuan kawalan usahasama yang telah dipersetujui secara kontrak, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang berusahasama.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.13 Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama (sambungan)

Pada pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usahasama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti dalam pelaburan diiktiraf sebagai muhibah dan dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti penerima pelaburan ke atas kos pelaburan dikecualikan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya termasuk sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu ini atau keuntungan atau kerugian usahasama bagi tempoh di mana pelaburan tersebut diperolehi.

Syarikat bersekutu atau usahasama adalah ekuiti yang diambilkira dari tarikh di mana penerima pelaburan menjadi syarikat bersekutu atau usahasama.

Di bawah kaedah ekuiti, pada pengiktirafan permulaan pelaburan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama diiktiraf pada kos, dan jumlah yang dibawa ditambah atau dikurangkan untuk mengiktiraf bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain daripada syarikat bersekutu atau usahasama selepas tarikh pengambilalihan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usahasama yang sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu atau usahasama, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu atau usahasama.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusniaga huluan dan hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usahasama yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan urusniaga berkenaan menunjukkan bukti rosot nilai aset yang dipindahkan.

Penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat usahasama disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas dasar-dasar perakaunan sejajar dengan dasar Kumpulan.

Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan mengguna pakai FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran untuk menentukan sama ada adakah perlu untuk mengiktiraf sebarang tambahan kerugian rosot nilai yang berkaitan dengan pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Apabila perlu, jumlah dibawa keseluruhan pelaburan diuji untuk rosot nilai menurut FRS 136 Rosotnilai Aset sebagai aset tunggal, dengan membandingkan jumlah yang boleh pulih (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual) dengan jumlah yang dibawa. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam untung atau rugi. Pembalikan kerugian rosotnilai kemudiannya diiktiraf setakat mana amaun pelaburan yang boleh diperolehi semula meningkat.

Dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi.

### 2.14 Aset-aset kewangan

Aset-aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset-aset kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama, serta, bagi kes aset-aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung.

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan klasifikasi aset-aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan penghutang, pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang dan aset-aset kewangan sedia untuk dijual.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.14 Aset-aset kewangan (sambungan)

#### (a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset-aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ianya dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan awal. Aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif-derivatif (termasuk derivatif-derivatif terbenam berasingan) atau aset-aset kewangan diperolehi untuk tujuan jualan pada masa terdekat.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian (selain daripada yang berkaitan dengan derivatif yang layak bagi perakaunan lindung nilai sebagaimana diterangkan dalam Nota 2.32) yang timbul daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian bersih ke atas aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen. Perbezaan-perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diiktiraf berasingan dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

Aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa. Aset-aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset-aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa berdasarkan pada tarikh penyelesaian.

#### (b) Pembiayaan dan penghutang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak tersenarai dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pembiayaan dan penghutang.

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan penghutang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung atau rugi bila pembiayaan dan penghutang dinyahiktiraf atau dirosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Pembiayaan dan penghutang diklasifikasi sebagai aset-aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh-tarikh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh ia dilaporkan diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

#### (c) Pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang hingga matang bila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung atau rugi bila pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang dinyahiktiraf atau dirosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang diklasifikasi sebagai aset-aset bukan semasa, kecuali pelaburan-pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasi sebagai semasa.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.14 Aset-aset kewangan (sambungan)

**(d) Aset-aset kewangan sedia dijual**

Sedia dijual adalah aset-aset kewangan yang ditentukan sebagai sedia dijual atau tidak diklasifikasi dalam mana-mana tiga kategori di atas.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan sedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama aset-aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelum ini di dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai satu pelarasan klasifikasi semula bila aset kewangan dinyahiktiraf. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen-dividen daripada instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi bila hak Kumpulan dan Johor Corporation untuk menerima pembayaran diwujudkan.

Pelaburan-pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos tolak kerugian rosot nilai. Aset-aset kewangan sedia untuk dijual diklasifikasikan sebagai aset-aset bukan semasa melainkan dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Aset kewangan akan dinyahiktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Apabila suatu aset kewangan dinyahiktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jualan atau belian cara biasa adalah jualan atau belian aset-aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset-aset dalam tempoh yang secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua jualan dan belian cara biasa aset-aset kewangan diiktiraf atau dinyahiktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh di mana Kumpulan dan Johor Corporation memberi komitmen untuk menjual atau membeli aset tersebut.

### 2.15 Rosot nilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan dirosot nilai.

**(a) Pemiutang dagangan dan pemiutang lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan**

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosot nilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang dagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosot nilai tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

**2.15 Rosot nilai aset-aset kewangan (sambungan)**

**(b) Sekuriti-sekuriti ekuiti tidak tersiar harga dibawa pada kos**

Jika terdapatnya bukti yang objektif (seperti perubahan-perubahan kurang baik yang signifikan dalam persekitaran perniagaan di mana penerbit beroperasi, kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan yang signifikan penerbit) bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan dibawa pada kos telah ditanggung, jumlah kerugian diukur pada perbezaan antara nilai bawa aset tersebut dan nilai semasa aliran tunai masa depan dianggar didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa. Kerugian-kerugian rosot nilai sedemikian tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

**(c) Aset-aset kewangan sedia untuk dijual**

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dirosot nilai.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual dirosot nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf sebelum ini di dalam untung atau rugi, dipindah daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

Kerugian rosot nilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti sedia untuk dijual tidak diterbalikkan dalam untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

**2.16 Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan ditangan, simpanan semasa, dan pelaburan-pelaburan jangka pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya dan yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan selepas ditolak overdraf bank dan deposit yang dicagarkan.

**2.17 Kontrak pembinaan**

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan masing-masing dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Peringkat penyiapan dinilai dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak diiktiraf setakat kos kontrak yang ditanggung yang mungkin boleh pulih. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Apabila terdapat kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Hasil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif sehingga ke tahap di mana ia berkemungkinan bahawa mereka akan memberikan hasil dan mereka mampu untuk diukur dengan pasti.

Apabila jumlah kos yang ditanggung atas kontrak pembinaan ditambah keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil berperingkat, baki diklasifikasikan sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan atas kontrak. Apabila bil berperingkat melebihi kos yang ditanggung, keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki diklasifikasikan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan atas kontrak.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.18 Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah

#### (a) Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti-aktiviti pembangunan dijalankan atau di mana aktiviti-aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi normal. Tanah sedemikian diklasifikasi dalam aset-aset bukan semasa dan dinyata pada kos tolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah diklasifikasi semula sebagai kos pembangunan hartanah apabila aktiviti-aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana ianya boleh ditunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi normal.

#### (b) Kos-kos pembangunan hartanah

Kos-kos pembangunan hartanah terdiri daripada segala kos yang berkaitan terus dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti-aktiviti sedemikian.

Apabila hasil kewangan bagi satu aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan pasti, hasil dan perbelanjaan pembangunan hartanah diiktiraf di dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan kos-kos pembangunan hartanah yang telah dibelanjakan setakat ini dan dibandingkan kepada kos-kos pembangunan hartanah keseluruhan yang dianggarkan.

Di mana hasil kewangan bagi suatu aktiviti pembangunan tidak dapat dianggar dengan pasti, hasil pembangunan hartanah hanya diiktiraf sehingga kos-kos pembangunan hartanah ditanggung yang berkemungkinan akan diperolehi, dan kos-kos pembangunan hartanah atas hartanah yang dijual diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh ianya ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka atas satu projek pembangunan, termasuk kos-kos yang akan ditanggung semasa tempoh liabiliti kecacatan, diiktiraf serta merta sebagai satu perbelanjaan.

Kos-kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai satu perbelanjaan, diiktiraf sebagai satu aset, yang diukur pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih.

Lebihan hasil diiktiraf dalam untung atau rugi ke atas tuntutan kepada pembeli-pembeli diklasifikasi sebagai tuntutan terakru dalam penghutang dagangan dan lebihan tuntutan kepada pembeli-pembeli ke atas hasil diiktiraf di dalam untung atau rugi diklasifikasi sebagai tuntutan berperingkat dalam pemiutang dagangan.

### 2.19 Inventori

Inventori terdiri daripada bahan-bahan mentah, simpanan dalam gudang, kerja sedang dilaksana, kedai dan rumah yang telah siap. Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah kos purata wajaran selain daripada inventori yang berkaitan dengan segmen perniagaan restoran khidmat segera Kumpulan. Inventori tersebut, yang terdiri daripada bahan mentah, barangan runcit, ternakan ayam itik dan barang pengguna, peralatan dan alat ganti dan barangan siap, ditentukan berasaskan prinsip masuk-dahulu, keluar-dahulu.

Kos hasil pertanian adalah berdasarkan kaedah purata wajaran dan termasuk kos bahan langsung dan bahagian yang sesuai bagi perbelanjaan hasil ladang, kos pengeluaran dan kos overhed berdasarkan kapasiti operasi biasa.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk melaksanakan penjualan.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.20 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan-peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) disebabkan satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan-peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan tersebut akan diterbalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah material, peruntukan-peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang ditunjukkan, mengikut kesesuaian risiko-risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Bila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan adalah disebabkan oleh peredaran masa yang berlalu adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

### 2.21 Geran-geran kerajaan

Geran-geran kerajaan yang diiktiraf pada nilai saksama, terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat akan dipenuhi. Bagi geran yang berkaitan dengan aset, nilai saksama tersebut diiktiraf sebagai geran modal tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunas di dalam penyata untung atau rugi disepanjang hayat berguna dijangka bagi aset yang relevan menerusi ansuran tahunan yang sama.

### 2.22 Liabiliti-liabiliti kewangan

Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi seperti terkandung di dalam perjanjian kontrak yang diikat dan didefinasikan sebagai bagi suatu liabiliti kewangan.

Liabiliti-liabiliti kewangan, di dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai sama ada liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau liabiliti-liabiliti kewangan lain.

**(a) Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi**

Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti-liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

Liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Johor Corporation yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan perlindungan nilai. Liabiliti-liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya dinyata pada nilai saksama, dengan sebarang untung atau rugi yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Kumpulan dan Johor Corporation belum menentukan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

**(b) Liabiliti-liabiliti kewangan lain**

Liabiliti-liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Johor Corporation termasuk pemiutang dagangan dan lain-lain, pinjaman dan pembiayaan.

Pemiutang dagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusniaga dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti-liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
# BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.22 Liabiliti-liabiliti kewangan (sambungan)

#### (b) Liabiliti-liabiliti kewangan lain (sambungan)

Bagi liabiliti-liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila liabiliti-liabiliti tersebut dinyahiktiraf, dan menerusi proses pelunasan.

Suatu liabiliti kewangan dinyahiktiraf bila obligasi di bawah liabiliti tersebut terhapus. Apabila suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama dengan terma-terma yang jauh berbeza, atau terma-terma bagi liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran tersebut atau modifikasi sedemikian dianggap sebagai nyahiktiraf bagi liabiliti asal dan pengiktirafan satu liabiliti baru, dan perbezaan dalam nilai-nilai bawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

### 2.23 Kontrak jaminan kewangan

Suatu kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbit untuk membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang ditanggung kerana penghutang tertentu gagal untuk membuat pembayaran apabila tiba tempoh.

Kontrak jaminan kewangan pada awalnya diiktiraf sebagai liabiliti pada nilai saksama, bersih daripada kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi dalam tempoh jaminan. Jika penghutang gagal untuk membuat bayaran berhubung dengan kontrak jaminan kewangan apabila tiba tempohnya dan Kumpulan, sebagai penerbit, diperlukan untuk membayar balik kepada pemegang untuk kerugian tersebut, liabiliti diukur pada nilai yang lebih tinggi daripada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh pelaporan dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya dan di tolak pelunasan terkumpul.

### 2.24 Kos-kos pinjaman

Kos-kos pinjaman dipermodal sebagai sebahagian daripada kos bagi suatu aset kelayakan jika mereka berkaitan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau penyiapan aset tersebut. Permodalan kos-kos pinjaman bermula apabila aktiviti-aktiviti untuk menyediakan aset tersebut bagi kegunaan dirancang atau dijual adalah sedang dalam pelaksanaan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang telah ditanggung. Kos-kos pinjaman adalah dipermodal sehingga sebahagian besar aset-aset tersebut telah disiapkan bagi kegunaan yang dirancang atau dijual.

Semua kos-kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos-kos pinjaman terdiri daripada kos-kos faedah dan kos-kos lain yang Kumpulan dan Johor Corporation menanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

### 2.25 Manfaat anggota pekerja

#### (a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada pampasan ketidakhadiran masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit akan diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

#### (b) Pelan-pelan caruman ditakrif

Kumpulan mengambil bahagian dalam skim-skim pencen kebangsaan sebagaimana yang ditakrif oleh undang-undang negara-negara di mana ia beroperasi. Syarikat-syarikat di Malaysia dalam Kumpulan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, satu skim pencen caruman yang ditakrif. Caruman-caruman kepada skim-skim pencen caruman ditakrif diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.26 Pajakan-pajakan

**(a) Sebagai pemajak**

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Kumpulan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj kepada untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

**(b) Sebagai pemberi pajak**

Pajakan-pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 2.28(g).

### 2.27 Operasi yang dihentikan

Suatu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai "operasi dihentikan" apabila kriteria untuk diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi atau ianya telah dilupus dan satu komponen sedemikian mewakili satu cabang perniagaan utama atau tempat dari segi geografi bagi operasi atau sebahagian daripada suatu cabang perniagaan yang utama. Satu komponen dianggap sebagai dipegang untuk jualan jika nilai-nilai bawanya akan diperolehi semula terutamanya melalui urusniaga jualan dan bukan menerusi penggunaan yang berterusan.

Selepas diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, aset-aset bukan semasa dan kumpulan-kumpulan untuk dilupuskan tidak lagi disusut nilai dan diukur pada yang mana lebih rendah antara nilai bawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Sebarang perbezaan diiktiraf dalam untung atau rugi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

**2.28 Pengiktirafan hasil**

Hasil diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa manfaat-manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan hasil tersebut boleh diukur dengan pasti. Hasil diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan diterima atau akan diterima.

**(a) Jualan barang**

Hasil daripada jualan barang diiktiraf selepas pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan barang yang signifikan kepada pengguna. Hasil tidak diiktiraf ke satu tahap di mana terdapat ketidakpastian yang signifikan berhubung penerimaan wang daripada pertimbangan yang akan diperolehi, kos-kos berkaitan atau pemulangan barang yang mungkin berlaku.

**(b) Perkhidmatan yang diberi**

Hasil daripada perkhidmatan yang diberi diiktiraf menurut tahap penyiapan pada tarikh laporan. Tahap penyiapan ditafsir dengan merujuk kepada tinjauan dan kerja yang telah terlaksana.

**(c) Jualan harta**

Hasil daripada jualan harta diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana dijelaskan dalam Nota 2.18(b).

**(d) Kontrak-kontrak pembinaan**

Hasil daripada kontrak-kontrak pembinaan diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana yang dijelaskan dalam Nota 2.17.

**(e) Pendapatan faedah**

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

**(f) Pendapatan dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf bila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran wujud.

**(g) Pendapatan sewa**

Pendapatan sewa diambilkira atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan. Insentif pajakan diiktiraf sebagai sebahagian jumlah pendapatan sewa, bagi tempoh pajakan tersebut.

**2.29 Cukai pendapatan**

**(a) Cukai semasa**

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak-pihak berkuasa percukaian. Kadar-kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlahnya adalah berdasarkan undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan.

Cukai-cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ke satu tahap di mana cukai tersebut berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti.

**(b) Cukai tertunda**

Cukai tertunda disediakan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan-perbezaan sementara pada tarikh laporan antara dasar-dasar cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai bawa mereka bagi tujuan laporan kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.29 Cukai pendapatan (sambungan)

#### (b) Cukai tertunda (sambungan)

Liabiliti-liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau satu aset atau liabiliti dalam satu urusniaga yang bukan merupakan satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi yang boleh dicukai.

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, bawa kehadapan bagi kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, ke satu tahap di mana kemungkinan terdapatnya keuntungan boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan dibawa kehadapan yang boleh digunakan kecuali di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak, timbul daripada pengiktirafan awal bagi satu aset atau liabiliti dalam satu urusniaga yang bukannya satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi boleh dicukai.

Nilai bawa bagi aset-aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada satu tahap di mana tiada kemungkinan bahawa untung boleh dicukai yang mencukupi akan ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda untuk digunakan. Aset-aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa untung boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset-aset cukai tertunda digunakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan dikenakan pada tahun apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar percukaian dan undang-undang percukaian yang telah menjadi undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan tersebut.

Cukai tertunda berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Item-item cukai tertunda diiktiraf dalam urusniaga yang berhubungkait sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada satu kombinasi perniagaan dilaras terhadap muhibbah atas pengambilalihan.

Aset-aset cukai tertunda dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan wujud untuk mengimbangi aset-aset cukai semasa terhadap liabiliti-liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda tersebut berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan penguasa percukaian yang sama.

### 2.30 Pelaporan segmen

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut segmen-segmen operasi berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang diurus secara bebas oleh pengurus-pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab ke atas prestasi segmen masing-masing. Para pengurus segmen melapor secara terus kepada pengurusan Johor Corporation yang mengkaji semula keputusan-keputusan segmen secara berkala bagi memperuntukkan sumber-sumber kepada segmen-segmen tersebut dan untuk menilai prestasi segmen tersebut. Pendedahan tambahan atas setiap daripada segmen-segmen ini ditunjukkan dalam Nota 40, termasuk faktor-faktor yang digunakan untuk mengenal pasti segmen-segmen yang boleh dilapor dan dasar pengukuran bagi maklumat segmen.

### 2.31 Kontingensi

Satu liabiliti atau aset kontingen adalah satu obligasi yang mungkin ada atau satu aset yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa (peristiwa-peristiwa) masa depan yang tidak pasti yang tidak secara keseluruhannya dapat dikawal oleh Kumpulan. Liabiliti-liabiliti dan aset-aset kontingen tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.32 Perakaunan untuk lindung nilai

Kumpulan mengguna derivatif untuk mengurus pendedahan kepada risiko harga komoditi (khususnya naik turun dalam harga minyak sawit). Kumpulan menggunakan perakaunan lindung nilai untuk hubungan lindung nilai tertentu yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Bagi tujuan perakaunan lindung nilai, hubungan lindung nilai dikelaskan sebagai perlindungan aliran tunai. Lindung nilai aliran tunai digunakan apabila Kumpulan melindung nilai pendedahan kepada kebolehubahan dalam aliran tunai yang sama ada dikaitkan kepada risiko tertentu berhubung dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf atau dikaitkan kepada transaksi ramalan yang berkemungkinan tinggi atau risiko mata wang asing dalam komitmen yang tidak diiktiraf.

Pada permulaan hubungan lindung nilai, Kumpulan secara rasmi memperuntuk dan mendokumenkan hubungan perlindungan kepada mana Kumpulan ingin mengaplikasikan perakaunan lindung nilai serta objektif dan strategi pengurusan risiko untuk melaksanakan lindung nilai. Dokumentasi termasuklah pengenal-pastian instrumen lindung nilai perkara atau transaksi yang dilindung nilai, jenis risiko yang dilindung nilai dan bagaimana entiti tersebut akan menilai keberkesanan menggunakan instrumen lindung nilai ini dalam pengimbangan pendedahan kepada perubahan dalam nilai saksama bagi item yang dilindung nilai itu atau tunai aliran yang dikaitkan kepada risiko yang dilindung nilai. Lindung nilai sedemikian dijangka amat berkesan dalam mencapai imbangan perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai dan dinilai secara berterusan untuk menentukan bahawa mereka sebenarnya adalah amat berkesan sepanjang tempoh pelaporan kewangan di mana ianya diperuntukkan.

Lindung nilai yang memenuhi kriteria yang ketat bagi perakaunan lindung nilai diambil kira seperti berikut:

**(a) Aliran tunai lindung nilai**

Bahagian efektif daripada untung atau rugi ke atas instrumen lindung nilai diiktiraf secara langsung dalam pendapatan lain yang komprehensif ke dalam rizab lindung nilai aliran tunai, manakala mana-mana bahagian yang tidak efektif diiktiraf serta merta dalam keuntungan atau kerugian sebagai perbelanjaan operasi lain.

Jumlah yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebelum ini diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian apabila urusniaga dilindungi mempengaruhi untung atau rugi, seperti apabila pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah yang dilindung nilai diiktiraf atau apabila ramalan jualan berlaku. Jika item yang dilindung nilai ialah aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan, amaun yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam nilai bawa awal aset atau liabiliti bukan kewangan tersebut.

Sekiranya transaksi ramalan atau komitmen firma tidak lagi dijangka akan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi. Jika instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, ditamatkan atau dijalankan tanpa penggantian atau peralihan, atau jika pengiktirafan sebagai lindung nilai dibatalkan, sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kekal dalam ekuiti sehingga transaksi ramalan atau komitmen firma menjejaskan keuntungan atau kerugian.

Kumpulan menggunakan kontrak hadapan komoditi untuk pendedahan kepada turun naik dalam harga komoditi. Rujuk kepada Nota 28 untuk maklumat lanjut.

**(b) Derivatif yang tidak diperuntukkan atau tidak layak bagi perakaunan lindung nilai**

Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif pada tahun yang tidak layak bagi perakaunan lindung nilai adalah diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.33 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

(i) Dalam keadaan pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau

(ii) Dalam ketiadaan keadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati, digunakan untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1 - Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.
Tahap 2 - Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung yang boleh diperhatikan.
Tahap 3 - Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan).

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, Kumpulan menentukan sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

## 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang boleh memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka oleh pihak pengurusan pada tarikh laporan ini. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan yang ketara mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan yang ketara perlu dibuat ke atas jumlah bawa aset atau liabiliti di masa akan datang.

### 3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan

Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan:

**(a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut:**

**(i) Pelaburan di dalam KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")**

Para Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ walaupun ia mempunyai kurang daripada 50% hak mengundi.

Kumpulan merupakan pemegang saham majoriti KPJ dengan 38% kepentingan ekuiti. Pemegang saham kedua terbesar ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), yang memiliki 11% saham ekuiti dalam KPJ. Semua pemegang saham lain secara individu memiliki kurang daripada 5% daripada saham-saham ekuiti KPJ. Dari sudut sejarah, pemegang saham lain tidak membentuk kumpulan untuk menjalankan undi mereka secara kolektif.

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, KPJ merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

## NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

**3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan (sambungan)**

**(a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut (sambungan):**

**(ii) Pelaburan di dalam Al-‘Aqar Healthcare REIT (“Al-‘Aqar”)**

Pada 31 Disember 2014, Johor Corporation melalui KPJ, memegang 49% kepentingan ekuiti dalam Al-‘Aqar. Berdasarkan penilaian oleh pengurusan dari fakta dan hal keadaan yang berkaitan berkenaan dengan kepentingan ekuiti yang dipegang dalam Al-‘Aqar dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah mengenalpasti bahawa wujud kawalan di peringkat Johor Corporation sebagai satu keperluan FRS 10.

KPJ memajak hartanah daripada Damansara REIT Managers Sdn Bhd (“DREIT”), pengurus dana dan cabang pengurusan hartanah pelaburan Johor Corporation. Oleh itu, pengurus dana mempunyai kuasa membuat keputusan untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Al-‘Aqar. Walau bagaimanapun, apa-apa keputusan yang dibuat, memberi kesan kepada keseluruhan pendedahan Kumpulan kepada pulangan yang berubah-ubah dan dilakukan demi kepentingan Kumpulan. Imbuhan DREIT, setimpal dengan perkhidmatan yang diberikan dan tidak mempunyai kepentingan secara langsung dalam Al-‘Aqar, oleh itu ianya hanya layak sebagai ejen.

Oleh itu, pada 31 Disember 2014, penyata kewangan Al-‘Aqar disatukan secara terus dengan Johor Corporation.

**(iii) Pelaburan di dalam Waqaf An-Nur Berhad (“WanBhd”)**

WanBhd adalah sebuah syarikat terhad dengan jaminan yang ditubuhkan untuk menguruskan aset dan saham syarikat-syarikat Johor Corporation yang telah dikurniakan mengikut prinsip-prinsip syariah. Walau bagaimanapun, WanBhd telah tidak aktif sejak penubuhannya. Pada 31 Disember 2014, WanBhd memegang 100% kepentingan ekuiti di dalam Sindora Ventures Sdn Bhd (“SVSB”) dan kepentingan tidak langsung dalam 19 buah syarikat-syarikat anak lain (melalui SVSB).

Berdasarkan penilaian pengurusan berdasarkan fakta dan hal keadaan yang berkaitan dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa penyata kewangan WanBhd bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, akan disatukan dengan Johor Corporation, pada masa ini, ahli-ahli Lembaga Pengarah (“ALP”) adalah hanya diwakili oleh wakil Johor Corporation (dua orang wakil ALP dari Johor Corporation) yang mana tidak selaras dengan kehendak Memorandum dan Artikel (“M&A”) WanBhd yang memerlukan sekurang-kurangnya empat orang pengarah yang dilantik, yang terdiri daripada Ketua Eksekutif Johor Corporation, Mufti Negeri Johor, Pengarah Jabatan Agama Islam Johor dan Pegawai Waqaf daripada Negeri Johor. Hasilnya, Johor Corporation mempunyai kawalan penuh untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan WanBhd.

**3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran**

Andaian utama berhubung masa hadapan dan punca utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini yang mempunyai risiko signifikan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah bawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang adalah dibincangkan di bawah:

**(a) Rosot nilai muhibah, jenama dan hak francais**

Muhibah, jenama dan lain-lain aset tidak zahir yang mempunyai jangka hayat yang tidak menentu adalah diuji bagi rosot nilai pada setiap tahun dan pada masa-masa lain apabila terdapat tanda-tanda sedemikian wujud. Ini memerlukan satu anggaran nilai guna unit-unit menjana-tunai kepada mana muhibah dan jenama diperuntukkan.

Apabila pengiraan nilai guna dilakukan, pengurusan mesti menganggarkan jangkaan aliran tunai masa depan daripada aset tersebut atau unit menjana-tunai dan memilih kadar diskaun yang bersesuaian untuk mengira nilai semasa bagi aliran tunai tersebut.

Butiran lanjut mengenai nilai bawa tersebut, andaian-andaian utama yang digunakan dalam penilaian rosot nilai bagi muhibah, jenama dan hak francais dinyatakan dalam Nota 16.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

## 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran (sambungan)

**(b) Rosot nilai pembiayaan dan penghutang**

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan terosot nilai. Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bagi rosot nilai, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan kemungkiran atau kelewatan ketara dalam membuat bayaran.

Di mana terdapat bukti yang objektif bagi rosot nilai, jumlah dan penjadualan waktu bagi aliran tunai masa depan dianggar berdasarkan pengalaman kerugian asal bagi aset-aset dengan ciri-ciri risiko yang serupa. Nilai bawa dan perincian mengenai penghutang Kumpulan pada tarikh laporan adalah dinyatakan dalam Nota 23.

**(c) Pembangunan hartanah**

Kumpulan mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan harta dalam penyata pendapatan komprehensif dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan oleh bahagian kos-kos pembangunan harta ditanggung bagi kerja yang telah dilaksanakan kepada anggaran kos-kos pembangunan harta keseluruhan.

Pertimbangan yang ketara diperlukan dalam menentukan tahap penyiapan, ke tahap kos-kos pembangunan harta ditanggung, hasil dan kos pembangunan harta keseluruhan yang dianggarkan, serta sejauh mana kos-kos pembangunan harta boleh diperolehi. Dalam membuat pertimbangan ini, Kumpulan menilai berdasarkan pengalaman lampau dan merujuk kepada khidmat pakar.

Nilai-nilai bawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti Kumpulan yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pembangunan harta dinyatakan dalam Nota 24.

**(d) Peruntukan kontingensi untuk Keputusan Timbang Tara**

Dalam tahun lepas, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP") telah mengiktiraf peruntukan bagi Keputusan Timbang Tara berjumlah USD23,224,319 yang timbul daripada tuntutan yang dibuat oleh pelanggan. Jumlah pampasan yang dianugerahkan kepada pelanggan di bawah timbang tara adalah berjumlah USD141,598,569 dan termasuk faedah berjumlah USD111,533. Sejajar dengan inisiatif TLP untuk mengetepikan keputusan timbang tara dan memulakan timbang tara penerimaan terhadap Kontraktor Perolehan Pembinaan dan Pesuruhjaya ("EPCC"), Lembaga Pengarah TLP memutuskan bahawa TLP tidak akan membuat peruntukan tambahan bagi jumlah wang USD23,224,319 yang telah diputuskan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Lembaga pengarah juga berpendapat bahawa jumlah ini tidak boleh diselaraskan pada mana-mana turun naik dan perubahan dalam kadar pertukaran asing. Pihak pengurusan telah membuat pertimbangan penting untuk mengekalkan peruntukan yang diiktiraf sebelum ini. Jika permohonan untuk mengetepikan gagal, peruntukan yang diiktiraf perlu ditambah sebanyak USD120,187,877 (2013:USD118,485,783).

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 4. HASIL

| | Kumpulan 2014 | Kumpulan 2013 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2014 | Johor Corporation 2013 |
|---|---|---|---|---|
| Barangan dijual | 1,714 | 1,746 | 29 | 87 |
| Restoran khidmat cepat | 29 | - | - | - |
| Pembangunan hartanah dan perindustrian | 476 | 903 | 2 | 277 |
| Perkhidmatan penjagaan kesihatan | 1,839 | 1,408 | - | - |
| Perkhidmatan perhotelan dan pelancongan | 65 | 70 | - | - |
| Perkhidmatan pengurusan | 130 | 163 | - | - |
| Penjualan pelaburan jangka pendek | - | 14 | - | 13 |
| Pendapatan dividen | 3 | 2 | 131 | 145 |
| Pendapatan sewa | 167 | 29 | 42 | 9 |
| Perkhidmatan tempat letak kenderaan dan berkaitan | - | 105 | - | - |
| Perkhidmatan pengangkutan | 246 | 212 | - | - |
| Pemberian lain-lain perkhidmatan | 26 | 83 | - | - |
| | 4,695 | 4,735 | 204 | 531 |

## 5. LAIN-LAIN PENDAPATAN

Item-item berikut telah diambilkira dalam pengiraan lain-lain pendapatan:

| | Kumpulan 2014 | Kumpulan 2013 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2014 | Johor Corporation 2013 |
|---|---|---|---|---|
| Pelunasan geran kerajaan (Nota 30) | 3 | 7 | - | - |
| Perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan (Nota 15) | 186 | 463 | 83 | 268 |
| Perubahan dalam nilai saksama lain-lain pelaburan | 62 | 1 | 34 | (8) |
| Pengukuran semula baki kepentingan yang timbul dianggap pelupusan syarikat-syarikat anak (Nota 18(g)) | - | 331 | - | - |
| Keuntungan/(kerugian) atas pelupusan: | | | | |
| Hartanah pelaburan | 104 | - | 23 | 13 |
| Harta, loji dan kelengkapan | 10 | 73 | - | 73 |
| Syarikat-syarikat anak/syarikat-syarikat bersekutu | 106 | 80 | 4 | 15 |
| Lain-lain pelaburan | - | 3 | - | 1 |
| Operasi yang dihentikan (Nota 12) | 1 | - | - | - |
| Pendapatan faedah | 65 | 47 | 50 | 17 |
| Geran diterima daripada kerajaan | 5 | 6 | - | - |
| Pembalikan peruntukan bagi kerosotan penghutang perdagangan dan lain-lain | 57 | 18 | 15 | - |
| Lain-lain pendapatan | 66 | 34 | - | - |
| Tuntutan insuran kebakaran | 17 | - | - | - |
| Pembelian rendah atas pengambilalihan syarikat anak (Nota 18(e)) | 26 | - | - | - |
| Hak pembangunan | - | 20 | - | - |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 6. LAIN-LAIN PERBELANJAAN

Item-item berikut telah diambilkira dalam pengiraan lain-lain perbelanjaan:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 Dinyatakan semula | 2014 | 2013 |
| Peruntukan rosot nilai penghutang | 85 | 54 | - | 226 |
| Pelunasan aset tidak zahir (Nota 16) | 7 | 1 | - | - |
| Peruntukan bagi penghausan nilai dalam pelaburan syarikat-syarikat anak, bersih (Nota 18) | - | - | 20 | 90 |
| Peruntukan bagi penghausan lain-lain pelaburan | 19 | - | - | - |
| Peruntukan bagi penghausan perbelanjaan pembangunan | - | - | 1 | - |
| Kerugian atas pelupusan lain-lain pelaburan | 6 | - | 9 | - |
| Yuran guaman dan profesional | - | 1 | - | - |
| Pelunasan lebihan penilaian semula atas perbelanjaan pembangunan hartanah | 8 | 10 | - | - |
| Kerugian pertukaran matawang asing tidak direalisasi | 53 | - | - | - |
| Muhibah dihapuskira | - | 22 | - | - |

### 7. KOS KEWANGAN

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 Dinyatakan semula | 2014 | 2013 |
| Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin ("BIBTT") | 30 | 45 | - | - |
| Nota Jangka Tempoh Sederhana Islam ("NJSI") | 166 | 113 | 113 | 113 |
| Pinjaman berjangka | 57 | 8 | - | - |
| Pinjaman jangka pendek | 30 | 24 | - | - |
| Lain-lain | 87 | 211 | 13 | 88 |
| | 370 | 401 | 126 | 201 |

### 8. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DARIPADA OPERASI BERTERUSAN

Item-item berikut telah diambil kira dalam pengiraan keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 Dinyatakan semula | 2014 | 2013 |
| Yuran audit | 6 | 5 | - | - |
| Penyewaan harta, loji dan kelengkapan | 7 | 6 | - | - |
| Harta, loji dan kelengkapan: | | | | |
| Susutnilai (Nota 14) | 501 | 435 | 10 | 8 |
| Hapuskira | 5 | 1 | - | - |
| Hak-hak guna tanah: | | | | |
| Pelunasan (Nota 17) | 1 | - | - | - |
| Penyewaan pejabat dan bangunan | 142 | 134 | - | 3 |
| Perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 9) | 1,214 | 1,115 | 28 | 11 |
| Peruntukan bagi keputusan timbang tara | - | 75 | - | - |

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 9. PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 Dinyatakan semula | 2014 | 2013 |
| Upah, gaji dan bonus | 1,135 | 1,046 | 24 | 10 |
| Pelan persaraan caruman ditakrif | 57 | 60 | 4 | 1 |
| Lain-lain manfaat pekerja | 22 | 9 | - | - |
| | 1,214 | 1,115 | 28 | 11 |

## 10. IMBUHAN PERSONEL PENGURUSAN UTAMA

Personel pengurusan utama ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal kegiatan bagi Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Personel pengurusan utama termasuk semua Pengarah dalam Kumpulan, dan ahli-ahli pengurusan kanan tertentu dalam Kumpulan.

Imbuhan personel pengurusan utama adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 Dinyatakan semula | 2014 | 2013 |
| | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Pengarah eksekutif: | | | | |
| Yuran | 424 | 392 | 120 | 120 |
| Imbuhan | 1,593 | 1,548 | 1,593 | 1,548 |
| Pelan persaraan caruman ditakrif | 241 | 233 | 241 | 233 |
| | 2,258 | 2,173 | 1,954 | 1,901 |
| Lain-lain personel pengurusan utama: | | | | |
| Manfaat pekerja jangka pendek | 31,086 | 22,411 | 8,663 | 7,406 |
| | 33,344 | 24,584 | 10,617 | 9,307 |

Lain-lain personel pengurusan utama selain Pengarah Johor Corporation, terdiri daripada mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal kegiatan bagi aktiviti entiti dalam Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 11. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 Dinyatakan semula | 2014 | 2013 |
| Cukai bagi tahun semasa: | | | | |
| Malaysia | 150 | 148 | - | 22 |
| Luar Negara | - | 5 | - | - |
| Terkurang peruntukan dalam tahun-tahun terdahulu | 1 | 12 | 13 | - |
| | 151 | 165 | 13 | 22 |
| Cukai tertunda (Nota 22): | | | | |
| Permulaan dan pembalikan perbezaan sementara | | | | |
| Malaysia | (46) | 9 | (45) | (16) |
| (Terlebih)/terkurang peruntukan dalam tahun-tahun terdahulu | (7) | 8 | (4) | 10 |
| | (53) | 17 | (49) | (6) |
| Cukai pendapatan daripada operasi berterusan | 98 | 182 | (36) | 16 |
| Cukai pendapatan daripada operasi dihentikan (Nota 12) | 136 | 34 | - | - |
| Jumlah perbelanjaan cukai | 234 | 216 | (36) | 16 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 11. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN (SAMBUNGAN)

Penyesuaian perbelanjaan cukai efektif:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 Dinyatakan semula | 2014 | 2013 |
| Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan | 627 | 1,324 | 160 | 145 |
| Keuntungan sebelum cukai daripada operasi dihentikan (Nota 12) | 383 | 51 | - | - |
| | 1,010 | 1,375 | 160 | 145 |
| Cukai dikira pada kadar cukai pendapatan Malaysia 25% (2013: 25%) | 252 | 344 | 40 | 36 |
| Perbezaan kadar cukai dalam lain-lain negara | 19 | 7 | - | - |
| Cukai tertunda diiktiraf pada kadar cukai berbeza | (7) | - | - | - |
| Perbelanjaan tidak dibenarkan | 122 | 150 | 11 | 43 |
| Pendapatan tidak dikenakan cukai | (159) | (290) | (96) | (73) |
| Aset cukai tertunda tidak diiktiraf | 15 | 1 | - | - |
| Pengiktirafan aset cukai tertunda tidak diiktiraf sebelumnya | (3) | (5) | - | - |
| Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu | (6) | (10) | - | - |
| Bahagian keputusan syarikat-syarikat usahasama | 7 | (1) | - | - |
| Terkurang peruntukan dalam tahun terdahulu: | | | | |
| Cukai pendapatan | 1 | 12 | 13 | - |
| Cukai tertunda | (7) | 8 | (4) | 10 |
| Perbelanjaan cukai | 234 | 216 | (36) | 16 |

Cukai pendapatan domestik dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 25% (2013: 25%) daripada anggaran keuntungan boleh tafsir bagi tahun ini. Kadar cukai berkanun domestik akan dikurangkan kepada 24% daripada kadar semasa sebanyak 25%, berkuatkuasa tahun taksiran 2016. Perubahan dalam kadar cukai korporat dalam tahun taksiran 2016, telah dimasukkan dalam pengiraan cukai tertunda pada 31 Disember 2014.

Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 16 Ogos 2005 memberi pengecualian kepada Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak tertentu daripada cukai pendapatan berhubung dengan pendapatan tertentu yang dinyatakan dalam warta yang diterima dari 1 Januari 1998 sehingga 31 Disember 2006. Pada 18 Januari 2007, pengecualian yang sama telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2012. Pada tahun kewangan sebelum, Johor Corporation telah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan ("MOF") untuk sambungan lanjutan dan lanjutan itu telah diberikan oleh MOF sehingga 31 Disember 2017 seperti berikut:

(i) Pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun (pendapatan perniagaan) di bawah seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967;

(ii) Pengecualian duti setem di bawah seksyen 80(1A) Akta Stem, 1949 atas "Surat cara pindah milik harta tanah atau saham" dilaksanakan antara Johor Corporation dan syarikat-syarikat anaknya; dan

(iii) Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah ("CKHT") di bawah seksyen 9 (3A) Akta CKHT, 1976 ke atas pelupusan hartanah tanah dan saham yang dibuat oleh di antara Johor Corporation dan syarikat-syarikat anaknya.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 12. OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL

**Pelupusan syarikat-syarikat anak pada tahun 2014**

**(a) Pelupusan bagi General Access Sdn Bhd ("General Access"), Superior Harbour Sdn Bhd ("Superior Harbour") dan Nexsol Sdn Bhd ("Nexsol")**

Pada tahun kewangan semasa, Kumpulan Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB"), telah memeterai perjanjian untuk melupuskan syarikat anak General Access yang terlibat dalam pembersihan kawasan, kerja tanah, pembinaan jalan raya dan servis pelapisan.

Pada 25 September 2014, Kumpulan KMB mengumumkan telah memeterai perjanjian untuk melupuskan syarikat anak Superior Harbour yang terlibat dalam perniagaan akuakultur.

Pada 27 Ogos 2014, Kumpulan KMB mengumumkan telah memeterai perjanjian untuk melupuskan syarikat anak Nexsol yang terlibat dalam pembuatan dan pemasaran biodiesel dan produk berkaitan.

Semua pelupusan telah disempurnakan pada tahun kewangan semasa.

Pelupusan General Access, Superior Harbour dan Nexsol mempunyai kesan berikut ke atas kedudukan kewangan Kumpulan pada 31 Disember 2014:

| | **2014** |
|---|---|
| **Aset dan liabiliti:** | |
| Harta, loji dan kelengkapan | 30 |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain | 1 |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain | (5) |
| Aset bersih | 26 |
| Kepentingan bukan kawalan | 1 |
| Aset bersih dikaitkan kepada Kumpulan | 27 |
| Terimaan daripada pelupusan | (28) |
| Keuntungan atas pelupusan kepada Kumpulan (Nota 5) | (1) |
| Aliran masuk tunai atas pelupusan: | |
| Pertimbangan tunai | 28 |
| Aliran tunai masuk bersih atas pelupusan | 28 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 12. OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)

**Pelupusan syarikat-syarikat anak pada tahun 2014 (sambungan)**

**(b) Perancangan pelupusan bagi New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL")**

Pada 9 Oktober 2014, Sime Darby Plantation Sdn Bhd ("SDP") menyerahkan notis pengambilalihan NBPOL dan mengumumkan untuk membuat tawaran tunai untuk memperoleh semua saham NBPOL pada harga tawaran Great Britain Pound ("GBP") 7.15 atau Papua New Guinea ("PNG") Kina 28.79 sesaham NBPOL ("Tawaran").

Pada 23 Oktober 2014, KMB mengumumkan telah menerima dokumen tawaran rasmi ("Dokumen Tawaran") daripada SDP dan Tawaran akan dibentangkan kepada pemegang saham KMB di Mesyuarat Agung Luarbiasa ('MAL") untuk Tawaran tersebut dipertimbangkan.

Penerimaan tawaran tersebut akan melibatkan KMB melupuskan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam NBPOL yang terdiri daripada 73,482,619 saham biasa di dalam NBPOL kepada SDP untuk pertimbangan pelupusan dianggarkan GBP525.4 juta (bersamaan kira-kira RM2.75 bilion).

Pada 3 Disember 2014, pemegang saham KMB mengundi untuk menerima Tawaran daripada SDP di MAL untuk tawaran tersebut dipertimbangkan.

Pada 27 Januari 2015, Sime Darby Berhad ("Sime Darby"), syarikat induk kepada SDP, mengumumkan bahawa SDP telah memperoleh kebenaran daripada Suruhanjaya Eropah untuk perancangan mengambilalih NBPOL.

(i) Peruntukan undang-undang oleh Johor Corporation berhubung semua kepentingan hak dan hakmilik yang berkenaan dengan dua plot tanah komersial kosong dikenalpasti sebagai Lot H dan Lot I di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Johor;

(ii) Cagaran pertama pihak ketiga ke atas Lot H dan Lot I selepas pengeluaran dokumen hak milik individu;

(iii) Caj tetap yang pertama melalui debentur berkenaan dengan Dermaga 8 dan 9;

(iv) Penyerahan semua kepentingan hak dan hak milik dan cagaran berkenaan dengan Akaun Pinjaman Khas dan Akaun Pungutan Ditetapkan;

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 31. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

**Waad-waad penting (sambungan)**

**Syarikat-syarikat anak (sambungan)**

(c) (v) Surat jaminan dari Johor Corporation;

(vi) Surat penanggungan oleh TLP untuk meremitkan semua hasil daripada operasi Dermaga 8 dan Dermaga 9 ke dalam Akaun Pungutan Ditetapkan;

(vii) Surat subordinasi oleh Johor Corporation bagi semua Pendahuluan yang dibuat oleh Johor Corporation kepada TLP berjumlah RM5,000,000 sahaja; dan

(viii) Surat ikrar negatif oleh TLP untuk tidak menanggung apa-apa hutang dengan mana-mana institusi kewangan selain daripada yang dinyatakan sebelum tarikh Perjanjian Pinjaman antara TLP dan Kerajaan Malaysia dan hutang lain yang dibuat oleh TLP dalam urusniaga biasa perniagaannya.

(d) Pada 4 Ogos 2011, Kumpulan melalui syarikat anak langsungnya, JCorp Capital Solutions Sdn Bhd (“JCSSB”) (dahulunya dikenali sebagai Jedcon Engineering Survey Sdn Bhd) telah memeterai Perjanjian Kemudahan dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan pembiayaan penyambung berjangka sehingga kepada jumlah agregat maksimum RM50 juta. Walau bagaimanapun, kemudahan tersebut telah tamat pada 23 November 2013. Sehubungan itu, pada 21 November 2013, JCSSB memasuki satu Perjanjian Kemudahan baru, dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan dagangan margin sehingga kepada satu jumlah agregat maksimum sebanyak RM26 juta. Kemudahan ini tertakluk kepada faedah sebanyak 7.75% setahun atau tidak kurang daripada Kadar Pinjaman Asas bank (“BLR”) ditambah 1.5% setahun dan hendaklah termasuk kadar tersemak daripadanya sebagaimana yang dimaklumkan oleh bank dari semasa ke semasa. Kemudahan ini tertakluk kepada semakan setengah tahunan.

Tujuan kemudahan tersebut adalah untuk membiayai sebahagian daripada pengambilalihan saham tersiar harga dan waran dalam Kulim (Malaysia) Berhad (“KMB”).

Kemudahan telah dicagar oleh memorandum caj undang-undang pihak ketiga yang akan diwujudkan oleh JCSSB bagi kepentingan bank ke atas 17.5 juta saham tersiar harga yang mana dibiayai oleh kemudahan tersebut dan dibeli oleh Johor Corporation sebelum kemudahan tersebut dikeluarkan. Jumlah belum dijelas bagi kemudahan tersebut tidak boleh melebihi 50% daripada nilai pasaran saham tersiar harga tertentu. Johor Corporation hendaklah membayar balik sebahagian kemudahan tersebut atau menambah dengan saham tersiar tambahan jika ia melanggar had 50% seperti yang ditentukan oleh bank.

Pada 20 November 2013 JCSSB telah memeterai satu Perjanjian Kemudahan baru dengan sebuah bank berlesen untuk tujuan pendahuluan kepada Johor Corporation bagi membiayai langganannya bagi kelayakan terbitan hak secara langsung dan tidak langsung, dibawah cadangan terbitan hak KPJ Healthcare Berhad (“KPJ”) sebanyak 43,962,072 unit saham pada hari kelayakan beserta sebanyak 87,924,144 unit waran baru ‘free detacheable’ (waran) pada asas 2 waran untuk setiap 1 hak saham (mengikut cadangan terbitan hak).

Kemudahan tersebut tertakluk kepada faedah 6.5% setahun. Faedah akan dikira berdasarkan kadar sebenar harian 365 hari setahun dan tunggakan akan di bayar pada tempoh akhir faedah. Kemudahan ini tertakluk kepada ansuran suku tahunan.

Kemudahan tersebut telah dicagar oleh caj undang-undang pihak ketiga ke atas jumlah yang mencukupi daripada saham biasa tersiar harga KPJ di Bursa Malaysia Securities Berhad untuk perlindungan sekuriti minima dengan kadar nisbah 1.0 kali ganda ke atas jumlah kemudahan sebelum dikeluarkan dan caj undang-undang pihak ketiga ke atas kesemua terbitan hak yang dibiayai dibawah kemudahan ini.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 31. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

**Waad-waad penting (sambungan)**

**Syarikat-syarikat anak (sambungan)**

(d) Pada 3 Julai 2014, JCSSB telah memeterai Perjanjian Kemudahan baru dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan pinjaman jangka masa pendek sebanyak RM78 juta. Tujuan ini adalah untuk memberikan pembiayaan tersebut kepada Johor Corporation untuk membiayai penukaran waran saham KMB sebanyak 24,753,600 ke dalam saham KMB yang baru dengan pada asas 1 untuk 1 pada harga penukaran RM3.13 sesaham.

Kemudahan ini tertakluk kepada faedah 2.50% setahun di atas Kos Dana Bank dengan kadar bulanan.

Kemudahan ini telah dicagar oleh caj undang-undang melalui Memorandum Deposit saham ke atas 25,000,000 saham KMB untuk perlindungan sekuriti minima pada kadar nisbah 1.0 kali ganda ke atas 24,753,600 saham KMB apabila penukaran daripada waran yang dibiayai dibawah kemudahan tersebut.

Kemudahan ini juga dijamin oleh caj ke atas Akaun Rezab Perkhidmatan Hutang.

Pada 21 Julai 2014, Perjanjian Kemudahan Margin Dagangan bertarikh 21 November 2013 dengan sebuah bank berlesen telah disemak dan jumlah agregat maksimum telah meningkat dari RM26 juta kepada RM98.5 juta. Tujuannya adalah untuk membiayai penukaran 23,000,000 waran KMB ke dalam saham KMB yang baru pada kadar basis 1 untuk 1 pada harga penukaran sebanyak RM3.13 sesaham. Kemudahan ini telah dicagar oleh Perjanjian Kemudahan Margin Dagangan yang baru sehingga RM98.5 juta, memorandum caj undang-undang ke atas sekuriti yang akan dilaksanakan oleh Johor Corporation dan segala dokumen berkaitan akan dimaklumkan oleh peguamcara Bank.

(e) Saham keutamaan boleh tebus

Dalam tempoh kewangan sebelumnya, syarikat anak, Business Chronicles Sdn Bhd (“BCSB”) menerbitkan 1,265,305 Saham Keutamaan Boleh Tebus - Islam (“RPS-i”) pada harga terbitan RM1,000 seunit, terdiri daripada nilai tara RM0.01 dan saham premium RM999.99. RPS-i diterbitkan pada terma-terma utama yang berikut:

(i) Tempoh 8 tahun dari tarikh terbitan;

(ii) Dividen diunjurkan sebanyak 10% setahun, tertakluk kepada terdapatnya keuntungan dan tunai; dan

(iii) Penebusan oleh tunai atau pengagihan saham dalam usahasama:

- Boleh ditebus pada bila-bila masa sepanjang tempoh sebelum matang mengikut budi bicara sama ada penerbit atau pemegang RPS-i untuk tunai dan jumlah penebusan adalah tertakluk kepada Kadar Pulangan Dalaman (“IRR”) pada sekurang-kurangnya 12% setahun dan maksimum 20% setahun.

- Sekiranya berlaku Tawaran Awam Permulaan (“IPO”) bagi usahasama tersebut, RPS-i adalah boleh untuk ditebus melalui pembahagian saham IPO tersebut dalam usahasama kepada pemegang RPS-i;

RPS-i dipegang oleh beberapa pihak dan beberapa pihak tertentu kemudiannya telah menandatangani Perjanjian Penamatan dengan BCSB dan mengenepikan semua hak dan tanggungjawab mereka atas RPS-i yang dipegang oleh mereka. Oleh itu, bahagian RPS-i berjumlah RM12,563 yang telah ditamatkan diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti manakala baki RPS-i RM248,000,000 diklasifikasikan sebagai liabiliti di bawah pembiayaan dan pinjaman.

Dalam tahun kewangan semasa, salah satu pemegang RPS-i telah melupuskan 150,000 sahamnya kepada Johor Corporation. Seterusnya Johor Corporation telah mengubah hak dan obligasi berkenaan dengan RPS-i tersebut, menyebabkan RPS-i telah diklasifikasikan sebagai ekuiti.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 31. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

**Waad-waad penting (sambungan)**

**Syarikat-syarikat anak (sambungan)**

(f) Selaras dengan Perjanjian Pengambilalihan Aset (atau "Program Aset Rasionalisasi") yang melibatkan Efinite Structure Sdn. Bhd. ("ESSB"), Johor Corporation, Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd. ("TLP"), Damansara Assets Sdn. Bhd. ("DASB") and Johor City Development Sdn. Bhd. ("JCD"), ESSB telah memeterai Perjanjian Kemudahan Sukuk Ijarah dengan Affin Investment Bank Berhad ("Affin Investment"), Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB") dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia ("Bank Rakyat"), Affin Islamic Bank Berhad ("Affin Islamic") dan Pacific Trustees Berhad ("Trustees") pada 24 Jun 2013 untuk mendapatkan:

(a) Sekuriti Islam ("Sukuk") di bawah prinsip Ijarah sehingga RM184 juta dalam nilai nominal dengan tempoh matang antara 3 hingga 10 tahun. Pinjaman yang tertakluk kepada kadar keuntungan antara 6.85% hingga 7.33% (2013: 6.85% hingga 6.95%) setahun;

(b) Pembiayaan Berjangka Islam Bersindiket ("i-TF") sehingga RM235 juta oleh BIMB dan Bank Rakyat dengan tempoh matang antara 3 hingga 10 tahun. Pinjaman yang tertakluk kepada kadar keuntungan antara 5.82% hingga 6.35% (2013: 5.64% hingga 5.95%) setahun; dan

(c) Kemudahan Modal Kerja ("WCF") sehingga RM10 juta untuk TLP. Kemudahan ini adalah untuk tempoh 1 atau 3 bulan dan tertakluk kepada semakan tahunan. Pinjaman ini tertakluk kepada kadar keuntungan Kos Dana Islam ("i-COF") ditambah 2.25% setahun.

Sukuk Ijarah, i-TF dan WCF adalah dicagar berasaskan "pari passu" kepada nisbah jumlah nominal Sukuk Ijarah yang belum jelas, bahagian amaun prinsipal i-TF yang belum jelas dan bahagian amaun prinsipal WCF yang belum jelas, oleh yang berikut memihak kepada Pemegang Amanah:

(i) Caj tetap dan caj terapung pihak ketiga melalui debentur atas aset-aset sedia ada dan masa hadapan TLP tidak termasuk dua dermaga yang sedang dalam pembinaan dan dikenal pasti sebagai Dermaga 8 (terletak bersebelahan dengan Dermaga 5 di jeti cecair) dan Dermaga 9 (terletak bersebelahan dengan Dermaga 1 di jeti cecair);

(ii) Pihak ketiga menyerahkan semua hasil daripada TLP dan sehingga 60% daripada hasil yang diperoleh daripada operasi dua dermaga yang ketika ini sedang dalam pembinaan dan dikenalpasti sebagai Dermaga 8 dan Dermaga 9;

(iii) Surat ikatan penyerahan hak pihak ketiga oleh Johor Corporation bagi 649.021 ekar tanah perindustrian termasuk hak ke atas hasil jualan di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat ("TLIA") termasuk perjanjian yang diperlukan untuk menyempurnakan penyerahan hak bagi semua cagaran termasuk untuk mendapatkan penerbitan dokumen hak milik masing-masing apabila penguatkuasaan yang sama;

(iv) Penyerahan hak dan caj ke atas Akaun Bertanda (seperti yang ditakrifkan) oleh ESSB dan TLP hak masa kini dan hak masa depan, hakmilik, manfaat, dan kepentingan masing-masing dalam dan di bawah Akaun Bertanda dan semua tunai yang ada dalam kredit Akaun Bertanda ("Penyerahan Hak dan Caj ke atas Akaun Bertanda");

(v) Suatu penyerahan hak oleh ESSB ke atas Perjanjian Ijarah dimeterai di antara Johor Corporation dan ESSB;

(vi) Sesuatu penyerahan hak perolehan oleh Johor Corporation di bawah Perjanjian Pajakan sebanyak 5.0 ekar tanah perindustrian untuk KTL Offshore Pte. Ltd;

(vii) Sesuatu penyerahan hak perolehan oleh Johor Corporation di bawah mana-mana perjanjian pajakan masa depan tanah dikenalpasti sebagai PLO 3, jumlah keluasan tanah 3,572 ekar, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru dalam TLIA;

(viii) Debentur mewujudkan caj tetap dan terapung ke atas aset sedia ada dan masa depan ESSB;

(ix) Surat aku maklum dari Johor Corporation;

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 31. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

**Waad-waad penting (sambungan)**

**Syarikat-syarikat anak (sambungan)**

(x) Penyerahan hak pihak ketiga dengan semua polisi takaful/insurans yang berkenaan, dengan tanah di TLIA dan Pelaburan Tanjung Langsat, dalam bentuk dan kandungan yang memuaskan kepada Peguamcara/Pemegang Sukuk dan Pembiaya i-TF;

(xi) Penyerahan oleh pihak ketiga ke atas hak-hak, geran, kepentingan dan manfaat semasa dan masa hadapan Johor Corporation di dalam dan di bawah Perjanjian Jual Beli ("SPA") yang dimeterai antara Johor Corporation dan TLP berhubung dengan tanah seluas 148.424 ekar;

(xii) Penyerahan oleh pihak ketiga ke atas hak-hak, geran, kepentingan dan manfaat semasa dan masa hadapan Johor Corporation di dalam dan di bawah SPA yang dimeterai antara Johor Corporation dan DASB berhubung dengan tanah seluas 109.323 ekar;

(xiii) Penyerahan oleh pihak ketiga ke atas hak-hak, geran, kepentingan dan manfaat semasa dan masa hadapan Johor Corporation di dalam dan di bawah SPA yang dimeterai antara Johor Corporation dan JCD berhubung dengan tanah seluas 188.697 ekar; dan

(xiv) Juga lain-lain jaminan seperti mana yang dicadangkan oleh Peguamcara dan dipersetujui bersama oleh ESSB.

**Waad-waad Kewangan**

Selagi Sukuk Ijarah masih belum dijelaskan, ESSB hendaklah mengekalkan Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan ("FSCR") tidak kurang daripada 1.25 kali.

FSCR ditakrifkan sebagai Kendalian Aliran Tunai Bersih Disatukan bagi tahun (seperti yang ditakrifkan di bawah) dan baki mula tunai ESSB (termasuk baki yang dikekalkan di dalam Akaun Bertanda) yang dibahagikan dengan jumlah Perkhidmatan Kewangan untuk tempoh 12 bulan.

Kendalian Aliran Tunai Bersih Disatukan ditakrifkan sebagai kendalian aliran tunai bersih ESSB ditambah dengan kendalian aliran tunai bersih TLP dan hasil daripada penjualan TLIA yang menjadi sebahagian daripada cagaran di bawah Sukuk Ijarah, i-TF dan WCF.

Perkhidmatan kewangan ditakrifkan sebagai agregat bagi:

(a) Semua caj kewangan (termasuk tetapi tidak terhad kepada jumlah pengagihan berkala, keuntungan, komisen dan/atau yuran) yang perlu dibayar berkaitan dengan semua kemudahan pembiayaan ESSB dan TLP dalam tempoh yang berkaitan; dan

(b) Semua bayaran balik bersih prinsipal/penebusan yang dibuat berkaitan dengan semua kemudahan pembiayaan ESSB dan TLP dalam tempoh yang berkaitan.

FSCR hendaklah diuji pada setiap tahun, dimana ESSB dikehendaki menyediakan pengesahan bertulis yang ditandatangani oleh juruaudit ESSB untuk memperakui pematuhan Perjanjian-perjanjian Kewangan dalam tempoh 120 hari dari akhir tahun fiskal masing-masing.

**Butiran Kemudahan**

Tujuan kemudahan itu adalah untuk membiayai Program Rasionalisasi Aset dimana Johor Corporation memperoleh semua aset tidak mudah alih TLP serta semua tanah perindustrian atau harta tanah yang menjadi sebahagian daripada TLIA meliputi kira-kira 649.021 ekar ("Aset Ijarah") milik TLP, DASB dan JCD, yang kesemuanya syarikat anak milikan penuh Johor Corporation.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 31. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

**Waad-waad penting (sambungan)**

**Syarikat-syarikat anak (sambungan)**

(f) Di bawah program ini, DASB, TLP dan JCD telah menandatangani Perjanjian Jual dan Beli ("SPA") yang berkaitan dengan Johor Corporation bagi penjualan geran-geran dan hak milik bermanfaat kepada Aset Ijarah kepada Johor Corporation.

Bagi pihak Pemegang Sukuk dan ESSB, ESSB telah menandatangani Perjanjian Pembelian Aset dengan Johor Corporation di mana Johor Corporation menjual hak milik bermanfaat Aset Ijarah dengan harga sehingga RM411 juta.

Sebagai balasan, ESSB telah menerbitkan Sukuk Ijarah kepada Pemegang Sukuk masing-masing. Sukuk Ijarah akan mewakili Pemegang Sukuk masing-masing yang berkadar dengan kepentingan yang tidak berbelah bahagi dalam Aset Amanah.

Keuntungan daripada Sukuk Ijarah dan i-TF akan digunakan bagi pembelian Aset Ijarah (hanya meliputi 202.577 daripada 649.021 ekar tanah) di bawah Perjanjian Pembelian Aset. Sewaan Ijarah akan ditentukan setiap enam bulan pada margin yang dipersetujui atas penanda aras yang dipersetujui.

Apabila selesai Perjanjian Pembelian Aset, ESSB telah memeterai Perjanjian Ijarah dan Perjanjian Khidmat Agensi dengan Johor Corporation untuk pajakan Aset Ijarah kepada Johor Corporation dan melantik Johor Corporation sebagai ejen khidmat oleh Syarikat untuk bertanggungjawab, prestasi, penyelenggaraan, pembaikan struktur, perbelanjaan yang berkaitan dan perbelanjaan pemilikan yang berkenaan dengan Aset Ijarah.

Sekiranya sebahagian daripada tanah yang merupakan Aset-aset Ijarah hendak dijual kepada pihak ketiga, ESSB bersetuju untuk memeterai satu Perjanjian Penjualan Aset untuk menjual sebahagian Aset-aset Ijarah kepada Johor Corporation. Terimaan yang diterima daripada Johor Corporation atas Perjanjian Penjualan Aset akan digunakan untuk memenuhi obligasi pembayaran Sewaan Ijarah milik Johor Corporation.

ESSB telah melantik pemegang amanah bebas, Pacific Trustee Berhad sebagai Pemegang Amanah Sukuk untuk bertindak bagi pihak Pemegang Sukuk.

Setelah tempoh matang Sukuk Ijarah tersebut dan tiada sebarang kegagalan yang berlaku, Aset-aset Ijarah akan dipulangkan kepada Johor Corporation sama ada secara pemberian hibah atau penjualan pada nilai nominal.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 32. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 Dinyatakan semula | 2014 | 2013 |
| **Semasa** | | | | |
| Pemiutang perdagangan | 715 | 554 | 4 | 12 |
| Lain-lain pemiutang | 153 | 416 | 2 | 12 |
| Wang tahanan | 503 | 331 | 500 | 331 |
| Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan | - | - | 917 | 556 |
| Perdagangan terakru | 413 | 558 | 189 | 309 |
| Tuntutan terakru (pembangunan hartanah) | 79 | 63 | - | - |
| Jumlah terhutang kepada lain-lain pemegang saham syarikat-syarikat anak | 7 | 6 | - | - |
| Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat bersekutu | 13 | 1 | 8 | - |
| Peruntukan | 77 | 2 | - | - |
| | 1,960 | 1,931 | 1,620 | 1,220 |
| **Bukan semasa** | | | | |
| Jumlah terhutang kepada syarikat anak | - | - | 453 | 424 |
| Jumlah | 1,960 | 1,931 | 2,073 | 1,644 |

**(a) Pemiutang perdagangan**

Jumlah ini adalah tanpa faedah. Pemiutang perdagangan biasanya diselesaikan dalam jangka masa 60 hari (2013: 60 hari).

**(b) Lain-lain Pemiutang**

Jumlah ini adalah tanpa faedah. Lain-lain pemiutang biasanya diselesaikan dalam jangka masa purata 6 bulan (2013: purata 6 bulan).

**(c) Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan, syarikat sekutu dan lain-lain pemegang saham syarikat-syarikat anak**

Amaun ini tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

**(d) Jumlah terhutang kepada syarikat anak**

Jumlah ini adalah faedah yang tidak bercagar antara 6.85% hingga 7.33% setahun (2013: 6.85% hingga 6.95%) setahun dan akan dibayar semula antara 3 hingga 10 tahun menurut Perjanjian Ijarah yang dimeterai oleh Johor Corporation dengan salah satu daripada syarikat-syarikat anaknya.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 33. RIZAB

**(a) Rizab modal**

Rizab modal Kumpulan dan Johor Corporation merangkumi terutamanya rizab penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

**(b) Rizab perubahan matawang**

Rizab perubahan matawang terdiri daripada semua perbezaan matawang asing yang timbul daripada penterjemahan penyata kewangan operasi luar negara di mana matawang berfungsi adalah berbeza daripada matawang persembahan Kumpulan.

**(c) Rizab pelarasan nilai saksama**

Rizab pelarasan nilai saksama terdiri daripada perubahan bersih terkumpul dalam nilai saksama aset-aset kewangan sedia dijual sehingga pelaburan tersebut dinyahiktirafkan atau dirosotnilai.

**(d) Rizab urusniaga ekuiti**

Rizab urusniaga ekuiti terdiri daripada perbezaan antara bahagian kepentingan bukan kawalan dalam syarikat anak yang diambilalih/dijual dan balasan telah dibayar/diterima.

**(e) Rizab hasil**

Rizab hasil terdiri daripada sebahagian keuntungan perniagaan yang di simpan oleh Kumpulan dan Johor Corporation untuk pelaburan di masa hadapan.

### 34. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak adalah dianggap sebagai berkaitan dengan Kumpulan atau Johor Corporation sekiranya Kumpulan atau Johor Corporation mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal sesuatu pihak atau melaksanakan pengaruh secara ketara ke atas pihak tersebut di dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Johor Corporation dan pihak tersebut adalah tertakluk kepada kawalan sepunya atau pengaruh ketara sepunya. Pihak-pihak berkaitan terdiri daripada individu-individu atau lain-lain entiti.

Transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

| | Johor Corporation 2014 | Johor Corporation 2013 |
|---|---|---|
| Telah dibayar/perlu dibayar kepada syarikat-syarikat anak: | | |
| Pembelian buah tandan segar | - | 15 |
| Yuran pengurusan | 14 | 11 |
| Pembelian hartanah pelaburan | - | 631 |
| Pulangan dijamin kepada syarikat anak | - | 2 |
| Pembelian harta, loji dan kelengkapan | - | 187 |
| Belanja sewaan | 5 | - |
| Jumlah hutang daripada pihak berkaitan | 2 | - |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 34. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut: (sambungan)

| | Johor Corporation | |
|---|---|---|
| | **2014** | **2013** |
| Penerimaan/akan diterima daripada syarikat-syarikat anak: | | |
| Jualan harta, loji dan kelengkapan | 17 | 72 |
| Pendapatan faedah | 46 | 3 |
| Dividen | 126 | 142 |
| Pendapatan sewa | 10 | 1 |
| Bayaran konsesi | 24 | 12 |
| Hasil dari Perjanjian Hak Pembangunan | - | 291 |
| Perbelanjaan yuran pengurusan | 1 | - |

### 35. KOMITMEN

**(a) Komitmen modal**

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014** | **2013 Dinyatakan semula** | **2014** | **2013** |
| Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukan dalam penyata kewangan: | | | | |
| Telah dikontrakkan | 217 | 219 | 29 | 23 |
| Tidak dikontrakkan | 497 | 652 | - | - |
| | 714 | 871 | 29 | 23 |
| Dianalisa seperti berikut: | | | | |
| Harta, loji dan kelengkapan | 502 | 610 | - | - |
| Perbelanjaan pembangunan | 29 | 211 | 29 | 23 |
| Hartanah pelaburan | 183 | 50 | - | - |
| | 714 | 871 | 29 | 23 |

**(b) Komitmen pajakan operasi tidak boleh batal - sebagai penerima pajak**

Segmen perniagaan hartanah Kumpulan telah memeterai perjanjian pajakan operasi tidak boleh batal bagi kegunaan tanah dan bangunan. Pajakan ini mempunyai tempoh purata 15 tahun dan tiada pilihan pembaharuan atau belian yang dinyatakan dalam kontrak pajakan. Kontrak-kontrak tertentu juga memasukkan klausa pertambahan atau pengaturan sewa kontingen yang dikira berdasarkan jualan yang dicapai manakala yang lain termasuklah sewa tetap untuk purata 3 tahun. Tiada sekatan yang dikenakan ke atas Kumpulan untuk memasuki pajakan ini.

Syarikat anak dalam Kumpulan, KPJ Healthcare Berhad ("KPJ") telah memeterai perjanjian kontrak dengan Amanah Raya Trustees Berhad (sebagai Pemegang Amanah Al-'Aqar Healthcare REIT) dan Damansara REIT Managers Sdn Bhd untuk memajak tanah dan bangunan hospital termasuk peralatan tertentu untuk tempoh 15 tahun, dengan pilihan untuk memperbaharui tambahan selama 15 tahun tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 35. KOMITMEN (SAMBUNGAN)

**(b) Komitmen pajakan operasi tidak boleh batal - sebagai penerima pajak (sambungan)**

Sewa minima masa hadapan yang perlu dibayar di bawah pajakan operasi tidak boleh batal pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | **2014** | **2013** |
| Bayaran minima pajakan pada masa hadapan: | | |
| Tidak lebih dari 1 tahun | 150 | 74 |
| Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun | 332 | 315 |
| Lebih daripada 5 tahun | 194 | 365 |
| | 676 | 754 |

## 36. LIABILITI LUAR JANGKA

**(a) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP")**

(i) Dalam bulan Mac 2011, salah satu pelanggan kepada Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP") telah memberi notis awal berkenaan tuntutan kerugian produk akibat daripada kebakaran yang berlaku di Tanjung Langsat Port pada tahun 2008. Walaubagaimanapun, tuntutan tersebut perlu diputuskan oleh Jawatankuasa Resolusi Pertikaian ("JRP") di peringkat awal dibawah Klausa 26.1 dalam Perjanjian Penyimpanan yang mana telah dimeterai diantara TLP dengan pelanggan tersebut.

Pihak pelanggan menuntut untuk mendapatkan ganti rugi untuk kerugian produk dan kerugian yang tidak diinsurankan dalam anggaran diantara USD36 juta hingga USD226 juta yang timbul daripada penutupan kemudahan tersebut kesan daripada kejadian kebakaran pada tahun 2008.

TLP mungkin mempunyai tuntutan balas berjumlah RM115 juta bagi kehilangan fi yang kena dibayar oleh pelanggan kepada TLP untuk kemudahan dan kos yang ditanggung oleh TLP berkenaan dengan kerja-kerja pembaikan yang dijalankan ke atas premis yang musnah.

Tribunal Timbang Tara telah ditubuhkan. Perbicaraan timbang tara bermula dari 2 Mei 2013 dan telah membuat kesimpulan pada 8 Mei 2013. Sepanjang perbicaraan, keterangan lisan saksi-saksi daripada kedua-dua pihak telah direkodkan.

Pada 23 Disember 2013, Tribunal Timbang Tara telah menyampaikan keputusan atas semua perkara melainkan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu kos. Majoriti Tribunal Timbang Tara mengurniakan relif-relif berikut, yang memihak kepada pelanggan:

(i) USD20,747,275 yang merupakan nilai produk pelanggan yang telah musnah dalam kejadian kebakaran;

(ii) USD2,108,497 sebagai kos tambahan, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pelanggan akibat kejadian kebakaran;

(iii) USD368,547 sebagai bayaran balik lebihan Bayaran Pendahuluan Yuran Penyimpanan yang dibayar oleh pelanggan kepada TLP;

(iv) USD118,374,250 yang meliputi ganti rugi untuk kerugian pihak yang menuntut atas penggunaan kemudahan itu untuk jangka hayat minimum Perjanjian Penyimpanan, iaitu suatu tempoh selama 7 tahun sehingga 31 Mei 2015; dan

(v) TLP perlu membayar faedah mudah kepada pihak yang menuntut ke atas semua jumlah wang yang diputuskan pada 3 bulan Kadar Tawaran Antara Bank London (LIBOR) dalam USD pada tarikh keputusan ditambah 1% yang dikira dari tarikh keputusan sehingga pembayaran penuh jumlah wang yang telah diputuskan.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
#### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 36. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

### (a) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP") (sambungan)

(i) Pada 1 April 2014, TLP telah memfailkan permohonan untuk mengetepikan keputusan timbang tara sebanyak USD141,230,022 dan perbicaraan bagi permohonan ini akan ditetapkan pada 5 dan 6 Mei 2015. TLP juga telah memulakan prosiding timbang tara terhadap Kejuruteraan, Pemerolehan Pembinaan dan Pentauliahan ("EPCC") kontraktor pada 7 April 2014 untuk membayar ganti rugi pada asas berbalik. Sejajar dengan inisiatif di atas, para Pengarah TLP memutuskan bahawa TLP dan Kumpulan tidak membuat peruntukan tambahan dan juga berpendapat bahawa jumlah ini tidak sepatutnya tertakluk kepada mana-mana turun naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Pada 31 Disember 2014, peruntukan USD23,224,319 berkenaan dengan perkara (i), (ii) dan (iii) diatas telah diambilkira dalam penyata kewangan TLP. Bagi item (iv) diatas, para Pengarah TLP, berdasarkan pendapat pakar undang-undang, berpendapat bahawa keputusan tersebut boleh dicabar dan diketepikan.

(ii) Akibat daripada kejadian kebakaran pada bulan Ogos 2008, TLP telah mengemukakan tuntutan kepada syarikat insuran untuk menanggung rugi terhadap kerugian dan ganti rugi berjumlah RM36,555,440 dan berkenaan dengan nilai produk yang telah musnah seperti yang dituntut oleh pelanggan TLP. Perkara ini telah dirujuk kepada timbang tara dan telah ditetapkan untuk sebutan dalam bulan Mei 2014.

Pada 23 Jun 2014, TLP telah memeterai satu Perjanjian Penyelesaian dengan syarikat insuran untuk penyelesaian penuh dan terakhir sebanyak RM17 juta dan pembayaran telah diterima sepenuhnya pada 15 Julai 2014.

(iii) Pada 10 Oktober 2014, TLP telah diberi Notis Timbang tara dari Langsat Terminal (One) Sdn Bhd atas dakwaan kegagalan TLP untuk menyediakan jeti berlabuh dan kemudahan yang mencukupi. Prosiding itu masih di peringkat awal dan perkara ini telah dirujuk kepada Pengarah Pusat Serantau Kuala Lumpur bagi Timbang tara untuk pelantikan seorang Penimbang Tara tunggal.

(iv) Salah satu kontraktor yang terlibat dalam pembinaan beberapa hartanah, loji dan kelengkapan TLP telah menuntut faedah ke atas pembayaran lewat pada 31 Disember 2013 berjumlah RM1,622,992. Pada tahun semasa, TLP telah membuat pembayaran RM1,528,181 bagi menyelesaikan tuntutan tersebut.

(v) Pada 25 September 2014, TLP telah diberikan dengan Writ Saman yang difailkan pada 24 Julai 2014 oleh salah satu kontraktor yang terlibat dalam pembinaan beberapa hartanah, loji dan kelengkapan TLP, tuntutan ke atas kerja-kerja tambahan dan kos terbiar seperti yang dinyatakan di bawah kontrak yang ditandatangani oleh TLP pada 30 April 2010. Yang menuntut telah menuntut pelepasan bagi ganti rugi berjumlah RM2,104,660 (termasuk faedah, kos dan relif lain yang ditentukan oleh mahkamah). Tuntutan tersebut masih dalam fasa awal pengurusan kes.

(vi) TLP merupakan salah satu pemegang saham di dalam Windsor Trade Sdn Bhd ("WTSB") memegang Saham Keutamaan Kumulatif Boleh Tebus Boleh Tukar berjumlah RM5 Juta. TLP telah menjual saham-sahamnya di dalam Windsor Trade Sdn Bhd kepada Johor Corporation pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, saham tersebut masih belum didaftarkan atas nama Johor Corporation.

TLP telah menerima Notis Prosiding Penggulungan bagi WTSB pada 12 Oktober 2014 dan telah melantik peguam untuk mewakili kedua-dua TLP dan Johor Land Berhad ("JLand") (pemiutang) dalam prosiding ini. Sebutan atas "locus standi" untuk JLand yang mewakili TLP telah ditetapkan pada 18 Mac 2015 di Mahkamah Tinggi Sabah dan keputusan tersebut tidak memihak kepada JLand sebagaimana sebab utama yang dinyatakan oleh Hakim adalah JLand tidak mempunyai "locus standi" untuk menentang permohonan yang dibuat oleh pihak ketiga di atas terhadap Windsor Trade Sdn. Bhd.

Sekiranya JLand berhasrat untuk meneruskan perkara tersebut, rayuan pelaksanaan perlu dimulakan oleh penggulung. Selepas itu, akan diadakan perbincangan antara Johor Corporation dan Jabatan Insolvensi mengenai isu "locus standi" di atas pada 3 April 2015.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 36. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

**(b) KPJ Healthcare Berhad**

(i) Pada 26 Julai 2013, Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah membenarkan tuntutan oleh Dr Mohd Adnan bin Sulaiman dan Azizan Sulaiman (Secara kolektif "Plaintif") terhadap Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd ("KPJSB") ("Defendan") di mana Plaintif mendakwa bahawa Defendan telah memungkiri Perjanjian Usahasama Beserta Perjanjian Pemegang Saham bertarikh 30 Mei 1995 di mana Mahkamah Tinggi tersebut telah menganugerahkan sebanyak RM70.4 juta dan kos berjumlah sebanyak RM150,000 terhadap Defendan ("Penghakiman").

KPJSB telah mengarahkan peguamcaranya Tetuan Bodipalar Ponnudurai De Silva untuk memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap penghakiman tersebut.

Pada 12 Disember 2013, Yang Berhormat Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan, YA Datuk Zaharah binti Ibrahim, YA Dato' Mohamad Arif bin Md Yusof dan YA Dato Mah Weng Kwai membenarkan rayuan oleh KPJSB terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Johor Bahru dalam Saman No: 23NCVC-74-05/2012 bertarikh 26 Julai 2013 dengan kos sebanyak RM200,000 ("Mahkamah Penghakiman Rayuan").

Keputusan daripada Penghakiman juga diketepikan.

Mahkamah Rayuan telah melanjutkan Perintah Berbangkit bahawa jumlah tunai RM70.5 juta berserta dengan faedah terakru di dalam akaun Deposit Tetap Maybank yang dipegang oleh nama bersama iaitu peguamcara bagi Responden dan peguam cara untuk KPJSB, "Adam Abdullah & Mani dan Bodipalar Ponnudurai De Silva" yang akan dilepaskan kepada KPJSB.

Pada 13 Januari 2014, Plaintif telah memfailkan permohonan untuk kebenaran merayu di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 12 Disember 2013 ("Permohonan").

Salinan Permohonan yang tidak dimeterai telah diberikan kepada Peguam Cara KPJSB pada 10 Januari 2014.

Mahkamah Persekutuan menetapkan Permohonan Kebenaran Perbicaraan untuk sebutan pada 28 Mei 2015.

Tiada jumlah yang diperuntukkan memandangkan pihak pengurusan percaya bahawa permohonan untuk rayuan tidak menyebabkan obligasi kepada Plaintif.

(ii) Pada tahun semasa, Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd adalah tertakluk kepada audit cukai oleh Australia Taxation Office ("ATO"). Timbalan Suruhanjaya Percukaian sedang mengkaji tatacara GST bagi perbelanjaan sewa yang dibayar kepada Al-Aqar Australia Pty Ltd, di mana 100% daripada kredit cukai input GST telah dituntut sehingga kini. ATO telah mendapatkan khidmat penilai hartanah yang berkelayakan untuk membahagikan hartanah di antara kemudahan penjagaan orang tua, yang merupakan bebas GST (100% kredit cukai input dapat dituntut), dan perkampungan persaraan, iaitu input dikenakan cukai (0% kredit cukai input adalah dapat dituntut).

ATO juga mempertikaikan sama ada pembahagian yang seharusnya menjadi tanggungjawab Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd atau tuan tanah tersebut. Pada peringkat ini, tiada penjelasan mengenai perkara tersebut. Oleh yang demikian, para pengarah tidak berada dalam kedudukan untuk mengesahkan jika KPJ Healthcare akan dikenakan apa-apa jumlah tanggunggan cukai yang lebih lanjut.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 37. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan bagi Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

| **Kumpulan** | **2014** | **2013** |
|---|---|---|
| Pembiayaan dan penghutang: | | |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 23) | 991 | 1,065 |
| Baki tunai dan bank (Nota 29) | 1,091 | 1,105 |
| | 2,082 | 2,170 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi: | | |
| Lain-lain pelaburan (Nota 13) | 71 | 76 |
| Swap kadar faedah (Nota 28) | 2 | 3 |
| Kontrak komoditi ke hadapan (Nota 28) | - | 13 |
| | 73 | 92 |
| Aset kewangan sedia dijual: | | |
| Lain-lain pelaburan (pada kos tolak rosotnilai) (Nota 13) | 132 | 54 |
| | 205 | 146 |
| Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas: | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain (Nota 32) | 1,960 | 1,931 |
| Pembiayaan dan pinjaman (Nota 31) | 8,197 | 8,564 |
| | 10,157 | 10,495 |

| **Johor Corporation** | **2014** | **2013** |
|---|---|---|
| Pembiayaan dan penghutang: | | |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 23) | 354 | 302 |
| Baki tunai dan bank (Nota 29) | 85 | 91 |
| | 439 | 393 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi: | | |
| Lain-lain pelaburan (Nota 13) | 46 | 52 |
| | 46 | 52 |
| Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas: | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain (Nota 32) | 2,073 | 1,644 |
| Pembiayaan dan pinjaman (Nota 31) | 3,036 | 3,038 |
| | 5,109 | 4,682 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko-risiko kewangan yang timbul daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen-instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko kredit, risiko kecairan, risiko kadar faedah, risiko matawang asing dan risiko harga pasaran.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengkaji semula dan bersetuju polisi-polisi dan prosedur bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, yang dilaksanakan oleh pasukan pengurusan. Ahli-ahli jawatankuasa audit memberikan pendapat bebas atas keberkesanan proses pengurusan risiko.

Ianya, dan sebagaimana sepanjang tahun kewangan semasa dan lalu, polisi Kumpulan bahawa tiada derivatif akan diambil kecuali bagi penggunaan instrumen lindung nilai dimana sesuai dan menjimatkan kos. Kumpulan menggunapakai perakaunan aliran tunai lindung nilai ke atas hubungan lindung nilai yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Seksyen berikut memberikan perincian berkaitan pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko-risiko kewangan yang telah dinyatakan di atas serta objektif, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko-risiko tersebut:

### (a) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul atas instrumen-instrumen kewangan tertunggak sekiranya satu pihak gagal menjelaskan tanggungannya. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan dan lain-lain. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk sekuriti pelaburan, baki tunai dan bank dan derivatif), Kumpulan dan Johor Corporation meminimumkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak-pihak yang mempunyai rekod kredit yang baik.

Kumpulan cuba untuk mendapatkan pelaburan aset tunai yang selamat dan menguntungkan. Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang signifikan dan ia bukanlah polisi Kumpulan untuk melindungi nilai risiko kredit. Kumpulan akan memastikan syarikat-syarikat anak yang operasinya signifikan bahawa polisi penjualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengambilkira sejarah hutang dan menghadkan jumlah pendedahan kepada satu-satu pelanggan. Bagi syarikat-syarikat anak yang signifikan, tiada berlakunya pemberian had kredit yang melampau sepanjang tempoh laporan dan pengurusan tidak menjangkakan sebarang kerugian ketara daripada pihak-pihak yang tidak produktif.

**Pendedahan kepada risiko kredit**

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit diwakili oleh nilai bawa bagi setiap jenis aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Jaminan kewangan tidak diiktiraf dalam penyata kewangan kerana nilai saksama pada pengiktirafan awal adalah tidak material.

**Profil tumpuan risiko kredit**

Selain daripada jumlah terhutang daripada syarikat anak kepada Johor Corporation, Kumpulan dan Johor Corporation tidak terdedah kepada apa-apa tumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk penghutang daripada penghutang tunggal atau kumpulan penghutang.

**Aset-aset kewangan yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilai**

Maklumat mengenai penghutang perdagangan dan lain-lain yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilaikan dinyatakan dalam Nota 23. Deposit-deposit dengan bank dan institusi kewangan lain dan pelaburan diletakkan dalam institusi-institusi kewangan bereputasi atau syarikat-syarikat yang mempunyai rekod kredit yang tinggi dan tiada sejarah kemungkiran bayaran.

**Aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai**

Maklumat mengenai aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai dinyatakan dalam Nota 23.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan dan Johor Corporation akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi tanggungan kewangannya disebabkan kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidakserasian tempoh matang aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Johor Corporation adalah untuk mengekalkan keseimbangan antara kesinambungan pembiayaan dan fleksibiliti menerusi penggunaan kemudahan-kemudahan kredit siap sedia.

**Analisis instrumen kewangan menurut baki matang**

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan berdasarkan tanggungan bayaran balik tidak didiskaun mengikut kontrak.

| **Pada 31 Disember 2014**<br>**Kumpulan** | **Atas permintaan atau dalam 1 tahun** | **1 hingga 5 tahun** | **Lebih 5 tahun** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain | 1,960 | - | - | 1,960 |
| Pinjaman dan pembiayaan | 2,295 | 2,408 | 3,724 | 8,427 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun | 4,255 | 2,408 | 3,724 | 10,387 |
| **Johor Corporation** | | | | |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain | 1,620 | 453 | - | 2,073 |
| Pinjaman dan pembiayaan | 62 | 419 | 2,601 | 3,082 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun | 1,682 | 872 | 2,601 | 5,155 |

Jaminan kewangan tidak termasuk di dalam analisis kematangan di atas kerana tiada kegagalan yang telah berlaku.

| **Pada 31 Disember 2013**<br>**Kumpulan** | **Atas permintaan atau dalam 1 tahun** | **1 hingga 5 tahun** | **Lebih 5 tahun** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain | 1,931 | - | - | 1,931 |
| Pinjaman dan pembiayaan | 1,836 | 2,829 | 4,231 | 8,896 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun | 3,767 | 2,829 | 4,231 | 10,827 |
| **Johor Corporation** | | | | |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain | 1,220 | 424 | - | 1,644 |
| Pinjaman dan pembiayaan | 80 | 422 | 2,602 | 3,104 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun | 1,300 | 846 | 2,602 | 4,748 |

Jaminan kewangan tidak termasuk di dalam analisis kematangan di atas kerana tiada kegagalan yang telah berlaku.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dan Johor Corporation akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kadar faedah yang timbul terutama daripada pinjaman dan pembiayaan. Pinjaman yang dikeluarkan pada kadar yang berbagai mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah aliran tunai manakala pinjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap pula mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah nilai saksama. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran kadar pinjaman tetap dan terapung.

**Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah**

Pada tarikh laporan, perubahan 100 mata asas ("ma") dalam kadar faedah akan menyebabkan kenaikan/(penurunan) keuntungan atau kerugian selepas cukai bagi jumlah ditunjukkan di bawah. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain, khususnya kadar pertukaran wang asing, tidak berubah.

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 | 2014 | 2013 |
| Kadar faedah: | | | | |
| Meningkat dalam kadar faedah sebanyak 100 ma | 711 | 746 | 295 | 295 |
| Menurun dalam kadar faedah sebanyak 100 ma | (711) | (746) | (295) | (295) |

### (d) Risiko mata wang asing

Risiko mata wang asing adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko mata wang asing atas jualan, belian dan pinjaman yang didenominasi dalam mata wang selain daripada mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan berkenaan. Mata wang asing dalam mana urus niaga ini didenominasi adalah terutamanya dalam Dolar Amerika Syarikat ("USD").

Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung nilai pendedahan risiko mata wang asing transaksinya.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan-pelaburan dalam operasi asing, yang mana aset bersih terdedah kepada risiko terjemahan mata wang asing. Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung nilai risiko terjemahan mata wang asing. Kumpulan mengekalkan akaun bank yang didenominasi oleh mata wang asing, terutamanya dalam USD, sebagai satu lindung nilai yang semula jadi berbanding risiko mata wang asing.

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing, berdasarkan nilai bawa pada tarikh laporan berakhir adalah:

| | Kumpulan Didenominasi dalam USD | |
|---|---|---|
| | 2014 | 2013 |
| Penghutang dagangan | - | 251 |
| Pemiutang dagangan | (1) | 142 |
| Pinjaman dan pembiayaan | - | 898 |
| Instrumen kewangan derivatif | - | 14 |
| Pendedahan bersih dalam penyata kedudukan kewangan | (1) | 1,305 |

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

**(d) Risiko mata wang asing (sambungan)**

**Analisis sensitiviti bagi risiko mata wang asing**

Jadual di bawah menunjukkan sensitiviti keuntungan Kumpulan bersih selepas cukai terhadap perubahan yang mungkin dan munasabah dalam kadar-kadar pertukaran USD berbanding mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan, dengan semua pembolehubah lain adalah konstan.

| | Keuntungan bersih selepas cukai | | Pendapatan komprehensif lain bersih selepas cukai | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 | 2014 | 2013 |
| **USD** | | | | |
| Dikukuhkan 5% (2013: 5%) | - | (3) | 4 | 13 |
| Disusutkan 5% (2013: 5%) | - | 3 | (4) | (13) |

**(e) Risiko harga pasaran**

Risiko harga pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam harga-harga pasaran (selain daripada kadar-kadar faedah atau pertukaran).

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang timbul daripada pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga. Instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di Malaysia adalah disenaraikan di Bursa Malaysia, manakala instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di luar Malaysia disenaraikan sebahagian besarnya di Bursa Saham London. Instrumen-instrumen ini diklasifikasi sebagai dipegang untuk dagangan atau aset-aset kewangan tersedia untuk dijual. Kumpulan tidak mempunyai pendedahan kepada risiko harga komoditi.

**(f) Harga komoditi**

Kumpulan meraih sebahagian besar daripada hasilnya daripada jualan produk minyak kelapa sawit. Kumpulan menggunakan instrumen-instrumen kewangan derivatif (jualan dan belian hadapan minyak kelapa sawit Malaysia) bagi menjamin harga jualan minyak kelapa sawit yang minima dan menutup kedudukan yang dikeluarkan sebelumnya. Perakaunan aliran tunai lindung nilai diaplikasikan ke atas risiko harga derivatif.

Pada tarikh laporan, turun-naik harga minyak kelapa sawit sebanyak 10% akan menyebabkan rizab di lindung nilai Kumpulan dalam ekuiti seperti berikut:

| Kumpulan | 2014 | 2013 |
|---|---|---|
| Peningkatan 10% dalam harga minyak kelapa sawit | - | (9) |
| Penurunan 10% dalam harga minyak kelapa sawit | - | 9 |

**(g) Nilai saksama**

**Instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan yang nilai bawanya adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama.**

Berikut adalah kategori instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan mempunyai anggaran nilai saksama yang munasabah:

| | Nota |
|---|---|
| Penghutang dagangan dan lain-lain | 23 |
| Pembiayaan dan pinjaman | 31 |
| Pemiutang dagangan dan lain-lain | 32 |

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (g) Nilai saksama (sambungan)

Nilai bawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama, sama ada disebabkan oleh sifat jangka pendeknya atau kerana ia adalah instrumen kadar terapung yang dihargakan semula pada kadar faedah pasaran pada atau berdekatan tarikh laporan.

Nilai saksama pemiutang lain-lain (bukan semasa) dan pinjaman dianggarkan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kenaikan kadar pinjaman meningkat bagi pembiayaan, pinjaman atau pengaturan pemajakan yang serupa pada tarikh laporan.

**Instrumen ekuiti tersiar harga**

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada terbitan tawaran harga pasaran pada tarikh laporan.

**Derivatif**

Nilai saksama kontrak komoditi hadapan dikira berdasarkan kepada kadar tersiar harga hadapan pada tarikh laporan bagi kontrak yang mempunyai profil kematangan yang sama.

Kontrak hadapan mata wang dan kontrak tukaran faedah dinilai menggunakan teknik penilaian dengan input yang boleh diperhatikan di pasaran. Teknik yang paling kerap digunakan atas penilaian termasuklah model harga hadapan dan kajian, menggunakan pengiraan nilai kini. Model ini menggabungkan pelbagai input termasuklah kualiti kredit pihak balas, tempat pertukaran mata wang asing, kadar hadapan dan keluk kadar faedah.

**Jaminan kewangan**

Kumpulan menyediakan jaminan kewangan kepada bank untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada syarikat-syarikat anak tertentu. Nilai saksama untuk jaminan tersebut adalah tidak dijangka akan menjadi material memandangkan kemungkinan kegagalan syarikat anak membuat bayaran adalah terkawal.

**Hierarki nilai saksama**

Kumpulan mempunyai instrumen-instrumen kewangan berikut yang dinyatakan pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan:

| **Kumpulan**<br>**Pada 31 Disember 2014** | **Tahap 1** | **Tahap 2** | **Tahap 3** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Saham tersiar harga | 72 | - | - | 72 |
| Waran tersiar harga | 29 | - | - | 29 |
| Pelaburan dana | 17 | - | - | 17 |
| Derivatif instrumen kewangan | - | 2 | - | 2 |
| Hartanah pelaburan | - | - | 4,045 | 4,045 |
| | 118 | 2 | 4,045 | 4,165 |

| **Kumpulan**<br>**Pada 31 Disember 2013** | **Tahap 1** | **Tahap 2** | **Tahap 3** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Saham tersiar harga | 45 | - | - | 45 |
| Waran tersiar harga | 20 | - | - | 20 |
| Pelaburan dana | 13 | - | - | 13 |
| Derivatif instrumen kewangan | - | 16 | - | 16 |
| Hartanah Pelaburan | - | - | 3,554 | 3,554 |
| | 78 | 16 | 3,554 | 3,648 |

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

**(g) Nilai saksama (sambungan)**

| **Johor Corporation**<br>**Pada 31 Disember 2014** | **Tahap 1** | **Tahap 2** | **Tahap 3** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Saham tersiar harga | 17 | - | - | 17 |
| Waran tersiar harga | 29 | - | - | 29 |
| Hartanah pelaburan | - | - | 1,177 | 1,177 |
| | 46 | - | 1,177 | 1,223 |

| **Johor Corporation**<br>**Pada 31 Disember 2013** | **Tahap 1** | **Tahap 2** | **Tahap 3** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Saham tersiar harga | 33 | - | - | 33 |
| Waran tersiar harga | 19 | - | - | 19 |
| Hartanah pelaburan | - | - | 1,108 | 1,108 |
| | 52 | - | 1,108 | 1,160 |

Pada tarikh laporan berakhir 31 Disember 2014 dan 2013, tiada sebarang pindahan di antara Tahap 1 dan Tahap 2 hierarki nilai saksama.

## 39. PENGURUSAN MODAL

Objektif-objektif Kumpulan ketika menguruskan modal adalah untuk menjaga keupayaan Johor Corporation untuk diteruskan sebagai sebuah perusahaan berterusan dan bagi mengekalkan struktur modal yang optimal bagi mematuhi syarat-syarat hutang dan peraturan pihak berkuasa.

Kumpulan secara aktif dan secara berkala mengkaji semula dan menguruskan struktur modalnya untuk memastikan struktur modal yang optimal dan pulangan bagi pemegang saham, dengan mempertimbangkan keperluan modal masa hadapan Kumpulan dan keberkesanan modal, unjuran keuntungan, unjuran aliran tunai, unjuran perbelanjaan modal dan unjuran peluang pelaburan strategik.

Pengurusan memantau modal berdasarkan kepada nisbah penggearan ("gearing ratio") bersih. Nisbah penggearan ini dikira sebagai hutang bersih dibahagi dengan ekuiti pemegang saham. Hutang bersih dikira sebagai pinjaman di tolak tunai dan kesamaan tunai.

| | **Kumpulan** | |
|---|---|---|
| | **2014** | **2013** |
| Pinjaman bank (Nota 31) | 8,197 | 8,564 |
| Tolak: Tunai dan kesetaraan tunai (Nota 29) | (1,091) | (1,105) |
| Hutang bersih | 7,106 | 7,459 |
| Jumlah ekuiti | 7,482 | 6,723 |
| Nisbah hutang kepada ekuiti | 0.95 | 1.11 |

Tiada perubahan dalam pendekatan Kumpulan bagi pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

Terdapat keperluan modal yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia kepada sebuah syarikat anak tidak langsung yang terlibat dalam broker insuran dan perundingan.

## 40. MAKLUMAT SEGMEN

Maklumat segmen Kumpulan dibentangkan berhubung segmen-segmen bisnes dan geografi. Format pelaporan utama, segmen bisnes, adalah berdasarkan struktur pengurusan dan pelaporan dalaman Kumpulan. Penentuan harga antara segmen adalah berdasarkan terma-terma biasa atau terma-terma yang telah dirundingkan.

Keputusan-keputusan segmen, aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah termasuk item-item yang boleh diagihkan terus kepada suatu segmen dan juga yang boleh diagihkan atas asas yang munasabah.

Perbelanjaan modal segmen adalah jumlah kos yang ditanggung dalam tahun semasa untuk membeli hartanah, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

**Segmen bisnes**

Kumpulan adalah terdiri daripada segmen-segmen bisnes utama berikut:

- Minyak sawit – Perladangan kelapa sawit, pemprosesan minyak kelapa sawit mentah, perkhidmatan perundingan dan pengurusan perladangan
- Prisihatin – Hospital dan perkhidmatan kesihatan
- Hartanah – Pembangunan hartanah dan perumahan
- Intrapreneur ventures – Pengangkutan laut, pengurusan letak kenderaan, jualan produk berasaskan kayu dan mel pukal dan percetakan
- Restoran khidmat cepat – Kedai Pizza Hut, Ayamas and Kentucky Fried Chicken

Lain-lain operasi Kumpulan terutamanya terdiri daripada operasi-operasi yang saiznya tidak memadai untuk dilaporkan secara berasingan.

**Segmen-segmen geografi**

Segmen bisnes Kumpulan diuruskan atas asas seluruh dunia, beroperasi dalam dua kawasan geografi utama:

- Malaysia – Terutamanya operasi perladangan, prisihatin, restoran khidmat cepat dan aktiviti pelaburan
- Papua New Guinea – Terutamanya operasi perladangan

Dalam membentangkan maklumat berdasarkan segmen-segmen geografi, segmen pendapatan adalah berdasarkan lokasi geografi para pelanggan. Segmen aset adalah berdasarkan lokasi geografi aset-aset tersebut.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 40. MAKLUMAT SEGMEN (SAMBUNGAN)

### (a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes

| **Kumpulan**<br>**Pada 31 Disember 2014** | **Minyak sawit** | **Prisihatin** | **Hartanah** | **Intrapreneur ventures** | **Restoran khidmat cepat** | **Lain-lain** | **Kumpulan** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Hasil kepada pihak luar | 779 | 2,620 | 798 | 204 | - | 294 | 4,695 |
| Hasil antara segmen | - | - | - | - | - | - | - |
| Jumlah jualan | 779 | 2,620 | 798 | 204 | - | 294 | 4,695 |
| **Keputusan** | | | | | | | |
| Keputusan segmen (luaran) | 131 | 199 | 540 | 35 | 1 | 158 | 1,064 |
| Pendapatan tidak diperuntukkan | | | | | | | 49 |
| Kos tidak diperuntukkan | | | | | | | (113) |
| Keuntungan daripada operasi | | | | | | | 1,000 |
| Kos kewangan | | | | | | | (370) |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu | - | 49 | 4 | - | - | (29) | 24 |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama | - | - | - | - | (27) | - | (27) |
| Keuntungan sebelum cukai | | | | | | | 627 |
| Perbelanjaan cukai | | | | | | | (98) |
| Keuntungan selepas cukai daripada operasi berterusan | | | | | | | 529 |
| Keuntungan atas pelupusan operasi yang dihentikan | | | | | | | 247 |
| Keuntungan bagi tahun semasa | | | | | | | 776 |

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 40. MAKLUMAT SEGMEN (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

| Kumpulan<br>Pada 31 Disember 2014 (sambungan) | Minyak sawit | Prisihatin | Hartanah | Intrapreneur ventures | Restoran khidmat cepat | Lain-lain | Kumpulan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Lain-lain informasi** | | | | | | | |
| Aset-aset segmen | 6,020 | 3,190 | 3,526 | 894 | 1,038 | 2,175 | 16,843 |
| Syarikat-syarikat bersekutu | - | 107 | (4) | - | - | 165 | 268 |
| Syarikat-syarikat usahasama | - | - | - | - | 1,246 | - | 1,246 |
| Aset-aset tidak diperuntukkan | | | | | | | 2,085 |
| Jumlah aset disatukan | | | | | | | 20,442 |
| Liabiliti segmen | 3,635 | 1,920 | 1,568 | 484 | - | 5,349 | 12,956 |
| Liabiliti tidak diperuntukkan | | | | | | | 4 |
| Jumlah liabiliti disatukan | | | | | | | 12,960 |
| Perbelanjaan modal | 441 | 584 | 373 | 150 | - | 73 | 1,621 |
| Susutnilai dan pelunasan | 318 | 114 | 6 | 35 | - | 36 | 509 |

## 40. MAKLUMAT SEGMEN (SAMBUNGAN)

### (a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

| **Kumpulan**<br>**Pada 31 Disember 2013, dinyatakan semula** | **Minyak sawit** | **Prisihatin** | **Hartanah** | **Intrapreneur ventures** | **Restoran khidmat cepat** | **Lain-lain** | **Kumpulan** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Hasil kepada pihak luar | 845 | 2,296 | 998 | 204 | - | 392 | 4,735 |
| Hasil antara segmen | - | - | - | - | - | - | - |
| Jumlah jualan | 845 | 2,296 | 998 | 204 | - | 392 | 4,735 |
| **Keputusan** | | | | | | | |
| Keputusan segmen (luaran) | 91 | 116 | 468 | 47 | - | 373 | 1,095 |
| Pendapatan tidak diperuntukkan | | | | | | | 874 |
| Kos tidak diperuntukkan | | | | | | | (279) |
| Keuntungan daripada operasi | | | | | | | 1,690 |
| Kos kewangan | | | | | | | (401) |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu | - | 7 | 4 | - | - | 20 | 31 |
| Bahagian keuntungan syarikat syarikat usahasama | - | - | - | - | 4 | - | 4 |
| Keuntungan sebelum cukai | | | | | | | 1,324 |
| Perbelanjaan cukai | | | | | | | (182) |
| Keuntungan selepas cukai daripada operasi berterusan | | | | | | | 1,142 |
| Keuntungan daripada jualan operasi yang dihentikan | | | | | | | 17 |
| Keuntungan bagi tahun semasa | | | | | | | 1,159 |

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 40. MAKLUMAT SEGMEN (SAMBUNGAN)

(a) **Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)**

| Kumpulan<br>Pada 31 Disember 2013, dinyatakan semula (sambungan) | Minyak sawit | Prisihatin | Hartanah | Intrapreneur ventures | Restoran khidmat cepat | Lain-lain | Kumpulan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Lain-lain informasi** | | | | | | | |
| Aset-aset segmen | 7,884 | 2,509 | 4,929 | 899 | - | 705 | 16,926 |
| Syarikat-syarikat bersekutu | - | 70 | 116 | - | - | 99 | 285 |
| Syarikat-syarikat usahasama | - | - | - | - | 1,272 | - | 1,272 |
| Aset-aset tidak diperuntukkan | | | | | | | 166 |
| Jumlah aset disatukan | | | | | | | 18,649 |
| Liabiliti segmen | 2,863 | 1,645 | 2,176 | 423 | - | 4,073 | 11,180 |
| Liabiliti tidak diperuntukkan | | | | | | | 746 |
| Jumlah liabiliti disatukan | | | | | | | 11,926 |
| Perbelanjaan modal | 505 | 315 | 338 | 103 | - | 209 | 1,470 |
| Susutnilai dan pelunasan | 279 | 77 | 7 | 28 | - | 45 | 436 |

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 40. MAKLUMAT SEGMEN (SAMBUNGAN)

### (b) Format pelaporan sekunder - Segmen Bisnes

| | Jualan (Luaran) | | Jumlah Aset | | Perbelanjaan Modal | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2014 | 2013 | 2014 | 2013 | 2014 | 2013 |
| Malaysia | 4,601 | 4,597 | 18,512 | 12,432 | 1,621 | 1,161 |
| Indonesia | 49 | 48 | 130 | 138 | - | - |
| Papua New Guinea | - | - | - | 4,171 | - | 309 |
| Lain-lain negara | 45 | 90 | 279 | 262 | - | - |
| | 4,695 | 4,735 | 18,921 | 17,003 | 1,621 | 1,470 |
| Syarikat-syarikat bersekutu | | | 268 | 285 | | |
| Syarikat-syarikat usahasama | | | 1,246 | 1,272 | | |
| Aset-aset tidak diperuntukkan | | | 7 | 89 | | |
| Jumlah aset | | | 20,442 | 18,649 | | |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN

**1. Johor Corporation ("Johor Corporation")**

(a) Pada 6 Mac 2014, Seaview Holdings Sdn Bhd ("Seaview") telah memeterai Perjanjian Jualan Saham ("PJS") dengan Johor Corporation dan anak-anak syarikatnya bagi pelupusan 51% kepentingan ekuiti yang dipegang oleh Johor Corporation dan anak-anak syarikatnya dalam Damansara Realty Berhad ("DBhd") kepada Seaview untuk pertimbangan pembelian sebanyak RM78.89 juta, yang akan dibayar mengikut cara yang berikut:

(i) RM7.889 juta (10% daripada pertimbangan pembelian) hendaklah dibayar dengan tunai ("bayaran pertama") setelah SSA ditandatangani;

(ii) RM7.889 juta (10% daripada pertimbangan pembelian) hendaklah dibayar dengan tunai ("bayaran ke-2") pada Tarikh Penyelesaian;

(iii) Baki sebanyak RM63.112 juta (80% daripada pertimbangan pembelian) hendaklah dibayar dengan tunai ("bayaran ke-3") sebelum tamat tempoh 12 bulan dari tarikh PJS ini.

PJS ini telah disempurnakan pada akhir bulan April 2014.

(b) Pada 25 April 2014, Johor Corporation telah memeterai SPA bersama anak syarikatnya, Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") bagi pembelian tanah pajakan (baki tempoh penyewaan 91 tahun berakhir 11 April 2105) seluas lebih kurang 9,579 ekar yang terletak di Jalan Storey , yang dimiliki oleh DASB untuk pertimbangan pembelian sebanyak RM151.0 juta ("Harga Belian"), yang perlu dibayar seperti yang berikut:

(i) Apabila SPA dilaksanakan, deposit RM15.1 juta dari Harga Belian hendaklah dibayar oleh Johor Corporation melalui pengimbangan jumlah terhutang oleh DASB yang sedia ada ("Deposit"); dan

(ii) Baki harga belian RM135.9 juta, iaitu 90% daripada harga belian tersebut akan kekal sebagai amaun yang perlu dibayar dalam buku DASB.

SPA ini telah disempurnakan pada tahun kewangan semasa.

(c) Pada 2 Jun 2014, Johor Corporation telah memeterai SPA bersama anak syarikatnya, DASB untuk pembelian tanah pajakan (baki tempoh penyewaan 90 tahun berakhir 15 September 2104) seluas kira-kira 2.5589 hektar yang terletak di Mukim Bandar, Johor Bahru milik DASB bagi pertimbangan pembelian RM151.5 juta ("Harga Belian"), yang perlu dibayar seperti yang berikut:

(i) Apabila SPA dilaksanakan, RM15.15 juta yang merupakan sebahagian daripada Harga Belian hendaklah dibayar oleh Johor Corporation seperti berikut:

- RM100,000, melalui pembayaran secara tunai;
- RM15.05 juta, melalui pengimbangan jumlah terhutang yang sedia ada oleh DASB ("Deposit"); dan

(ii) Baki Harga Belian sebanyak RM136.35 juta, akan kekal sebagai jumlah terhutang kepada DASB dalam buku Johor Corporation.

SPA ini telah disempurnakan pada tahun kewangan semasa.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

### 1. Johor Corporation (“Johor Corporation”) (sambungan)

(d) Pada 30 April 2014, Johor Corporation telah memeterai Perjanjian Jualan Saham (“PJS”) dengan salah seorang daripada pemegang saham berkenaan dengan 150,000 Saham Keutamaan Islam Boleh Tebus Bukan Kumulatif (“INCPS”) bernilai RM0.01 setiap satu dalam Business Chronicles Sdn Bhd (“BCSB”), anak syarikat milik penuh Johor Corporation. BCSB adalah Pembawa Tujuan Khas (“SPV”) yang ditubuhkan bagi tujuan menyediakan pembiayaan kepada Massive Equity Sdn. Bhd. (“MESB”),di mana, sebagai ganti menerusi anak syarikat milik penuhnya, QSR Brands (M) Holdings Berhad, SPV bagi nyah senarai KFC Holdings (M) Berhad (“KFC”) dan QSR Brands Berhad (“QSR”) pada tahun 2013.

Pertimbangan INCPS yang dijual hendaklah melalui pemindahan bidang tanah seluas kira-kira 9,586 ekar yang terletak di Jalan Storey, Johor Bahru dan bidang tanah seluas kira-kira 5,956 ekar di Mukim Bandar, Johor Bahru, dimiliki oleh Johor Corporation sama dengan nilai yang tidak kurang daripada wang langganan untuk 150,000 INCPS yang dipegang oleh pemegang saham yang dimaksudkan.

SSA ini telah disempurnakan pada tahun kewangan semasa.

### 2. Johor Paper & Publishing Sdn Bhd (“JPP”)

(a) Pada 8 Julai 2013, anak syarikat tidak langsung JPP, Langsat Marine Base Sdn Bhd (“LMB”) telah memeterai perjanjian usahasama merangkap perjanjian pemegang saham dengan anak syarikatnya, Langsat OSC Sdn. Bhd. (“LOSC”) dan Oilfield Supply Centre Limited (“OSCL”). Sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian, LMB dan OSCL telah melabur dalam LOSC berjumlah RM510,000 dan RM490,000 masing-masing sebagai suntikan modal ke dalam LOSC.

Tujuan menandatangani perjanjian usaha sama adalah untuk bersetuju dengan pembangunan, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan pangkalan bekalan pengguna biasa yang terdiri daripada pejabat, gudang, kawasan lapang, bengkel dan kawasan penyimpanan di luar bagi syarikat-syarikat minyak dan gas di Pelabuhan Tanjung Langsat.

Pada 29 April 2014, LMB memeterai perjanjian tambahan yang pertama disebabkan oleh perubahan tertentu pada perjanjian usaha sama merangkap perjanjian pemegang-pemegang saham sebelum ini.

(b) Pada 8 Julai 2013, LMB juga telah menandatangani perjanjian pajakan dengan Johor Corporation bagi pajakan tanah konsesi seluas kira-kira 50 ekar di Mukim Sg.Tiram, Daerah Johor Bahru. Sewa pajakan berjumlah RM120 juta hendaklah dibayar dalam agregat untuk jangka masa tempoh pajakan berdasarkan jumlah yang boleh diterima oleh LMB dari penyewaan dan pajakan semula tanah itu.

Pada 29 April 2014, JPP memeterai perjanjian tambahan yang pertama disebabkan oleh perubahan tertentu pada perjanjian pajakan yang dibuat sebelum ini.

(c) Perjanjian penyewaan telah ditandatangani bersama anak syarikat LMB, OSC International Sdn. Bhd. (“OSCI”) pada 8 Julai 2013 untuk memberikan OSCI hak untuk membangunkan tanah tersebut.

Pada 29 April 2014, LMB memeterai perjanjian tambahan yang pertama disebabkan oleh perubahan tertentu pada perjanjian penyewaan yang telah dibuat sebelum ini.

(d) Pada 8 Julai 2013, LMB juga memeterai perjanjian pajakan semula dengan LOSC untuk membolehkan mereka beroperasi dan menyelenggara pengkalan bekalan. Tempoh pajakan semula adalah 19 tahun bermula dari tamatnya tempoh konsesi. Pertimbangan pajakan sebanyak RM88 juta akan diterima dalam tempoh 5 hari sebelum permulaan tempoh pajakan semula bermula dari tamat tempoh perjanjian penyewaan.

Pada 29 April 2014, LMB memeterai perjanjian tambahan yang pertama disebabkan oleh perubahan tertentu pada perjanjian pajakan semula yang dibuat sebelum ini. Tempoh pajakan semula ditukar kepada 16 tahun bermula dari tamatnya tempoh konsesi.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

### 2. Johor Paper & Publishing Sdn Bhd ("JPP") (sambungan)

(e) LMB telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan LOSC dan OSCI pada 8 Julai 2013. OSCI telah dilantik sebagai Syarikat Konsesi untuk tempoh konsesi 11 tahun bermula dari 8 Julai 2013.

Pada 29 April 2014, JPP memeterai perjanjian tambahan yang pertama disebabkan oleh perubahan tertentu pada perjanjian konsesi yang dibuat sebelum ini. Tempoh konsesi ditukar kepada 14 tahun bermula dari 8 Julai 2014.

### 3. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")

(a) Pada 3 Oktober 2013, Kumpulan KMB mengumumkan bahawa ia telah memeterai satu Memorandum Persefahaman dengan PT Graha Sumber Berkah ("PT GSB") untuk meneroka kemungkinan bekerjasama dalam penanaman kelapa sawit dan perniagaan huluan dan hiliran minyak dan gas di Kalimantan, Indonesia. Pada tarikh yang sama, KMB juga mengumumkan bahawa ia telah memeterai satu Perjanjian Penjualan Saham Bersyarat ("CSSA") dengan PT GSB berhubung dengan cadangan pengambilalihan 75% kepentingan ekuiti dalam PT Wisesa Inspirasi Nusantara ("PT WIN") dan syarikat-syarikat anaknya untuk pertimbangan sehingga USD43.44 juta (kira-kira RM138.86 juta). PT WIN adalah syarikat tujuan khas untuk perlaksanaan cadangan usaha Kumpulan KMB ke dalam penanaman kelapa sawit di Kalimantan, Indonesia.

Selaras dengan keperluan pegangan saham lain yang dikenakan oleh pengawal selia Indonesia, KMB dan PT GSB bersetuju untuk transaksi berikut:

(i) Pemindahan 3,326,338 Saham-saham PT WIN daripada PT GSB dan 1,000 saham-saham PT WIN daripada pihak lain kepada KMB menurut Surat Jualan Beli Saham bertarikh 10 Januari 2014, untuk pertimbangan tunai lebih kurang USD17.14 juta (bersamaan lebih kurang RM58.75 juta) ("Transaksi Saham");

(ii) Terbitan 4,991,007 saham baru PT WIN untuk dilanggan oleh KMB pada nilai par yang nominal IDR1,000 setiap Saham PT WIN, untuk pertimbangan tunai sebanyak IDR4.99 bilion (bersamaan lebih kurang RM1.40 juta) ("Terbitan Saham") (Transaksi Saham dan Terbitan Saham secara kolektif dirujuk sebagai "Pengambilalihan"); dan

(iii) Suntikan oleh KMB lebih kurang USD25.30 juta (bersamaan lebih kurang RM88.43 juta) ke dalam PT WIN dan/atau syarikat-syarikat anaknya sebagai modal kerja untuk memperoleh hakmilik tanah perladangan di Kalimantan, Indonesia ("Pelaburan Seterusnya").

Jumlah pelaburan di bawah Pegambilalihan dan Jumlah Pelaburan Seterusnya lebih kurang USD42.86 juta (bersamaan lebih kurang RM149.81 juta).

Berikutan syarat-syarat terdahulu CSSA dan pelaksanaan Perjanjian Pemegang Saham antara KMB dan PT GSB telah dipenuhi, pemindahan/langganan Saham PT WIN telah dilaksanakan pada 14 Februari 2014, dengan itu PT WIN menjadi syarikat anak Kumpulan KMB.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

**3. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)**

(b) Pada 23 April 2014, KMB menghantar notis pertukaran kepada Asia Economic Development Fund Limited ("AEDFL") untuk melaksanakan haknya untuk menukar pegangan sedia ada "Irredeemable Convertible Cumulative Unsecured Loan Securities" ("ICCULS") berjumlah RM47,039,000 kepada saham biasa AEDFL. Berikutan penukaran ICCULS kepada saham biasa, KMB memegang 54.21% daripada jumlah keseluruhan modal saham terbitan dan berbayar AEDFL, seterusnya menjadikan AEDFL anak syarikat Kumpulan KMB.

(c) Pada 10 Disember 2014, KMB mengumumkan bahawa Kulim Energy Nusantara Sdn Bhd ("KENSB"), anak syarikat milik penuh KMB telah menandatangani Perjanjian Langganan dan Pembelian Saham Bersyarat ("CSSPA") dengan Citra Sarana Energi ("CSE") dan pemegang saham yang sedia ada iaitu, PT Wisesa Inspirasi Sumatera dan PT Inti Energi Sejahtera, untuk mengambilalih 60% kepentingan ekuiti dalam CSE untuk mengambil bahagian dalam penerokaan dan pembangunan bidang O&G di South West Bukit Barisan Block, Pusat Sumatera, Indonesia untuk pertimbangan tunai sebanyak USD133.55 juta (bersamaan kira-kira RM466.81 juta).

Pada tarikh laporan, Kumpulan KMB masih dalam proses untuk menyiapkan pelbagai syarat-syarat sebagaimana yang ditakrifkan dalam CSSPA.

(d) Pada 11 Disember 2014, KMB mengumumkan bahawa E.A. Technique (M) Berhad, sebuah anak syarikat Kumpulan KMB telah berjaya disenaraikan dan tersiar di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

(e) Pada 6 Mac 2015, KMB mengumumkan bahawa Asia Economic Development Fund Limited ("AEDFL"), anak syarikat KMB telah pada 5 Mac 2015, memeterai perjanjian seperti yang berikut:

(i) Perjanjian jualan saham dengan Johor Logistics Sdn Bhd ("JLSB"), sebuah anak syarikat Johor Corporation berhubung dengan cadangan pengambilalihan 2,109,212 saham biasa dalam ALC ("Saham ALC") yang mewakili kira-kira 30% kepentingan ekuiti dalam ALC, untuk pertimbangan berjumlah kira-kira RM23.17 juta yang akan dipenuhi melalui penerbitan sebanyak 158,958 saham biasa dalam AEDFL ("Cadangan Pengambilalihan");

(ii) Perjanjian langganan bersyarat dengan KMB berhubung dengan langganan 271 Saham Keutamaan baru Boleh Tukar Boleh Tebus Tidak Terkumpul ("RCPS") baru dalam AEDFL pada nilai nominal USD13.55 juta (bersamaan kira-kira RM49.55 juta); dan

(iii) Perjanjian pinjaman pemegang saham dengan ALC untuk memberikan dan menyediakan ALC pinjaman sehingga USD25.0 juta (bersamaan kira-kira RM91.41 juta).

Apabila selesai Cadangan Pengambilalihan, ALC akan menjadi 68% syarikat anak milik AEDFL, seterusnya menjadikan ALC sebagai syarikat anak tidak langsung Kumpulan KMB.

Jika tiada sebarang masalah, perjanjian di atas dijangka siap pada pertengahan tahun 2015.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

**3. Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB") (sambungan)**

(f) Pada 9 Oktober 2014, Sime Darby Plantation Sdn Bhd ("SDP") menyerahkan notis pengambilalihan ke atas NBPOL dan telah mengumumkan hasratnya untuk membuat tawaran tunai bagi membeli semua saham NBPOL pada harga tawaran sebanyak GBP7.15 atau PNG Kina 28.79 setiap saham NBPOL ("Tawaran").

Pada 23 Oktober 2014, KMB mengumumkan bahawa telah menerima dokumen tawaran rasmi ("Dokumen Tawaran") daripada SDP dan Tawaran tersebut akan dibentangkan kepada para pemegang saham Kulim pada Mesyuarat Agong Luar Biasa ("EGM") yang akan bersidang untuk mempertimbangkan Tawaran tersebut.

Penerimaan Tawaran yang tersebut akan melibatkan Kulim untuk melupuskan keseluruhan daripada kepentingan ekuitinya di dalam NBPOL yang terdiri daripada 73,482,619 saham biasa di dalam NBPOL, kepada SDP untuk pertimbangan pelupusan lebih kurang sebanyak GBP525.4 juta (bersamaan kira-kira RM2.86 bilion).

Pada 3 Disember 2014, para pemegang saham KMB mengundi untuk menerima tawaran daripada SDP dalam Mesyuarat Agong Luar Biasa yang besidang untuk mempertimbangkan Tawaran tersebut.

Pada 27 Januari 2015, Sime Darby Berhad ("Sime Darby"), syarikat induk kepada SDP, telah mengumumkan bahawa SDP telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Eropah bagi cadangan pengambilalihan NBPOL.

Pada 18 Februari 2015, Sime Darby telah mengumumkan bahawa ke semua syarat-syarat utama di dalam Dokumen Tawaran telah dipenuhi dan Tawaran tersebut kini menjadi tanpa syarat.

Pada 26 Februari 2015, KMB telah mengumumkan bahawa pelupusan NBPOL telah sempurna berikutan penerimaan tunai daripada SDP. Oleh itu, NBPOL tidak lagi menjadi syarikat anak Kumpulan KMB pada tarikh tersebut.

**4. Larkin Sentral Management Sdn Bhd ("LSM")**

Pada tahun 2004, syarikat subsidiari tidak langsung Kumpulan, LSM menandatangani perjanjian tiga pihak pertama, boleh diperbaharui pada setiap tahun, dengan Pelaburan Johor Berhad ("PJB") dan Amanah Raya Berhad ("ARB"), pengurus dan pemegang amanah bagi kedua-dua Amanah Saham Johor ("ASJ") dan Dana Johor ("DJ") masing-masing bagi pelaksanaan skim kebangkitan semula harga ("PRS") bagi pemegang unit ASJ dan DJ. Di bawah skim ini, pemegang unit boleh meminta PJB untuk membeli balik sehingga lima ratus unit atau 10% pegangan saham ketika itu dalam ASJ dan DJ, yang mana lebih tinggi, pada harga pembelian semula RM1 dan RM0.50 bagi setiap unit ASJ dan DJ masing-masing. Dalam skim ini, peranan LSM adalah untuk membeli unit ASJ dan DJ daripada PJB yang diperlukan PJB untuk membeli balik daripada pemegang unit ASJ dan DJ.

Pada 4 Februari 2008, LSM memasuki perjanjian tiga pihak yang kelima di mana LSM telah tidak lagi ditawarkan untuk membeli unit daripada PJB, bagaimanapun LSM terus menyediakan dana yang diperlukan bagi membolehkan PJB untuk membeli balik unit daripada pemegang unit pada harga PRS secara 'ex-gratia'.

Pada bulan Jun 2008, skim ASJ telah ditamatkan atas resolusi untuk penamatan yang telah diluluskan dalam mesyuarat pemegang unit ASJ ini selaras dengan Garis Panduan Tabung Unit Amanah.

Sebelum 2012, LSM telah menandatangani perjanjian tiga pihak yang kesepuluh dengan PJB dan AmanahRaya Trustees Berhad ("ART") untuk menyediakan peruntukan wang secara ex-gratia bagi unit DJ yang dibeli semula oleh PJB.

LSM kemudiannya memasuki Perjanjian tiga pihak kedua belas pada 26 Jun 2012 dengan PJB dan ART untuk melaksanakan Skim Penambahbaikan Dana Johor ("SDJ1"), penambahbaikan kepada PRS terdahulu di mana pemegang unit DJ telah ditawarkan untuk menjual unit mereka kepada PJB pada harga RM1.00 seunit dan akan dibayar bayaran tambahan sebanyak RM0.50 seunit untuk semua unit yang dibeli balik di bawah PRS sebelumnya. Tempoh tawaran adalah antara 2 Julai 2012 hingga 1 Julai 2013. Di bawah perjanjian ini, peranan LSM ialah sebagai ejen kepada Johor Corporation untuk membeli unit DJ dari PJB pada harga SDJ1 bernilai RM1.00 seunit dan LSM yang memegang unit-unit yang dibeli semula yang diamanahkan oleh Johor Corporation yang mana adalah pemilik mutlak unit-unit tersebut.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

**4. Larkin Sentral Management Sdn Bhd ("LSM") (sambungan)**

Pada 10 Mei 2013, perjanjian yang ketiga belas telah dimasuki oleh LSM di mana, bersetuju untuk melanjutkan tempoh yang berkaitan dengan pembelian unit DJ sehingga 31 Disember 2013 dan seterusnya menandatangani perjanjian tiga pihak keempat belas untuk melanjutkan tempoh sehingga 31 Mac 2014.

Pada 21 Januari 2014, perjanjian tiga pihak yang kelima belas telah dimasuki antara LSM, PJB dan ART yang mana pihak tersebut bersetuju untuk melanjutkan tempoh hingga 30 Jun 2014 dan untuk melaksanakan tempoh akhir SDJ1 ke satu tarikh yang dipersetujui bersama dan LSM adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dana yang mencukupi bagi pembayaran 'ex-gratia'. Di samping itu, berkuatkuasa 1 Januari 2014, LSM telah tidak lagi diperlukan untuk membeli unit DJ dari PJB. Walau bagaimanapun, LSM hendaklah memberikan kepada PJB dana yang mencukupi bagi perbezaan di antara RM1.00 dan nilai aset bersih DJ dan juga bayaran tambahan sebanyak RM0.50 setiap unit di bawah PRS sebelumnya.

Pada 31 Disember 2014, LSM adalah bertanggungjawab bagi pembayaran 'ex-gratia' berjumlah RM54.14 juta (2013: RM98.99 juta) untuk melaksanakan bayaran akhir SDJ1 di mana jumlah tersebut telah disediakan oleh Johor Corporation.

**5. Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB")**

Pada 15 September 2014, DASB mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya Sekuriti untuk melupuskan hartanahnya berjumlah RM625.2 juta kepada pelaburan amanah hartanah yang dicadangkan, ditaja oleh Johor Corporation.

Pada 18 Februari 2015, Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan permohonan DASB ini. Walaubagaimanapun, pada tarikh laporan ini DASB masih belum mengemukakan kepada Bursa Malaysia untuk penyenaraian pelaburan amanah harta tanah yang dicadangkan.

Pelupusan masih belum disempurnakan pada tarikh laporan ini.

**6. KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")**

(a) Pada 3 Oktober 2014, Puteri Nursing College Sdn. Bhd. ("PNCSB"), syarikat anak milik penuh KPJ telah menandatangani perjanjian jual beli ("SPA") dengan AmanahRaya Trustees Berhad ("Pemegang Amanah" atau "Pembeli"), bagi pihak Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar"), untuk melupuskan hartanah bagi pertimbangan pelupusan RM77,800,000 ("Pertimbangan Pelupusan") atas terma-terma dan syarat-syarat SPA ("Cadangan Pelupusan").

Setelah selesai Cadangan Pelupusan, PNCSB akan memasuki satu perjanjian pajakan ("Perjanjian Pajakan") dengan Al-'Aqar, diwakili oleh Pemegang Amanah, dan Damansara REIT Managers Sdn Berhad, yang merupakan pengurus Al-'Aqar ("Pengurus"), untuk pajakan Hartanah kepada PNCSB atas terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Pajakan yang akan dipersetujui antara pihak-pihak tersebut di atas ("Cadangan Pajakan Balik").

Cadangan penjualan dijangka disempurnakan pada suku pertama 2015.

(b) Pada 16 Oktober 2014, Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd ("KPJSB") telah menandatangani Memorandum Persefahaman ("MOU") dengan Pelaburan Hartanah Berhad ("PHB") dan Nadayu Properties Berhad ("NPB") bagi cadangan pembangunan dan penyewaan bangunan hospital yang dibina khas yang dikenali sebagai "KPJ Damansara Specialist Hospital II" oleh PHB untuk KPJSB. Pihak-pihak berkenaan hendaklah melaksanakan tiga (3) perjanjian, iaitu Perjanjian ("SPA"), Perjanjian untuk Pajakan ("ATL") dan Perjanjian Pajakan ("LA") (secara kolektif dikenali sebagai "Perjanjian Muktamad").

Perjanjian Muktamad hendaklah dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pelaksanaan MOU.

(c) Pada 6 November 2013, KPJSB telah memeterai Perjanjian Jualan Saham bersyarat dengan Usaha Cendera Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Usaha Cendera Cerah Sdn Bhd) untuk pengambilalihan 2 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu di dalam BDC Specialist Hospital Sdn. Bhd. ("BDCSHSB") yang bersamaan dengan 100% ekuiti BDCSHSB untuk pertimbangan tunai sebanyak RM16,516,144.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014
### AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

## 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

**6. KPJ Healthcare Berhad ("KPJ") (sambungan)**

(c) BDCSHB adalah pemilik berdaftar bagi ke semua bidang tanah pegangan pajakan yang diterangkan sebagai Lot 18807 Blok 11, Muara Tebas Land District terletak di Stampin, Kuching, Sarawak seluas lebih kurang 1.918 hektar. Henry Butcher dalam laporan penilaian mereka bertarikh 11 Disember 2012 telah membuat penilaian tanah berdasarkan nilai pasaran pada RM16,590,000.

Apabila cadangan pengambilalihan itu disempurnakan, BDCSHB akan menjadi syarikat anak milik penuh KPJSB.

Cadangan pengambilalihan itu telah diselesaikan pada 10 Februari 2014.

(d) Pada 21 Oktober 2014, Ahli Lembaga Pengarah KPJ telah mengumumkan bahawa KPJSB bercadang untuk menjalankan perkara yang berikut:

(i) Cadangan penubuhan, skim opsyen saham pekerja ("ESOS") sehingga 10% daripada peningkatan saham terbitan dan modal saham berbayar KPJ yang akan diberi kepada para pengarah dan para pekerja KPJ dan syarikat-syarikat anaknya ("Kumpulan KPJ"), yang bukan dorman;

(ii) Cadangan terbitan terhad melalui Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 sehingga 28,000,000 unit baru saham biasa, bernilai RM0.50 setiap satu di dalam KPJ, yang mewakili kira-kira 2.5% daripada saham terbitan dan modal saham berbayar, untuk pakar perunding residen terpilih Kumpulan KPJ; dan

(iii) Cadangan pindaan ke atas Artikel Penubuhan.

Cadangan-cadangan telah dikemukakan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") pada 23 Oktober 2014 dan diluluskan pada 31 Oktober 2014 dengan memastikan pematuhan penuh kepada semua keperluan seperti yang diperuntukkan di bawah Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Saham pada setiap masa.

(e) Pada 3 November 2014, Point Zone (M) Sdn Bhd ("Point Zone") (syarikat anak milik penuh KPJ) telah menerima kebenaran dari Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menubuhkan Program Sukuk. Program Sukuk adalah Kertas cadangan Komersial Islam ("ICP") menurut suatu Program ICP dan cadangan Nota Islam Jangka Sederhana ("IMTN") menurut suatu Program IMTN, dengan had gabungan sehingga RM1.5 bilion dalam Nilai Nominal untuk Program Sukuk dan sub had RM500 juta dalam Nilai Nominal bagi Program ICP, berdasarkan kepada prinsip Syariah Murabahah. Perolehan yang timbul daripada Program Sukuk itu hendaklah digunakan untuk membiayai semula jumlah yang terhutang di bawah Program Kertas Komersil Islam/Nota Jangka Sederhana Islam yang sedia ada sehingga RM450 juta dan untuk didahulukan kepada KPJ untuk membiayai pengembangan dan keperluan modal kerja perubatan Kumpulan KPJ dan yang berkaitan perniagaan penjagaan kesihatan kumpulan itu (termasuk untuk pembiayaan/pembiayaan semula pinjaman yang dilakukan berhubung dengannya).

Program ICP ini mempunyai tempoh masa 7 tahun daripada tarikh terbitan pertama manakala Program IMTN akan mempunyai tempoh masa 10 tahun daripada tarikh terbitan pertama. Program Sukuk akan dicagarkan menerusi caj dan penyerahan hak ke atas akaun yang ditetapkan dan jaminan korporat yang tidak boleh batal dan tanpa syarat daripada KPJ. Kedua-duanya, Program ICP dan Program IMTN tidak akan dinilaikan. Cadangan penubuhan Program Sukuk adalah di jangkakan untuk selesai pada suku pertama 2015.

Pada 10 Disember 2014, Point Zone telah menebus keseluruhan jumlah tertunggak di bawah Program ICP/IMTN. Dalam hal ini, Point Zone telah membatalkan Program ICP/IMTN pada 16 Disember 2014 dimana Point Zone tidak berhasrat untuk menerbitkan semula ICP atau IMTN di bawah program ICP/IMTN.

Pada 27 Februari 2015, Ahli Lembaga Pengarah KPJ telah menetapkan harga terbitan untuk ESOS (Nota 41(6)(d)) dan tawaran sehingga 28,000,000 Saham Tawaran baru pada harga terbitan sebanyak RM3.64 bagi setiap Saham Tawaran menurut Terbitan Terhad.

Harga terbitan mewakili diskaun kira-kira sepuluh peratus (10%) atau RM0.404 hingga lima (5) hari purata wajaran harga pasaran Saham KPJ sehingga dan termasuk 26 Februari 2015 daripada RM4.04, iaitu hari pasaran sebaik sebelum tarikh penetapan harga.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

AMAUN DALAM RM JUTA MELAINKAN DINYATAKAN SELAINNYA

### 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

**6. KPJ Healthcare Berhad ("KPJ") (sambungan)**

Menurut perenggan 6.43(1) Syarat-syarat Penyenaraian, tarikh kuatkuasa bagi ESOS telah ditetapkan pada 27 Februari 2015, iaitu tarikh penyerahan dokumen-dokumen berikut berhubung dengan ESOS kepada Sekuriti Bursa:

(i) "Final By-Laws"; dan

(ii) Resolusi yang diluluskan oleh para pemegang saham KPJ pada mesyuarat agong luar biasa KPJ yang diadakan pada 25 November 2014.

Pada 13 Mac 2015, KPJ telah menyiapkan terbitan 17,509,000 saham biasa baru bernilai RM0.50 setiap satu dalam KPJ pada harga terbitan iaitu RM3.64 setiap terbitan saham yang mewakili kira-kira 62.53% daripada jumlah Saham Terbitan yang boleh didapatkan di bawah Terbitan Terhad. Oleh itu, Terbitan Terhad telah dianggap selesai.

(f) Pada 18 Mac 2015, Hospital Pakar Seremban Sdn Bhd ("SSHSB"), syarikat anak milik penuh KPJ telah menandatangani perjanjian jual beli dengan AmanahRaya Trustee Berhad, iaitu pemegang amanah REIT Al-'Aqar Healthcare (Al-'Aqar" atau "Pemegang Amanah" atau "Pembeli"), untuk melupuskan sebidang tanah pegangan bebas di Seremban, Negeri Sembilan ("Tanah SSH") kepada Al-'Aqar untuk pertimbangan tunai sebanyak RM4.25 juta ("SSH SPA") atas terma-terma dan syarat-syarat SSH SPA ("Cadangan Pelupusan").

Sebagai syarat kepada Cadangan Pelupusan, SSHSB akan membuat satu perjanjian pajakan tambahan dengan Pemegang Amanah dan Damansara REIT Managers Sdn Berhad, iaitu merupakan pengurus Al-'Aqar ("DRMSB" atau "Pengurus"), untuk pajakan Tanah SSH kepada SSHSB ("Perjanjian Pajakan Tambahan SSH") atas terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui antara pihak-pihak tersebut seperti di atas ("Cadangan Pajakan Balik"). Perjanjian Pajakan Tambahan SSH akan menambah perjanjian pajakan bertarikh 12 Disember 2012 yang ditandatangani antara SSHSB, Pemegang Amanah dan DRMSB untuk pajakan Hartanah Sedia ada bagi tempoh jangka pajakan kedua (sebagaimana yang ditakrifkan di dalam ini) kepada SSHSB ("Perjanjian Pajakan Sedia ada SSH").

Cadangan pelupusan dijangka akan disempurnakan pada suku ketiga tahun 2015.

**7. Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar")**

(a) Pada 8 Ogos 2012, Al-'Aqar telah mengumumkan cadangan untuk membeli dua bidang tanah, kedua-duanya terletak di bandar Johor Bahru, daripada Puteri Specialist Hospital (Johor) Sdn Bhd ("PSHSB"), anak syarikat KPJ Healthcare Berhad ("KPJ"). Tanah-tanah tersebut terletak bersebelahan dengan tanah Al-'Aqar, di mana hospital PSHSB didirikan. Cadangan ini telah diluluskan oleh para pemegang saham KPJ pada EGM pada 29 November 2012.

Pengambilalihan ini telah diselesaikan pada 18 November 2014.

(b) Pada 28 Februari 2014, Al-'Aqar diwakili oleh pemegang amanahnya, AmanahRaya Trustees Berhad ("Pemegang Amanah" atau "Penjual"), telah memeterai perjanjian jual beli dengan Smart Wheels Intelligence Sdn Bhd ("Pembeli") untuk menjual tanah pegangan bebas yang dibina dengan pembangunan komersial bersepadu yang terdiri daripada dua puluh tujuh (27) tingkat hotel ("Hotel Selesa") dan tiga puluh satu (31) tingkat blok pejabat ("Metropolis Tower") (secara kolektif, yang disebut sebagai ("Selesa Tower")) ("SPA") dengan pertimbangan pelupusan RM112 juta ("Pertimbangan Pelupusan") dan seterusnya telah mengumumkan cadangan itu.

Pada 3 September 2014, Al-'Aqar telah mengumumkan penamatan SPA, kerana kegagalan Pembeli untuk menyelesaikan Pembayaran Baki Pertimbangan.

**8. Langsat Marine Terminal ("Langsat")**

Pada 30 September 2014, Langsat memeterai perjanjian pajakan semula dengan pihak ketiga bagi pajakan tanah yang dikenali sebagai PLO 210, terletak di Mukim Sg. Tiram, Daerah Johor Bahru seluas kira-kira 3 ekar untuk tempoh pajakan 30 tahun untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM5,238,080.

## 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

**9. TPM Technopark Sdn Bhd ("TPM")**

Pada 1 Jun 2014, TPM telah memeterai Perjanjian Pembatalan dengan Johor Corporation yang mengakibatkan penamatan Perjanjian Hak Pembangunan ("DRA") bertarikh 1 Jun 2013 dan Perjanjian Tambahan ("SA") berhubung dengan DRA bertarikh 31 Disember 2013.

Mereka telah bersetuju untuk saling membatalkan DRA dan SA dan membebaskan serta melepaskan satu sama lain daripada obligasi masing-masing di bawah perjanjian. Urusniaga yang diambil kira dalam tahun kewangan terdahulu telah dibalikkan semula dalam tahun kewangan semasa berkuatkuasa dari tarikh Perjanjian Pembatalan.

**10. JSEDC Properties Sdn Bhd ("JSEDC")**

Pada 22 Ogos 2014, syarikat anak milik penuh Johor Corporation, JSEDC ("Penjual") telah memeterai Perjanjian Jualan Saham ("SSA") dengan sesama Syarikat Anak, Johor Land Berhad ("JLand" atau "Pembeli") berkenaan dengan pelupusan 100% kepentingan ekuiti ("Penjualan Saham") dalam syarikat anak JSEDC, Bandar Baru Majidee Development Sdn Bhd ("BBMD") kepada JLand untuk pertimbangan sebanyak RM70.0 juta.

Penjualan saham tersebut adalah seperti berikut:

(i) 28.5 juta bernilai RM1.00 setiap satu yang mewakili 45.33% daripada modal terbitan dan modal saham berbayar BBMD; dan

(ii) 34.5 juta saham keutamaan bernilai RM1.00 setiap satu yang mewakili 54.67% daripada modal saham terbitan dan berbayar BBMD

Pada 31 Disember 2013, kedua-dua pihak bersetuju dan mengakui bahawa terdapat jumlah terhutang oleh BBMD kepada JSEDC dan Johor Corporation sebanyak RM13.0 juta dan RM62.5 juta. Ia akan dibayar oleh JLand secara ansuran mengikut jadual yang dilampirkan di dalam SSA sehingga 30 Januari 2017.

SSA ini telah diselesaikan pada tahun semasa.

## 42. PERBANDINGAN ANGKA

Pembentangan dan klasifikasi butiran dalam penyata kewangan tahun semasa adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali bagi;

(i) Pengelasan semula daripada operasi dihentikan dan pelupusan dalam kumpulan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan seperti yang dinyatakan di dalam Nota 12.

(ii) Jumlah perbandingan tertentu yang telah dikelaskan semula untuk disesuaikan dengan pembentangan tahun semasa seperti dinyatakan dalam jadual di bawah.

| | Seperti dilaporkan sebelumnya RM | Klasifikasi semula RM | Dinyatakan semula RM |
|---|---|---|---|
| **Pada 31 Disember 2013** | | | |
| Harta, loji dan kelengkapan | 8,629 | 2 | 8,631 |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu | 293 | (8) | 285 |
| Aset tidak zahir | 410 | (2) | 408 |
| Pemiutang | (1,939) | 8 | (1,931) |
| Kos jualan | (3,117) | 55 | (3,062) |
| Perbelanjaan pentadbiran | (904) | (55) | (959) |

## 43. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN UNTUK DITERBITKAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah mendapat kelulusan untuk diterbitkan selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah pada 17 Mac 2015.

# SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

| Nama Syarikat | Kegiatan Utama | Negara diperbadankan | Kepentingan Efektif Kumpulan 2014 % | Kepentingan Efektif Kumpulan 2013 % |
|---|---|---|---|---|
| **1 BISNES ASAS** | | | | |
| **A MINYAK SAWIT** | | | | |
| **SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF** | | | | |
| Dami Australia Pty Ltd | Penanaman kelapa sawit, kelapa dan pembiakan lembu | Australia | 27.99 | 27.10 |
| EPA Management Sdn Bhd | Pemegang pelaburan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan dan perunding perladangan | Malaysia | 55.16 | 55.34 |
| Kula Palm Oil Limited | Penanaman dan pemprosesan kelapa sawit | Papua New Guinea | 22.39 | 21.68 |
| Kulim (Malaysia) Berhad # | Perladangan kelapa sawit, pemegang pelaburan dan hartanah | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| Kulim Energy Sdn Bhd | Pemegang pelaburan dan perladangan kelapa sawit | Malaysia | 45.73 | 55.34 |
| Kulim Plantations (Malaysia) Sdn Bhd | Perladangan kelapa sawit | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| Kumpulan Bertam Plantations Berhad | Perladangan kelapa sawit | Malaysia | 54.01 | 52.29 |
| Mahamurni Plantations Sdn Bhd | Perladangan kelapa sawit | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| New Britain Nominees Limited | Beroperasi sebagai entiti undang-undang bagi pemilikan saham New Britain Palm Oil Ltd | Papua New Guinea | 27.99 | 27.10 |
| New Britain Oils Limited | Kilang penapis | United Kingdom | 27.99 | 27.10 |
| New Britain Palm Oil Limited $ | Perladangan kelapa sawit | Papua New Guinea | 27.99 | 27.10 |
| New Britain Plantation Services Pte Ltd | Penjualan tunas biji sawit | Singapura | 27.99 | 27.10 |
| Plantation Contracting Services Limited | Kontrak kerja-kerja tanah dan projek pembuatan jalan | Papua New Guinea | 27.99 | 27.10 |
| Poliamba Ltd | Penanaman kelapa sawit | Papua New Guinea | 22.39 | 21.68 |
| Pristine Bay Sdn Bhd | Pemegang pelaburan | Malaysia | 29.15 | 77.22 |
| PT Trimitra Kulim Agro Persada | Perkhidmatan pengurusan | Indonesia | 57.16 | 55.34 |

# SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

| Nama Syarikat | Kegiatan Utama | Negara diperbadankan | Kepentingan Efektif Kumpulan 2014 % | Kepentingan Efektif Kumpulan 2013 % |
|---|---|---|---|---|
| **1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)** | | | | |
| **A MINYAK SAWIT (SAMBUNGAN)** | | | | |
| **SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)** | | | | |
| Ramu Agri-Industries Limited | Penanaman kelapa sawit, tebu dan pengeluar lain-lain hasil pertanian | Papua New Guinea | 27.99 | 27.10 |
| Guadalcanal Plains Palm Oil Limited | Beroperasi sebagai entiti undang-undang bagi New Britain Palm Oil Ltd | Solomon Islands | 22.39 | 21.68 |
| Kulim Livestock Sdn Bhd | Pembiakan dan jualan lembu | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| JTP Trading Sdn Bhd | Perdagangan buah-buahan tropika | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| KCW Hardware Sdn Bhd | Pembekal perkakasan | Malaysia | 42.87 | 41.51 |
| KCW Kulim Marine Services Sdn Bhd | Penyelenggaraan marin | Malaysia | 42.87 | 41.51 |
| Kulim Topplant Sdn Bhd | Pengeluaran klon kelapa sawit | Malaysia | 34.30 | 33.20 |
| Selai Sdn Bhd | Perladangan kelapa sawit | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| SIM Manufacturing Sdn Bhd | Pengilang dan wakil penjual pelbagai jenis produk getah dan barangan yang diperbuat daripada getah | Malaysia | 51.44 | 49.81 |
| The Secret of Secret Garden Sdn Bhd | Pemasaran dan perniagaan barangan penjagaan peribadi | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| Ulu Tiram Manufacturing Company (Malaysia) Sdn Bhd | Perladangan kelapa sawit | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| United Malayan Agricultural Corporation Berhad | Perladangan kelapa sawit | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| Cita Tani Sdn Bhd | Penanaman rumput napier | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| Kulim Safety Training and Services Sdn Bhd | Perkhidmatan dan latihan OSHA | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| Nexsol (Malaysia) Sdn Bhd | Pengilang biodiesel (Pelupusan pada 3 Disember 2014) | Malaysia | - | 55.34 |
| Panquest Ventures Limited | Perkhidmatan pengurusan dan pemegang pelaburan | British Virgin Island | 57.16 | 55.34 |
| Pembangunan Mahamurni Sdn Bhd | Pemegang pelaburan | Malaysia | 57.16 | 55.34 |

# SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

| Nama Syarikat | Kegiatan Utama | Negara diperbadankan | Kepentingan Efektif Kumpulan 2014 % | Kepentingan Efektif Kumpulan 2013 % |
|---|---|---|---|---|
| **1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)** | | | | |
| **A MINYAK SAWIT (SAMBUNGAN)** | | | | |
| **SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)** | | | | |
| Danamin (M) Sdn Bhd | Membekalkan perkhidmatan ujian anti kerosakan dan menjalankan kerja-kerja kejuruteraan elektrik untuk industri minyak dan gas marin, bahan kimia dan pembinaan | Malaysia | 34.30 | 33.20 |
| Kulim Energy Nusantara Sdn Bhd | Pegangan pelaburan | Malaysia | 57.16 | - |
| Asia Economic Development Fund Limited | Pelaburan dan syarikat induk | Hong Kong | 30.99 | - |
| PT Wisesa Inspirasi Nusantara | Industri minyak dan gas | Indonesia | 42.30 | - |
| **SYARIKAT-SYARIKAT DORMAN** | | | | |
| Dumpu Limited | Pemegang hartanah | Papua New Guinea | 27.99 | 27.10 |
| DQ In Sdn Bhd | Membekalkan pekerja bagi kejuruteraan dan elektrik untuk industri kejuruteraan, marin, dan menjalankan kerja-kerja kejuruteraan elektrik | Malaysia | 54.30 | 33.20 |
| XCot Tech Sdn Bhd | Kejuruteraan dan perekaan | Malaysia | 34.30 | 33.20 |
| EPA Futures Sdn Bhd | Broker komoditi | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| JTP Montel Sdn Bhd | Penanaman pisang | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| KCW Electrical Sdn Bhd | Perkhidmatan Pemasangan Elektrik | Malaysia | 42.87 | 41.51 |
| KCW Roadworks Sdn Bhd | Dorman | Malaysia | 42.87 | 41.51 |
| Skellerup Foam Products (Malaysia) Sdn Bhd | Pengilang produk getah "lapik permaidani" | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| Skellerup Industries (Malaysia) Sdn Bhd | Syarikat induk dan pengilangan produk getah | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| Skellerup Latex Products (M) Sdn Bhd | Pengilang produk getah | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| QSR Brands Bhd | Pemegang pelaburan | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| QSR Ventures Sdn Bhd | Pemegang pelaburan | Malaysia | 57.16 | 55.34 |
| Exquisite Livestock Sdn Bhd | Penternakan lembu komersial | Malaysia | 57.16 | 55.34 |

# SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT ANAK, SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DAN SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

| Nama Syarikat | Kegiatan Utama | Negara diperbadankan | Kepentingan Efektif Kumpulan 2014 % | Kepentingan Efektif Kumpulan 2013 % |
|---|---|---|---|---|
| **1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)** | | | | |
| **B HARTANAH** | | | | |
| **SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF** | | | | |
| Advance Development Sdn Bhd | Pemaju hartanah | Malaysia | 100.00 | 100.00 |
| DHealthcare Centre Sdn Bhd | Pembekal perkhidmatan kesihatan | Malaysia | 53.90 | 79.80 |
| Johor Land Berhad | Pemaju hartanah | Malaysia | 100.00 | 100.00 |
| Synthomer Sdn Bhd | Pemprosesan produk getah dan kimia | Malaysia | 30.07 | 30.07 |
| Pembinaan Prefab Sdn Bhd | Sewaan bangunan kilang | Malaysia | 100.00 | 100.00 |
| Bertam Properties Sdn Bhd | Pengurusan ladang | Malaysia | 20.00 | 20.00 |
